

U51 - 100

Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia

SIRI DIALOG PERADABAN
PENERBIT UNIVERSITI MALAYA

Encountering The Globalizing West
Hashim Hj. Musa

The Building of A Modern Turkish Civilization
Pauline Lim Meng Juak

Pembinaan Peradaban Ummah: Pendekatan Hasan al-Banna
Abu Sufian Ab. Ghani

14 JAN 2005

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

01153527

APB

Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia

Menghadapi Globalisasi Barat

Hashim Hj. Musa



Penerbit Universiti Malaya



Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya

Diterbitkan oleh
Penerbit Universiti Malaya
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
www.um.edu.my/umpress
dan
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

© Hashim Musa, 2004
Cetakan Pertama, 2004

Semua hak terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian jua
boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam bentuk yang boleh diperoleh semula
atau disiarkan dalam sebarang bentuk
dengan apa cara sekalipun
termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi,
rakaman atau sebaliknya tanpa
mendapat izin daripada Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Hashim Hj. Musa
Dialog peradaban: pemerksaan tamadun Melayu Malaysia:
menghadapi globalisasi barat/
Hashim Hj. Musa.
Bibliografi: ms. 241
ISBN 983-100-228-8
1. Civilization, Malays.
2. Civilization, Islamic.
3. Civilization, Malays—Foreign influences;
I. Judul
909.049923

M
909.049923

HAS


Dicetak oleh
Penerbit Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

*Buku ini didedikasikan dengan penuh kasih sayang kepada
Universiti Malaya dan seluruh warganya*

Di sini ku didewasakan
Di sini juga ku mendewasakan diri
Tiga dekad zaman berlari
Belaian kasih sahabat, teman yang disayangi
Kini selangkah lagi ku menghampiri
Pintu gerbang Alam Samadi
Diharap apalah kiranya
Wahai Tuhan yang Maha Penyayang
Pabila diri ini datang ke pangkuhan
Belaian kasih-Mu jua yang kuharapkan
Dengan irungan doa sanak saudara sahabat sekalian
Amin, ya Rabbal 'Alamin

Sahaya yang sangat mengharapkan Keraliman Ilahi

Hashim Hj. Musa



Kandungan

Penghargaan	ix
Pendahuluan	xi
Transliterasi	xv
1 Konsep dan Tipologi Tamadun	1
2 Naik Turun Tamadun Islam Sepantas Lalu	21
3 Pertumbuhan Tamadun Melayu Islam, Penjejasan dan Kemerosotannya	37
4 Merekonstruksi dan Memperkasa Kembali Tamadun Melayu	59
5 Agama Islam, Falsafah dan Pemikiran Melayu Sebagai Asas Pembinaan Tamadun Melayu Islam	109
6 Pertalian Tamadun India dan Cina dalam Bahasa, Kebudayaan dan Tamadun Melayu	135
7 Globalisasi dan Era Teknologi Maklumat: Cabaran ke atas Kewibawaan dan Martabat Bahasa Melayu	159
8 Isu dan Cabaran Terhadap Tamadun Melayu dan Pemerksaannya untuk Menjadi Asas Tamadun Malaysia Alaf Ketiga	185
9 Bahasa Melayu: Asas Solidariti dan Penjanaan Sumber Daya Tenaga Rakyat Jelata Malaysia Menangkis Globalisasi Tamadun Barat	209
10 Strategi Membangunkan Tamadun Malaysia: Perspektif Tamadun Melayu-Islam	223
Rujukan	241



Penghargaan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
خَمْدَهُ وَنَصْلَى عَلَى رَسُولِهِ الْكَرِيمِ


Penulis dengan rasa penuh terhutang budi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada sahabat Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya Prof. Dr Azizan Baharuddin dan stafnya yang telah mengambil daya usaha dan tindakan untuk menerbitkan buku ini. Juga penghargaan ditujukan kepada Jabatan Penerbitan Universiti Malaya yang telah melakukan segala kerja dalam proses penerbitannya.

Kepada Universiti Malaya, Yang Berbahagia Naib Canselor Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob sekalungan bunga tahniah dan penghargaan yang setingginya di atas segala sokongan. Yang Berbahagia Sahabat bekas Naib Canselor Prof. Dato' Dr Anuar Zaini Mohd Zain dan Sahabat bekas Timbalan Naib Canselor Akademik Yang Berbahagia Prof. Dato' Ir Dr Mashkuri Hj Yaacob yang terlibat secara langsung dalam segala aktiviti dialog peradaban, penghargaan yang istimewa ditujukan kepada mereka.

Juga penghargaan ditujukan kepada Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr Osman Bakar, bekas Timbalan Naib Canselor Akademik Universiti Malaya, yang terlibat secara langsung dalam penubuhan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan segala kegiatan pada peringkat awalnya.

Penghargaan juga ditujukan kepada Akademi Pengajian Melayu, bekas Pengaruhnya Allahyarham Prof. Dr Norazit Selat dan sahabat-sahabat saya dan semua stafnya, di atas kerjasama dan jalinan persahabatan mereka yang begitu akrab, sehingga terbina suasana bekerja yang amat menyegarkan.

Namun apapun yang dirancang dan diusahakan oleh manusia, pada hakikatnya Allah jua yang memenuhi dan menyempurnakan segala-segalanya. Oleh itu pujian dan penghargaan yang tertinggi bagi Allah semata-mata.



Pendahuluan

Buku ini ditulis dengan hasrat untuk mencetuskan kewujudan suasana dialog antara budaya dan peradaban secara terbuka dan penuh beretika. Suasana dialog antara budaya dan peradaban yang terbuka, telus dan penuh kesopanan sebenarnya sudah mencapai ke tahap keperluan yang kritikal kini.

Kemunculan Abad ke-21 atau Alaf Ketiga kini, telah menyaksikan persengketan antara umat manusia umumnya daripada kumpulan budaya dan peradaban yang berbeza-beza. Sekurang-kurangnya 12 kawasan konflik berdarah antara budaya dan tamadun boleh dikenalpasti di dunia kini, iaitu:

1. Di Timur Tengah konflik berdarah khususnya Israel, Palestin, Lubnan, dan lain-lain, antara tiga kumpulan agama keturunan Nabi Ibrahim iaitu Yahudi, Islam dan Kristian yang sudah berlanjutan setengah abad dan mengorbankan ribuan jiwa, dan kini dengan melonjaknya keganasan risiko meletusnya peperangan amatlah besar
2. Di Ireland, konflik berdarah antara pemeluk agama Kristian daripada Mazhab Katholik dan Protestan
3. Di Eropah Timur, Eropah Tenggara dan Rusia-Chechnya antara pemeluk agama Kristian Orthodoks dengan Islam
4. Di Sudan dan di Indonesia antara pemeluk agama Kristian dan Islam
5. Di Kashmir antara pemeluk agama Hindu dan Islam
6. Di Sri Lanka antara pemeluk agama Hindu dan Buddha
7. Di Armenia-Azerbaijan antara pemeluk agama Kristian dan Islam
8. Di antara India dan Pakistan antara pemeluk agama Hindu dan Islam
9. Pemusnahan bangunan World Trade Centre (WTC) New York pada 11 September, 2001 yang dituduh dilakukan oleh kumpulan ekstremis Muslim dari kumpulan al-Qaeda
10. Pengeboman balas habis-habisan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan yang dituduh melindungi kumpulan al-Qaeda, iaitu

antara tamadun Kristian dengan pemeluk agama Islam yang terjelas dengan seruan pemimpin Barat sebagai "a crusade against terrorism", sambil menggemburkan balik semangat Perang Salib antara Kristian dan Islam

11. Rusuhan ganas berdarah di India yang sering berlaku (yang terakhir di Gujerat) antara pemeluk agama Hindu dan Islam
12. serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang dituduh memiliki senjata pemusnah besar-besaran.

Menyedari hakikat betapa pentingnya dialog antara peradaban dan kajian tentangnya dilakukan dengan kadar yang segera, maka Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui UNESCO telah mengisytiharkan tahun 2001 sebagai "United Nations' Year of Dialogue Among Civilizations". Namun sesudah hampir dua tahun berlalu, nampaknya tidak banyak tindakan dan kemajuan pada peringkat antarabangsa sehingga kini.

Namun, Universiti Malaya sebelum pengisytiharan itu, telah mengambil inisiatif julung-julung kali di kalangan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia untuk menubuhkan sebuah Pusat Dialog Peradaban pada tahun 1997, dan telah mengadakan dua persidangan dialog peradaban peringkat antarabangsa, demi menginstitusikan pengajian peradaban dan dialog peradaban dan menyebarluaskan pengajian peradaban dan amalan serta falsafah dialog peradaban di Malaysia dan seluruh dunia. Selain itu Universiti Malaya juga telah mengadakan Kursus Universiti yang wajib diikuti oleh semua pelajar Universiti Malaya iaitu kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) pada peringkat Sarjana Muda, dan juga menawarkan program pengajian pada peringkat Sarjana Sastera iaitu Pengajian Peradaban.

Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) yang dijalankan di Universiti Malaya bertujuan untuk memenuhi 10 objektif berikut:

- (i) untuk menyemai dan memupuk persefahaman tulen dan sikap saling menghormati di kalangan rakyat pelbagai agama, keturunan bangsa dan budaya di negara ini, khususnya di kalangan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara demi perpaduan dan keutuhan negara, masa kini dan akan datang
- (ii) untuk memperkuuh falsafah dan cara hidup Malaysia yang dicapai melalui musyawarah dan ijmak (*consultation and consensus*)
- (iii) untuk memperkuuh jati diri Malaysia sebagai negara majmuk yang mengamalkan toleransi yang tinggi
- (iv) untuk memupuk nilai-nilai universal di kalangan rakyat Malaysia

- (v) untuk melahirkan para siswazah yang berfikiran luas dan berpandangan sejagat selaras dengan peranan global negara Malaysia kini dan akan datang
- (iv) untuk melahirkan bangsa Malaysia yang berperadaban tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni
- (vii) untuk memantapkan penghayatan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia
- (viii) untuk melengkapkan bakal pewaris kepimpinan negara dengan ilmu yang membolehkan mereka memahami dan menghadapi pergolakan dunia dan cabaran global semasa
- (ix) untuk membantu melahirkan masyarakat madani dalam erti kata yang sebenarnya
- (x) untuk memajukan ilmu sains peradaban demi kemajuan ilmu pengetahuan seluruhnya

Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia ketika melancarkan buku teks *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* karangan sekumpulan pensyarah Universiti Malaya pada 14 Mac, 2002, telah menyarankan kaedah pengajaran kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini berdasarkan beberapa strategi demi pencapaian 10 objektif tersebut, iaitu:

- (a) menekankan dengan sejelas-jelasnya bahawa manusia secara fitrahnya dijadikan Tuhan dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza-beza, dan kita semua mesti menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu, sebagai lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku
- (b) menekankan hakikat bahawa kepelbagaian dan perbezaan itu bukan faktor untuk kita berpecah-belah dan bermusuh-musuhan, tetapi seperti yang dianjurkan oleh Tuhan dalam al-Quran (Surah 49:13) supaya kita kenal-mengenali dan bantu-membantu antara satu dengan lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai
- (c) menyemai, memupuk dan melestarikan beberapa unsur sepunya di kalangan rakyat Malaysia demi perpaduan, pengukuhan dan keperkasaan negara bangsa dan tamadun Malaysia yang kita cintai, iaitu pertama; bahasa Melayu sebagai alat komunikasi dan interaksi sepunya, dan kedua; prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai asas jati diri rakyat dan bangsa Malaysia
- (d) mengelakkan sama sekali unsur-unsur “ekstremisme, dogmatisme, cauvinisme, fanatisisme, prasangka dan mengherdik budaya lain”; sebaliknya mengamalkan prinsip keseimbangan,

kesederhanaan, toleransi, berbaik sangka dan hormat sesama budaya.

Seterusnya beliau menyimpulkan bahawa amat jelas cita-cita murni yang menjadi matlamat kursus ini jika dicapai, boleh menanam kefahaman dan penghayatan sejati tentang pelbagai tamadun utama dunia di kalangan generasi muda. Dengan demikian, akan menjadi pemangkin pula kepada pembinaan sebuah masyarakat Malaysia yang berperadaban tinggi dan sanggup memperjuangkan nilai-nilai ketamadunan universal yang luhur dan murni.

Atas dasar menyahut seruan dan harapan demikianlah, buku ini disaji kepada bangsaku warganegara Malaysia khususnya dan umat manusia sejagat umumnya.

Buku ini merupakan himpunan daripada kertas kerja dan artikel penulis yang telah dibentangkan dalam pelbagai seminar dan persidangan yang berkaitan dengan pengajian ketamadunan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa sejak tahun 2000.

Empat artikel iaitu dalam Bab 1, 2, 3 dan 4 merupakan perluasan daripada *Syarahan Perdana* penulis yang dibentangkan pada 30 Januari, 2001 bagi pengukuhan Jawatan Profesor di Universiti Malaya.

Bab 5 adalah peluasan daripada kertas kerja yang dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu* 24-25 Ogos, 2000, di Kuala Lumpur, anjuran bersama Universiti Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Bab 6 pula ialah kertas kerja dalam *Seminar Kebangsaan Tamadun Islam dan Tamadun Asia* 7-8 Ogos, 2000, di Shah Alam, anjuran Universiti Teknologi Mara. Bab 7 merupakan penyesuaian kertas kerja dalam *Ceramah Temasik ke-9 Sempena Bulan Bahasa Melayu 2000 Singapura* pada 19 Ogos, 2000, di Singapura, anjuran Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura. Bab 8 ialah kertas kerja dalam *Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia: Isu dan Cabaran Abad ke-21*, 22-24 Jun, 2001, di Hotel Hilton Petaling Jaya, anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya. Bab 9 ialah kertas kerja dalam *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Pemikiran Melayu* 18-19 Jun, 2002 anjuran Akademi Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Bab 10 ialah kertas kerja dalam *Seminar Nilai-Nilai Peradaban dan Wawasan 2020*, 29-30 Julai, 2002 di Kuala Lumpur, anjuran Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia.

Transliterasi

Huruf Arab	Transliterasi	Vokal Pendek	
ب	b	á	
ت	t	ú	
ث	th	i	
ج	j	Vokal Panjang	
ه	h	á	
خ	kh	ú	
د	d	í	
ذ	dh	í	
ر	r	Diftong	
ز	z		
س	s	aw	
ش	sh	ay	
ص	s	iy	
ض	d		
ط	t	uwu	
ع	z		
ف	gh		
ل	f		
ك	q		
م	k		
ن	l		
ه	m		
و	n		
ة	h		
ي	w		
ة	y		
ة	t		



Konsep dan Tipologi Tamadun

Konsep dan Istilah Tamadun

Istilah "tamadun" berasal daripada perkataan Arab *tamaddun* yang bererti kehalusan budi bahasa dan kesopanan tingkah laku, yang berpunca daripada kata kerja *maddana* yang bererti memperhalus budi bahasa dan memperelok tingkah laku dan juga bererti membuka atau membuat bandar. Daripada perkataan itu terbit perkataan *madinah* bererti bandar, dan perkataan "madana" bererti bersifat halus dan beradab sopan dalam budi bahasa dan tingkah laku, dari situ juga lahir kata adjektif *madani* bererti yang berkelakuan seperti orang bandar yang bersifat halus dalam budi bahasa dan beradab sopan dalam tingkah laku (*urbane, civilised, and refined*). Istilah "tamadun" juga boleh dihubungkan dengan istilah Arab *hadharah* yang bermaksud diam di bandar, tahu adab sopan dan manis tingkah laku.

Ibn Khaldun menggunakan istilah '*umran*' yang bermaksud kemakmuran, kemajuan atau kawasan yang makmur iaitu daripada kata kerja '*amara*' bermaksud mendiami sesuatu tempat dan memakmurkan atau mengimarahkannya dengan kemajuan dan keamanan. Tamadun juga boleh bertukar ganti dengan istilah "peradaban" (daripada perkataan "adab") yang membawa maksud keadaan serta tahap kemajuan dalam kehidupan jasmani, rohani dan material bagi sesuatu bangsa atau masyarakat.

Istilah tamadun juga boleh disamakan dengan istilah *civilization* dalam bahasa Inggeris, yang berasal daripada perkataan Latin *civitas* yang bermaksud bandar/kota. Istilah *civilization* dalam bahasa Inggeris mengandungi sekurang-kurangnya tiga makna: (1) *a relatively high level of cultural and technological development*, (2) *the culture characteristic of a particular time or place*, (3) *the process of being civilized or a refinement of manners, thought and taste or a situation of urban comfort* (*Merriam-Webster's Collegiate Dictionary*, 1996).

Kesimpulannya, istilah "tamadun" boleh ditakrifkan sebagai sejumlah pencapaian dan pemerolehan dalam segala perlakuan, pemikiran dan penciptaan yang baik, halus, sopan dan santun bagi pembentukan peribadi, akhlak, tatasusila, adab, tingkah laku dan budi bahasa yang mulia bagi individu dan juga sesuatu kelompok manusia, yang membentuk sebuah masyarakat atau negara bangsa.

Pengkonsepsian tamadun sedemikian mempunyai keselarasan yang rapat dengan apa yang pernah ditegaskan oleh Dr. Albert Schweitzer (yang juga dihuraikan dalam Bab 2 (2.5)), iaitu:

Civilization is the sum total of all progress made by mankind in every sphere of action and every point of view, in so far as this progress is serviceable for spiritual perfecting of individual and the community (Schweitzer, 1955:vii).

Konsep tamadun bukan sahaja boleh dikaitkan dengan masyarakat atau negara bangsa atau wilayah tertentu tetapi boleh juga mencakupi seluruh umat manusia sejagat jika ciri-ciri yang dominan dalam sesebuah tamadun itu merebak secara global mendominasi seluruh dunia. Namun sering kali ditanggapi bahawa adanya beberapa tamadun negara bangsa yang berbeza-beza yang dihubungkan dengan lokasi wilayah negara bangsa itu, jika terdapat ciri-ciri dominan tamadun yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Ciri-ciri Asas Tamadun dan Perbezaannya dengan budaya

Cara bagaimana sesebuah masyarakat bertindak ke atas alam persekitaran iaitu secara fizikal dan sosial untuk menguruskan penghidupan mereka secara kolektif, akan melahirkan ciri-ciri budayanya. Namun ada perbezaan antara konsep budaya dengan konsep tamadun dan antara masyarakat yang berbudaya dengan masyarakat yang bertamadun. Masyarakat yang berbudaya primitif, biadab (*barbaric*), berpindah randah (*nomadic*) bahkan masyarakat petani yang bertaburan (*dispersed agrarian*) tidak boleh dianggap sebagai masyarakat yang bertamadun. Ada beberapa ciri asas yang harus ada untuk mencetuskan sesebuah budaya masyarakat memperoleh status tamadun.

Ciri-ciri asas tamadun yang utama ialah

- (i) penempatan manusia di suatu atau beberapa pusat perbandaran yang disatukan (madinah/metropolis)
- (ii) hayat penghidupan stabil yang agak panjang
- (iii) wujudnya organisasi dan institusi sosial dalam bidang politik, ekonomi, sosialisasi dan pendidikan yang teratur dan berwibawa
- (iv) adanya satu bahasa atau beberapa bahasa serumpun yang menjadi pengungkap dan pengantar segala kegiatan ketamadunan dengan sistem tulisannya yang cekap demi perakaman, penyampaian, pendidikan dan pewarisannya

- (v) adanya undang-undang, norma dan ethos yang teratur dan berwibawa, dan
- (vi) lahir serta meningkatnya daya produktiviti, kreativiti dan pemikiran falsafah, etika, moral dan metafizik atau keagamaan, sains, teknologi, dan juga kekreatifan seni tersendiri yang membolehkan masyarakat itu mengatasi sebahagian besar daripada permasalahan dan memenuhi tuntutan yang berkaitan dengan penyaraan, pendidikan, kebajikan, pertahanan, keselamatan, kesejahteraan, rekreasi dan segala gelagat penghidupan bersama dalam alam persekitaran sosial dan fizikalnya.

Ringkasnya tamadun boleh dilihat sebagai pencapaian bentuk budaya tinggi. Namun dalam perkembangan sesebuah tamadun terdapat tahap-tahap peningkatannya yang boleh diukur berdasarkan pencapaian fizikal dan intelektual. Pencapaian fizikal boleh dilihat dari segi penubuhan sebuah kerajaan atau empayar yang membesar melalui penggabungan beberapa pusat perbandaran yang berdekatan, perluasan sempadan ataupun melalui penaklukan.

Pencapaian intelektualnya boleh dilihat dari segi penemuan fikiran yang baharu sama ada secara pemerolehan mahupun melalui ilham/wahu misalnya kemunculan tamadun Islam ataupun penemuan, penyuburan dan pentafsiran kembali fikiran lama yang membawa perubahan sistem falsafah, pemikiran, sains dan teknologi yang berwibawa dan bertentara seperti yang berlaku dalam *renaissance* Barat.

Tipologi Tamadun Manusia

Seperti yang dinyatakan, sesebuah tamadun berbeza dengan tamadun lain, dan mengikut Lucien Goldmann (1955, *The Hidden God*, dipetik oleh Braudel, 1993:16) unsur utama yang menjadi pembezanya ialah pandangan alam semesta atau "view of the world" yang mendasari setiap tamadun itu. Pandangan alam semesta didefinisikan oleh Schweitzer sebagai:

The sum total of the thoughts which the community or the individual think about the nature and purpose of the universe and about the place and destiny of mankind within the world (*Op cit*: vi).

Syed Muhammad Naquib al-Attas pula menghuraikan pandangan semesta Islam dalam kesimpulan berikut (1995:1-5):

The worldview of Islam encompasses both *al-dunya* and *al-akhira*, in which the *dunya*-aspect must be related in a profound and inseparable way to the *akhira*-aspect, and in which the *akhira*-aspect has ultimate and final significance... Worldview, according to the perspective of Islam, is the vision of reality and truth that appears before our mind's eye revealing what existence is all about, for it is the world of existence in totality that Islam is projecting. (Pandangan semesta Islam merangkumi alam dunia dan alam akhirat (aspek dunia merupakan persediaan bagi aspek akhirat yang muktamad dan terakhir) iaitu pandangan tentang realiti (hakikat) dan kebenaran (hak) yang terjelma kepada mata hati kita mengenai seluruh realiti kewujudan kerana keseluruhan kewujudan demikianlah yang dikemukakan oleh Islam).

Berdasarkan konsep pandangan semesta begitu kita boleh membahagikan tamadun manusia secara tipologi kepada lima jenis yang utama seperti yang dilakukan oleh sarjana Islam Sayyed Abul Hasan Ali Nadwi (1980:44) dengan tambahan tamadun berdasarkan ideologi budaya atau agama dan tamadun berdasarkan wilayah geografi, iaitu:

- (a) tamadun materialistik
- (b) tamadun intelektual
- (c) tamadun mistik
- (d) tamadun berasaskan wahyu
- (e) tamadun berasaskan ideologi budaya, nasionalisme, agama dan wilayah geografi

Pembahagian sedemikian tidak mengandaikan wujudnya petak-petak berasingan yang tersendiri terdapat pertindihan unsur-unsur, misalnya tamadun materialistik merangkumi juga unsur-unsur tamadun intelektual dan tamadun mistik, dan sebaliknya. Namun dalam keadaan yang bertindihan tersebut, sesuatu tamadun itu masih menampakkan unsur dominannya kerana secara keseluruhannya ia diwarnai oleh pandangan semesta utamanya iaitu sama ada materialistik atau intelektual atau mistik atau berasaskan wahyu ataupun ideologi budaya, nasionalisme atau agama tertentu.

Tamadun berdasarkan ideologi budaya termasuklah tamadun demokratik, komunis/totalitarian, monarki dan diktator militeri. Tamadun berdasarkan nasionalisme termasuklah tamadun Arab, China, Jepun dan Korea, manakala tamadun berdasarkan ideologi agama

termasuklah tamadun Hindu, Buddha, Kristian Orthodoks, Kristian Katholik, Kristian Protestan dan Judaisme. Tamadun berasaskan wilayah geografi termasuklah tamadun Barat, tamadun Afrika dan tamadun Amerika Latin.

Dalam tulisan ini hanya empat jenis tamadun iaitu yang berasaskan pandangan semesta atau “worldview” akan dihuraikan dengan terperinci, iaitu tamadun materialistik, intelektual, mistik dan wahyu dengan mengambil tamadun Melayu Islam sebagai contoh tamadun berasaskan nasionalisme-wahyu.

Tamadun Materialistik

Tamadun ini melihat dunia dan segala yang wujud hanya terhad kepada apa yang mempunyai jisim/material dan menanganinya berdasarkan apa yang dapat ditanggapi oleh deria yang lima atau pancaindera serta dapat dikesan dan diukur melalui alat-alat sains dan teknologi semata-mata. Sesuatu yang tidak dapat dikesan oleh deria dan juga alat-alat sains dan teknologi (yang sebenarnya merupakan alat-alat pembantu kepada penanggapan pancaindera sahaja), tidak boleh dianggap sebagai wujud, benar, logikal dan sah.

Akibatnya tidak akan lahir kepercayaan dan keyakinan kepada sesuatu kuasa atau kewujudan yang di luar daripada tanggapan pancaindera, misalnya kepercayaan kepada wujudnya Tuhan, kehidupan sesudah mati dan pembalasan pada hari akhirat sebagai destinasi manusia yang muktamad seperti yang diajukan oleh agama wahyu. Ini disebabkan semua itu tidak dapat dikesan oleh deria, alat-alat sains dan teknologi, dan dengan demikian tidak logik dan tidak rasional. Sebagai implikasi daripada penafian terhadap hidup sesudah mati, tamadun materialistik ini menjadikan kehidupan dunia sebagai matlamat terakhirnya. Keadaan tersebut menjadikan segala daya usaha, daya pemikiran dan intelek, tenaga, penggunaan masa dan eksloitasi segala sumber alam yang digunakan sepenuhnya untuk memenuhi matlamat kehidupan dunia ini semata-mata, sebagai suatu usaha dan kerja yang tidak boleh disangkal lagi dari segi logik, kebenaran dan kewarasannya fikiran.

Cara berfikir dan bertindak sedemikian melahirkan pula falsafah sekularisme (daripada bahasa Latin *saeculum* bermaksud masa ini dan tempat ini iaitu dunia ini sahaja), untuk memenuhi “instant sensual gratification” iaitu kepuasan hawa nafsu semasa kehidupan di dunia ini semata-mata. Ia juga melahirkan falsafah humanisme yang meletakkan fikiran manusia sebagai lokus atau pusat segala pertimbangan, keputusan dan pembebasan daripada sebarang autoriti

agama. Ia juga melahirkan aliran falsafah pragmatisme dengan pendirian bahawa sesuatu yang baik dan benar adalah yang membawa kepada manfaat yang praktikal dan pencapaian matlamat bagi sesuatu itu mewajarkan segala bentuk tindakan ke arahnya (*the end justifies the means*).

Oleh yang demikian dalam tahap awal tamadun materialistik, dorongan segala tindak tanduk manusia bukan berdasarkan nilai moral yang mulia tetapi kepentingan diri sendiri dan rasa tamak haloba. Kemudian setelah tamadun berkembang, keperluan hidup bermasyarakat menuntut supaya perlakuan dan tindak tanduk ditentukan oleh satu macam konsep etika dan moral, tetapi masih bermatlamat untuk memenuhi keseronokan atau kelazatan hawa nafsu yang rendah dan segera. Pada tahap yang lebih tinggi tamadun materialistik merubah idealnya iaitu daripada hanya untuk memenuhi kepuasan hawa nafsu yang rendah, nilai dominannya berubah kepada konsep utiliti iaitu keperluan memenuhi faedah atau kegunaan tertentu yang dianggap lebih tinggi dan mulia misalnya untuk memenuhi ideologi sosiopolitik tertentu (nasionalisme, sosialisme, komunisme, fasisme, kolonialisme, liberalisme, etnosentrisme dan lain-lain), ataupun untuk status sosial, dominasi kuasa, kekayaan, pengaruh dan sebagainya. Namun ianya masih lagi ditandai oleh sifat mementingkan diri sendiri, tamak, licik dan egois, dan sering dimanifestasikan melalui tabiat menunjuk-nunjuk dan membanggakan kedudukan, kepunyaan dan kejayaan diri sendiri.

Akibat yang lumrah daripada sikap dan cara hidup begitu ialah pengagungan pencapaian kebendaan, kekuasaan dan kedudukan mengatasi prinsip, akhlak, moral, etika, pegangan akidah dan agama. Seseorang atau sebuah masyarakat yang mengamalkan sikap dan pendirian hidup yang sedemikian senantiasa sanggup berkompromi dan menyesuaikan diri dengan sebarang sistem iaitu menampakkan keupayaan mengadaptasikan diri yang lincah mengikut suasana yang berubah-ubah. Mereka sanggup berpaling tадah daripada organisasi mereka atau ketua mereka dan melompat daripada satu parti ke parti lain ataupun rujuk kembali kepada yang asal, asalkan di situ terdapat peluang dan keuntungan baginya. Bahkan dalam bentuk yang ekstrem mereka sanggup bekerja bagi sebarang ideologi, berperang di bawah sebarang bendera, membunuh dan terbunuh untuk sebarang perjuangan asalkan mereka dapat atau ada jangkaan mengaut keuntungan daripadanya.

Dalam tamadun materialistik-sensist demikian, kehidupan diperkaya dan diperenak menjadi amat menarik. Kualiti hidup yang tinggi dikaitkan dengan pemerolehan segala peralatan dan prasarana

yang menggemburkan keenakan pancaindera dan hawa nafsu; indah, seronok dan cantik dipandang mata, merdu dan lunak didengari telinga, sedap dan lazat dikecapi lidah, ghairah dan memberahikan dari segi rasa dan sentuhan, bergaya, bersemangat, bersanjak dan kreatif dari segi pengucapan dan pengungkapan. Segala sumber material, tenaga, intelek dan masa dimobilisasikan semaksimumnya untuk menghasilkan ciptaan, peralatan, sistem dan organisasi bagi memenuhi tuntutan dan jangkaan kualiti hidup yang dianggap tinggi seperti itu.

Tamadun materialistik-sensist inilah yang paling banyak menyumbang kepada pembangunan dan kebaikan material manusia kerana ciri-cirinya memang dilengkapkan dengan segala kekuatan dan tenaga untuk kemajuan material. Ia telah menukar tanah lapang yang kering gersang menjadi ladang dan kebun yang subur, membina rangkaian perhubungan dan pengangkutan merentasi gunung-ganang, gunung, hutan, belantara, sungai dan lautan, membina bangunan dan monumen yang menggunakan kepandaian, daya kreatif akal budi serta keterampilan dan kebijaksanaan manusia sehingga kita menyangka iaany hasil daripada tamadun intelektual.

Namun hakikat yang sebenarnya ialah tamadun materialistik telah menguasai dan memperalatkan kebolehan intelek bagi memenuhi kerseronokan dan kepuasan pancaindera dan hawa nafsu semata-mata. Dalam sejarah manusia, tamadun materialistik-sensist yang paling tua dan paling banyak tumbuh, kerana paling cekap mamuaskan naluri dan nafsu manusia dan oleh itu paling mudah muncul, berkembang dan diterima secara meluas oleh majoriti manusia. Al-Quran ada menyebut beberapa negara bangsa yang mengamalkan tamadun materialistik-sensist demikian iaitu kaum 'Ad (Selatan Semenanjung Arab), kaum Thamud (Utara dan Barat Semenanjung Arab), kaum Nimrud dan kaum Nabi Lut yang semuanya mengalami kehancuran dan kemasnahan pada akhirnya.

Tamadun Mesir purba, Syria purba, Farsi purba, Yunani dan Romawi purba melambangkan tahap-tahap dalam zaman sejarah manusia yang melahirkan tamadun materialistik-sensist sebagai nilai dominannya. Kebudayaan Yunani-Romawi purba merupakan epitom atau contoh terunggul bagi tamadun materialistik-sensist, model bagi tamadun materialistik-sekular Barat kini.

Melalui proses Renaissance Eropah yang menurut para ilmuwan Barat dikatakan bermula di Itali pada abad ke-14 dan merebak ke Perancis pada abad ke-15 dan ke England dan Jerman pada abad ke-16, dan dikuti pula oleh proses *Enlightenment* abad ke-17 hingga ke-19, asas dominan tamadun materialistik-sensist Yunani-Romawi itu muncul dan merebak kembali ke seluruh Eropah yang seterusnya

mewarnai seluruh tamadun barat dewasa ini. Kata S. M. Naquib al-Attas (1978:34):

From the 17th to the 19th centuries the European Enlightenment was related to, and indeed a continuation of the Renaissance. This period was characterized by its zeal for materialization and secularization of the ideal man and the ideal society. Naturalist philosophers wrote on natural law, natural religion, and stressed humanity, freedom, liberty and justice. Their ideals turned to reality in America and served as the basic philosophy of independence. If renaissance means 'to be reborn', then enlightenment refers to Western man's 'coming of age' from the state of infancy in which his reason depend on the aid of others, but which is now realized as matured and fully fledged to lead on his own.

Di Barat, zaman yang berhasil daripada gerakan Renaissance dan Enlightenment Eropah itu secara popular dinamakan sebagai zaman moden yang ditandai oleh proses industrialisasi dan urbanisasi yang pesat dan meluas dengan tiga gagasan serangkai ideal yang iaitu "reason-science-progress". Leopold Weiss (Muhammad Asad) seorang sarjana Muslim Eropah berbangsa Austria, telah menghuraikan keadaan tamadun Barat sesudah mengalami proses Renaissance dan Enlightenment itu, seperti berikut:

The average Occidental - be he a Democrat or a Fascist, a Capitalist or a Bolshevik, a manual worker or an intellectual - knows only one positive "religion", and that is the worship of material progress, the belief that there is no other goal in life than to make that very life continually easier... The temples of this "religion" are gigantic factories, cinemas, chemical laboratories, dancing halls, hydro-electric works (stadiums, race-tracks and convention centres as new additions - penulis), and its priests are bankers, engineers, filmstars, captains of industry, record-airmen, (scientists, sportsmen, social forecasters and political leaders as new addition- penulis)... All virtues having a direct bearing upon the material welfare of society - for example technical efficiency, patriotism, national group-sense are being exalted and often absurdly exaggerated in their value, while virtues which, until recently, were valued from a purely ethical point of view, as, for example, filial love or sexual fidelity, rapidly lose their importance - because they do not confer a tangible, material benefit upon society... The fundamental tendency of both Western Capitalism and Communism [is] to surrender the spiritual individuality of man and his ethics to the purely material requirements of a collective machinery called "society".... The only possible conclusion is, that a civilisation of this kind must be a deadly poison for any

culture based on religious values.... Western civilisation does not strictly deny God, but has simply no room and no use for Him in its present intellectual system (1934/75:46-60).

Seperti juga ditegaskan lagi oleh Abul Hassan Ali Nadwi, iaitu:

The whole of Europe [and the Western civilisation] has, indeed, not renounced religion. A great part of it still professes Christianity; Church services are attended on Sundays, Christian rites and functions are held with considerable pomp and show in the whole of Europe, many traces of Christian traditions are still visible, yet, the religion of Europe is nothing but materialism (*Op cit*:65).

Melalui proses penjajahan politik kuasa-kuasa Barat selama hampir 500 tahun ke seluruh Dunia Baru, Afrika dan sebahagian besar Asia dan juga Australasia, iaitu bermula pada penghujung abad ke-15 dan berakhir pada pertengahan abad ke-20, dan sesudah itu diikuti pula oleh dominasi budaya, pendidikan, sains, teknologi dan ekonomi Barat, tamadun materialistik-sensist itu merebak ke seluruh dunia. Tidak syak lagi sebahagian besar daripada apa yang dikatakan proses globalisasi sekarang adalah pencejagatan unsur-unsur tamadun materialistik-sensist yang diuraikan di atas.

Tamadun Intelektual

Tamadun ini mempunyai ciri asasnya yang mengutamakan penggunaan akal (*ratio/mind*) dan taakulan (*rationality/reasoning*) dalam menentukan sama ada sesuatu itu benar, sah dan dapat diterima, dengan demikian ianya dianggap sebagai paling rasional dan saintifik. Sesuatu perkara itu tidak akan diterima sebagai sah dan benar sebelum ianya dinilai dan dipertimbangkan oleh akal dan intelek. Mengikut pegangan ahli falsafah moden Barat, intelek ialah kebolehan mental (*mental abilities*) yang selalunya dibezakan daripada perasaan, emosi, persepsi dan naluri (*instinct*). Kebolehan intelek ialah kemampuan untuk menganalisis, menghubung kait, mensintesis, mentertib dan mensistem, mengabstraksi, mencipta dan memperoleh ilmu pengetahuan tentang perkara, keadaan dan kejadian yang dialami dalam alam kewujudan ini. Intelek demikian dihubungkan dengan fungsi korteks otak (lihat Gregory, R.L. (ed.), 1987:375-378). Tamadun Barat dewasa ini mengikut pandangan etnosentrik Barat, ialah tamadun intelektual *par-excellence* yang pernah dicipta oleh manusia kerana nilai dominan dalam pandangan semestanya ialah penggunaan

intelek dan pentaakulan yang membawa hasil yang paling rasional dan saintifik dalam sejarah manusia. Bahkan mengikut Francis Fukuyama sejarah perkembangan masyarakat manusia sampai ke kemuncaknya dalam bentuk "liberal democracy, free-market capitalism" dan "modern natural science" seperti yang dicapai oleh Barat kini, dan oleh itu telah sampai kepada penghujung sejarah perkembangan manusia. Tegas beliau:

Liberal democracy may constitute the end point of mankind's ideological evolution and the final form of human government and as such constituted the end of history (Fukuyama, 1993:xi).

Dalam nada dan ragam yang sama juga Samuel Huntington menyuarakan ketinggian dan keunggulan (*superiority*) tamadun Barat kini yang semestinya mempengaruhi dan menguasai corak dan unsur tamadun manusia secara sejagat dalam satu gelombang yang dinamakan sebagai *the vast third wave of democratization*, seperti berikut:

These events [the vast third wave of democratization that had began fifteen years earlier in southern Europe, and then moved on to Latin America and Asia] generated a swelling tide of euphoria that a global democratic revolution was underway, that liberal democracy was destined soon to triumph globally everywhere, that history was at an end, and that, as Frank Fukuyama put it, we could be approaching "the end point" of man's ideological evolution and the universalization of Western liberal democracy as the final form of human government (S. Huntington, 1995:2).

Ada dua kelemahan paling asas dan paling serius yang menjelaskan dan memusnahkan pendapat etnosentrik Barat yang mendakwa bahawa tamadun Barat kini sebagai paling rasional, intelektual dan saintifik.

Pertama ialah konsep intelek yang dipegang oleh para pemikir Barat, sebagai kebolehan akal atau mental yang dibatasi hanya kepada perkara, kejadian dan keadaan yang dapat ditanggapi oleh persepsi manusia iaitu hanya apa yang dapat dilihat, didengar dan difahami melalui pengalaman manusia semata-mata (*able to be heard, seen and understood by man through his experience*). Apa sahaja yang di luar tanggapan persepsi manusia ditolak dan dianggap sebagai tidak benar dan tidak rasional, seperti yang ditegaskan oleh Dr. Herold Hoffdring yang mengulas pegangan Leonardo da Vinci (1452-1519) ahli fikir, pengukir, arkitek, jurutera dan pelukis Itali yang terkenal itu, seperti berikut:

...The result of our knowledge can only acquire perfect certainty by means of the employment of mathematics. Wisdom is the daughter of experience and it is therefore also the product of time. Leonardo rejects all speculations which find no confirmation in experience, the common mother of all sciences (Harold Hoffdring, 1924:165).

Sifat manusia yang dianggap memiliki keupayaan intelek seperti itu tidak banyak berbeza dengan haiwan; perbezaan hanya dari segi derjah bukan dari segi unsurnya. Manusia yang dilihat sedemikian hanya mempunyai unsur fizikal/jasmani semata-mata, yang berlegar dan bergerak di sekitar perkara-perkara konkret yang ditanggapi pancaindera dan pengalaman semata-mata. Ini samalah seperti juga haiwan kosong daripada unsur rohaniah yang luhur dan kudus, perasaan akhlak yang mulia, denyutan hati dan kalbu yang murni dan pencapaian ilham atau intuisi yang halus dan tinggi yang boleh membawa kepada pengetahuan tentang hakikat wujud yang lebih tinggi. Semua itu sesungguhnya merupakan hakikat kejadian dan sifat manusia sebenarnya.

Oleh itu apa yang dianggap oleh Barat sebagai asas intelek, akal dan pentaakulan yang mendasari tamadun Barat dewasa ini yang dengan demikian meletakkannya sebagai tamadun intelektual dan saintifik *par-excellence*, tidak lain tidak bukan merupakan tamadun materialistik-sensist semata-mata, kerana fungsi dan tugas intelek demikian dihadkan untuk menanggapi benda, perkara, kejadian, dan keadaan yang dapat dipersepsikan oleh pancaindera dan pengalaman bersifat materialistik-sensist semata-mata. Apa yang bersifat transendental dan wujud secara metafizikal yang hanya boleh ditanggapi oleh fakulti intelek yang bersifat rohaniah, ditolak oleh tamadun materialistik-sensist ini sebagai tidak logik, tidak rasional dan tidak sah.

Oleh yang demikian tamadun Barat dewasa ini sebagai satu "social order" atau penyusunan kelompok masyarakat manusia, telah menjadi amat mengelirukan dan memperdayakan. Melalui propagandanya yang halus, meluas dan agresif, dan dengan kekuatan ekonomi, penyebarannya, ketangkasan dan kelincinannya, kecanggihan alat teknologi dan jenteranya dan tidak kurang juga keangkuhan etnosentriknya, mereka telah berjaya meyakinkan kebanyakan umat manusia bahawa tamadun Barat kini ialah sebuah tamadun yang paling rasional, saintifik dan intelektual dalam sejarah manusia dan nilai-nilai "liberal democracy", "freemarket capitalism" dan "modern natural sciences" itu adalah yang paling sah dan absah (*valid and*

justified) untuk disebarluaskan dan ditegakkan secara global di seluruh permukaan alam ini.

Namun hakikat sebenarnya, tamadun Barat kini tidak lain daripada hasil yang terbit daripada penentangan pandangan materialistik-sensist dan utilitarian terhadap intelektualisme dan spiritualisme, dan pencapaian mereka tidak lain daripada kemenangan kebendaan mengatasi intelek, fizikal mengatasi rohani dan pengalaman mengatasi kepercayaan dan keyakinan.

Kelemahan yang kedua daripada andaian tentang tamadun intelektual ialah sebenarnya pentaakulan dan intelek semata-mata tidak pernah menjadi asas dan punca bagi sebarang tamadun dalam sejarah manusia. Bahkan dalam banyak perkara, intelek dan pentaakulan timbul kemudian daripada timbulnya unsur-unsur tamadun yang berupa adat, tabiat, kepercayaan dan tahuyl yang terbit daripada perasaan, emosi, anggapan, rangsangan dan sangkaan yang mendahului akal. Sesudah itu barulah intelek dan pentaakulan digunakan untuk menerima atau menolaknya.

Tidak kurang pula kejadian pentaakulan dan daya intelek digunakan untuk menyokong dan merasionalisasikan unsur-unsur warisan tamadun yang sebenarnya tidak rasional. Ini berlaku misalnya dalam tamadun Yunani-Romawi Purba dengan sistem hamba abdi, pesta-pesta lucah, pelacuran dan kekejaman serta keganasan perlawanan galadiatornya; tamadun Hindu India dengan amalan *suttee* (pembakaran janda bersama mayat suaminya) dan pewujudan sistem kasta, tamadun Barat moden dengan pelbagai agenda mereka yang amat tidak rasional antaranya penindasan dan eksplotasi yang kejam dalam zaman imperialisme selama hampir 500 tahun, diskriminasi kaum dan etnik yang membuaikan sistem Aparthied di Afrika Selatan, pengabdian dan diskriminasi kaum kulit hitam di Amerika Syarikat; kemunculan fahaman Neo-Nazi di Eropah dan pembersihan etnik yang dahsyat di Serbia; dan penggunaan tipu muslihat, sabotaj, penekanan ekonomi dan juga diplomatik atau politik antarabangsa oleh blok Barat untuk memaksa penerimaan sistem liberal demokrasi bagi negaraneutral yang tidak dianggap demokratik, semuanya cuba dirasionalisasikan oleh sesetengah golongan "intelek" bangsa atau tamadun berkenaan untuk menjustifikasikan asas kewujudannya.

Kesimpulannya, tamadun yang bersifat intelektual sebagai unsur asasnya iaitu yang hanya menggunakan kriteria pentaakulan dan rasionaliti dan menolak ciri-ciri perasaan, emosi, anggapan, andaian, kepercayaan dan tahuyl, dalam menentukan sesuatu perkara atau kejadian itu sama ada benar atau dapat diterima atau tidak, sebenarnya tidak pernah wujud dalam sejarah manusia. Begitu juga dakwaan blok Barat bahawa tamadun mereka ialah tamadun

intelektual dan rasional *par-excellence* juga tidak dapat diterima. Bahkan tamadun Barat kini sebenarnya tamadun materialistik-sensist *par-excellence*, seperti yang ditegaskan oleh Abul Hassan Nadwi:

European philosophers, scholars, social scientists and ethicists began their crusade against intellectualism in the seventeenth century. They declared that anything which cannot be experimented, measured, weighed or counted is not acceptable, and abiding by the same standard, believed that nothing is moral if it has no utility. They sought a rational elaboration of pure perception in order to propound a new theory of cosmology completely divorced of transcendental, superhuman and metaphysical reality. They deny any power save matter and motion and dubbed the spiritual explanation of cosmic phenomena as essentially irrational and untenable. They propounded the theory of mechanical or natural causation, which in their view was the only intelligible and scientific explanation of the cosmic order. Every other explanation, thought and discourse was rejected as irrational or unscientific with the result that gradually pragmatism, natural selection (evolutionism) and utilitarianism came to have its sway over the entire field of human life. The new doctrine thus animated the entire human existence, leaving not untouched its remote corner-the recesses of mind and heart-and accepted utility and pragmatic experience as the cornerstone of social, political, economic and social life (Abul Hasan Ali Nadwi, *Op cit.* 1980:62).

Namun kini, tamadun Barat dengan gagasan modenisasi tiga serangkainya "reason-science-progress" sedang mengalami krisis kecurigaan diri (*self-doubt*) yang dahsyat. Segala impian dan wawasan yang indah tentang kemajuan, pembangunan, kedamaian, kegembiraan dan kesenangan bagi kebanyakan manusia menjadi meleset dan tidak kesampaian. Sebaliknya gerakan modenisme membawa pelbagai kedurjanaan dan kesengsaraan, antaranya kesesakan, kekotoran dan pencemaran kota raya (setinggan, rumah pangsa, kedai dan kilang yang padat dan hodoh, sampah yang busuk, habuk, kesesakan lalu lintas, pemerasan, pencurian, pembunuhan, perkosaan, dan pelacuran), masalah sosial (perpecahan keluarga, perceraian, perzinaan, kebebasan pergaulan dan kes juvana, pornografi, pengguguran dan kelahiran anak haram, ketagihan dadah dan alkohol, tekanan jiwa dan ketidaksiuman, membunuh diri dan sebagainya), pemusnahan alam sekitar, merebaknya pelbagai penyakit seperti AIDS.

Albert Schweitzer pernah juga memberi amaran kepada masyarakat Barat tentang kedurjanaan yang akan menimpa mereka melalui ciri-ciri hidup yang materialistik-sensist ini:

The disastrous feature of our (Western) civilization is that it is far more developed materially than spiritually... in our enthusiasm over progress in knowledge and power we have arrived at a defective conception of civilization itself... We value too highly its material achievements, and no longer keep in mind as vividly as is necessary the importance of spiritual element in life... A civilization that develops only its material side, and not in correspondence measure in the sphere of the spirit, is like ship with defective steering gear which gets out of control at a constantly accelerating pace, and thereby heads for catastrophe (A. Schweitzer, 1923/55, *Op cit.* 1-2).

Perasaan kecurigaan dan keresahan demikian dinyatakan dengan lebih ketara lagi oleh Arthur Schlesinger, Profesor Sejarah di City University of New York, iaitu:

Today at the end of this century, we looked back through the century's lurid twilight and recall instead bitter years of war and revolution, of violence, atrocities and terror, of new and savage form of political tyranny and human oppression – a century that abundantly illustrates the depravity of man, the cruelty of institutions, the impotence of reform, the power of irrationality; a century that as it nears its end, even inspires the gravest forebodings about the survival of the human race itself (Arthur Schlesinger, J.R., 1984:11).

Kritik dan kecaman terhadap kegagalan tamadun Barat untuk membawa keamanan, kemajuan dan pembangunan yang sebenar kepada manusia menjadi wacana perbahasan yang lumrah dewasa ini, dan tidak lagi boleh dianggap sebagai suatu sikap anti-Barat kerana pengkritiknya datang bukan sahaja daripada Timur tetapi daripada Barat sendiri. Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Anwar Ibrahim, semasa menerima Ijazah Honorary Doctorate in Humane Letters daripada Ateneo de Manila University, Filipina, pada tahun 1996, berkata:

Not so long ago, all the world was under the spell of the modern West. But today the spell has been broken, and its moral and political ideas are no longer perceived as the universal criteria of civility and progress. If today one is more likely to hear about the failures and shortcomings of the secular West than its strength, and warnings about its evil rather than kind words about its virtues, it should not be taken as anti-Western xenophobia at work. For the debate on Western values has become the dominant cultural discourse of our time, having been preceeded by

sustained and devastating critique of the Enlightenment the very substratum of the modern West, by its leading thinkers. They are disenchanted with reason and modernity and they attribute the malaise of their society - moral decadence, rising crimes, and the disintegration of the family institution to the fatal mistake of the Enlightenment thinkers in exalting human reason as the sole guide of civilization (*New Straits Times*, Monday, July 15, 1996:10).

Perasaan kekacauan dan kecurigaan terhadap tamadun sekularistik-materialistik Barat kini yang dirasai oleh ahli-ahli fikir Barat sendiri, telah membawa gagasan dan pendirian baru di Barat iaitu apa yang dinamakan sebagai pascamodenisme atau *postmodernism*. Gagasan ini merupakan pendirian yang melihat keadaan kemelesetan dan kehampaan daripada gerakan modenisasi Barat. Gerakan modenisme tidak dapat membawa kemajuan, pembangunan dan kebahagiaan yang sebenarnya kepada manusia. Bahkan apa yang dibawa oleh modenisme ialah seperti yang disebut oleh David Lyon (1994:28):

In the world of production Marx found [in modernism] exploiting capitalists and exploited workers... Durkheim noted a profound sense of unease, uncertainty of how to go on among those affected by the new divisions of labour... Weber feared that rationalization would eventually crush the human spirit, walling it in behind bars of bureaucratic iron cage. Simel sensed that the society of strangers would produce new social isolation and fragmentations (p.28)... Durkheim [argued] this anomie [as a result of isolation and fragmentations] was pathological, possibly to the point of suicide (p.30). By the later twentieth century, when reality caught up with these social scientific premonitions, modernity [or modernism] was seen as a mess. In fact to many observers, things seem to be worse than their forebears' fears. Perhaps modernity was creating its own death (pp. 29-29). The outcome [of modernity] is nihilism, with its many faces: helplessness, complacency, ethical questioning... (p. 71).

Tamadun Mistik

Tamadun mistik boleh ditanggapi sebagai antitesis kepada tamadun materialistik-sensist. Tamadun ini cuba memusnahkan sama sekali hakikat kewujudan jirim dan jisim atau *matter or physical body* serta menolak sama sekali tuntutan dan keberahan nafsu badaniah yang dianggap hanya membawa kepada noda, dosa dan kedurjanaan, seperti tamadun materialistik-sensist menolak sama sekali hakikat kewujudan unsur rohaniah yang luhur dan kudus dan kewujudan hati dan kalbu yang

boleh menerima ilham dan hidayat bagi memahami hakikat wujud yang transcendental yang merentasi alam fizikal ini.

Tamadun mistik melihat roh sebagai unsur yang terperangkap dalam badan manusia yang tertahan daripada peningkatan dan kemajuan dalam pergerakan menuju ke arah kewujudan yang tinggi dan bersatu dalam Kewujudan Tuhan Yang Kudus. Dalam pandangan demikian, roh tidak akan mencapai ke maqam itu selagi sangkar badannya tidak dilemahkan dan dimusnahkan. Juga segala keseronokan dan kelazatan badaniah dianggap sebagai kecelakaan yang amat besar kepada manusia kerana menjadikan roh terpaut dengan kelazatan dan keseronokan nafsu syahwat yang akan melemahkan sifat kemurnian dan kesucian roh dan melunturkan kekudusannya. Roh yang terjebak dengan segala urusan, permasalahan dan kmelut nafsu syahwat dan runtunan badaniah, tidak akan dapat menembusi alam wujud yang luhur dan suci dan meningkat ke maqam tinggi yang kudus.

Semua agama dan ketertiban moral yang mempunyai pandangan mistik demikian menganjurkan cara hidup kerahiban (*asceticism*) yang menekankan kefanaan diri, hidup membujang, penolakan segala macam keseronokan dan kepuasan nafsu sebagai disiplin adab dan akhlak. Cara hidup yang demikian tentu sekali membawa kepada ketidakpedulian, penafian dan penolakan secara sengaja terhadap segala kehendak dan keperluan badaniah. Kehidupan di dunia dengan segala macam pengurusan hidup dan tanggungjawab serta perhubungan sosial untuk memenuhi keperluan jasad dan badan secara individu dan kelompok dianggap sebagai beban dan rintangan dalam usaha untuk mencapai kemajuan rohani, yang membawa kepada pandangan bahawa dunia ini penuh dengan noda dan kedurjanaan yang perlu dielak dan dijauhi secara total. Demikianlah apa yang berlaku di Eropah pada Zaman Kegelapan sekitar abad ketiga iaitu sesudah kejatuhan tamadun Romawi purba.

Gerakan monastisisme dan kerahiban agama Kristian dikatakan telah dimulakan oleh St. Anthony seorang Padri Koptik sekitar tahun 285, yang telah berkelana ke padang pasir Mesir untuk hidup sebagai rahib dengan segala amalan asetik yang menafikan segala tuntutan dan runtunan kehendak nafsu dan badaniah. Contohnya itu diikuti oleh paderi dan pengikut Kristian lain yang kemudiannya berkumpul untuk membentuk kumpulan-kumpulan yang seterusnya dalam abad keempat membina monastri, bermula di Levant dan Syria. Dari situ idea dan sistem tersebut merebak ke barat Mediterranean. Dalam abad keenam iaitu pada tahun 529, seorang rahib berbangsa Itali bernama St. Benedict telah memasukkan unsur kerja seperti berladang, menternak dan lain-lain dalam sistem monastri untuk penyaraan hidup

mereka, di samping segala latihan penafian lonjakan nafsu badaniah, hidup membujang, berdoa dan bermunajat kepada Tuhan serta amalan-amalan rohaniah yang lain. Sistem ini merebak ke seluruh dunia Barat, dan Monastri St. Benedict tumbuh di segenap pelosok Eropah sebagai pusat pendakwah mengkristiankan suku bangsa pagan terutama sekali di Jerman dan England (J. M. Roberts, 1995:299-300).

Tentang kedahsyatan penghidupan bangsa Eropah akibat daripada tamadun mistik-asetik kerahiban yang menafikan dan menekankan segala tuntutan dan kehendak badaniah, Abul Hasan Ali Nadwi dengan memetik huraian yang dibuat oleh W. E. H. Lecky dalam *The History of European Morals* (1855), menyatakan:

Marriage was considered a sin, women worldly scourge, relationship with the fair sex an impediment in the way of spiritual development... Learned theologians openly preached celibacy and illustrious monks and priests took pride in abducting children from their homes in order to train them in far off desert monasteries. Numerous examples of hideous and atrocious self torture practiced by saints and monks... monks lived in caves abandoned by wild beasts, dried up wells and graveyards, doned tunics of long hair, crawled on all fours like animals, ate grass... such was the sickly state of the Age which numbed humanity and paralysed civilization in the Medieval Europe... [Abul Hasan Ali Nadwi further added that] the reaction against this tyranical gloom of decadent civilization was inevitable but not unnatural. While spiritualism and monasticism were finally thrown overboard in the nineteenth century, modern Europe hastened to materialism as irresistible as a starving man falls on the food. The materialism of Europe was the revenge of suffering humanity against the atrocities that it had to undergo for centuries together at the hands of clergy and monks. But it was another aberration human nature and nobody can say which of the two [monasticism and materialism] would be more crushing, monstrous and ruthless for the humanity (Abul Hasan Ali Nadwi, 1980:70-71).

Zaman kini ciri-ciri tamadun mistik-asetik ini muncul dalam bentuk neo-mistikisme misalnya gerakan Hari Krisyna di Barat, nouveau-sufisme yang merentasi agama, *transcendental meditation*, dan sebagainya.

Tamadun Berasaskan Wahyu

Tamadun yang berasaskan wahyu, khususnya yang masih mengekalkan kemurnian wahyu kini iaitu tamadun Islam, mempunyai

pandangan semesta dan unsur-unsur asas yang dominan amat berbeza dengan tamadun-tamadun yang bersifat meterialistik-sensist, intelektual dan mistik, tetapi dengan tidak menafikan bahawa unsur-unsur itu mungkin wujud dalam tamadun berasaskan wahyu sebagai unsur pelengkap. Dalam kata lain dalam tamadun yang berasaskan wahyu ada elemen yang memenuhi kehendak nafsu badaniah, ada elemen yang menggunakan intelek, rasional dan pentaakulan dan ada elemen yang bersifat mistik dan kerohanian. Namun tidak ada materialisme atau sensualisme *per se*, tidak ada intelektualisme atau rasionalisme *per se* dan tidak ada mistisisme atau spiritualisme *per se*, ataupun situasi satu daripadanya mendominasi yang lain. Malah ianya mengkombinasikan ketiga-tiga itu secara seimbang dan saksama seperti yang tersirat dalam doa yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya kita membacanya iaitu *fi d-dunia hasanatan wa fi l-akhirati hasanatan wa kina 'azaba n-nar'*... "di dunia baik dan di akhirat juga baik, dan diselamatkan dari azab neraka".

Perkara yang membezakan sama sekali tamadun berasaskan wahyu daripada tamadun lain ialah pandangan semestanya yang boleh disimpulkan, dengan berpandukan tulisan Abul Hasan Ali Nadwi (1980:93-114), seperti berikut:

1. bahawa alam ini bukannya kejadian semula jadi yang tiada penciptanya dan bukan juga kerajaan yang ditadbirkan oleh sekumpulan dewa-dewa, tetapi ianya dicipta oleh Pencipta yang Maha Esa, Pemilik, Pentadbir, Pemula, Pengakhir, Pemelihara dan Penggubal dan Pelaksana peraturan kewujudan alam yang merupakan hukum alam ciptaan Allah (sunnatullah), dan juga peraturan kehidupan manusia (hukum syariat) yang apabila dipatuhi oleh semua manusia berasaskan kebebasan memilihnya, maka keseimbangan, ketenteraman, keadilan, kesejahteraan akan wujud.

Daya usaha berasaskan intelek dan rasional akan berganding dengan pemerolehan kalbu dan roh melalui wahyu dan ilham, untuk membentuk binaan masyarakat manusia seperti yang ditegaskan oleh Abul Hasan Ali Nadwi (1980:95) "*the psychic, moral and spiritual realms of human life concord with the scientific truths of the physical order of cosmos... making both of them meaningful.*" Ini adalah konsep tauhid.

2. hakikat bahawa manusia akan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti di atas segala tidak tanduknya dalam kehidupan dunia ini, akan mempengaruhi dan mengolah seluruh sikap dan nilai

kehidupan manusia, iaitu konsep kebebasan individu tanpa had akan dilentur dan diganti oleh rasa tanggungjawab sepenuhnya. Keinsafan bahawa kehidupan di dunia ini hanya sementara dan akhirat ialah tempat kembalinya yang kekal dan bahwasanya kesejahteraan akhirat itu bergantung kepada corak penghidupan di dunia ini, akan menyemaikan nilai moral dan akhlak yang kukuh dan padu. Ini merupakan konsep akauntabiliti yang muktamad.

3. keyakinan sepenuhnya kepada Tuhan dan kepercayaan bahawa segala amalan dan perbuatan baik yang mematuhi hukum alam dan hukum syariah ciptaan Tuhan pasti mendapat balasan yang baik di dunia dan di akhirat, akan menjadikan perbuatan dan tingkah laku seseorang itu senantiasa menuju kepada kebaikan dan kemanfaatan dan mengelakkan diri daripada pembaziran dan pemusnahan.
4. menghormati maruah dan martabat kemanusiaan yang akan mengelakkan diri daripada perbuatan yang zalim, kasar, rakus, hina dan menekan manusia yang lain untuk kepentingan diri sendiri.
5. keadilan dan kesaksamaan tanpa kompromi sama ada untuk kepentingan diri atau kumpulan, dan tanpa diskriminasi antara manusia atas dasar bangsa, warna kulit, budaya dan keturunan, yang akan membawaikan penyatuan umat manusia sejagat atas dasar *ummatan wahidatan* (umat manusia global).
6. amalan dan corak penghidupan yang seimbang dan pertengahan iaitu kombinasi tuntutan kehendak nafsu badaniah dengan penggapaihan dan kerinduan jiwa dan roh kepada sumber kejadiannya yang luhur dan kudus berdasarkan akhlak dan kod etika syariah yang tetap, dan penggembangan daya usaha dan kreativiti intelek dan akal yang rasional dan saintifik dengan pengilhaman hati dan kalbu yang transcendental dan kudus. Asas yang menjadi panduan kepada segala tindak tanduk, amal dan perbuatan manusia ialah hukum Tuhan yang menjadi paksi mutlak yang tidak akan luntur dan berubah melalui perubahan masa dan zaman.

Pandangan semesta demikian telah mencetuskan pembentukan sebuah tamadun Islam yang mempunyai faktor asasnya terpancar daripada diri Rasulullah s.a.w. sendiri iaitu sifat, sikap, nilai, akhlak, niat,

matlamat, misi dan visi hidup, pemikiran, ilmu pengetahuan dan seluruh tindak tanduk dan perlakuan hidup baginda sebagai *uswatan hasanah* atau contoh teladan yang baik yang disemai dan dipupuk pula ke dalam diri kalangan para sahabatnya selama 13 tahun di Makkah dan 10 tahun di Madinah.

Seterusnya para sahabat Rasullah itu telah menyemai dan memupuk pula sifat-sifat itu ke dalam diri para pengikut mereka iaitu *tābi’ūn*, dan para *tābi’ūn* itu pula menyemai dan memupuk sifat-sifat itu ke dalam kalangan para pengikut mereka pula iaitu *tābi’u tābi’īn*. Inilah generasi pertama Islam yang telah diisytiharkan oleh al-Quran sebagai yang terulung dalam Islam yang terdiri daripada kaum *Muhajir* atau penghijrah, *Ansar* atau pembantu dan juga mereka yang menurut jejak langkah kedua-dua golongan itu dengan baik. Merekalah yang telah mendapat kejayaan dan kemenangan yang gemilang:

(Maksud al-Quran): Dan mereka yang terunggul/terkedepan adalah dari kalangan muhajirin dan ansur dan orang-orang yang menurut mereka itu dengan baik, Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia. Allah menyediakan untuk mereka itu syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka itu kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.

(Surah al-Taubah:100)

Asas kecemerlangan ini tidak syak lagi ialah kualiti dan hakikat kemanusiaan yang ada di dalam diri mereka masing-masing yang berupaya membentuk pula sebuah masyarakat dan negara yang baik yang dinaungi rahmat Ilahi.

Tamadun Berasaskan Ideologi Budaya, Nasionalisme, Agama, Wilayah Geografi

Selain daripada pandangan semesta sebagai asas penggolongan tamadun, kriteria ideologi budaya, politik, nasionalisme dan agama dan juga rantau geografi telah digunakan untuk menggolongkan tamadun, seperti yang dibuat oleh S. Huntington (1996). Contohnya, tamadun Ortodoks Kristian, tamadun Hindu, tamadun Buddha, tamadun Islam (ideologi agama), tamadun China, tamadun Jepun (nasionalisme), tamadun Barat, tamadun Amerika Latin dan tamadun Afrika (rantau geografi) (lihat S. Huntington, 1996, untuk perbincangan lanjut).

Naik Turun Tamadun Islam Sepintas Lalu

Teori Kebangkitan dan Kemerosotan Tamadun Islam

Gagasan atau idea utama dalam penelitian tentang kebangkitan, kejatuhan dan kebangkitan kembali tamadun Islam ini, berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Dr. Akbar S. Ahmad (1988:31) seorang bekas Profesor di Cambridge University dan bekas Menteri di Pakistan, yang menegaskan bahawa jatuh bangun tamadun Islam bukan secara kitaran seperti pendapat Ibn Khaldun iaitu permulaan, perkembangan, kemuncak dan menurun kemudian naik kembali. Juga, ianya bukan sebagai rentetan sejarah yang linear iaitu permulaan, perkembangan, kemuncak kemudian menurun dan berakhir dengan kemusnahan dan kehancuran, seperti yang dipegang oleh ramai para pemuka dan pengkaji sejarah tamadun manusia misalnya Bernard Lewis (1993), Spengler (1926-1928), Quigley (1961), Melko (1969), dan Toynbee (1934-1961, 1948), yang disimpulkan oleh S. Huntington (1996:44), seperti berikut: *"All these theories see civilizations evolving through time of troubles to a universal state to decay and disintegration"*. Teori linear ini juga ditegaskan, mengikut Akbar Ahmad oleh Imam Khomeini terhadap tamadun Islam bahawa *"Unfortunately true Islam lasted for only a brief period after its inception. The Umayyads and then the Abbasids inflicted all kinds of damage on Islam."* (petikan Akbar Ahmad, 1988:30).

Sebaliknya mengikut Akbar S. Ahmad, sejarah tamadun Islam boleh dilihat sebagai alunan yang menaik dan menurun (*a rhythm, a flux and reflux, rise and fall, peaks and troughs... Islam disintegrating in one place, reviving in another, fading here, growing there; but Islam always a factor, a force providing dynamics to society*). Berdasarkan pendapat ini kemuncak zaman tamadun Islam ialah pada zaman generasi awalnya seperti yang disebutkan dalam al-Quran (maksudnya):

Dan mereka yang terunggul ialah daripada kalangan para penghijrah, para ansar (pembantu) dan yang mengikuti mereka itu dengan baik. Allah reda akan mereka dan mereka reda akan Allah, dan untuk mereka Allah menyediakan syurga-syurga yang

mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar.

(Surah al-Taubah:100)

Akbar Ahmad mengutarakan sebuah hadis untuk mengukuhkan hujahnya tentang keunggulan generasi awal Islam itu, iaitu "Yang terbaik daripada kalangan umatku ialah generasiku kemudian mereka yang mengikutinya dan yang mengikuti sesudah itu". Kemudian perlahan-lahan tamadun Islam menurun tetapi kemudian menaik sedikit dan kembali mendatar pula. Seterusnya menurun dan merendah seperti lembah, kemudian menaik lagi dan seterusnya menurun pula, dan begitulah seterusnya.

Pandangan Akbar Ahmad ini melihat tamadun Islam sebagai satu kontinum iaitu bermula dari zaman generasi pertama Islam sehingga zaman kini. Oleh yang demikian ia kelihatan sebagai satu alunan yang naik turun daripada kemuncaknya pada zaman generasi awal itu kemudian menurun dari segi penurunan kualiti dan nilai akhlak dan etika masyarakat dan individu muslim, walaupun meningkat dari segi kebendaan dan penyebaran wilayahnya, kemudian menaik sedikit apabila terdapat pengukuhan nilai itu didorong oleh gerakan pembaharuan atau tajdid yang senantiasa muncul dari semasa ke semasa. Seterusnya menurun pula apabila kerosakan nilai akhlak dan etika agak berleluasa.

Namun kalau dilihat dari sudut kitaran kebangkitan kerajaan atau dinasti seperti yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun, maka nampaklah kebangkitan tamadun yang dikaitkan dengan kebangkitan kerajaan-kerajaan itu seperti suatu kitaran. Ia bermula dengan munculnya sesebuah kerajaan kemudian bergerak pada umumnya mengikut Ibn Khaldun dalam lima tahap (Dawood, N.J. (edited & abridged version of R. Rosenthal's translation of the *Muqaddimah*), 1981:141), iaitu:

1. Tahap kejayaan apabila dinasti baru ditubuhkan setelah menumbangkan dinasti yang lama, dan pemimpinnya mengekalkan rasa kekitaan (*al-ṣōbiyah*) dan perhubungan yang rapat dengan seluruh pengikutnya melalui tindakan yang memanfaatkan mereka semua
2. Tahap pemantapan kedudukan dan kekuasaan ketuanya sebagai raja melalui proses legitimasi royaltinya dan membina golongan pendukungnya berdasarkan kaum kerabatnya yang semakin eksklusif dan terasing daripada rakyat jelata

3. Tahap penikmatan, keseronokan dan kemegahan golongan bangsawan melalui pelonggokan harta, pangkat, kuasa, pembinaan monumen dan sebagainya
4. Tahap kepuasan dan keamanan; raja dan pembesarnya puas dengan menikmati dan mematuhi segala apa yang dibina dan diwarisi daripada generasi yang mendahului mereka
5. Tahap pembaziran, pemberrosan, penyalahgunaan dan pemusnahan; raja/pemimpin membazirkan khazanah negara untuk keseronokan dan berfoya-foya, pembentukan kroni dan pendukung dari kelas bawahan yang buruk akhlak dan zalim yang menimbulkan kebencian, penentangan dan konflik dalam seterusnya pemberontakan dari kalangan rakyat jelata, akhirnya membawa kepada kemusnahan dan kejatuhan oleh puak baru yang akan menubuhkan pula kitaran dinasti/tamadun yang baru pula.

Analisis tentang pengajian tamadun ini tidak akan mendalamai sudut teori dan tahap perkembangan dan kejatuhan tamadun yang banyak telah diperkatakan para pengkaji, yang dimulakan oleh ilmuwan Islam termasyhur Ibn Khaldun, enam ratus tahun dahulu (1332-1406) dalam *Muqaddimah* seperti yang disentuh sedikit di atas, manakala dalam abad ke-20 Samuel Huntington dalam bukunya yang penuh kontroversi *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order* (1996:324-325) telah menyenaraikan lebih 20 karya penulis Barat tentang pengajian tamadun manusia.¹

Selain daripada itu boleh juga dimasukkan karya ilmuwan Islam moden antaranya Ali Syariati, *Civilization and Modernization*, (1974); Abul Hasan Ali Nadwi, *Religion and Civilizations, Western Civilization - Islam and Muslims* (1969) dan *Islam and the World*, (1980); Akbar Ahmed, *Postmodernism and Islam: Predicament and Promise* (1992), dan *Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society*, (1988); Ahmet Davutoglu, *Civilizational Transformation and the Muslim World*, (1994); Muhammad Asad, *Islam at the Crossroads*, (1934/75), S. M. Naquib al Attas, *Islam and Secularism*, (1978) dan *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality* (1976); S. M. Ali Sharestani, "The Crisis of Contemporary Civilization and the Prospects for Salvation", *Islamic University Quarterly Academic Journal*, Vol. 1, No.2, April-June, (1994); Ziauddin Sardar, *The Future of Muslim Civilization*, (1979); Ali A. Mazrui, "Islam and the End of History", *The American Journal of Islamic Social Science*, 10:4, (1993); Fauzia Barium, *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*, (1993); S. Hossein Nasr, *Science and Civilization in Islam* (1968), *A Young Muslim Guide to the Modern World* (1993) dan *Islam and*

the Challenge of the 21st Century, (1993); Ismail Raji al- Faruqi, *Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan* (1982), *The Hijrah* (1982), *Tawhid: Its Implication for Thought and Life* (1982) dan "Islam: The Civilising Force", kertas kerja dalam Islamic Civilisation Seminar, Kuala Lumpur, 18-22 May, (1984); M. Kamal Hassan, *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu* (1988) dan *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society*, (1996). Sebuah karya Albert Schweitzer, seorang pemenang Nobel Prize for Peace 1954, yang mengaitkan tamadun dengan etik harus juga diteliti iaitu *Civilization and Ethics* (1923/55). Juga karya-karya beberapa orang ilmuwan kontemporari yang berpengaruh kini selain daripada S. Huntington, harus juga diteliti iaitu Paul Kennedy, *The Rise and Fall of the Great Powers* (1987) dan *Preparing for the Twentyfirst Century* (1993); Alvin Toffler, *The Third Wave* (1980), *Powershift* (1990) dan *Creating A New Civilization: The Politics of the Third Wave* (1995); Francis Fukuyama *The End of History and the Last Man* (1992) dan *Trust: Social Virtues and the Creation of Prosperity* (1995); dan juga Kenichi Ohmae *The Borderless World: Power and Strategy in the Interlinked Economy* (1990) dan *The End of Nation State: The Rise of Regional Economies* (1995).

Detik Peristiwa Penting dalam Sejarah Tamadun Islam: Zaman Permulaan Islam Sehingga Kurun ke-19

Islam bermula sebagai agama dengan penurunan wahyu pertamanya di Makkah pada tahun 610M (Masihi) dan sebagai sebuah negara dan tamadun pada tahun 622M setelah peristiwa Hijrah ke Madinah. Sesudah itu selama 10 tahun Rasulullah s.a.w. mendidik dan membentuk para sahabatnya dengan Islam secara amalan dan penghayatan sehingga terbinanya generasi Islam pertama masa kewafatan baginda pada tahun 632M. Sesudah itu para sahabatnya dan pengikut para sahabat itu meneruskan perjuangan baginda sehingga ke penghujung zaman para Khulafa' al-Rasyidin iaitu pada tahun 660M yang telah menyebarluaskan Islam ke seluruh Semenanjung Arab, Mesir, Syria, Farsi, Iraq dan Teluk Parsi.

Kemudian diganti oleh daulah atau dinasti Bani Umayyah bermula pada tahun 661M yang menyebarluaskan Islam ke Afghanistan, Transaxonia, Multan dan Armenia.

Apabila daulah Umayyah dijatuhkan oleh Bani Abbasiyah pada tahun 750M dan menubuhkan daulah Abbasiyah, mereka telah meningkatkan lagi perluasan wilayah sehingga ke seluruh Afrika Utara, Andalusia, seluruh utara India dan Anatolia, dan juga

meningkatkan perkembangan ilmu pengetahuan, seni, teknologi dan pembangunan negara.

Seterusnya kerajaan Umayyah didirikan pula di Andalusia oleh seorang daripada keturunannya yang berpindah dari Baghdad sesudah dimusnahkan oleh Hulagu iaitu Abdul Rahman pada tahun 756M. Selama 736 tahun daulah itu bertapak dan menjadi wilayah paling bertamadun di Eropah pada zaman kegemilangannya, sehingga ke zaman rajanya yang terakhir Sultan Muhammad ke-11 dilucutkan daripada takhtanya oleh tentera Kristian pada tahun 1492 setelah menumpaskan pertapakan kuasa Islam terakhir di Granada. Sejak itu kekuasaan Islam dihancurkan di Eropah barat.

Pada tahun 1258 tentera Mongol di bawah Hulagu menakluki dan merosakkan kota Baghdad dan mengakhiri kerajaan Abbasiyah. Namun, 23 tahun kemudian di Asia Kecil pula, pada tahun 1281 penubuhan daulah Uthmaniyyah Turki dimulakan dan bertapak kuat apabila anaknya Orkhan menakluki Bursa pada tahun 1326 dan Gallipoli pada tahun 1345. Seterusnya Constantinople ditawan pada tahun 1453 oleh Sultan Mehmet II, yang menandakan pembesaran wilayah kerajaan Uthmaniyyah sehingga pada zaman kemuncaknya (1683) meluas ke Eropah Timur iaitu Yugoslavia, Bosnia, Serbia dan Croatia, dan juga ke Macedonia, timur Laut Mediterranean, Laut Merah, Laut Hitam, seluruh Afrika Utara dan Teluk Parsi.

Namun pada akhir kurun ke-18 kerajaan Uthmaniyyah Turki menjadi lemah dan sedikit demi sedikit wilayahnya di Eropah timur dan utara Afrika terlepas sama ada kepada kuasa Eropah ataupun kepada serpihan kerajaan Islam yang lain. Kerajaan Uthmaniyyah tegak selama 637 tahun sehingga tahun 1918 apabila Sultan terakhirnya Abdul Hamid digulingkan oleh kumpulan "Belia Turki" atau "the Young Turks" pimpinan Mustafa Kamal yang seterusnya diangkat menjadi Presiden Turki seumur hidup pada tahun 1923 dan mengakhiri sistem pemerintahan Khalifah dalam Islam.

Di Parsi (Iran) Syeikh Safi al-Din (1252-1334) seorang sheikh sufi keturunan Kurdish telah memulakan gerakan Safawiyyah (Safavid) yang membawa kepada pembentukan daulah Safawiyyah Iran apabila seorang daripada keturunannya Syah Ismail menyatukan Iran dan menjadi Syah Iran pertama pada tahun 1501 dan mengisytiharkan Syiah sebagai mazhab rasmi kerajaannya. Selama 211 tahun iaitu sehingga 1722 daulah Safawiyyah memerintah Iran sambil meluaskan wilayah Iran sehingga ke Teluk Parsi di selatan, ke sempadan daulah Uthmaniyyah Turki di barat laut, ke Laut Kaspian, sempadan kerajaan Khiva dan Bukhara di utara, dan ke sempadan Afghanistan dan kerajaan Mughal India di timur. Sesudah Safawiyyah, kerajaan-kerajaan

Afsyariyah, Zands, Qajar dan akhirnya daulah Pahlavi (1925-1979) memerintah Parsi sehingga revolusi Iran dipimpin oleh Ayatullah Khomeini menggulingkan Shah Iran terakhir dan membentuk Republik Islam Iran pada tahun 1979 hingga sekarang.

Di India pula pada tahun 1526 Zahiruddin Babar keturunan Amir Timur, setelah terusir dari Asia Tengah, masuk ke India dan mengalahkan Sultan Delhi di Panipat lalu menubuhkan Kerajaan Mughal yang tegak selama 332 tahun. Zaman kemuncaknya pada kurun ke-17 telah menguasai ke seluruh benua kecil India. Tetapi Kerajaan Mughal musnah apabila Sultan terakhirnya Bahadur Shah Zafar digulingkan oleh kuasa British pada tahun 1858, sekali gus juga mengakhiri 1000 tahun pemerintahan Islam di India.

Setelah kemunduran dan akhirnya kemasuhan kerajaan Uthmaniyyah, wilayah-wilayah Islam pecah, tambahan pula oleh kedatangan kuasa Eropah bermula dari kurun ke-16 hingga kurun ke-19 telah menakluki satu demi satu wilayah-wilayah Islam di Afrika, Eropah Timur, Asia Tengah, Asia Selatan dan Asia Tenggara. Mesir ditakluki oleh Perancis 1798 dan oleh British 1882, Mughal India oleh British 1857, dan Libya oleh Itali 1911. Peristiwa yang berlaku itu telah memalapkan kegemilangan tamadun Islam seluruhnya sehingga menjadi kumpulan negara yang terpinggir dan tergolong dalam negara kelas tiga dunia yang mundur dan tidak berwibawa.

Kebangkitan Semula Islam Akhir Kurun ke-18 hingga ke-20

Riak kebangkitan semula Islam bermula pada akhir kurun ke-18 meningkat pada ke-19 dan awal ke-20 dicetuskan oleh pelbagai gerakan dengan nama seperti golongan pramoden, modenis, tradisionalis, neo-tradisionalis dan fundamentalis dan nama yang semakin popular kini ialah gerakan Islamis (lihat John Esposito (1991:32), Akbar S. Ahmad (1988:200), Manzooruddin Ahmed (1984:2), Muhammad Kamal Hassan (1982), Deliar Noer (1973), Ibrahim bin Abu Bakar (1994), Ahmet Davutoglu (1994), M. C. Dunn (2000:1) dan lain-lain.

Tokoh-tokoh utama dalam gerakan kebangkitan Islam ini antaranya ialah Shah Wali Allah Dehlawi (1702-1762) di India, Muhammad Abdul Wahab (1703-1792) dan Abdul Aziz ibn Saud (1880-1953) di Jazirah Arab, al-Sanusi (1787-1859) di Afrika Utara, Jamal al-Din al-Afghani (1838-1897) yang meniupkan semangat nasionalisme dan pan-nasionalisme Islam di seluruh dunia Islam, Muhammad Abduh (1849-1905), Rashid Ridha (1856-1935), Hassan al-Banna 1906-1949), dan Syed Qutb (1906-1966) di Mesir, Syeikh Muhammad Ahmad al-Mahdi (1848-1885) dan pada masa kini Hasan Turabi di Sudan, Sayyid

Ahmad Khan (1817-1896), Iqbal (1875-1938), Maulana Maududi ((1903-1979) dan Syed Abul Hassan Ali al-Nadwi (1913-1999) di India, Mehdi Barzargan (lahir 1907), Ali Syari'ati (1933-77) dan Ayatullah Khomeini di Iran, Syeikh Daud al-Fatani (1769-1847), Syeikh Ahmad Muhammad Zain al-Fatani (1856-1908), Muhammad Yusuf bin Muhammad atau Tok Kenali (1866-1933), Syeikh Ahmad Khatib (1855-1916), Syeikh Tahir Jalaluddin (1867-1957), Syed Syeikh al-Hadi (1867-1934), Kiayi Haji Ahmad Dahlam (pengasas Muhammadiyah) (1868-1923), K.H. Muhammad Hashim Asy'ari (antara pengasas Nahdatul 'Ulama)(1871-1947), Haji Agus Salim (1884-1954), M. Natsir (1908-1993), M. Rasyidi (lahir 1915), HAMKA (1908-1981), dan Dr. Zulkifli Muhammad (1927-1964) di Alam Melayu.

Pada bahagian akhir kurun ke-20 muncul pula tokoh-tokoh baru, antara lain seperti Allahyarham Ismail al-Faruqi, Fazlurahman, Khurshid Ahmad, Syed Hussein Nasr, Yusuf Qardhawi, Syed Muhammad Naquib al-Attas, Ahmad Ibrahim, Harun Nasution, Deliar Noer, Muhammad Kamal Hassan dan Muhammad Uthman el-Muhammady.

Negara Umat Islam Pada Pertengahan Kurun Ke-20

Menjelang pertengahan kurun ke-20, negara-negara umat Islam memperoleh kemerdekaan satu demi satu (Indonesia 1947, Pakistan 1948, Mesir 1954, Sudan, Tunisia dan Maghribi 1956, Tanah Melayu 1957, Kuwait 1960, Algeria 1962) sebahagiannya hasil daripada perjuangan antipenjajah yang bermula pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Sebahagian yang lain pula akibat daripada gerakan liberalisme, demokrasi dan antikolonialisme di Barat sendiri sesudah Perang Dunia Kedua (1945) yang bertujuan membendung kuasa besar (terutamanya Rusia) daripada tindakan menjajah negara-negara kecil. Ini diperkuatkan lagi oleh pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun yang sama bertujuan memartabatkan kedaulatan dan kemerdekaan negara bangsa di dunia. Juga kuasa-kuasa penjajah Barat seperti Britain, Belanda, Perancis, Itali dan lain-lain telah menjadi lemah akibat daripada Perang Dunia Kedua, dan tidak berapa berupaya dari segi kebendaan dan juga moral untuk menahan gerakan kemerdekaan daripada negara-negara jajahan mereka termasuklah negara-negara Islam.

Namun setelah mencapai kemerdekaan, pemimpin-pemimpin negara Islam yang telah dicetuskan oleh semangat untuk mencorakkan negara bangsa ke dalam acuan Islam, telah menghadapi beban dan

cabaran yang amat berat dengan harapan dan jangkaan yang amat tinggi. Ini juga sebagai akibat daripada tempoh penjajahan Barat yang lama sesetengahnya mencapai ratusan tahun, negara-negara Islam rata-rata telah mengalami sindrom rendah diri (*inferiority complex*) dengan mentaliti "budak jajahan" iaitu pergantungan ekonomi dan pemikiran kepada bekas "tuan penjajahnya".

Negara-negara itu dinamakan sebagai negara mundur dari segi teknologi, ekonomi dan organisasinya yang dengan itu perlu dihulurkan bantuan oleh negara-negara maju yang merupakan bekas "tuan penjajah" mereka, iaitu dalam bentuk bantuan teknikal, bahan makanan, kerjasama perdagangan dan kewangan, di samping pemindahan modal, kepakaran dan teknologi. Bantuan-bantuan tersebut bukannya diberikan begitu sahaja, tetapi disertakan dengan syarat "pertukaran bahan mentah dengan barang pengeluaran" secara monopoli dan eksplotasi harga. Ini telah melahirkan babit-babit neokolonialisme abad kedua puluh yang diperkuatkan kini oleh desakan blok Barat ke atas negara-negara lain tentang liberalisme perdagangan antarabangsa, gerakan hak asasi manusia dan pendemokrasian sistem pemerintahan, gerakan bumi hijau (*green peace*), perluasan penggunaan sistem komputer teknologi maklumat, media massa dan rekreasi yang didominasi oleh Barat kebanyakannya dengan pengantar bahasa Inggeris. Semua itu secara am diistilahkan sebagai proses globalisasi.

Akibatnya, senario pasca kemerdekaan di negara-negara Islam ditandai oleh peniruan, peminjaman dan pergantungan kepada elemen yang dicontohkan sebagai tersohor (*superior*) dari negara Barat. Juga ditandai oleh konflik dalaman dan pertelingkahan sesama sendiri yang sengit. Seterusnya pula muncul pelbagai sistem dan ideologi pemerintahan dan pembaharuan dalam agama yang asing daripada sistem Islam seperti diktator tentera, kerajaan beraja berwarisan dan juga neo-feudalisme berbentuk "sosialisme Islam", "demokrasi terpimpin", "nasionalisme Islam" dan "sekular Islam".

Bentuk pemerintahan demikian dimonopoli dan dieksplotasikan oleh segelintir golongan elit dan pemerintah, seperti Mustafa Kamal di Turki (1922), Ayub Khan di Pakistan (1958), Gamal Abdul Nasir di Mesir (1952), Jafar Numayri di Sudan (1969), Muammar Qaddafi di Libya (sejak 1969), Saddam Hussein di Iraq (sejak akhir 1970-an), Sukarno (1945) dan Suharto (1965) di Indonesia.

Oleh yang demikian, dekad-dekad 1970-an, 1980-an dan juga 1990-an merupakan zaman yang penuh pergolakan, konflik dan keguncangan yang dahsyat di kalangan negara-negara Islam. Negara-negara yang nampaknya stabil telah pecah, bergolak dan mengalami

rampasan kuasa tentera serta pemberontakan dan perang saudara yang sengit mengakibatkan penangkapan, pembunuhan, penyeksaan dan pelbagai keganasan seperti yang berlaku di Mesir, Syria, Iraq, Libya, Algeria, Tunisia, Turki, Pakistan, Bangladesh, dan lain-lain.

Namun di samping keguncangan dan konflik yang sengit dalam tahun-tahun 1970-an sehingga kini, gerakan kebangkitan semula Islam tetap terus bergema dan bersemarak. Keadaan demikian berlaku tidak syak lagi kerana didorong dan dipandu oleh ideal, visi dan misi, satu contoh yang terbaik atau *uswatun hasanah* yang ditunjukkan oleh peribadi dan kehidupan Rasulullah s.a.w. dan tiga generasi Islam pertama itu, yang dicetus dan didorong pula oleh tokoh-tokoh *mujaddid* atau pembaharu dan reformis Islam yang senantiasa muncul dan bangkit sepanjang sejarah Islam. Syed Abul Hasan Ali al-Nadwi, *Appreciation and Interpretation of Religion in the Modern Age*, (1982) telah menegaskan:

From the very beginning of Islam there is a continuous chain of such servants and supporters of syari'at and according to the prophesy of a tradition it will continue till the end of the world. The tradition says, "There will be in every age such just and righteous heirs and bearers of this learning who will continue removing the distortions introduced by men prone to exaggerations, spurious claims and presentations of the wicked and far-fetched explanations of the ignorant" (hlm. 18) (quoted in Misykat - The Book of Knowledge, Part II)..... The tradition quoted by Ibn Majah is still more precise, "A group of in my community will always be actively engaged in matters of religion and circulation of the orders of God, and their opponents can in no way to thwart them (hlm.52), (Ibn Majah, Sunan – Kitab al-Fitan).

Dekad-dekad 1970-an sehingga Awal Kurun ke-21

Dalam dekad 1970-an sehingga ke awal kurun ke-21, antara penggerak-penggerak utama seperti yang disebutkan di atas ialah Maulana Abu Ala Maududi, Syed Abul Hassan Ali al-Nadwi, Ismail al-Faruqi, Fazlurahman, Khurshid Ahmed, Yusuf Qardhawi, Hasan Turabi, Syed Hossein Nasr, HAMKA, M. Natsir, M. Rasyidi, Harun Nasution, Deliar Noer, Syed Muhammad Naquib al-Attas, Ahmad Ibrahim, Muhammad Kamal Hassan dan lain-lain.

Contoh yang ideal yang ditunjukkan oleh peribadi Rasulullah s.a.w. itu bukan merupakan *utopia* yang tidak boleh dicapai, tetapi sudah diamalkan dan dihayati oleh tiga generasi awal Islam secara praktikal dan mudah iaitu dalam bentuk sifat, sikap, nilai, keyakinan,

etika, akhlak, visi, misi, budi pekerti dan segala sifat manusia dan masyarakat yang baik. Ideal ini sememangnya tersemadi dan tersirat di dalam setiap mata hati dan akal budi pendukung Islam yang dipegang secara teguh dan penuh keyakinan tentang kejayaan dan keunggulannya sepanjang zaman. Hanya yang diperlukan ialah penterjemahan, penerapan dan pelaksanaan prinsip-prinsip itu dalam bentuk sistem dan organisasi sosial yang relevan dan dapat dipraktikkan berdasarkan persekitaran sosial dan budaya semasa iaitu mengambil kira realiti masyarakat, negara bangsa, budaya, ilmu pengetahuan, sains, teknologi, ekonomi, politik, strategik, perhubungan antarabangsa pada tahap nasional, wilayah dan global.

Namun yang mendasari malah sebagai prasyarat proses penterjemahan, penerapan dan pelaksanaan prinsip-prinsip yang murni itu ke dalam sistem dan organisasi sosial yang bertenaga, berwibawa dan kemas kini ialah penyemaian, pemupukan dan pembinaan sifat, sahsiah dan keperibadian manusia Muslim yang menghampiri bentuk sifat, sikap, nilai, keyakinan, etika, akhlak, visi, misi dan budi pekerti mithali Rasulullah s.a.w. dan tiga generasi pertama Islam itu. Ini merupakan bentuk abadi yang akan sentiasa relevan, sesuai, praktikal, berfungsi, bertenaga dan berwibawa sepanjang waktu sehingga ke akhir zaman. Inilah yang hendak direkonstruksikan dan menjadi matlamat serta sasaran bagi pembinaan sebuah tamadun Islam. Seperti yang dinyatakan oleh Sachiko Murata dan William Chittick (1994:331) hasil daripada penelitian mereka terhadap tradisi dan amalan Islam sepanjang sejarah tamadunnya, bahawa:

The goal of Islamic civilization has never been scientific and technological progress, but rather the perfection of the human soul.

Penegasan demikian menghampiri konsep tamadun seperti apa yang ditakrifkan oleh Dr. Albert Schweitzer seperti yang dinyatakan dalam Bab 1, iaitu:

Civilisation is the sum total of all progress made by mankind in every sphere of action and every point of view, in so far as this progress is serviceable for spiritual perfecting of individual and of the community (1923/1955:vii).

Pola Naik Turun Tamadun Islam

Berikut ialah pola alunan naik turun tamadun Islam berdasarkan peristiwa-peristiwa penting yang merentasi zaman selama 1400 tahun dari waktu permulaan Hijrah (610M) sehingga ke tahun 1420H (1999M):

Wahyu pertama.....	610
Hijrah ke Madinah.....	622
Rasulullah s.a.w. wafat, permulaan	
Khulafa al-Rasyidun.....	632-660
Penjilidan al- Quran oleh Zaid bin Thabit dan Pengedarannya oleh Uthmanr.a.....	651
Permulaan Daulah Umayyah.....	661
Permulaan Daulah Abbasiyyah.....	749
Kerajaan Islam tegak di Andalusia	756
Abu Hanifah (Mazhab Hanafi) (men.).....	767
Imam Malik (Mazhab Maliki) (men.).....	795
Imam Syafi'I (Mazhab Syafi'i) (men.).....	819
Koleksi Hadis Bukhari.....	870
Al-Kindi Filosof Pertama Islam (men.).....	873
Koleksi hadis Muslim.....	875
Koleksi hadis Abu Daud.....	888
Koleksi hadis Termizi.....	892
Koleksi hadis Ibn Majah.....	886
Koleksi hadis al-Nasa'i.....	915
Abu Hassan al-Asy'ari (men.).....	935
Al-Farabi (men.).....	950
Mahmud Ghaznawi di Barat laut India.....	1001
Ibn Sina (men.).....	1037
Imam al-Ghazali (men.).....	1111
Abdul Qadir Jilani (men.).....	1116
Ibn Rusyd (men.).....	1198
Sallehuddin al-Ayubi tegak di Mesir.....	1171
Sallehuddin menawan balik Palestine	1187
Baghdad dimusnahkan Hulagu Mongul mengakhiri kerajaan Abbasiyyah.....	1258
Ibn Taimiyah.....	1263
Malik al-Salleh di kerajaan Pasai.....	1267
Daulah Uthmaniyyah naik di Turki.....	1281
Penaklukan Eropah timur oleh Turki.....	1371
Ibn Khaldun (men.).....	1406
Kerajaan Islam Melaka tegak.....	1415
Constantinople ditakluki Turki.....	1453
Kerajaan Islam Andalusia jatuh.....	1492
Kerajaan Safawiyah Iran muncul.....	1501
Melaka dikalahkan Portugis.....	1511
Kerajaan Mughal India didirikan.....	1526
Akbar dengan agama Dinillahi.....	1579
Sultan Iskandar Muda di Aceh.....	1607-1636
Mujaddid Alf Thani (men.).....	1627

Mulla Sadra (men.).....	1641-
Aurengzib menjadi Raja Mughal.....	1666-
Shah Waliullah Dehlawi (men.).....	1761-
M. Abdul Wahhab (Wahhabi)(men.).....	1787-
Perancis menakluki Mesir	1798-
Perancis menakluki Algeria.....	1830-
Kerajaan Mughal India ditembakkan.....	1857-
British British menakluki Mesir	1882-
Itali menakluki Libya.....	1911-
Berakhiran kerajaan Uthmaniyyah.....	1923-
Arab Saudi dibentuk oleh Ibn Saud.....	1932-
Indonesia merdeka.....	1947-
Penubuhan negara Pakistan.....	1948-
Mesir menjadi Republik.....	1954-
Sudan, Tunisia, Maghribi merdeka	1956-
Persekutuan Tanah Melayu merdeka.....	1957-
Kuwait dan Algeria merdeka.....	1960-1962-
Perjanjian negara Islam di Rabat.....	1969-
Pembentukan OIC di Jeddah.....	1970-
Peperangan India-Pakistan dan	
Pemisahan Bangladesh-Pakistan.....	1971-
Mesir menang perang Arab-Israel.....	1973-
Persidangan Pendidikan Islam	
Sedunia Pertama di Makkah.....	1977-
Republik Islam Iran dibentuk.....	1979-
IIIT ditubuhkan oleh al-Faruqi.....	1981-
Perang Teluk Parsi Iraq-Kuwait.....	1990-
Pemecatan TPM Malaysia dan perpecahan UMNO, muncul Parti Keadilan.....	1998-
Parti gerakan Islamis berkuasa	
melalui pilihan raya di Indonesia.....	1999-
Kudeta tentera di Pakistan, Musharraf	
menjadi Presiden.....	1999-
Presiden Indonesia A. Rahman Wahid	
tersingkir diganti Megawati.....	2000-
Pemusnahan WTC New York 11 Sept.dan	
Pengeboman Afghanistan oleh US.....	2001-
Pencerobohan dan pemusnahan bandar	
bandar utama Palestine oleh Israel.....	2002-
Pencerobohan Amerika-Britain ke atas Iraq..	2003-

Tradisi Ilmu dalam Tamadun Islam Sebagai Tamadun Dunia dan Pengaruhnya dalam Kebangkitan Renaissance Eropah

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa tamadun Islam pada zaman kegemilangannya (kemuncaknya dari segi moral, akhlak dan etika pada zaman tiga generasi pertamanya berpusat di Madinah pada 622-661, dan dari segi penyebaran wilayah, kemajuan ilmu, sains dan teknologi hingga ke akhir kerajaan Abbasiyah pada 1258 di Baghdad dan ke akhir kerajaan Islam di Andalusia pada 1492), telah mendominasi seluruh dunia yang bertamadun. Bahkan tamadun Islamlah yang telah mewarnai seluruh tamadun dunia pada masa itu. Dalam Zaman Pertengahan Eropah yang dinamakan sebagai Zaman Kegelapan di Eropah, orang Islam adalah pemuka dalam dunia ilmu pengetahuan; mereka menjadi peneroka dalam pelbagai bidang ilmu. Tradisi keilmuan dalam Islam telah memberi warna dan menjadi pemangkin kepada pencetusan tradisi keilmuan tamadun moden Barat dan tamadun moden dunia seluruhnya. Islam telah melahirkan ahli sains, ahli perubatan, ahli falsafah, ahli geografi, ahli sejarah, ahli bahasa, ahli matematik dan ahli astronomi yang terkemuka di dunia ketika Eropah bergelumang dengan zaman kegelapannya. Antara ilmuwan Islam yang bergemerlapan dalam zaman itu yang menjadi pencetus secara langsung kepada kebangkitan tradisi ilmu di Barat yang seterusnya mendominasi tamadun dunia, yang dihuraikan di bawah ini.

1. Jabir ibn Hayyan (sekitar 721-815) yang terkenal dengan nama Latin, Geber, ialah pengasas ilmu kimia Islam yang juga pemuka dalam ilmu perubatan, logik, falsafah dan fizik; tiga buah bukunya yang terpenting tentang ilmu kimia diterjemahkan ke dalam bahasa Latin iaitu *The Hundred and Twelve Books*, *The Seventy Books*, dan *The Books of the Balance*.
2. Abu Yusuf ibn Ishaq al-Kindi (sekitar 801-873) pemuka ilmu falsafah Arab/Islam yang juga seorang ahli sains, logik, matematik, perubatan, fizik dan lain-lain, sangat dihormati di Barat pada zaman Renaissance. Beliau terkenal dengan nama Latin, Alkindus.
3. Muhammad ibn Musa al-Khawarizmi (meninggal dunia sekitar 863) ahli matematik Muslim yang terulung (pengasas ilmu algebra) yang juga seorang ahli sains, astronomi dan geografi, telah meninggalkan pengaruh yang besar di Barat sehingga nama Latin

beliau Algorism dikaitkan dengan satu cabang ilmu matematik iaitu algoritma.

4. Muhammad ibn Zakaria al-Razi (sekitar 869-925) ahli perubatan klinikal Muslim yang terulung, dikenali di Barat dengan nama Latin beliau Rhazes; beberapa buah buku perubatannya telah diterjemah dan dipelajari di Barat misalnya *Continents (al-Hawi)*, dan *Treatise on Smallpox and Measles*.
5. Abu Nasr al-Farabi (sekitar 870-950) ahli falsafah Muslim kedua terulung sesudah al-Kindi, yang juga seorang ahli bahasa, poliglot, logik, fizik, matematik, etika, teori muzik dan falsafah politik, juga terkenal di Barat (nama Latinnya Alpharabius) sebagai pengulas Aristotle.
6. Abu Ali al-Husain ibn Sina (980-1037) ahli falsafah-saintis-perubatan yang terulung dalam sejarah Islam. Dikenali di Barat dengan nama Latinnya Avicenna dengan tulisan-tulisan beliau mengenai perubatan yang diterjemahkan di Barat misalnya *Canon of Medicine* dan *The Book of Healing* telah diterjemah, dipelajari dan digunakan beberapa abad lamanya bermula dari abad ke-12 lagi, dan telah mempengaruhi para ilmuwan Barat seperti Albertus Magnus, St. Thomas, Duns Scotus dan Roger Bacon.

Pemuka-pemuka ilmuwan Muslim yang lain seperti (7) ibn al-Haitham (965-1039) (nama Latinnya Alhazem), (8) al-Ghazali (1058-1111) (nama Latinnya Algazel), (9) ibn Rushd (1126-1198) (nama Latinnya Averroes), (10) Nasir al-Din Tusi (1201-1274), (11) ibn Khaldun (1332-1406) dan lain-lain, menjadi pencetus kepada kemunculan tradisi keilmuan di Barat apabila karya-karya mereka diterjemah dan diajar di institusi-institusi pendidikan di Barat (lihat S. H. Nasr, 1968/84:41-58).

Jadi tidak syak lagi dari segi ilmu pengetahuan, tamadun Islam pada zaman kegemilangannya telah mendominasi seluruh tamadun dunia. Dalam Abad ke-11, ke-12 dan ke-13 para ilmuwan Barat telah menterjemahkan karya-karya utama Islam ke dalam bahasa Latin dalam pelbagai disiplin ilmu. Sesudah usaha penterjemahan dilakukan mereka mula mempelajari dan mengasimilasikan bidang-bidang ilmu itu ke seluruh Eropah. Antara para ilmuwan Barat yang memainkan peranan yang penting dalam proses pengasimilasian ilmu Islam ke Eropah ialah Alexander of Halle, Robert Grosseteste, St. Thomas Aquinas, Albertus Magnus, Roger Bacon, Arnold of

Villanova, dan Peter of Abano. Sesungguhnya sehingga ke abad ke-15, apa sahaja kegiatan keilmuan di Eropah melibatkan hanya proses asimilasi tradisi ilmu Islam tanpa sebarang tambahan ke atasnya, dan ilmu-ilmu dan buku-buku teks yang diterjemahkan itu diajar di pusat pengajian di Eropah yang telah mengambil masa yang lama sebelum para ilmuwan Barat dapat menulis buku teks mereka sendiri (lihat Masudul Hasan, 1992:598-600).

Phillip Hitti seorang Orientalis berkata (1970, *History of the Arabs*):

Muslim Spain wrote one of the brightest chapters in the intellectual history of medieval Europe. Between the middle of eighth and the beginning of the thirteenth centuries [500 years] the Arabic speaking people were the main bearers of the torch of culture and civilization throughout the world. They were the medium through which ancient science and philosophy were recovered, supplemented and transmitted in such a way as to make possible the Renaissance of Western Europe.

Robert Briffault dalam bukunya *The Making of Humanity* (petikan Masudul Hasan, Ibid:598 dan Abul Hasan Ali Nadwi, 1980:88-89) telah mengulas tentang sumbangan tradisi ilmu daripada tamadun Islam kepada tamadun Eropah:

It is highly probable that but for the Arabs modern European civilization would never have risen... For although there is not a single aspect of European growth in which the decisive influence of Islamic culture is not traceable, no where it is so clear and momentous as in the genesis of that power which constitutes the permanent distinctive force of the modern world and supreme source of its victory - natural sciences and the scientific spirit... Science is the most momentous contribution of Arab civilization to the modern world... It is not science only which brought back to life. Other and manifold influences from the civilization of Islam communicated its first glow to [modern] European life.

Nota

¹ Max Weber, *The Sociology of religion* (1968), Oswald Spengler, *Decline of the West* (1926/28), Emile Durkheim and Marcel Mauss, "Note on the Notion of Civilization" *Social Research*, 39, (1971:808-813), Pitirim Sorokin, *Social and Cultural Dynamics*, 4 Vols. (1937-1985), Arnold Toynbee, *A Study of History*, 12 Vols. (1934-1961), *Civilization on Trial*, (1948), A. L. Kroeber, *Configuration of Culture Growth* (1944), *Style and Civilizations* (1973), Philip Bagby, *Culture and History: Prolegomena to the Comparative Study of Civilizations* (1958), Carroll Quigley, *The Evolution of Civilizations: An Introduction to Historical Analysis* (1961), Ruston Coulborn, *The Origin of Civilized Societies* (1959), Fernand Braudel, *History of Civilizations*, (1994), *On History*, (1980), William H. McNeill, *The Rise of the West: A History of the Human Community*, (1963), Adda B. Bozeman, "Civilizations Under Stress", *Virginia Quarterly Review*, 51:1-18, (Winter 1975), *Strategic Intelligence and Statecraft*, (1992), *Politic and Culture in International History: From Ancient Near East to the Opening of the Modern Age*, (1994), Christopher Dawson, *Dynamics of World History*, (1978), *The Movement of World Revolution*, (1959), Immanuel Wallerstein, *Geopolitics and Geoculture: Essays on Changing World-System* (1992), Felipe Fernandez-Armesto, *Millennium: A History of the Last Thousand Years*, (1995), Loius Hartz, *A Synthesis of World History*, (1983), Mathew Melko, *The Nature of Civilizations*, (1969), Oswald Spengler, *Decline of the West*, (1926-28).

Pertumbuhan Tamadun Melayu Islam, Penjejasan dan Kemerosotannya

Konsep Tamadun Melayu Islam

Konsep tamadun Melayu atau Dunia Melayu boleh dilihat dalam tiga dimensi ruang berdasarkan gagasan Tan Sri Prof. Ismail Hussein dan Prof. Dato' Wan Hashim Wan Teh (1997:38, 67,127), iaitu:

- (a) Dunia Melayu teras yang hampir seluruh anggotanya beragama Islam
- (b) Dunia Berbahasa Melayu yang merangkumi pelbagai negara, pelbagai etnik dan agama yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama
- (c) Dunia Melayu-Polinesia yang mempunyai keturunan rumpun bangsa dan bahasa Induk yang sama merentasi Lautan Hindi ke Pulau Malagasi (Madagascar) sehingga ke lautan Pasifik merangkumi pulau-pulau Polinesia, Hawaii, Mikronesia, dan ke utara sehingga ke Pulau Taiwan.

Dalam tulisan ini dimensi ruang dan pemikiran yang hendak ditumpukan dalam usaha rekonstruksi ini ialah tamadun Melayu teras yang telah menyedut kekuatan, kecemerlangan dan kegemilangan dari agama Islam yang suci murni yang kebenaran, keunggulan, kekuatan dan kejayaannya adalah mutlak, muktamad dan kekal abadi selamalamnya. Pemilihan tamadun Melayu teras sebagai sasaran untuk direkonstruksikan berpandukan alasan-alasan berikut:

1. keseluruhan citra, kekuatan, keperibadian dan kelangsungan ketiga-ketiga dimensi ruang tamadun Melayu itu sesungguhnya bergantung kepada kekuatan dan kebangkitan kembali tamadun Melayu teras ini, seperti juga yang berlaku pada masa lepas
2. tamadun Melayu teras sesungguhnya merupakan jati diri yang telah memberi warna atau *sibghah/hue* kepada ketiga-tiga dimensi ruang tamadun Melayu itu, dengan kekuatan dua unsurnya yang utama iaitu bahasa Melayu dan agama Islam iaitu dua elemen tamadun yang paling bertenaga dalam menentukan jatuh

- bangunnya sesebuah tamadun, seperti yang ditegaskan oleh Toynbee, Malik Bennabi dan Samuel Huntington
3. dengan keyakinan yang kuat tentang kebenaran, kemuliaan, kesucian, kesejahteraan dan kejayaan yang kekal abadi dan mutlak pancutan daripada tamadun Melayu inti itu, maka menjadi visi dan misi, wawasan dan kewajipan murni untuk membangkitkannya kembali supaya ia tegak dan subur, membunga dan memutik sehingga terhasil buah yang enak dan manis yang pasti dapat memikat hati. Bangsa Melayu yang sudah ditakdirkan Ilahi sebagai kumpulan orang Islam yang teramai di Timur, hampir suku bilion, bertanggungjawab terhadap kesejahteraan dan kejayaan yang hakiki bagi seluruh umat manusia di Dunia Timur ini khususnya dan seluruh dunia amnya.

Pandangan Semesta (*Worldview*) Tamadun Melayu Islam yang Berasaskan Wahyu

Pada asasnya tamadun Melayu Islam telah dibina di atas enam dasar pandangan semesta dan prinsip tamadun berdasarkan wahyu seperti yang dihuraikan di dalam bab 1, iaitu:

1. Alam ini hasil ciptaan dan tadbiran Allah s.w.t. yang mencakupi alam primordial/arwah, alam dunia dan alam akhirat; alam akhirat ialah destini dan natijah muktamad daripada kehidupan di alam dunia; kejayaan hakiki di akhirat ialah kemasukan ke dalam syurga, dan kejayaan di dunia ialah ketaatan kepada Allah; alam dunia ini adalah amanah untuk kemanfaatan kehidupan manusia
2. Islam adalah panduan dari Allah sebagai al-din; mengandungi segala peraturan bagi segala gelagat hidup di dunia untuk individu dan masyarakat demi kejayaan hakiki mereka, oleh itu wajib dipelajari semua sebagai fardhu ain supaya terbentuk insan Muslim, Mukmin dan Muhsin; Islam mencakupi akidah, ibadah, muamalat, muasyarat, akhlak dan ihsan
3. keyakinan kepada pembalasan baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya pembalasan yang buruk bagi amalan jahat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat; balasan yang baik di dunia ialah keberkatan kehidupan dalam ketaatan kepada Allah, balasan yang baik di akhirat ialah dimasukkan ke dalam syurga Allah; malapetaka/kesusahan di dunia bagi orang Islam berlaku sama

ada sebagai kifrah pengampunan dosanya ataupun untuk meningkatkan maqamnya

4. Wawasan, objektif, niat, strategi dan operasi segala bidang kerja hendaklah sahih, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam tanpa kompromi, manipulasi, keengkaran dan penafian terhadap sebarang hukum yang wajib, sunat, harus, haram dan makruh; yang halal adalah jelas dan yang haram juga jelas; adat bersendikan hukum dan hukum bersendikan kitab Allah
5. Nilai tertinggi dikaikan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhlik mulia yang paling banyak memanfaatkan dirinya dan juga orang lain. Sebuah hadis menyebut "Yang paling sempurna iman seseorang Muslim ialah yang paling baik akhlaknya"; maruah sesama insan dihormati kerana setiap mereka berpotensi untuk memperoleh kesempurnaan demikian; ini akan mengelakkan kezaliman dan diskriminasi berdasarkan warna kulit, keturunan, bangsa dan seumpamanya
6. Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani; segala ilmu, pengetahuan, maklumat, kemahiran, teknologi, peralatan dan prasarana kehidupan dunia adalah sebagai alat yang perlu dituntut dan diperoleh secara fardu kifayah demi membantu terbentuknya insan Muslim, Mukmin dan Muhsin.

Berdasarkan prinsip dan asas yang demikian tamadun Melayu Islam yang terbina di seluruh Kepulauan Melayu dan Asia Tenggara dengan alunan naik turunnya selama hampir 1000 tahun sebelum tewas oleh kuasa penjajah Barat, telah menyatukan umat manusia daripada ratusan suku bangsa, bahasa dan budaya, seperti tamadun Islam amnya yang pernah menyatukan kepelbagaiannya umat manusia daripada berjenis-jenis suku bangsa, keturunan, budaya, kelompok, warna kulit, wilayah dan rantau yang merentasi benua dan lautan di bawah satu empayar yang besar.

Agama Islam juga telah meningkatkan tamadun Melayu ke tahap antarabangsa iaitu meletakkannya dalam satu rangkaian Pan-Islamika yang sejahtera, sesuai dengan sifat kesejagatannya agama Islam itu sendiri. Jika sebelum zaman ini kegemilangan tamadun Melayu hanya terhad kepada Kepulauan Melayu dan juga negara-negara yang berjiran sahaja, tamadun Melayu dalam zaman Islam telah dijalankan dengan tamadun dunia Islam sejahtera seperti tamadun Islam Arab di Tanah Hijaz, tamadun Turki Uthmaniyah di Istanbul, tamadun Islam Farsi di Isfahan, tamadun Islam Mughal di India dan tamadun Islam Utara Afrika di Kaherah dan di Maghribi, yang pada abad ke-16 mengikut

sarjana orientalis Barat W. Cantwell Smith, sekali lagi berperanan sebagai penggerak dalam mempengaruhi tamadun dunia:

In any case, the fact is that in the 16th century the Muslim world was once again powerful, wealthy, and touched with splendour. Whatever view he might take it, the Muslim of this period - in Morocco, Istanbul, Isfahan, Agra, Aceh - was participant in a history expansive and successful (W. Cantwell Smith, 1957:38).

Tamadun Melayu Islam di Kepulauan Melayu dalam sejarah pertumbuhannya mempunyai beberapa pusat dominan seperti juga tamadun Islam umumnya yang mempunyai beberapa pusat dominan yang bergerak daripada tanah Hijaz ke Teluk Parsi, Asia Tengah, pantai Mediterranean Timur, Afrika Utara, Sepanyol, Benua Kecil India dan Asia Kecil (Turki).

Tamadun Melayu Islam Perlak dan Samudera Pasai Kurun ke-9 hingga ke-14

Tamadun Melayu Islam mula-mula bertapak di Perlak dengan kerajaan Islam yang pertama ditubuhkan dianggarkan pada tahun 225 Hijrah bersamaan dengan 840 Masihi oleh rajanya yang pertama Sultan Sayyid Maulana Abdul Aziz Shah, iaitu anak kepada seorang Arab Quraisy Sayyid Ali hasil perkahwinan dengan adik perempuan Merah Perlak. Marco Polo dalam perjalanan pulang dari China pada tahun 1292 telah singgah di Perlak selama lima bulan dan menyatakan "*The people of Ferlec used to be idolators but owing to contact with Saracen [Muslims] merchants they have all been converted to the law of Muhamet*".

Kemudian diikuti pula oleh Samudera-Pasai dengan kerajaan Islam pertamanya ditubuhkan oleh Meurah Giri dengan nama Islamnya Mahmud Syah pada tahun 1042. Seorang raja Pasai bernama Meurah Silo setelah diislamkan oleh pendakwah Sheikh Ismail utusan dari Syarif Mekah, diberi nama Malik al-Salleh dan telah dicatatkan pada batu nesannya tarikh kemangkatan baginda pada tahun 1297 atau 1307. Pasai telah muncul sebagai pusat pertama pengajian dan penyebaran agama Islam dan juga boleh dianggap sebagai pusat tamadun Melayu Islam yang pertama di Kepulauan Melayu (lihat Abdul Rahman Hj Abdullah, 1990:48, Wan Hussein Azmi, 1980:143 dan S. M. N. al-Attas, 1969:12). Ibn Batutah seorang pengembawa Muslim yang termasyhur telah singgah di Samudera-Pasai dalam zaman pemerintahan Malik al-Zahir pada tahun 1345, menyatakan bahawa Malik al-Zahir adalah pemerintah Islam yang mempunyai kerajaan yang luasnya beberapa perjalanan di pesisir pantai. Baginda

seorang yang berpegang teguh kepada Islam, gemar berbicara dengan ulama fikah dan kalam, manakala balai penghadapan baginda sentiasa dikunjungi para ilmuwan dan sasterawan.

Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 menunjukkan juga bahawa sebuah pusat tamadun Melayu Islam yang mengamalkan undang-undang Islam telah wujud di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu kira-kira sezaman dengan Samudera-Pasai iaitu pada abad ke-13 dan ke-14 Masihi.

Tamadun Melayu Islam Melaka Kurun ke-15 dan awal ke-16

Seterusnya kerajaan Melaka yang telah ditubuhkan pada tahun 1400, telah diislamkan hasil pendakwahan Makhdum Sidi Abd al-Aziz dari Jeddah sekitar tahun 1414 apabila rajanya memeluk agama Islam dengan gelaran nama Sultan Muhammad Syah. Perhubungan yang rapat telah terbentuk antara Pasai dan Melaka apabila puteri Raja Pasai dikahwin dengan Sultan Melaka.

Dalam abad ke-15 Pasai dan Melaka telah menjadi pusat kebudayaan Melayu Islam dan menjadi nadi kegiatan pengajaran dan penyebaran agama Islam untuk seluruh Kepulauan Melayu. Puncak kegemilangan tamadun Melayu Islam di Melaka yang menjadi kerajaan terulung di Kepulauan Melayu ketika itu, ialah pada zaman Pemerintahan Sultan Mansur Syah yang menaiki takhta pada tahun 1456. Iaitu 36 tahun sebelum kejatuhan kerajaan Islam di Andalusia ke tangan orang Kristian (1492) dan tiga tahun sesudah tewasnya Empayar Romawi Timur pada tahun 1453 di Constantinople di tangan kerajaan Turki Uthmaniyah.

Di Melaka institusi istana telah menjadi pusat kegiatan pengajaran, kepustakaan dan penyebaran agama Islam, seperti halnya kerajaan Bani Umayyah dan Bani Abbasiyah pada zaman kegemilangan mereka, yang juga telah menjadikan istana sebagai pusat pembelajaran dan muzakarah tentang ilmu-ilmu Islam. Penyalinan, penterjemahan dan penyimpanan kitab-kitab dan persuratan juga dilakukan di istana. *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan *al-Durr al-Manzum* adalah antara naskhah yang dilaporkan oleh *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)* telah tersimpan di istana Melaka. Kitab *Bahr Lahut* karya Sheikh Abdullah 'Arif (1177) mengikut pendapat W. M. Saghir Abdullah, telah diterjemahkan di Melaka pada zaman ini dengan judul *Bahr Dahut* (W. M. Saghir Abdullah, 1996:1-2).

Ulama-ulama daripada Timur Tengah, Teluk Parsi, India dan lain-lain antaranya Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar,

Kadhi Yusuf, Maulana/Makhdum Sadar Jehan dan Maulana Jalal al-Din telah mengunjungi Melaka untuk mengajar para pembesar termasuklah Sultan Melaka sendiri selain daripada rakyat jelata, tentang ilmu-ilmu Islam. Jawatan kadhi dan fakih menduduki barisan para pembesar istana Melaka (lihat Mohd Yusuf Iskandar, 1979:52, dipetik oleh Abdul Rahman Hj Abdullah, 1990:59).

Selain orang Melaka sendiri, ramai juga penuntut yang berasal daripada tempat-tempat lain di Kepulauan Melayu yang belajar di Melaka, apabila pulang ke tanah air mereka telah menjadi penyebar agama Islam dan sesetengahnya menubuhkan pusat pendidikan Islam mereka sendiri, seperti halnya dengan beberapa tokoh 'Wali Songo' iaitu Sunan Bonang dan Sunan Giri (lihat S. M. N. al-Attas, 1969:12 dan Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1990:60).

Melaka juga pada pertengahan kurun ke-15 merupakan pelabuhan yang tersibuk di dunia, seperti yang dinyatakan oleh Tome Pires pada tahun 1512 dalam *Suma Oriental of Tome Pires* (Armando Cortesao (ed.), 1944:268), iaitu:

No trading port as large as Malacca is known nor anywhere they deal in such fine and highly prized merchandise. There is no doubt that the affairs of Malacca of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position, but must always grow.

Simon Elegant yang menulis dalam *Far Eastern Economic Review*, 10 Jun, 1999:45, menegaskan:

Five centuries ago, Malacca hosted 2,000 ships each day, as many as the crowd in modern day Singapore [sic], which boast of being one of the worlds three busiest ports. Cargoes of mace, nutmeg, cloves, sandalwood, tea, porcelains and silks passed through Malacca on their way to spice-hungry Europe. From the islands of the Archipelago to the south came camphor, birds' nests, pepper, musk, gold and ivory. And from the West, mostly carried by traders from South Asia and the Middle East, came cotton, weapons, incense, opium, dyes, silver and medicinal drugs, as well as occasional bands of adventurous Portuguese.

It was a place where Gujratis, Tamils and Bengalis from India lived and traded in secure harmony with Malays, Chinese and Arabs, a city of 100,000 where 84 languages could be heard in the Markets. The Malay sultans who ruled Malacca ensured that the strait was free of pirates. Goods could be stored safely in hundreds of well-guarded godowns, and in case of disputes, the city's law were administered fairly to both Malaccans and foreigners.

Ini dengan jelas menggambarkan Melaka sebagai pusat tamadun Melayu Islam yang telah mencapai taraf dunia, dengan organisasi dan institusi sosial dalam bidang ekonomi, politik, pentadbiran, perundangan, norma yang teratur, kukuh dan berwibawa.

Apabila Melaka dikalahkan dalam tahun 1511 oleh Portugis dalam rangka mereka meneruskan semangat perang salib untuk menewaskan kerajaan Islam, tamadun Melayu Islam sebenarnya tidak berkubur di Melaka. Sebaliknya pusat-pusat tamadun Melayu Islam yang lain telah muncul di Patani (1500), di Brunei (sekitar akhir kurun ke-15), di Jawa iaitu Gerisik (sejak 1419), Demak (sejak 1450), Bantan (1527), Surabaya (1525), Sunda Kelapa (Jayakarta/Jakarta, 1527), Mataram (1586), di Sulu (1405), dan yang paling penting ialah di Aceh. Di bawah pimpinan Sultan Ali Moghayat Shah (1507-1522) Aceh telah bangkit untuk memainkan peranan seperti Melaka iaitu sebagai pusat pelabuhan dan perdagangan entreport antara negara-negara di Barat seperti India, Timur Tengah dan Asia Barat dengan negara-negara di Timur iaitu China, Kepulauan Melayu dan Indo-China.

Tamadun Melayu Islam Aceh

Aceh telah diasaskan pada tahun 1205, dan selepas kejatuhan Melaka telah muncul sebagai pusat terpenting tamadun Melayu Islam dan nadi penyebaran agama Islam di Kepulauan Melayu dalam abad ke-16 dan ke-17. Keunggulan Aceh diperkuatkan oleh hubungan diplomatik, politik dan ekonomi yang erat dengan kerajaan Turki Uthmaniyah di Istanbul sejak tahun 1530-an iaitu sesudah Sultan 'Alau al-din al-Qahhar menaiki takhta Aceh pada tahun 1537. Sultan Aceh itu telah menandatangani perjanjian ketenteraan dan perdagangan dengan Sultan Sulaiman al-Qanuni Uthmaniyah melalui Gobenor atau Pasya mereka di Kaherah, Mesir. Sultan Aceh telah menghantar misi diplomatik ke Turki yang telah sampai di Istanbul pada tahun 1562. Pada tahun 1565 satu lagi misi Aceh telah sampai di Istanbul untuk mendapatkan bantuan ketenteraan bagi menentang Portugis di Melaka.

Raja-raja Aceh seterusnya iaitu Sultan Mansur Shah (1577-1588) dan Sultan 'Alau al-Din Riayat Shah (1588-1604) juga telah meneruskan hubungan dengan kerajaan Uthmaniyah Turki. Selanjutnya hubungan diplomatik, ketenteraan dan perdagangan itu diteruskan lagi oleh Sultan Aceh berikutnya iaitu Sultan Iskandar Muda (1607-1636) yang terkenal itu. Hasil daripada perjanjian tersebut satu rombongan armada Aceh terdiri daripada tiga buah kapal telah sampai di Istanbul dan mereka telah diberi bantuan sejumlah senjata dan 12 orang pakar tentera Turki yang telah membantu dalam pembinaan pertahanan di

Banda Aceh (lihat H. M. Zainuddin, *Tarich Atjeh dan Nusantara*, 1961:272-277, yang dipetik oleh Azyumardi Azra, 1995:52-54).

Pada pertengahan kurun ke-16 aktiviti perdagangan Aceh di Lautan Hindi berada pada kemuncaknya, dengan kapal-kapal yang besar penuh sarat dengan rempah-ratus sampai ke Jeddah dan Laut Merah, singgah di pelabuhan-pelabuhan utama di Benua Kecil India seperti Bengal dan Cambay, dan juga di tanah Arab seperti Hormuz, Aden dan lain-lain.

Selain hubungan politik dan perdagangan Aceh juga secara berterusan telah menerima kunjungan para ulama terkemuka daripada Tanah Arab dan Gujerat sejak tahun 1570-an yang dengan demikian telah menjadikan Aceh pusat keilmuan Melayu Islam utama di Kepulauan Melayu yang telah melahirkan ulama/penulis Melayu Islam terulung seperti Hamzah Fanzuri (hidup sekitar akhir abad ke-16), Shamsuddin al-Sumatra'i (men. 1625), Nuruddin al-Raniri keturunan Arab-India (berasal dari Randir India tetapi berkarya kebanyakannya dalam bahasa Melayu (men. 1644), Abdul Rauf Singkel al-Fansuri (1592/1615/1620?-1693) iaitu penterjemah al-Quran sebanyak 30 juzuk yang pertama ke dalam bahasa Melayu yang dinamakan *Tarjuman al-Mustafid* atau lebih dikenali sebagai *Tafsir Baidhawi*,¹ dan beberapa tokoh yang lain (lihat W.M. Shaghir Abdullah, 1996, makalah "Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau dari Pelbagai Peringkat": 2-3).

Dalam zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636) Aceh dikatakan telah mencapai kemuncak kegemilangannya dari segi politik, ekonomi dan pendidikan dan juga dalam kegiatan penyebaran agama Islam. Sheikh Shamsuddin al-Sumatra'i yang telah menghasilkan karya berjumlah hampir 40 judul kitab, merupakan Sheikh al-Islam Aceh pada ketika itu.

Pengaruh Aceh sangat besar dalam mencetuskan kebangkitan tradisi keilmuan dan tamadun Melayu Islam di seluruh Kepulaun Melayu, iaitu sebagai nadi penggerak dan penyalur penyebaran agama dan ilmu Islam dan juga para ulama Islam sama ada daripada Aceh sendiri mahupun daripada tanah Arab, India dan Parsi. Salah seorang murid Abdul Rauf iaitu Baba Daud al-Jawi bin Ismail al-Jawi bin Agha Mustafa al-Rumi, mempunyai seorang waris keturunannya yang telah berpindah ke Patani Selatan Thai yang akhirnya melahirkan ulama-ulama besar di Patani antaranya Sheikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fathani dan juga Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani yang merupakan dua orang ulama/penulis Patani yang amat prolifik dalam abad ke-19.

Tamadun Melayu Islam Patani

Dalam abad ke-18 dan ke-19 Patani pula telah menjadi sebuah daripada pusat pengajian dan peradaban Melayu Islam yang terkemuka di Kepulauan Melayu bersama-sama dengan Kepulauan Riau. Sheikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fathani yang dianggarkan oleh W. M. Shaghir Abdullah hidup sekitar tahun 1718/1720-1847/1897 (lihat *Munyatul Musalli: Syeikh Daud al-Fatani*, 1996:7-8), telah memulakan pengajiannya di Patani di bawah ulama dari Patani dan juga dari Timur Tengah dan Yamen sebelum melanjutkan pelajarannya ke Makkah (lihat V. Matheson dan M. B. Hooker, 1988:20). Abdul Samad al-Falimbani (1704-1789/1828?) dikatakan mendapat pendidikan awal di Patani sebelum berangkat ke tanah Arab (lihat A. Azra, 1994:246). Kaedah pengajian ilmu-ilmu Islam di Masjid al-Haram Makkah telah diterapkan ke dalam sistem pendidikan pondok di Patani dan juga di tempat-tempat pengajian agama Islam tradisional di seluruh Kepulauan Melayu. Sistem pendidikan pondok di Patani telah tersebar ke tempat-tempat lain di Semenanjung Tanah Melayu bersama-sama dengan penyebaran para lulusannya seperti di Kelantan, Terengganu, Kedah, Negeri Sembilan dan lain-lain (lihat Matheson & Hooker, 1988:4, nota 13, Omar Farouk, 1986:251, nota 2, dan A. Azra, 1994:259). Kitab-kitab Jawi yang dicetak di Makkah dan Mesir telah digunakan sebagai buku teks dalam sistem pengajian demikian. Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani (1856-1906) dikatakan sebagai orang Melayu yang pertama menjadi editor (pentashih) percetakan kitab-kitab jawi demikian, dan antara kitab yang paling awal ditashih olehnya ialah kitab *Hidayat al-Salikin* dicetak pada tahun 1880 di Mesir (lihat W. M. Saghir, *Al-'Alamah Syeikh Ahmad al-Fathani*, 1992:81-82).

Ulama-ulama Patani, selain daripada ulama daripada tempat-tempat lain misalnya Abdul Samad al-Falembani (Palembang) yang mengajar di Makkah, amat besar peranannya dalam mempengaruhi perkembangan ilmu dan peradaban Melayu Islam ke seluruh pelosok Kepulauan Melayu. Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, misalnya telah menarik ramai penuntut yang kemudiannya menjadi pemimpin agama dan juga politik dalam akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Kelantan, Negeri Sembilan, Sambas (Kalimantan Barat), Kemboja, dan lain-lain.

Di Patani sendiri sistem pendidikan pondok telah menarik begitu ramai penuntut dari beberapa pelosok Kepulauan Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Kemboja, Sumatera, Jawa, Borneo dan lain-lain lagi. Ismail Che Daud (1988:6-7) telah menyenaraikan barisan 60 orang ulama yang muncul di Patani atau hasil daripada pengajian

pondok Patani, antaranya Syaikh Abdul Qadir Shaikh Muhammad Saman, Syaikh Abdul Wahid bin Syarif Sulaiman, Syaikh Muhammad Salleh bin Abdul Rahman, Syaikh Daud bin Abdullah al-Fathani, Syaikh Mustafa bin Muhammad, Syaikh Zainal Abidin bin Muhammad (Tok Minal), Syaikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, Syaikh Muhammad Saghir bin Ismail Daudi, dan lain-lain lagi.

Menurut sesetengah pengkaji bahawa ciri-ciri kebudayaan dan peradaban Melayu yang berasal dari Patani seperti seni muzik, tarian, drama tari, permainan (rebana, kertok, mak yong, tarian asyik, permainan gasing leper, wau bulan), perusahaan logam, tenunan, seni ukir, pakaian tradisi golongan pembesar Melayu, dan lain-lain telah diwarisi oleh ciri-ciri budaya Melayu Kelantan yang seterusnya diresapi ke dalam kebudayaan kebangsaan Malaysia (lihat Mubin Sheppard, *Taman Indera: Malay Decorative Arts and Past Times*, 1972).

Terengganu, Kelantan dan Banjarmasin Sebagai Pusat Tamadun Melayu Islam

Dari Patani, tradisi keilmuan dan pendidikan Melayu Islam yang membuaikan tamadun Melayu Islam telah mengalir ke Kelantan dan Terengganu yang dikatakan sebagai tergolong dalam wilayah Empayar Patani Besar (Greater Petani) sebelum didominasi oleh kuasa Siam (seperti yang dilaporkan oleh seorang penulis Belanda John Nieuhoff pada tahun 1653 (petikan Mohd Zamperi A. Malik *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*, 1993:77-78)).

Di Terengganu antara ulama terulung yang menyemai dan mengembangkan tradisi pendidikan dan keilmuan Islam yang menjadi asas pembinaan peradaban dan tamadun Melayu Islam ialah Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (men. 1739) yang lebih terkenal dengan nama Tok Pulau Manis, Sheikh Wan Hasan Wan Ishak (karya beliau *Hidayat al-Mukhtar*, ditulis 1833), Wan Ali Wan Ishaq, Sayyid Muhammad bin Sayyid Zainal Abidin al-Idrus (Tokku Tuan Besar), Sayyid Ahmad bin Sayyid Muhammad al-Idrus (Tokku Melaka/Tuan Sayyid Embun Terengganu), Haji Mahmud bin Muhammad Yusuf dan lain-lain.

Di Kelantan tradisi pendidikan dan keilmuan Melayu Islam mendapat asasnya daripada sistem pendidikan pondok yang ada pertalian rapat dengan sistem pendidikan pondok di Patani yang berpunca daripada sistem pendidikan Islam di Masjid al-Haram Makkah. Pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20 antara pondok-pondok yang termashyur di Kelantan ialah Pondok Pulai Chondong (diasaskan oleh Haji Abdul Samad bin Faqih Hj

Abdullah atau Tok Pulai Chondong (1792-1873)), Pondok Sungai Pinang (diasaskan oleh Hj Abdul Malik bin Hassan atau Tok Malik Sungai Pinang (1813-1928)), Pondok Kenali (diasaskan oleh Hj Muhammad Yusuf bin Ahmad atau Tok Kenali (1868-1933)).

Di Kelantan antara para ulama yang terkemuka ialah Haji Ahmad bin Muhammad Yusuf bin Abdul Halim (karya beliau *Dar al-Hisan* tertulis pada tahun 1868), Hj Abdul Samad bin Muhammad Salleh (Tuan Tabal dengan karyanya yang terkemuka *Jala al-Qulub* tertulis pada tahun 1870), Sheikh Wan Ali Kutan (karyanya yang terawal *al-Jauhar al-Mauhub wa Muanabbih al-Qulub* ditulis pada tahun 1888), Muhammad Yusuf bin Ahmad Tok Kenali (1868-1933) yang membantu penubuhan Majlis Ugama Islam Kelantan (1915) dan Madrasah al-Muhammadiah (1918)), Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah, Pemangku Mufti Kerajaan Kelantan (men. 1915), Haji Wan Musa Haji Abdul Samad, Mufti Kerajaan Kelantan (men. 1943), Dato' Laksamana Hj Muhammad bin Dato' Hj Mohd Khatib, Setiausaha Kerajaan Kelantan (men. 1939), Dato' Perdana Haji Nik Mahmood bin Haji Ismail Kadhi yang menjadi Menteri Besar Kelantan selama suku abad (men. 1964), dan lain-lain.

Pusat-pusat pendidikan pondok di Kelantan yang termasyhur ialah Pondok Kubang Pasu, Pondok Sungai Budur, Pondok Kampung Banggul, Pondok Tuan Padang, Pondok Kampung Tok Semian, Pondok Bunut Payung, Pondok Tok Selihur, Pondok Tok Bacok, Pondok Tok Padang Jelapang, Pondok Tok Kemuning, Pondok Pasir Tumbuh, Pondok Sungai Durian, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Kubang Bemban, Pondok Slow Macang, dan lain-lain.

Banjarmasin Kalimantan pada kurun ke-18 dan ke-19 juga adalah antara pusat peradaban dan pengajian Melayu Islam. Ulama paling masyhur yang mengasaskan pendidikan dan persuratan Melayu Islam di kawasan ini ialah Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari (1710-1812) dengan kitab beliau yang termasyhur *Sabil al-Muhtadin* dan Muhammad Nafis bin Idris bin Husain al-Banjari (lahir 1735) dengan kitab beliau yang utama *al-Durr al-Nafis fi Bayan Wahdat al-Af'al al-Asma' wa al-Zat al-Taqdis* yang dicetak berkali-kali di Kaherah dan tersebar di seluruh Kepulauan Melayu.

Riau Sebagai Pusat Tamadun Melayu Islam Kurun ke-18 dan ke-19

Riau yang pada mulanya diasaskan di Sungai Carang, Pulau Bentan pada tahun 1673 oleh Tun Abdul Jamil seorang Bendahara kerajaan Johor (lihat Drs. Ruswan, *Raja Ali Haji*, 1989:13), juga merupakan pusat

peradaban dan persuratan Melayu Islam dalam abad ke-18 dan ke-19. Riau (yang dikatakan berasal daripada perkataan "riuh"ramai) mencapai kemuncak kemakmuran dalam zaman pemerintahan Yang Dipertuan Muda Riau IV Raja Haji (1777-1784). Ramai pedagang luar dan para ulama dari Timur Tengah dan juga Kepulauan Melayu telah berkunjung ke Riau. Hasan Junus (1988:8-9, 181-182) berdasarkan karya Raja Ali Haji *Tuhfat al-Nafis* (naskhah cetakan 1965) telah menceritakan tentang Riau, seperti berikut:

Masa pemerintahannya [Raja Haji] merupakan puncak kemakmuran Riau. Benih gembiranya... merupakan benih perekonomian yang hasilnya berlipat kali ganda pada pemerintahan Raja Haji... Dari segala macam jenis alat-alat pengangkutan laut yang berkumpul di pelabuhan dapatlah diketahui berapa ramainya (besarnya) perdagangan di situ. Catatan penduduk negeri... sebanyak 90,000 jiwa. (Hasan Junus, 1988:8-9).

Maka datanglah beberapa buah perahu dagangan dari jauh, datanglah kapal-kapal dan kici-kici dari Bengala berpuluhan-puluhan buah, dan dari China datang pula wangkang-wangkang kepala hijau dan kepala merah berpuluhan-puluhan buah, datang pula tob-tob dari Siam membawa beras dan lainya dan perahu Jawa demikian juga apa lagi perahu dari Bugis dan apa lagi perahu-perahu dari rantau-rantau, bercocok ikanlah di dalam Sungai Riau dari Kuala sampai ke hulu Riau. Maka berpaluk-paluk dagangan Jawa dengan Riau seperti gambir. Maka banyaklah saudagar-saudagar China apa lagi Bugis, banyaklah yang kaya-kaya. Maka pada masa itu banyaklah orang-orang kaya Riau (*Tuhfat al-Nafis*, 1965, petikan Hasan Junus, 1988:181-182).

Istana telah menjadi pusat pendidikan dan kegiatan persuratan Melayu Islam Riau dengan golongan anak-anak pembesar menjadi murid manakala golongan pembesar termasuk Yang Dipertuan Muda sendiri menjadi para penaung dan aktivisnya, seperti yang dinyatakan dalam *Tuhfat al-Nafis* (naskhah cetakan 1982:341):

Dan pada masa kerajaannya [Raja Ali] mendirikan ugama Islam, mendirikan Jumaat dan memerintahkan perempuan bertudung, dan menyempurnakan berbuat masjid... Pada masa Yang Dipertuan Muda Raja Ali inilah banyak ulama yang datang dengan kemauafakan saudaranya Raja Haji Ali, maka dikurniakan masarif, disuruhnya segala pegawai-pegawai negeri menuntut ilmu perkara ugama dan mengaji kitab-kitab dan belajar membaca Quran al-'Azim. Dan dia sendiri pun suka *talabat al-'ilmu*. Maka diusahakan oleh saudaranya Raja Haji Ali, beberapa

orang ilmu-ilmu seperti Sayyid Abdullah Baharain dan lainnya duduk mengajar di dalam Pulau Penyengat setahun.

Dalam *Tuhfat al-Nafis* (naskhah cetakan 1965) dinyatakan bahawa tempat *talabat al-'ilmu* telah menjadi pusat pengajian di Pulau Penyengat, dengan pengajian ilmu bahasa Arab, usuluddin, fikah dan tasawuf diajarkan. Antara kitab-kitab yang digunakan ialah *Matan al-Jurumiyyah* berserta dengan syarahnya oleh ibn al-Jurumi, *Matan Alfiyah Ibn Malik* oleh ibn Malik al-Andalusi berserta dengan syarahnya, *Bidayat al-Hidayah*, *Minhaj al-'Abidin* oleh Imam al-Ghazali, *Jauhara al-Tauhid* oleh al-Laqqani dan *Umm al-Bara'in* oleh al-Sanusi. Semasa Raja Abdullah pulang dari menunaikan Haji dan belajar di Makkah selama setahun, beliau telah membawa bersamanya dua orang ulama iaitu seorang Arab bernama Sheikh Ahmad Jabarati dan seorang tokoh Melayu yang terkenal iaitu Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari. Para ulama lain yang berkhidmat di Riau pada zaman itu ialah Habib Syeikh al-Sagaf, Sayyid Hassan al-Hadad, Kiyai Beranjang, Syahabuddin Abu Bakar Bugis, Haji Amin al-Banjari, Sayyid Abdullah Baharain, Syeikh Ismail dan Sayyid Ghulam al-Rasul (Drs. Ruswan, 1989:35, dengan memetik *Tuhfat al-Nafis* naskhah cetakan 1965:340-364).

Hasil daripada suasana keilmuan dan pendidikan yang demikian Riau telah melahirkan barisan penulis dengan hasil pena mereka yang begitu semarak terutama sekali dalam kerajaan Johor, Riau, Singapura dan Pahang dalam abad ke-19 yang dengan demikian telah menjadikan Riau sebagai satu daripada pusat ketamadunan dan persuratan Melayu Islam yang utama di Kepulauan Melayu. Penulis Riau yang terulung yang telah menjadi representatif bagi sebarisan penulis Riau yang lain tidak syak lagi ialah Raja Ali Haji (sekitar 1809-1872).

Namun sebelum bermulanya kekaryawanan Raja Ali Haji telah dikatakan sudah muncul di Riau beberapa karya persuratan Melayu misalnya *Syair Menyambut Sultan Bintan* (anonimous), *Syair Hari Kiamat* (pada awal abad ke-19 oleh seorang Arab yang tinggal di Riau), *Syair Siti Zawiyah* (sekitar 1830 oleh Bilal Abu), *Syair Haris* (sekitar 1830 oleh Lebai Abu Penghulu Penyengat), *Syair Raksi* (sekitar 1830 oleh Raja Ahmad Engku Haji Tua ayahanda Raja Ali Haji), *Syair Kisah Engku Puteri* (1831 oleh Engku Haji Tua), *Syair Sultan Yahaya* (1840 oleh Daeng Wuh) dan *Syair Perang Johor* (1844 diagangkan karya Engku Haji Tua) (lihat Drs. Ruswan, 1989:30). Begitu juga sezaman dengan kekaryawanan Raja Ali Haji sendiri terdapat sebarisan penulis antaranya Raja Ali bin Raja Ja'far (*Syair Hikayat Negeri Johor*, 1845/46), Raja Haji Abdullah Marhum Mursyid (*Syair Madi*, 1849), Raja Safiah

bte Raja Ali Haji (*Syair Kumbang Mengindera* 1850), Raja Haji Hasan bin Raja Ali Raja Ja'far (*Syair Burung*, 1859), dan lain-lain.

Raja Ali Haji sendiri telah menghasilkan kira-kira 12 karya sama ada karya asli ataupun terjemahan/saduran yang meliputi bidang agama Islam, sejarah, sastera, bahasa, politik dan lain-lain, berbentuk prosa ataupun puisi. Karya-karya beliau itu ialah *Gurindam Dua Belas* (1846/1847), *Sya'ir Abdul Muluk* (1846), mungkin bersama-sama saudara perempuannya), *Bustan al-Katibin* (1850), *Muqaddimah fi Intzam al-Wazaif al-Mulk Khususan il Maulana wa Sabihina Yang Dipertuan Muda Raja Ali al-Mudabbir Biladi al-Riauwiyyau wa Saira Dairahtihi* (1857), *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858/1859), *Tahamarat al-Muhimmah* (1858), *Salasilah Melayu dan Bugis* (1865), *Tuhfat al-Nafis* (1865), *Syair Hukum Nikah atau Suluh Pegawai* (1866), *Syair Siti Shianah* (1866), *Taman Permata* (?), dan *Syair Sinar Gemala Mastika Alam* (?).

Pada tahun 1890 telah lahir sebuah pertubuhan persuratan yang ulung di Riau iaitu Persekutuan Rusydiyyah hasil daripada daya usaha sebarisan cendekiawan Riau yang telah mencetuskan hasil pena para anggotanya kerana sebagai satu syarat keanggotaan, para ahli yang terdiri daripada kebanyakan para pembesar Riau mesti menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah karya. Dengan demikian muncullah penghasilan karya dalam pelbagai bidang daripada anggotanya, seperti bahasa, sastera, sejarah, politik, agama dan lain-lain. Untuk menyebarluaskan hasil itu sebuah badan percetakan telah ditubuhkan di Pulau Penyengat sekitar tahun 1894 iaitu *Matba'ah al-Riauwiyyah* atau *Matba'ah al-Ahmadiyah* (sempena nama Yang Dipertuan Muda Riau ke-10, Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi, tetapi berbeza dengan *Matba'ah al-Ahmadiyah* yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1920).

Sebagai kesimpulan, Riau pada kurun ke-19 telah menjadi pusat kebudayaan dan persuratan Melayu yang utama di Alam Melayu, dengan hasil karya yang banyak dan kumpulan karyawan yang ramai.

Kemerosotan Tamadun Melayu Islam

Kemerosotan dan penurunan tamadun Melayu Islam, seperti juga kemerosotan tamadun Islam amnya, berlaku apabila tiada lagi keseimbangan dan kesaksamaan antara tuntutan dan kekreatifan fizikal, mental dan spiritual; nilai kebendaan mengatasi kerohanian dan kekreatifan serta daya usaha intelek dan akal tidak dipandu oleh prinsip wahyu, ataupun sebaliknya keutamaan dan kecenderungan kepada nilai dan amalan kerohanian mengatasi tuntutan kebendaan, kekreatifan intelek dan akal fikiran.

Dari sudut faktor langsung pula tamadun runtuh apabila masyarakat menggunakan bahan sumber dan barang simpanannya untuk memenuhi kehendak-kehendak kemewahan dan kemegahan yang mengurangkan pelaburan untuk pertumbuhan masa depan; kadar penggunaan melebihi pengeluaran yang menyebabkan kenaikan harga barang dan inflasi. Juga keadaan kealpaan dan kecuaian pada peringkat masyarakat dan pemimpin negara telah mengabaikan kewaspadaan dan kehematan; kemalasan dan kelesuan telah mengetepikan kerajinan, kesungguhan, ketabahan dan keusahawanan, dan seumpamanya.

Tambahan lagi, akibat daripada pengaruh kebendaan,kekayaan, pangkat, kedudukan dan kekuasaan hasil daripada peningkatan aspek kebendaan tamadun, yang telah memerosotkan aspek akhlak dan etikanya, maka timbullah hasad dengki, dendam kesumat, penyelewengan dan pembelotan, keangkuhan dan kezaliman, perkelahian, perebutan kuasa dan pertumpahan darah sesama sendiri. Itu semua adalah keretakan dalaman yang berpunca daripada kerosakan ciri-ciri Islam, iman dan ihsan dalam diri manusia dan masyarakat Islam sendiri.

Keretakan dalaman itu apabila disertai pula oleh pencerobohan dan serangan dari kuasa luar yang lebih kuat yang berniat untuk menjajah, maka padahnya ialah perpecahan, kecundangan dan kehancuran. Gejala sedemikian juga telah berlaku dalam peristiwa kejatuhan pusat-pusat tamadun Melayu Islam yang disebutkan di atas.

Berikut ini diperturunkan detik-detik utama dalam deretan sejarah kebangkitan dan kecundangan serta naik turunnya tamadun Melayu Islam di Alam Melayu:

Sultan Perlak I Syed Maulana A. Aziz Syah (Sy'i'ah).....	840
Sultan Perlak Sultan Mukhdum Alauddin Malik Abdul Qadir Shah Johan Berdaulat (Sunni).....	928
Makhdum Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat menjadi raja di Samudra Pasai.....	976
Syeikh 'Abdullah 'Arif pengarang <i>Bahr al-Lahut</i> tiba di Pasai..	1165
Merah Silau Pasai diislamkan (Malik al-Saleh) oleh Syeikh Ismail al-Siddiq dari Makkah yang Memperkenalkan Mazhab Syafi'e.....	1261
Batu Bersurat Terengganu.....	1303
Malik al-Zahir puncak kegemilangan Pasai.....	1326
Ibn Batutah singgah di Pasai.....	1345
Syarif Abu Bakar menjadi Sultan Sulu Pertama.....	1405
Muhammad Syah (Awang Alak Betatar) Sultan Brunei.....	1408
Raja Melaka diislamkan (Sultan Muhammad Syah)	1414
Malik Ibrahim membuka Grisek di Jawa Timur	1419
Raden Patah membentuk kerajaan Demak.....	1450
S. Muzaffar Syah puncak kegemilangan Melaka	1456
Raden Rahmat mendirikan masjid Grisek.....	1479
Zainal Abidin menjadi Sultan Ternate I.....	1486
Paya Tanuqpa Raja Patani diislamkan (Sultan Ismail Shah).....	1500
S. Ali Mughyat Syah menjadi Sultan Aceh.....	1507
Kerajaan Islam Melaka ditawan oleh Portugis	1511
Kerajaan Hindu Majapahit dikalahkan Demak (Islam)	1514
Syarif Kebongsuan menubuhkan kerajaan Mindanao.....	1515
Megallen sampai di timur Kepulauan Melayu.....	1521
Kerajaan Islam Surabaya ditubuhkan.....	1525
Kerajaan Bantan diislamkan oleh Syarif Hidayatullah.....	1527
Sunda Kelapa (Jayakarta/Jakarta) diislamkan oleh Syarif Hidayatullah.....	1527
Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Sultan Johor I.....	1529
Kuasa Sepanyol menakluki Manila menjadikannya ibu negeri tanah jajahan barunya iaitu Phillipina.....	1570
Miguel Lopez bertapak di Cebu, Mindanao, Luzon, dll.....	1572
Sepanyol menyerang dan menawan Jolo dari Kesultanan Sulu	1578
Sultan Aluuddin Ri'ayat Syah sultan Aceh.....	1588
Hamzah Fansuri berkarya di Aceh (sekitar)	1600
Penubuhan V.O.C di Amsterdam oleh pemodal Belanda	
Untuk menjalankan perdagangan/penguasaan di Timur.....	1602
Henry Middleton tiba di Aceh mewakili Q. Elizabeth I.....	1602
Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam menjadi Sultan Aceh.....	1607
Pieter Both Governor I bagi V.O.C. menjadikan Jakarta	
Pusat dagangan Belanda pertama di Alam Melayu.....	1610
Sultan Agong Mataram menguasai Jawa Timur	1613
Inggeris membina pusat dagangannya di Jakarta.....	1615
Aceh melanggar Portugis di Melaka tetapi gagal.....	1619,1624
Belanda menawan Jakarta menamakannya Batavia dan memulakan kegiatan penjajahan di Alam Melayu.....	1691
Sultan Agong Mataram melanggar Belanda di Jakarta tetapi	

Pertumbuhan Tamadun Melayu Islam, Penjejasan dan Kemerosotannya

ditewaskan Belanda.....	1628
Syamsuddin al-Sumatra'i Syeikh al-Islam di Aceh (men.).....	1630
Siam melanggar Patani tetapi gagal menaklukinya.....	1634
Nuruddin al-Raniri tiba di Aceh.....	1637
Belanda bersekutu dengan Johor mengalahkan	
Portugis di Melaka dan Melaka dikuasai Belanda.....	1641
Sultan Hasanuddin menjadi sultan di Makassar.....	1653
Ibrahim Syah I (keturunan Pahang) menjadi sultan Johor, Riau dan Pahang.....	1673
Abdul Ra'uf al-Sinkeli Syeikh al-Islam Aceh (men.).....	1693
Bendahara Abdul Jalil menjadi Sultan Johor.....	1699
Daeng Merewa menjadi Yang Dipertuan Muda Riau I.....	1721
Sultan Zainal Abidin menjadi Sultan Terengganu pertama.....	1722
Tengku Muhammad Jiwa menjadi sultan Kedah.....	1741
S. Iskandar menjadi Raja Perak, zaman kemuncak Perak.....	1752
Raja Haji Yang Dipertuan Muda Riau menyerang Belanda di Melaka, tetapi gagal dan Baginda terbunuh.....	1784
Francis Light menduduki P. Pinang secara gadaian daripada Sultan Kedah dan membina George Town.....	1786
Siam menakluki Patani dan menjadikannya wilayah naungannya sehingga kini.....	1786
British menyerang Kedah dan mengambil terus P. Pinang.....	1791
Pulau Penyengat diserahkan kepada Bugis oleh S. Johor, berkembang menjadi pusat kebudayaan Melayu Islam.....	1805
Sultan Mahmud Johor mangkat, Bugis mengangkat Raja Abdul Rahman sebagai sultan manakala Temenggung dan Raffles melantik Raja Husin sebagai sultan.....	1812
Raffles membina gedung perdagangan di Singapura melalui perjanjian dengan Temenggong Johor.....	1819
S. Husin dan Temenggong Johor melepaskan kuasa ke atas Singapura kepada British dengan pampasan tahunan yang mengakhiri kuasa perdagangan entrepot Melayu di Alam Melayu.....	1823
Perjanjian British-Belanda memisahkan sempadan kuasa.....	1824
British membentuk Negeri-Negeri Selat (P. Pinang, Melaka, Singapura) di bawah Governor-General di India.....	1826
Pemberontakan Dol Said Naning terhadap British di Melaka.....	1831
Temenggong Ibrahim menjadi pemerintah Johor.....	1841
Abdullah Munsyi selesai menulis Hikayat Abdullah.....	1843
Raja Ali Haji Riau menulis Bustan al-Katibin.....	1850
Raja Ali Haji selesai menulis Kitab Pengetahuan Bahasa.....	1858
Abu Bakar anak Temenggong Ibrahim menjadi Sultan Johor.....	1861
Dr. Jose Rizal menggerakkan reformasi rakyat Filipina.....	1861-96
Raja Ali Haji selesai menulis Tuhfat al-Nafis.....	1865
Perjanjian Pangkor menandakan kemasukan kuasa British Ke Negeri-negeri Melayu	1874
J. W. Birch Residen Pertama Perak dibunuh.....	1875
Akhbar Jawi Peranakan diterbitkan.....	1876
Sepanyol mengalahkan S. Sulu dan menakluki wilayahnya.....	1878
Sekolah Inggeris King Edward VII Taiping didirikan memulakan	

Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia

sistem persekolahan sekular Inggeris di negeri Melayu.....	1883
Sekolah Inggeris Clifford didirikan di K. Kangsar.....	1889
Datuk Bahaman memberontak terhadap British di Pahang.....	1891
Gerakan kemerdekaan Katipunan dipelopori Bonifacio dan Rizal tetapi dipatahkan oleh Sepanyol.....	1892
Persekutuan Rusydiyyah dibentuk oleh Bangsawan Riau.....	1892
Percetakan Matba'ah al-Riauwiyyah ditubuhkan di Riau.....	1894
Victoria Institution didirikan di K. Lumpur.....	1894
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibentuk beribu negeri di K. Lumpur di bawah Residen-General melunturkan kuasa Raja Melayu di Selangor, Perak, N. Sembilan, Pahang.....	1896
Rizal dihukum bunuh oleh Sepanyol membangkitkan pemberontakan popular rakyat Filipina.....	1896
Ejaan Rumi van Ophuijsen digunakan di Indonesia.....	1897
Peperangan Sepanyol-Amerika, Filipina ditakluki Amerika.....	1898
Aguinaldo diisyiharkan Presiden Kerajaan Revolusi Filipina yang melancarkan perang gerila terhadap kuasa Amerika.....	1899
Raden Adjeng Kartini mencadangkan pendidikan untuk wanita Indonesia.....	1899
Pembentukan Ejaan Rumi Wilkinson di negeri Melayu.....	1900
Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) didirikan.....	1904
Penubuhan Budi Utomo di Indonesia	1905
Perjanjian Bangkok, Patani kekal di bawah Siam, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis di kuasai British.....	1908
Federal Council dibentuk diketuai High Commisioner melemahkan negeri-negeri Melayu dan mengukuhkan kerajaan pusat.....	1909
Pondok Tok Kenali Kelantan ditubuhkan.....	1910
Serekat Islam ditubuhkan membangkitkan semangat Islam di Indonesia cetusan dari Sumatra berpunca dari Mesir.....	1912
Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan didirikan.....	1915
Perhimpunan pertama Sarekat Islam seluruh Indonesia, menuntut pemerintahan sendiri dalam persatuan kuasa Belanda.....	1917
Madrasah al-Masyhor P. Pinang didirikan S. Syeikh al-Hadi.....	1919
SITC didirikan menggabungkan Maktab Melayu Melaka (1900) dan Maktab Melayu Matang (1913) melahirkan guru dan barisan nasionalis Melayu prazaman kuasa Jepun.....	1922
Biro Terjemahan dipindahkan ke SITC memesatkannya.....	1924
Majalah Guru diterbitkan di SITC.....	1924
Jelutung Press didirikan di P. Pinang oleh S. Syeikh al-Hadi.....	1927
PNI (Perserikatan Nasional Indonesia) ditubuhkan pimpinan Sukarno memperjuangkan revolusi nasional Indonesia.....	1927
Sumpah Pemuda di Kongres Pemuda Indonesia mengakui Satu Nusa, Satu Bangsa, satu Bahasa: Indonesia.....	1928
Kesatuan Muda Melayu (KMM) dibentuk oleh intelejensi berpendidikan Melayu menjadi asas politik radikal Melayu.....	1938
Pengisytiharan Malayan Union setelah MacMichael mendapatkan tandatangan para Sultan menyatakan SS, FMS dan UMS.....	1946
Kongres Melayu Semalaya di J. Baharu oleh 200 pertubuhan Melayu menentang Malayan Union,	

tertubuhnya UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn Ja'far.....	1946
Malayan Union dimansuhkan dan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan yang mengekalkan kedudukan para Sultan, negeri-negeri Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan kewarganegaraan dikenakan, seorang Pesuruhjaya Tinggi British dilantik bukan Governor (seperti dalam cadangan Malayan Union).....	1948
Pesuruhjaya Tinggi British Gerald Templer berusaha memberi kuasa kepada pemimpin tempatan dengan mengadakan Pilihan raya kuasa tempatan di Kuala Lumpur yang menyatukan UMNO Selangor dengan MCA.....	1952
Pilihan raya Umum pertama Per. Tanah Melayu dimenangi Parti Perikatan sebanyak 51 kerusi daripada 52, Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri P.T. M.....	1955
Parti Pas terbentuk dan keluar dari UMNO untuk bertanding dalam Pilihanraya Pertama dan memenangi satu kerusi.....	1955
Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan.....	1956
Reid Commission membentuk Perlembagaan P.T.M. memberi kewarganegaraan melalui syarat kelahiran, mastautin dan sumpah taat setia, sambil memberi kedudukan istimewa Melayu sebagai penduduk asal pada 1955 dan diterima Majlis Legislatif P.T.M.....	1957
Kemerdekaan P.T.M., Tk. Abdul Rahman Perdana Menteri I.....	1957
Laporan-laporan Barnes (1951), Razak (1956) Rahman Talib (1960) memperakarkan sistem pendidikan yang tunggal.....	1951/1956/1960
Malaysia (P.T.M., Singapura, Sabah, Sarawak) dibentuk.....	16 Sept 1963
Singapura keluar dari Malaysia.....	1965
Peristiwa berdarah GESTAPU, Sukarno letak jawatan.....	1965
Suharto menjadi Presiden Indonesia.....	1966
ASEAN (Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina) dibentuk.....	1967
Rusuhan perkauman sesudah pilihan raya umum ke-4, darurat diisyiharkan, Parlimen digantung, MAGERAN dibawah Tun A. Razak berkuatkuasa.....	13 Mei 1969
Rukun Negara dibentuk dan dilancarkan.....	1970
Semua mata pelajaran darjah satu dalam Bahasa Malaysia.....	1970
Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan (mengurangkan jurang perbezaan ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan jangka panjang melalui pembasmiaran kemiskinan dan perombakan masyarakat).....	1971-1999
Pemindaian Perlembagaan memasukkan perkara sensitif: Kedudukan Raja-Raja, keistimewaan Bumiputera, status bahasa Kebangsaan, kewarganegaraan dan Islam, juga mengadakan kuota Bumiputera di IPTA.....	1971
Parti Barisan Nasional dibentuk oleh Tun A. Razak.....	1971
Tun Razak meninggal, Hussein Onn menjadi P.Menteri.....	1976
Pilihan raya dimenangi BN dengan tiga perempat majoriti.....	1978
Hussein Onn letak jawatan, Dr. Mahathir jadi P.M yang melancarkan 8 dasarnya: bersih-cekap-amamanah, pandang ke Timur, penswastaan, persyarikatan Malaysia, kepimpinan	

Pemerkasaan Tamadun Melayu Malaysia

melalui teladan, dasar luar bebas, perindustriaan berat negara, penerapan nilai Islam, dan tambahan “buy British last”	
Musa Hitam letak jawatan TPM.....	1981
Konflik Team A –Team B dalam pemilihan MT UMNO, Dr. Mahathir menang tipis ditentang oleh Tg. Razaleigh.....	1986
Pengharaman UMNO oleh Hakim Harun Hashim.....	1987
Penubuhan UMNO Baru Dr. Mahathir sebagai Presiden.....	1988
Penubuhan Semangat 46 Tg Razaleigh sebagai Presien.....	1989
Pilihan raya ke-8, BN menang dua pertiga kerusi Parlimen tetapi Kelantan ditawan oleh gabungan Pas-Semangat 46.....	1990
Pelancaran Wawasan 2020 P.M. Dr. Mahathir.....	1991
Penubuhan Sekretariat Melayu Antarabangsa oleh GAPENA dan kerajaan Selangor (M.B. Muhammad Taib).....	1996
Kegawatan ekonomi dan politik melanda Asia.....	1997
Suharto letak jawatan, Habibie jadi Presiden Indonesia.....	1998
Nilai Ringgit turun US\$1 = RM4.88.....	1998
Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dibentuk.....	1998
Pemecatan dan penangkapan TPM Malaysia, perpecahan UMNO, dan penubuhan Parti Keadilan.....	1998
Pilihan raya ke-10, BN kekal dua pertiga kerusi Parlimen, tetapi Kelantan dan Terengganu ditawan PAS, jumlah kerusi UMNO merosot, perpecahan Melayu meruncing.....	1999
Pilihan raya Indonesia, A. Rahaman Wahid menjadi Presiden.....	1999

Nota

¹ Peter Riddell dalam tesis Ph. D beliau, setelah meneliti dan membandingkan Tarjuman al-Mustafid oleh Abdul Ra'uf dengan Tafsiran al-Baidawi dan Tafsir al-Jalalain, mendapati bahawa tafsir Abdul Ra'uf itu sebenarnya berasaskan Tafsir al-Jalalain bukannya al-Baidawi (P. Riddell, 1990:62-63).

L
c
B
s
a
F

P
y
k
ta
p
ba
d
oh
da
m
on
te
ke
ke
ser
di

K
K

De
me

Merekonstruksi dan Memperkasa Kembali Tamadun Melayu

Strategi dan Operasi dalam Proses Merekonstruksi Tamadun Melayu

Kini dengan petanda keruntuhan tamadun materialistik-sekular Barat dari perspektif kemanusiaan yang semakin gawat dan meruncing (lihat penegasan Albert Schweitzer, Arthur Schlesinger dan David Lyon dalam Bab 1), dunia seolah-olah sedang menunggu tamadun Islam bangkit kembali untuk menjadi penyelamat dan pembimbing kepada seluruh umat manusia, supaya sekali lagi membina tamadun dunia di atas enam asas yang kukuh dan perenial itu, seperti yang berlaku pada kurun ke-7 Masihi dalam zaman Kegelapan Dunia Barat dahulu.

Untuk menyediakan tamadun Islam supaya berupaya menjadi penyelamat dan pembimbing kepada seluruh umat manusia seperti yang telah dilakukannya pada abad ke-7 Masihi, proses rekonstruksi kekuatan dalamannya harus dilakukan. Asas kekuatan dalam tamadun bukan terletak pada kekuatan peralatan kebendaan tetapi pada diri manusia yang menganggotai masyarakatnya, iaitu manusia baik yang disemai dan dipupuk sepenuhnya dengan nilai Islam, Iman dan Ihsan. Manusia beginilah yang diberi jaminan kejayaan hakiki oleh Allah, seperti yang termaktub di dalam banyak ayat al-Quran dan Hadis. Kelompok manusia demikianlah yang akan melahirkan, membentuk, memantapkan dan memanfaatkan segala sistem dan organisasi sosial, segala kemajuan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, segala keindahan dan kehalusan seni, segala ketertiban dan kerukunan hukum dan undang-undang dan segala prasarana dan kemudahan alam, bagi kemaslahatan umum demi keredaan Allah semata-mata. Proses merekonstruksi ini ditujukan terutamanya kepada diri manusia itu iaitu hati budinya, akhlaknya dan tindak-tanduknya.

Kebangkitan Asia pada Akhir Kurun ke-20 dan awal Kurun ke-21

Dekad-dekad terakhir kurun ke-20 dan awal kurun ke-21 menampakkan kebangkitan negara-negara Asia Timur yang amat cerah

dan bergemerlapan terkenal dengan "harimau atau naga Asia yang baru". Walaupun pada tahun 1997-99 kebangkitan itu terjejas sedikit dengan kejatuhan nilai mata wang, harga pasaran saham lemah dan harga barang dan pelaburan asing yang merudum, tetapi gejala itu seolah-olah banjir untuk menghanyutkan buih-buih anasir penyelewengan, rasuah, kronisme dan nepotisme dalam kerajaan yang telah digulingkan di Korea Selatan, Thailand, Indonesia dan Taiwan. Namun, kini kelihatan tanda-tanda kebangkitan semula negara-negara itu mulai cerah kembali.

Sesungguhnya bukan secara kebetulan tetapi memang sudah dirancangkan Allah Yang Maha Perancang bahawa termasuk dalam kumpulan negara Asia ini ialah beberapa buah negara atau wilayah Melayu Islam yang mempunyai jumlah hampir satu perempat bilion manusia yang merangkumi negara Malaysia, Brunei, Indonesia dan wilayah-wilayah Mindanao Filipina Selatan serta Patani di Selatan Thai dan Singapura. Hakikat ini seolah-olah memberikan amanah kepada umat Melayu Islam bahawa medan usaha untuk membangkitkan kembali, menyebarkan dan menegakkan Islam ke seluruh Asia Tenggara dan Asia Jauh terletak di atas bahu orang Melayu Islam, seperti yang telah dilakukan oleh nenek moyang sejak kurun ke-15 lagi. Walaupun di Indonesia dan Malaysia kini pergolakan politik dan sosial sedang berlaku dengan agak hebat tetapi dari satu segi ianya boleh dilihat sebagai fasa "muhasabah diri", "pencarian dan pengukuhan kekuatan dalaman"; satu macam *constructive destruction*, yang diisyaratkan oleh al-Quran sebagai proses banjir untuk mengapungkan anasir buruk dalam bentuk buih-buih (*zabadun*) yang akan dihanyutkan oleh arus banjir itu untuk meninggalkan barang yang berharga dan berfaedah di atas bumi yang akan memberi manfaat kepada manusia (maksudnya):

Ia (Tuhan) menurunkan air (hujan) dari langit lalu membanjiri tanah-tanah lembah menurut kadarnya yang ditetapkan oleh Tuhan untuk faedah makhluk, kemudian banjir itu membawa buih-buih (*zabadun*) yang terapung-apung... adapun buih itu akan lenyap hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia akan tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misalan perbandingan.

(Surah al-Ra`d:17)

Muslim, Mukmin dan Muhsin: Golongan Pembina Tamadun Islam

Telah dinyatakan di atas, bahawa matlamat tamadun Islam tidak pernah ditujukan kepada kemajuan sains dan teknologi dan segala prasarana, peralatan dan binaan fizikal yang terhasil daripadanya, tetapi kepada penyempurnaan hakikat diri manusia atau *nafs*. Segala pembangunan dan kemajuan dalam sains, teknologi, sistem dan organisasi, prasarana dan peralatan sekadar latar dan wadah untuk membantu dan memudahkan pencapaian kemajuan diri manusia itu. Ini dibayangkan dengan jelas oleh pemeriksaan dan penilaian yang akan dihadapkan kepada setiap manusia ketika memasuki alam kubur dan kebangkitan di padang mahsyar untuk menentukan sama ada seseorang itu akan memperoleh kejayaan mutlak dan muktamad ataupun sebaliknya. Soalan-soalan yang akan dikemukakan merupakan proses penilaian ke atas perkara dan taraf yang sebenarnya dicapai oleh setiap manusia sama ada kecemerlangan ataupun sebaliknya ketika dia berada di dunia ini. Penilaian itu ialah peperiksaan yang terakhir dan keputusannya sama ada kejayaan ataupun kegagalan adalah muktamad.

Di dalam kubur manusia akan diperiksa tentang apa hakikat kandungan hatinya iaitu dari segi kepercayaan dan keyakinannya:

- (a) keyakinan kepada Allah sebagai Tuhannya (jawapan bagi soalan "Siapa Tuhan Kamu? (Ma Rabbuka?)")
- (b) keyakinan kepada Rasulullah sebagai Nabi ikutannya (jawapan kepada "Siapa Nabi kamu? (Ma Nabiyukka?)")
- (c) keyakinan kepada Islam sebagai dinnya (jawapan kepada "Apa din kamu? (Ma dinuka?)")
- (d) keyakinan kepada Quran sebagai pemandunya (jawapan kepada "Apa panduan kamu? (Ma imamuka?)")

Semua soalan itu tidak akan terjawab jika hatinya tidak benar-benar tersemai dengan keyakinan dan penerimaan sepenuhnya dengan perkara-perkara yang disebutkan, iaitu:

Bahawa Allah ialah Penjagaku dan Pemberi rezekiku, bukan pekerjaanku, majikanku dan negaraku yang hanya sekadar asbab yang wajib dicari .

Bahawa Muhammad ialah Nabiku dan contoh teladanku (*uswah*), bukan tokoh barat atau tokoh timur atau tokoh semasa.

Bahawa Islam ialah *dinku* (bawaan, kecenderungan dan tatasusila seluruh kegiatan hidupku) bukan sistem dari barat, timur atau sistem

semasa. Bahawa Quran ialah pemanduku, bukan buku, kitab dan *manual* dari barat, timur atau semasa.

Di Padang Mahsyar empat soalan akan dikemukakan kepada setiap manusia berkaitan dengan perbuatan, gelagat dan seluruh hidupnya semasa di dunia:

- (i) Apa yang kamu lakukan dengan tubuh badan anggota kamu dalam setiap detik dan masa sepanjang umurmu sejak akil baligh sehingga maut, sama ada perbuatan yang haram, harus, makruh, wajib atau sunat, yang akan diberi balasan setimpalnya
- (ii) Apa yang kamu lakukan dengan kemudahan kamu ketika kamu penuh bertenaga dan bersemangat sama ada ianya dimanfaatkan untuk amalan yang soleh dan perbuatan yang baik ataupun sebaliknya digunakan untuk menurut hawa nafsu syahwat kamu yang melonjak-lonjak dan membara
- (iii) Bagaimana kamu memperoleh setiap harta benda kamu dan bagaimana pula dibelanjakannya, sama ada secara halal, haram, makruh, sunat atau harus
- (iv) Bagaimana kamu mempergunakan ilmu kamu sama ada untuk diamalkan, diajar dan dimanfaatkan kepada makhluk lain untuk membanteras kejahilan, kezaliman dan kecelaruan, ataupun untuk bermegah-megah, meninggikan pangkat dan kedudukan, membolot kebendaan, memanipulasi, menindas dan menjatuhkan orang lain dan untuk kepentingan diri dan suku sakat kamu sahaja

Oleh yang demikian segala kemantapan dan kecekapan sistem dan organisasi sosial, segala kemajuan ilmu sains, teknologi dan prasarana, segala keindahan dan kehalusan seni, pengungkapan dan pengucapannya, segala ketertiban dan kerukunan undang-undang dan hukum hakam yang mampu melahirkan sebuah tamadun, semua itu bertujuan semata-mata untuk menjadi wadah dan latar bagi melahirkan seorang insan yang baik, yang akan disemai dan dipupuk dengan Islam, Iman dan Ihsan supaya dia penuh bersedia untuk diperiksa dan dinilai dengan soalan-soalan di alam kubur dan di Padang Mahsyar yang akhirnya membawaikan kejayaan yang besar iaitu *al-fāzu al-'azīm* atau sebaliknya, seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran, Surah Ali 'Imran:185 (terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran, BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri:1995:171):

Setiap diri akan merasai maut, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam

syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kemewahan dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya. (Oleh itu awaslah daripada dilalaikan dan diperdayakan oleh kesenangan dunia dan kemewahannya; sebaliknya semuanya itu untuk amal kebaikan bagi mencapai kesenangan dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak).

Prinsip, Latar dan Prasarana Pembinaan Tamadun Islam

Sebagai latar, persekitaran dan wadah bagi pemupukan dan pembentukan seorang peribadi Muslim, Mukmin dan Muhsin maka sebuah keluarga dan komuniti atau masyarakat diperlukan, kerana pemupukan dan pembentukan peribadi demikian tidak akan dapat dilakukan dalam satu vakum. Islam ialah agama yang berjamaah, bermasyarakat dan berorganisasi. Apabila Rasulullah s.a.w. menerima Islam melalui wahyu dari Allah dan diperintah untuk disebarluaskan (pada 610), maka Baginda telah mendakwahkan Islam pada tahap ini selama 13 tahun kepada seluruh penduduk Makkah, Taif dan juga kepada para pengunjung Baitullah (yang dipenuhi dengan 360 patung berhala) semasa musim haji Jahiliyah. Para pemeluk agama Islam pada tahap ini dianggap sebagai jamaah sahabat yang dibentuk atas dasar persatuan akidah dan keakraban saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam penganutan Islam untuk menangkis tekanan dan penentangan kaum musyrikin.

Apabila mereka berhijrah (pada 622) ke Yathrib (kemudian dinamakan *Madinah al-Rasūl*), maka kumpulan penghijrah dari Makkah (*Muhājirin*) dan kumpulan pembantu di Madinah (*Anṣār*) telah membentuk sebuah organisasi sosial Islam yang dibina untuk memenuhi segala aspek keperluan sebuah masyarakat, yang boleh digolongkan ke dalam empat jenis kegiatan yang besar iaitu:

- (i) penyaraan hidup secara Islam yang memerlukan pula sistem ekonomi Islam bagi mengatur segala kegiatan yang berkaitan dengannya
- (ii) penjagaan dan penjaminan keselamatan dan kesejahteraan hidup yang memerlukan undang-undang, pentadbiran dan kepimpinan cara Islam yang cekap iaitu sistem politik, penghakiman, pentadbiran dan penjagaan keselamatan, demi menegakkan kerukunan hidup, keselamatan diri dan harta benda serta kesejahteraan dan kedamaian
- (iii) pengasuhan, pemupukan, pengembangan, perhubungan, persahabatan dan teman hidup yang memerlukan sistem

pendidikan, sosialisasi, komunikasi, interaksi, nikah kahwin, nilai akhlak, moral dan etika, rekreasi dan kreativiti secara Islam dan hubungan antarabangsa berasaskan prinsip saling hormat-menghormati dan penegakan kedamaian

- (iv) penyebaran dan pendakwahan kefahaman, amalan dan penghayatan Islam, Iman dan Ihsan di dalam negara dan juga ke seluruh alam sehingga akhir zaman, kerana syariah Islam inilah yang disahkan dan diperakukan oleh Tuhan sebagai agama terakhir yang absah bagi seluruh manusia sehingga akhir zaman.

Dasar dan prinsip itu sebenarnya merupakan asas bagi pembentukan sebuah pemerintahan, budaya dan tamadun yang diperlukan untuk dijadikan latar dan persekitaran sosial dan budaya bagi melahirkan manusia yang Muslim, Mukmin dan Muhsin. Inilah yang dimaksudkan dengan kenyataan bahawa tujuan dan matlamat tamadun Islam bukan kemajuan ilmu, sains, teknologi, peralatan dan segala prasarana, tetapi kemajuan itu semua ialah untuk melahirkan manusia yang Muslim, Mukmin dan Muhsin. Ini berdasarkan hadis yang masyhur termaktub dalam Muslim dan Bukhari (yang dikenali sebagai Hadis Jibrail a.s.) iaitu:

Umar ibn al-Khattab berkata, "Pada suatu hari ketika kami bersama-sama Rasulullah s.a.w. seorang lelaki yang berpakaian putih dan berambut hitam datang kepada kami. Tidak ada tanda kesan perjalanan padanya, dan tiada seorang pun di kalangan kami mengenalinya. Lalu dia duduk berhadapan Rasulullah s.a.w., lututnya bertemu lutut Rasulullah s.a.w., sambil meletakkan tangannya di atas paha baginda, dia berkata, "Terangkan kepadaku apakah erti Islam?"

Dijawab oleh Baginda, "Islam ialah bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad ialah Pesuruh-Nya, mendirikan solat, membayar zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, dan naik haji ke Baitullah jika kamu mampu."

Maka orang itu berkata, "Anda telah berkata benar." Kami terperanjat dengan soalannya dan pengesahannya kepada jawapan Baginda.

Dia bertanya lagi, "Terangkan kepadaku apakah Iman?"

Dijawab baginda, "Iman ialah percaya kepada Allah, kepada malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya, para Rasul-Nya, kepada hari Akhirat, dan kepada qadak dan qadar."

Dia memberi ucapan baginda, dan bertanya lagi, "Terangkan kepadaku apakah ihsan?"

Jawab Baginda, "[Ihsan ialah] kamu beribadat kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, dan seandainya kamu tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihat kamu."

... Sesudah orang itu pergi Rasulullah s.a.w. bersabda "Itulah Jibrail yang datang untuk mengajar manusia *din* (agama) mereka".

Hadir di atas sebenarnya mengandungi prinsip keseluruhan Islam, dan seperti yang telah ditegaskan, merupakan matlamat untuk dicapai dan direalisasikan oleh setiap insan. Oleh yang demikian Islam, Iman dan Ihsan merupakan objektif dan matlamat daripada segala sistem dan organisasi, pendidikan dan pemupukan, pembinaan dan pembangunan, pengajian dan pengilmuan, pemerintahan dan pentadbiran, perundangan dan penghakiman, penyaraan dan pembiayaan, rekreasi dan kreativiti; ringkasnya seluruh kehidupan berkeluarga, bermasyarakat, berbudaya dan bertamadun.

Apabila Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah, Baginda telah membentuk sebuah pemerintahan Islam dengan sebuah perlembagaan yang berwibawa yang dikenali sebagai perlembagaan atau undang-undang Madinah (*Dustūr al-Madinah*) yang intisari kandungannya boleh disimpulkan seperti berikut (dipadankan daripada Dr. Muhammad Hamidullah *Majmu'at al-Watha'iq al-Siyasiyyah* (*Himpunan Dokumen Politik*): 39-47):

- (a) Ini ialah sebuah dokumen daripada Muhammad untuk mengatur hubungan di antara orang Mukmin dan Muslim daripada kaum Quraisy Makkah dan orang Yathrib (Madinah) dan yang mengikuti mereka itu yang bergabung dan bekerjasama sesama mereka
- (b) Mereka umat Islam di Yathrib dan kaum Quraisy ialah satu umat manakala yang lain yang bukan Islam di luar golongan mereka
- (c) Kaum Quraisy penghijrah dari Makkah bebas melaksanakan kebiasaan mereka; menerima atau membayar tebusan darah (*diyat*) dan menebus tawanan mereka sendiri dengan cara yang baik dan adil di antara sesama orang yang beriman. Demikian juga halnya dengan orang-orang Yathrib daripada suku-suku Bani Auf, Bani Sa'idah, Bani al-Harith bin al-Khazraj, Bani Jasyam, Bani Najjar, Bani Amru bin Awf, Bani al-Nabit dan Bani al-Aus,
- (d) Di kalangan orang yang beriman:
 - (i) tidak boleh mengabaikan sesama sendiri tanpa dibantu untuk menebus tawanan atau membayar *diyat* mereka
 - (ii) tidak boleh mengikat perjanjian dengan sesiapa untuk memusuhi orang Islam yang lain
 - (iii) harus melawan orang yang melakukan kejahatan, kezaliman, kerosakan dan dosa walaupun di kalangan mereka sendiri mahupun terhadap anak mereka sendiri

- (iv) tidak boleh membunuh sesama sendiri untuk kepentingan orang kafir atau membantu orang kafir memusuhi orang Islam
- (e) Perjanjian tentang perlindungan Allah adalah satu; orang Islam yang lemah akan diberi perlindungan sehingga mereka menjadi kuat, dan antara mereka adalah bersaudara; sentiasa saling membantu antara satu sama lain
- (f) Orang Yahudi yang mengikuti langkah orang Islam akan memperoleh pertolongan dan hak yang sama, dan mereka tidak akan dianiaya dan dimusuhi
- (g) Perjanjian damai yang dilakukan oleh orang Islam hendaklah satu sahaja; tidak dibenarkan mengadakan perjanjian damai dalam peperangan di jalan Allah dengan meninggalkan yang lain; keadaan mereka harus sama-sama telus dan sejajar antara satu sama lain
- (h) Orang Islam semestinya memilih pemimpin sesama mereka sendiri
- (i) Semua orang Islam harus membela sesama mereka yang gugur di jalan Allah
- (j) Orang Islam yang bertakwa kepada Allah menyukai kebaikan dan nasihat yang jujur
- (k) Tiada seorang pun orang Islam dibenarkan mengambilkekayaan orang Quraisy penghijrah atau menguasai mereka
- (l) Sesiapa pun yang membunuh orang Islam tanpa alasan yang munasabah maka dia akan dikenakan balasan *qisas* yang setimpal kecuali jika keluarga yang terbunuh itu dengan ikhlas menerima tebusan darah (*diyat*), dan semua orang Islam haruslah memusuhi si pembunuh itu dan tidak berdiam diri
- (m) Orang Islam yang telah mengiktiraf isi dokumen ini yang percaya kepada Allah dan hari akhirat, tidak dibenarkan menolong atau membela para pelaku kejahatan, dan sesiapa yang berbuat demikian akan menerima kutukan Allah pada hari kiamat dan tidak ada sebarang tebusan yang boleh diterima
- (n) Jika ada di antara umat manusia yang berselisihan pendapat maka hendaklah mereka rujuk kepada Allah (iaitu Quran) dan Rasul-Nya (iaitu Hadis) untuk penyelesaiannya
- (o) Orang Yahudi hendaklah menanggung bersama pembiayaan peperangan dan ikut serta berjuang bersama-sama orang Islam
- (p) Orang Yahudi daripada suku Bani Awf dan pengikut mereka adalah segolongan dengan orang Islam (iaitu orang Yahudi penganut agama mereka manakala orang Islam penganut agama mereka sendiri), kecuali yang melakukan penganiayaan dan dosa yang sebenarnya mereka ini telah menghancurkan diri mereka

sendiri dan keluarga mereka. Hal yang sama juga berlaku dengan orang-orang Yahudi Bani al-Najjar, Bani al-Harith, Bani Sa'idah, Bani Thalabah, Bani Aus, Bani Jusyam, Bani al-Syutaibah, orang merdeka dari kalangan Bani Thalabah, dan termasuk juga teman-teman terdekat orang Yahudi

- (q) Tidak seorang pun daripada golongan orang Yahudi itu boleh keluar daripada Madinah tanpa keizinan Rasulullah s.a.w (untuk mengelakkan pembelotan), kecuali untuk menuntut balas kerana dicederakan misalnya diserang tanpa amaran terlebih dahulu, sama ada ke atas diri sendiri atau keluarga. Jika kejadian demikian akibat daripada kesalahan diri mereka sendiri maka Allah akan menentukannya
- (r) Orang Yahudi harus menanggung nafkah mereka sendiri dan orang Islam juga menanggung nafkah mereka sendiri. Antara satu dengan yang lain harus senantiasa membantu menghadapi sesiapa sahaja yang akan menyerang mana-mana pihak yang menandatangani perjanjian perlembagaan ini. Mereka juga harus memberi dan menerima nasihat antara satu sama lain, dan mesyuarat serta kesetiaan bersama ialah kaedah untuk mempertahankan diri daripada serangan pengkhianat. Seseorang itu tidak bertanggungjawab di atas kesalahan orang lain, namun dia wajib berusaha untuk membawa orang yang bersalah kepada kebenaran
- (s) Orang Yahudi berkewajipan mengeluarkan pembiayaan peperangan bersama-sama orang Islam selagi peperangan terus berlaku
- (t) Madinah hendaklah menjadi tempat yang suci (daripada kejahatan) bagi penduduk yang sama-sama menandatangani dokumen ini
- (u) Orang asing dilindungi seperti juga tuan rumah asalkan mereka tidak bersalah dan bukan penjahat. Namun perlindungan bagi orang asing hendaklah atas persetujuan pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian ini
- (v) Sekiranya terjadi perselisihan yang menyebabkan timbulnya kesulitan di kalangan mereka yang terlibat dalam perjanjian ini, maka penyelesaian hendaklah dikembalikan kepada Allah (iaitu al-Quran) dan Rasulullah s.a.w. (iaitu Hadis). Allah bersama-sama dengan orang yang teguh dan setia terhadap penjanjian
- (w) Orang Quraisy musyrikin (bukan Islam) dan sesiapa sahaja yang membantu mereka itu tidak boleh diberi perlindungan
- (x) Semua pihak hendaklah saling membantu menghadapi sesiapa sahaja yang menyerang Yathrib (Madinah)

- (y) Jika mereka mengajak berdamai orang Islam harus menerimanya. Sekiranya mereka meminta bahagian yang sama dengan orang Islam harus juga dipenuhi, kecuali dalam kes perang kerana perintah agama
- (z) Setiap orang bagi pihaknya sendiri ada bahagiannya masing-masing
- (i) Orang Yahudi daripada golongan Aus dan golongan mereka yang sudah dimerdekakan adalah sama tinggi dengan penduduk yang lain dalam memenuhi kesetiaan terhadap semua pihak dalam perjanjian ini. Kesetiaan ialah satu bentuk perlindungan melawan pengkhianatan. Orang yang melakukan sesuatu kejahatan hendaklah memikul sendiri segala akibatnya. Allah bersama-sama dengan orang yang patuh terhadap perjanjian ini
- (ii) Orang yang zalim dan derhaka tidak dilindungi oleh perjanjian ini. Sesiapa yang keluar untuk berjuang atau tetap tinggal di Madinah keselamatannya tetap terjamin, kecuali jika ia melakukan kezaliman dan kejahatan. Allah selalu melindungi sesiapa sahaja yang beramal baik, bertakwa kepada Allah dan mengakui Muhammad s.a.w. sebagai utusan-Nya.

Hukum Allah dalam bentuk prinsip yang diwahyukan sedikit demi sedikit sehingga ke tahap kesempurnaan apabila ayat terakhir diturunkan (al-Maidah (5): 3), telah diaplikasikan ke atas penghidupan masyarakat dan ummah pada masa itu oleh Rasulullah s.a.w. juga melalui wahyu. Oleh yang demikian mengikut Prof. Khurshid Ahmad (1984: 18-19);, bekas Menteri Perancangan dan Pembangunan Pakistan (1978-79), Pengerusi Institute of Policy Studies, Pakistan, Pengerusi Islamic Foundation Leicester, U.K., dan Pengerusi/Profesor di Islamic University Islamabad's International Institute of Islamic Economics:

The basic problems of life remain the same in all ages and climes, but the ways and means to solve them and the techniques of handling the phenomenon undergo change with the passage of time... The Qur'an and the Sunnah contain the eternal guidance given by the Lord of the universe. This guidance comes from God who is free from the limitation of space and time and as such the values and principles of individuals and social behaviour revealed by Him are based on reality and are eternal. But God only revealed broad principles and has endowed man with the freedom to apply them in every age in the way suited to the spirit and condition of that age. It is through *ijtihad* that people of every age try to implement and apply divine guidance to the problem of their times. Thus the basic guidance is of permanent nature, while the methods of its application can change

in response to the peculiar needs of every age. That is why Islam always remains as fresh and modern as tomorrow's morn.

Prof. Khurshid Ahmad juga telah menegaskan bahawa:

In our search for a new world order today, Islam emphasizes that we must aspire to a new system of life which could approach human problems from different perspective; not merely from the perspectives of limited national and regional interest, but from the perspective of what is right or wrong, and how best we can strive to evolve a just and humane world order at different levels of our existence; individual, national and international.

Ciri-ciri Asas Pemerintahan Islam Pencetus Kerajaan Melayu Islam

Mengikut Prof. Khurshid Ahmad lagi, sistem politik Islam adalah sebahagian daripada *Din al-Islam* atau keseluruhan penghidupan Islam. Politik dan agama boleh disamakan dengan dua muka daripada satu duit syiling, yang membentuk kesatuan yang saling melengkapi dan tidak boleh dipisahkan. Oleh itu pemerintahan Islam adalah satu daripada institusi terpenting bagi masyarakat Islam dengan *rason d'eterny* bukan hanya untuk menjaga pelaksanaan undang-undang dan ketenteraman awam, keselamatan dan kesejahteraan rakyat, tetapi juga menegakkan keadilan sosial, penghidupan yang bermoral dan berakhlaq mulia melalui penganjuran kepada kebaikan dan pencegahan daripada kemungkar dan menuntut keredaan Allah.

Oleh yang demikian pemerintahan Islam (istilah Khurshid Ahmad ialah *Islamic state*)¹, mengikut beliau lagi (*ibid.*: 21), dicirikan oleh sifat-sifat berikut:

- (a) Tugas utamanya seperti yang ditegaskan oleh al-Quran (al-Hajj (22):41) (maksudnya): "Iaitu (mereka) yang apabila Kami berikan kuasa memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat, mengeluarkan zakat, dan mereka menyuruh (rakyatnya) berbuat kebaikan (iaitu segala amalan Islam, iman dan ihsan), serta melarang (rakyatnya) daripada melakukan kemungkaran (iaitu yang berlawanan dengan Islam, iman dan ihsan). Dan ingatlah bagi Allah jua kesudahan segala urusan". *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, BAHAIS, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1995, nota kaki 1042, hlm. 852, telah memberi tambahan keterangan kepada ayat ini seperti berikut, "... dan sekiranya mereka memegang

kuasa nescaya mereka akan menjalankan hukum-hukum syariat Islam dengan sempurna”

- (b) Kuasa mutlak dimiliki Allah semata-mata kerana seluruh alam milik-Nya, dan keunggulan hukum syariah dalam segala kegiatan hidup mengatasi peraturan yang lain dan merupakan sumber utama bagi peraturan legislatif dan polisi kerajaan. Ini menjadikan masyarakat dan pemerintahan Islam berasaskan undang-undang dan semua badan dan jabatan kerajaan memperoleh autoritinya daripada undang-undang itu dan dipertanggungjawabkan berdasarkannya
- (c) Mempertahankan maruah manusia sebagai khalifah Allah di dunia, dan kesaksamaan setiap individu di sisi undang-undang. Setiap manusia secara individu ialah khalifah Allah dan dipertanggungjawabkan ke atasnya mereka yang di bawahnya, dan setiap individu berpotensi untuk menjadi khalifah bagi seluruh rakyat berdasarkan kemampuan sahsiah dan akhlaknya bukan berdasarkan kekeluargaan, keturunan, kabilah, kelas dan daerah tertentu. Tidak ada tempat di dalam pemerintahan Islam bagi seorang diktator (yang tidak dilantik melalui proses pemilihan), tidak ada bagi seorang raja yang mutlak (yang mengatasi undang-undang), dan tidak ada seorang raja dilantik atas kriteria pewarisan. Seorang khalifah diberikan kuasa mentadbir pemerintahan oleh orang ramai sebagai wakil mereka dan dia bertanggungjawab kepada Allah (iaitu mematuhi syariah) dan bertanggungjawab kepada orang ramai yang melantiknya (iaitu dipecat jika tidak mematuhi undang-undang dan syariat)
- (d) Pemerintahan Islam tidak akan berbentuk kerajaan totalitarian yang memaksa rakyatnya memilih bidang kerjaya tertentu secara regimentasi, sebaliknya rakyat bebas memilih kerjaya mereka, bebas mengembangkan bakat dan minat mereka sesuai dengan keperibadian dan kecenderungan masing-masing
- (e) Setiap orang Islam yang waras dan akil baligh bebas mengeluarkan pendapatnya sama ada secara individu atau berkumpulan
- (f) Permesyuaratan dan Badan Syura ialah kaedah pemerintahannya kerana memang diwahyukan Tuhan, iaitu, (maksudnya): “Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam segala urusan” (Surah Ali ‘Imran (3): 159). Rasulullah seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a., bermesyuarat dengan sahabat-sahabatnya begitu kerap dalam urusannya tiada sesiapa yang melebihinya (Termaktub dalam Bukhari dan Muslim). Syura bermaksud mereka yang diberikan kuasa/autoriti mesti dilantik oleh orang ramai melalui mesyuarat dan muafakat, supaya mereka itu diterima dan dipercayai orang ramai, dan apabila dilantik mereka

seharusnya menjalankan urusan negara melalui mesyuarat dan bukan melalui sewenangnya sendiri

(g) Legitimasi atau keabsahan dalam kepimpinan dan pemerintahannya diperoleh melalui:

- (i) penerimaan, ketataan dan kepatuhan kepada hukum syariah. Kepatuhan kepada hukum dan agensi penguatkuasaan hukum diperoleh melalui keakurannya dengan syariah
- (ii) kepercayaan, keyakinan dan sokongan daripada rakyat. Pemerintah bukan sahaja mesti mematuhi syariah, tetapi juga memperoleh kuasa dan terus berkuasa melalui kaedah yang absah dan menikmati kepercayaan daripada orang ramai. Kedua-dua syarat itu harus dipenuhi serentak dan sejauh mana setiap satu itu diabaikan, maka sejauh itulah legitimasi atau keabsahan kuasa seseorang pemerintah terjejas

(h) Penegakan keadilan sosial dalam segala lapangan hidup; politik, ekonomi, kemasyarakatan dan perundangan, pada peringkat nasional dan global, merupakan matlamat utama negara Islam dan kepimpinannya. Pemisahan antara badan kehakiman dan eksekutif, antara badan perisik dan badan pendakwaan merupakan elemen utama dalam sistem perundangan Islam. Ini untuk mengelak berlakunya proses pertuduhan, penyiasatan dan penghakiman dikuasai oleh pihak yang sama yang dengan demikian akan membawa kepada kezaliman dan penindasan. Juga penubuhan *Hishab (Ombudsman)* badan yang diamanahkan untuk menerima dan menyiasat sebarang aduan awam dan mengajukan tindakan sewajarnya, juga ciri utamanya

(i) Kepatuhan kepada konsep hak asasi manusia dalam Islam tidak boleh diabaikan kerana sumber anjurannya ialah wahyu, dan tidak boleh dicabuli oleh sebarang pemimpin, penguasa, ketua, pemerintah dan kerajaan, dan tiada siapa pun boleh dipaksa untuk menyerahkan hak asasinya

(j) Pemerintahan Islam juga mesti diasaskan di atas sistem dan organisasi ekonomi yang adil dengan prinsip pegangan bahawa segala-gala dalam alam ini merupakan hak milik Allah untuk manfaat manusia seluruhnya sebagai amanah, dan manusia secara individu dan kumpulan merupakan penjaganya (*mustakhlas*). Peruntukan bagi peluang bekerja kepada semua yang berkemampuan dan upah yang adil, merupakan tanggungjawab individu dan masyarakat secara kolektif. Jaminan penyaraan yang asasi untuk hidup bagi mereka yang cacat, uzur, tua dan tiada kemampuan juga merupakan tanggungjawab individu dan

kolektif masyarakat, golongan fakir miskin mempunyai bahagian daripada harta benda golongan kaya, dan juga pembangunan industri dan perdagangan keperluan asas serta infrastruktur sosioekonomi merupakan tanggungjawab sosial bertaraf fardu ain.

Muhammad Akram Khan, Director General of the Department of Auditor General, Pakistan, (dalam *The Role of Government in the Economy*, 2000:1, <http://www.islamonline.net>) telah menyebut tiga perkara yang perlu diadakan oleh sesebuah kerajaan tentang kegiatan ekonomi:

- (i) menyediakan garis kasar perundangan dan organisasi sosial yang utama yang menetapkan harta tanah dan pemilikan, menguatkuasakan segala perjanjian dan kontrak, dan menentukan segala bentuk dan status organisasi perniagaan, untuk menjamin kewujudan ekonomi pasaran yang bebas
 - (ii) menentukan segala peraturan bagi semua kegiatan ekonomi melalui proses legislatur yang meletakkan kerajaan sebagai pengadil dalam sebarang persengketaan, mencegah pemalsuan, penipuan, penyorokan, penindasan, dan menjamin serta memantau kualiti, dan juga menjaga taraf profesionalisme semua kerjaya, dan
 - (iii) mewujudkan situasi yang akan menjamin kelangsungan persaingan bebas, mencegah komplot, monopoli, pemerasan dan sebarang penyelewengan
- (k) Penyatuan umat Islam secara global dan pembentukan rangka dasar untuk mengintegrasikan semua negara Islam dan masyarakat Islam sejagat bagi menyemai dan memupuk perpaduan ummah dan saling membantu ke arah kemampuan berdikari, di samping berusaha memupuk dan mewujudkan hubungan baik dan berdamai dengan semua negara bangsa di dunia atas dasar saling hormat-menghormati, dan mengelakkan konflik, pergeseran dan kezaliman yang boleh menjelaskan kedamaian antara negara bangsa sejagat
- (l) Menghormati dan mengiktiraf segala perjanjian, persefahaman, dan persetujuan bersama antara individu dan antarabangsa, kerana Islam memang menggariskan dengan jelas berasaskan wahyu dan amalan Rasulullah s.a.w., prinsip hubungan antara individu dan antara negara dan bangsa, juga tentang perdamaian dan peperangan dan segala hak dan tanggungjawab individu,

komuniti, masyarakat dan negara tentangnya tetapi menekankan juga sikap ihsan dan kemaafan

- (m) Pemerintahan Islam adalah “pemerintahan ideologi” bukan “negara bangsa”, iaitu pemerintahan yang berpaksikan ideologi Islam sebagai asas pembentukan utamanya yang mengatasi asas bangsa/etnik. Unsur bangsa, misalnya bangsa Malaysia, adalah ciri pengintegrasian dan perpaduan kenegaraan Malaysia iaitu berpandukan konsep *assabiyah* positif Ibn Khaldun, tetapi bukan unsur pemisah. Oleh sebab pemerintahan Islam berdasarkan ideologi maka menjadi tanggungjawab yang utama dan asasi untuk menyebarkan Islam dari segi ideologi, kefahaman, amalan dan penghayatannya, melalui dakwah, pendidikan dan penerangan dalam pelbagai bentuk, saluran dan media, supaya dapat diwujudkan pendedahan dan perkongsian tentang ilmu pengetahuan, pengalaman dan kepercayaannya dalam negara dan ke seluruh alam. Negara Islam harus menyediakan organisasi dan sistem pendidikan bersepadu yang menggembangkan ilmu wahyu dan ilham dengan ilmu empirikal, ilmu *naqal* dengan ilmu *aqal*, ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah, ilmu fizikal, teknikal, intelektual, kemasyarakatan, dan kemanusiaan dengan moral, akhlak dan adab.²

Telah ditegaskan tidak ada paksaan dalam Islam. Hanya melalui pertukaran pendapat dan pengamalan disampaikan dengan sebaik mungkin, maka pengetahuan tentang Islam diartikulasikan ke seluruh alam. Islam menegah pencerobohan dan penundukan kuasa negara lain melalui ketenteraan, anasir subversif, pengkhianatan dan sebarang campur tangan ehwal dalaman secara agresif. Pemerintahan Islam tidak boleh melancarkan perperangan ke atas negara lain atas dasar perbezaan agama dan ideologi, ataupun kerana ingin merampas bahan mentah dan khazanah negara itu ataupun untuk merosakkan ekomininya. Namun perperangan dibenarkan untuk mempertahankan pegangan agama Islam dan juga kedaulatan pemerintahan dan wilayahnya, melindungi mereka yang teraniaya dan terseksa mempertahankan maruah, kehormatan dan kebebasan manusia, dan mengekalkan kedamaian di seluruh dunia.

Almarhum al-Syahid Ismail al-Faruqi juga telah menegaskan bahawa Islam sememangnya menekankan penubuhan sebuah pemerintahan Islam (istilah beliau ialah *Islamic state*) (1981:21):

Obviously, then, Islam requires the state, and cannot do without. The state, as Muhammad Iqbal had said, is the expression of Islam's spirituality... its necessary extention in space-time. The

most important aspect of Hijrah is its creation of the Islamic state. The state was Hijrah's purpose; and the Hijrah, the purpose of the Makkah preparation through revelation, preaching, conversion of men and women and, finally, the covenants of 'Aqabah. All these are implied in the Prophet's hadith that "the Muslim who dies without having participated in at least one bay`ah (covenant to institute a caliph in his caliphate – the prime political act) had died a jahili (non-muslim) death.

Walaupun Prof. Ismail al-Faruqi telah menggunakan istilah 'negara Islam' namun konsep yang dihuraikannya lebih mirip kepada konsep 'pemerintahan Islam'. Beliau telah menyenaraikan 4 unsur utama pemerintahan Islam yang sedikit sebanyak dicakupi oleh 13 unsur yang diajukan oleh Khurshid Ahmad, yang boleh disimpulkan seperti berikut:

Pemerintahan Islam (istilah beliau ialah *Islamic state*) bersifat sejagat/universal iaitu tidak dibatasi oleh sempadan geografi dan kumpulan etnik atau bangsa tertentu tetapi untuk semua manusia di seluruh dunia sehingga ke akhir zaman. Oleh itu sesiapa sahaja yang menerima Islam dan berikrar untuk patuh dengan segala hukum dan perundangannya dan sanggup bertanggungjawab sama dalam memikul segala keperluannya, harus diterima sebagai warganegaranya. Bahkan pemerintahan Islam berkewajipan sepenuhnya untuk mengajak dan mendorong seluruh manusia untuk menganggotainya sebagai warganegaranya. Namun pemerintahan Islam tidak bertujuan untuk menghapuskan kepelbagai etnik, bangsa dan corak budaya tempatannya.

Namun untuk melaksanakan dasar pemerintahan Islam itu dua golongan harus berperanan dan bekerjasama sepenuhnya, iaitu:

- (a) golongan ulama yang mesti terlibat secara aktif, penuh autoritatif, dan berterusan di dalam setiap tahap perancangan dan pelaksanaannya, dan hendaklah menerajui kepimpinan dalam semua hal ehwal Islam (seperti dalam zaman Pasai, Melaka, Aceh dan Riau)
- (b) golongan teknokrat, pentadbir, pakar dan petugas yang tersepuh sepenuhnya dengan Islam, iman dan ihsan supaya dapat menyumbangkan tenaga pakar mereka dengan cekap dan cemerlang. Dalam sejarah tamadun Islam apabila kedua-dua golongan ini memainkan peranan mereka secara berkesan dan saling bantu-membantu seperti di Samudera-Pasai, Melaka, Aceh dan Riau, tegaklah secara unggul. Apabila golongan ulama tidak berperanan sepenuhnya ataupun terletak di bawah telunjuk

pemerintah, maka muncullah raja dan diktator yang zalim dan menindas.

Pembentukan Peribadi Muslim, Mukmin dan Muhsin

Perkara pokok yang mendasari pembentukan dan pembinaan sebuah pemerintahan dan tamadun Islam dengan segala ciri, sistem, organisasi dan institusi yang disebutkan di atas itu ialah tenaga manusianya yang memiliki sifat Islam, Iman dan Ihsan. Orang-orang Muslim, Mukmin dan Muhsin ialah golongan yang akan mengolah, membentuk, mendukung dan menggerakkan segala sistem dan organisasi, prinsip dan dasar, sifat dan ciri, tindakan dan penghayatan bagi pemerintahan dan tamadun Islam itu.

Segala prasarana, sistem, organisasi, ciri, dan institusi yang bercorak dan bercirikan Islam itu tidak akan berfungsi dan beroperasi sepenuhnya tanpa ada manusia Muslim, Mukmin dan Muhsin untuk menggerakkan dan melaksanakannya. Pembentukan dan penyediaan segala latar, prasarana, badan, institusi dan organisasi itu tanpa adanya golongan Muslim, Mukmin dan Muhsin untuk mengisi, menggerak dan melaksanakannya tidak akan membawa kepada pencapaian sebuah tamadun Islam seperti yang dicirikan secara asasi oleh tiga generasi awal Islam itu. Namun persediaan segala prasarana dan latar, organisasi dan institusi negara Islam yang digariskan di atas, akan menjadi bermakna dan mustahak apabila ianya menjadi unsur-unsur yang melengkapkan proses pembentukan peribadi Muslim, Mukmin dan Muhsin.

Proses dan deretan peristiwa demikianlah yang telah berlaku di kalangan generasi awal Islam, seperti yang diakui oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. yang dihuraikan oleh Dr. Jahid Sidek (1997:40-41) seperti berikut:

Oleh sebab itulah Allah menurunkan Islam kepada Nabi s.a.w. dengan menumpukan aspek batin terlebih dahulu. Selama 13 belas tahun syariat Islam yang disampaikan pada zaman Makkah itu menyentuh tentang akidah selain daripada aspek akhlak dan ibadat. Para sahabat [Rasulullah s.a.w.] sendiri pun mengakui bahawa mereka pada peringkat mulanya mempelajari iman dahulu kemudian barulah hukum-hukum Islam. Mereka menyebut, "Kami pada zaman Rasulullah s.a.w., diajar iman dahulu kemudian baginda mengajar kami al-Quran (hukum-hukum yang terdapat di dalam al-Quran), maka bertambahlah iman kami. [Namun] akan sampai satu zaman (nanti) di mana

orang ramai mempelajari (hukum-hakam yang terdapat di dalam) al-Quran itu sebelum mempelajari iman.

(dipetik daripada Abu Talib al-Makki, *Qut al-Qulub*: 129).

Tempat letaknya Islam ialah dalam akal fikiran dan juga dalam perlakuan anggota badan manusia, iaitu mengucapkan dengan lidah dua kalimah syahadah "Tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad s.a.w. ialah pesuruh Allah", mendirikan solat dengan segala rukun dan syaratnya, berpuasa pada bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan fitrah, dan mengerjakan haji di Baitullah jika mampu. Namun penerimaan Islam dengan segala perlakuananya belum tentu membawa kepada kemunculan iman, walaupun kemunculan iman mensyaratkan adanya Islam terlebih dahulu kerana tempat letak iman berbeza dengan tempat letak Islam.

Tempat letaknya iman iaitu kepercayaan dan keyakinan tentang ketuhanan dan kewujudan Allah s.w.t., tentang kewujudan para malaikat dan tugas-tugas mereka, tentang pengutusan para pesuruh atau Rasul Allah dan Nabi Muhammad s.a.w sebagai penyudah segala Rasul untuk menyampaikan wahyu dan syariat Allah dan kitab-kitab Allah yang menyusun wahyu petunjuk kepada manusia, tentang hari kebangkitan, hisab dan pembalasan muktamad di akhirat, dan tentang penentuan qadak dan qadar oleh Allah, sesungguhnya keyakinan kepada semua itu terletak dalam hati atau kalbu. Kalbu atau hati yang mengesahkan dan menerima semua itu dengan sebenar-benarnya. Tanpa penerimaan yang bulat, maka iman belum lagi boleh dikatakan wujud, seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran (maksudnya):

Orang-orang Arab Badwi berkata, "Kami telah beriman". Katalah [kepada mereka wahai Muhammad], "Kamu belum beriman. Tetapi katakanlah, "Kami telah Islam", kerana iman belum lagi meresap ke dalam kalbu kamu. Dan (ingatlah) jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun pahala dari amalan kamu kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Surah al-Hujurat (49):14)

Hati atau Kalbu: Wadah Pembentukan Peribadi Mukmin dan Muhsin

Tempat letaknya ihsan, yang berkaitan dengan niat, maksud dan tujuan bagi segala ibadat dan perbuatan yang baik iaitu hanya semata-mata untuk mendapat keredaan Allah, juga di dalam kalbu, kerana apa yang ada di dalam kalbu akan mendorong dan menggerakkan

seseorang untuk melakukan sesuatu perkara. Kalbu ialah raja yang berkuasa sepenuhnya ke atas manusia, yang mengarah dan mendorong segala tindak tanduk dan perlakuan. Misalnya, melalui akal dan ilmu seseorang mungkin mengetahui dan menyedari bahawa merokok, menyalahgunakan dada, meminum arak dan melakukan hubungan seks rambang mendatangkan banyak penyakit dan membahayakan kesihatan tetapi kalau hati dan kalbu mahu, maka perlakuan itu akan dilakukannya juga, seperti yang berleluasa kini.

Oleh itu kalbu yang bersifat rohaniah, merupakan bahagian asasi yang perlu ditumpukan segala usaha dan proses pembinaan dan pembangunan seorang Muslim, Mukmin dan Muhsin, yang menjadi kunci dan asas pula bagi pembinaan sebuah masyarakat, negara dan tamadun Islam, seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubahkan apa yang ada pada diri mereka sendiri.

(Surah a-Ra`d (13):5)

Dalam Sahih Bukhari telah termaktub hadis Rasulullah s.a.w. yang masyhur tentang hati kalbu iaitu (maksudnya):

Dari Nu`man bin Basyir r.a. bahawa dia telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, "... Ketahuilah di dalam tubuh ada segumpal daging (iaitu hati kalbu); apabila ia baik (soleh) maka baik pulalah tubuh itu seluruhnya, apabila ia rosak maka rosak pulalah tubuh itu seluruhnya."

Ramai orang yang mengetahui dan menyedari keutamaan dan fungsi hati atau kalbu, tetapi tidak ramai yang menganjurkan kaedah dan cara bagaimana hendak memasukkan iman dan ihsan ke dalam kalbu. Berikut ini akan dibahaskan kaedah dan langkah untuk melaksanakan proses ini.

Strategi dan Langkah Pembaikian Hati Kalbu

Sesungguhnya hati atau kalbu terletak di dalam diri manusia, tetapi pintu dan saluran masuk ke dalamnya yang akan menjadi kandungannya, terletak di luar dirinya. Apa sahaja yang masuk melalui pintu saluran itu akan memenuhinya, seperti satu bekas yang disambungkan dengan beberapa saluran, apa sahaja yang memasuki pintu dan saluran itu akhirnya akan memenuhi bekas itu.

Empat anggota luaran manusia sebagai saluran yang disambungkan dengan hati ialah:

1. mata yang memandang
2. lidah yang bercakap
3. telinga yang mendengar
4. akal yang berfikir

Segala yang selalu dipandangnya, apakah lagi kalau dikagumi dan disanjungi akan masuk kebesaran dan ketinggian nilai perkara itu ke dalam hatinya. Begitu juga segala sesuatu yang sentiasa diperkatakan dan didengarnya dalam percakapan, penyampaian, ceramah, kuliah, pengajaran dan perbincangan, juga akan masuk kebesaran dan ketinggian nilainya ke dalam hati seseorang. Bahkan bagi orang yang bercakap itu iaitu manusia pertama dan paling dekat menerima dan mendengar perkatakannya ialah dirinya sendiri. Oleh itu dirinya lah yang paling kuat menerima kesan dari ucapan, atau penyampaian itu. Demikian juga perkara-perkara yang sentiasa difikir, dianalisis dan direnungkan oleh otak dan minda seseorang sehingga menjadi begitu rapat sekali dengan dirinya, akan menjadi perkara utama yang akan memenuhi hatinya dari segi nilai dan harganya.

Berikut ini diuraikan perkara-perkara yang memenuhi hati kalbu manusia Melayu akibat serapannya melalui empat saluran itu.

Gejala Sosiobudaya Negatif Kini: Cerminan Isi Hati Kalbu Manusia dan Masyarakat Melayu

Dewasa ini apakah perkara yang paling utama yang dilihat dan diteliti oleh mata kita, didengar oleh telinga, dibicarakan oleh lidah, dan difikir serta dianalisis oleh minda kita orang Melayu dan masyarakat Melayu setiap hari, setiap waktu dan berulang-ulang kali sehingga memenuhi hati kalbu kita?

Apabila kita meneliti gejala dan fenomena yang dimanifestasikan dalam masyarakat Melayu Islam dewasa ini oleh perbuatan dan perlakuan anggotanya, maka kita akan dapat mengagak dan menelaah apa yang memenuhi hati kalbu kebanyakan orang Melayu Islam kini.

Prof. Dr. M. Kamal Hassan (1996:233) telah menyenaraikan 15 fenomena sosiobudaya yang ada dalam masyarakat Melayu kini, yang boleh dikatakan sebagai manifestasi daripada apa yang ada di dalam hati kalbu kebanyakan orang Melayu (lima yang pertama dikaitkan dengan golongan elit, manakala 10 lagi dikaitkan dengan golongan

belia dan orang awam). Pernyataan beliau boleh disimpulkan dan dihuraikan seperti berikut:

(a) Pandangan dan pegangan liberal-sekular

Tanda-tanda: untung/manfaat wang dan harta benda diutamakan; nilai, hukum dan amalan agama dihadkan di majlis dan tempat agama sahaja dan tidak boleh masuk di dalam perkiraan perniagaan (walaupun haram seperti judi, riba, arak, hiburan haram) kerana keuntungan dan pendapatan lumayan diutamakan

(b) Gaya hidup menunjuk-nunjuk dan berlagak

Tanda-tanda: menagih kemewahan, perhiasan yang mahal, keinginan setanding dengan golongan atasan, penimbunan harta tanpa keinsafan berzakat, menghadiah tokoh-tokoh berpengaruh demi muslihat tertentu, jurang perbezaan sosial meluas

(c) Sindrom politik wang

Tanda-tanda: pembelian undi untuk jawatan dalam parti dan kerajaan berleluasa menjelang setiap pilihan raya dan pemilihan parti, juga gejala rasuah politik oleh golongan berkepentingan, amalan tidak beretika dan kaedah ugutan, pemerasan dan kekerasan politik ala-Machiavellian, hubungan simbiosis antara syarikat besar dengan tokoh politik

(d) Sindrom kelemahan unsur moral

Tanda-tanda: pendakian dan kenaikan pangkat di kalangan pengurus dan pegawai-pegawai tinggi membuka peluang untuk menunjukkan pengaruh dan penyalahgunaan kuasa yang menimbulkan rasuah, penipuan, pilih kasih, nepotisme, kronisme, pemalsuan, manipulasi dan lain-lain, akibat daripada kelemahan unsur etika, moral dan konsep amanah

(e) Amalan hamba-tuan atau penaung-pelanggan

Tanda-tanda: penerusan tradisi taat setia hamba-tuan (*slave-master*), penaung-pelanggan (*patron-client*) yang berlebihan, kepatuhan dan penyanjungan kepada pemimpin mendapat balasan lumayan, perbezaan pendapat dianggap penentang dan penderhaka yang membawa padah, mengakibatkan kehilangan kerasionalan, objektiviti, kewarasan dan kebijaksanaan di kalangan mereka yang terdidik (ilmuwan dan muda bestari) yang akhirnya membantutkan kemajuan kreativiti, kebebasan dan peningkatan berfikir di kalangan umat Islam yang akan membawa kepada kebekuan, ketinggalan zaman dan kemunduran

(f) Gejala lepak dan delinkuen juvana

Tanda-tanda: ribuan belia (berumur 12-25 tahun) melepak di kompleks beli-belah, perhentian bas dan pusat hiburan 83%

daripadanya ialah Melayu, 70% merokok, 41% menyalahgunakan dadah, 25% minum arak, 39% melihat bahan lucah, 18% berzina, 28% berjudi dan 16% mencuri. Pada tahun 1993 sahaja seramai 9,727 penagih dadah baru, manakala 36,687 di pusat pemulihan. Delinkuen juvana murid sekolah meningkat; seramai 138,358 murid terlibat sama ada dalam satu atau beberapa kelakuan delinkuen seperti mencuri, merogol, memeras, mengugut guru, bertumbuk, gangsterisme, perbuatan tak bermoral, [dan terakhir membakar sekolah]

(g) Sindrom mediokriti/rendah pencapaian

Tanda-tanda: pencapaian rendah, tiada motivasi untuk cemerlang, sikap tidak apa dengan pencapaian rendah, cari jalan mudah, elak pengajian/usaha/kerjaya yang mencabar yang mendatangkan hasil yang tinggi, etika kerja yang lemah, keberatan menerima perubahan, enggan maju dalam persaingan

(k) Sindrom pergantungan

Tanda-tanda: pergantungan kepada biasiswa, subsidi, bantuan, pinjaman dan kontrak dari kerajaan, membantutkan kreativiti dan inovasi dalam pemikiran dan tindakan, mundur dan tidak dapat berdikari dan berdaya maju dalam medan persaingan ekonomi dan perniagaan yang sengit

(l) Ketakutan kepada matematik-sains

Tanda-tanda: pengabaian pengajaran sains-matematik di institusi agama Islam yang ramai pelajar Melayu Islam kerana tidak disedari sepenuhnya bahawa ianya sebagai sebahagian daripada ilmu Islam dan diajar berperspektif Islam, kekurangan pelajar Melayu Islam dalam pengajian berasaskan sains-matematik di IPTA yang mustahak bagi pembangunan sains, teknologi, industri, perdagangan dan masyarakat teknologi tinggi

(m) Kecenderungan untung segera

Tanda-tanda: penubuhan syarikat Ali-Baba, Ali-Samy dengan pemilik Melayunya sebagai rakan kongsi pasif; kemufusan syarikat dan perbadanan berkanun, syarikat koperasi dan swasta Melayu kerana penipuan, rasuah, pembaziran atau salah urus, pelaburan saham spekulatif untuk untung segera

(n) Nilai rendah terhadap masa

Tanda-tanda: pembaziran masa dengan omong kosong, masa makan minum yang berlarutan, tidak menepati waktu, lewat bekerja pulang awal, berfoya-foya di kompleks membeli-belah, menonton TV berlarutan

(o) Orientasi akhirat keterlaluan

Tanda-tanda: Konsep ibadat sempit, mengutamakan bentuk ritual persendirian, kurang kepada aspek kemasyarakatan dalam

bidang muamalat, muasyarat, akhlak, persekitaran sosial dan fizikal, kebajikan komuniti, masyarakat dan ummah, konsep takdir sempit

(p) Kepercayaan tahuul

Tanda-tanda: tinggalan daripada kepercayaan animisme; semangat benda-benda boleh menyebabkan berlakunya kecelakaan, tragedi, kerugian dan sebaliknya, oleh itu penyelesaiannya adalah dengan meredakan semangat itu melalui persembahan dan penyajian dengan perantaraan bomoh, dan juga kepercayaan kepada kubur, keramat dan wali yang dianggap perantara untuk mencapai sesuatu hajat

(q) Gejala fitnah dan umpatan

Tanda-tanda: penyebaran fitnah, tuduhan, pengaiban, dan mencerca melalui surat layang, rencana, buku, akhbar, dan penyebaran khabar angin, dan juga mengelak atau menolak perbezaan pendapat melalui perbahasan yang waras dan sihat dengan hati yang terbuka

(r) Amalan ajaran sesat

Tanda-tanda: lebih daripada 12 ajaran sesat utama muncul di Malaysia, ada yang mendakwa ketuanya reinkarnasi Saidina Abu Bakar r.a., ada yang mengatakan sudah mencapai hakikat peningkatan diri sehingga tidak perlu solat lima waktu lagi, ada yang mendakwa kumpulannya merupakan jemaah yang sedang bersedia untuk menyambut kedatangan al-Mahdi yang akan menyelamatkan seluruh umat Islam, dan ada yang mengaku dirinya berhubungan dengan tokoh-tokoh wali dengan kuasa ghaib tertentu.

Daripada penyenaraian 15 gejala sosiobudaya yang berlaku secara berleluasa dalam masyarakat Melayu Islam kini yang dibuat oleh Prof. M. Kamal Hassan itu, maka kesimpulan tentang apa yang terkandung di dalam hati kalbu kita orang Melayu Islam secara amnya yang dicerminkan oleh gejala-gejala itu, boleh diperturunkan seperti berikut:

- (a) Kebesaran keduniaan, kebendaan, kemewahan, pangkat, kedudukan, kekuasaan dan pengaruh yang telah melahirkan sifat dan perbuatan tamak haloba, hasad dengki, buruk sangka, dendam kesumat, tipu muslihat, rasuah, nepotisme, kronisme, penyelewengan, komplot, dan konspirasi, ugutan, pemerasan dan pembunuhan, yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai "cinta akan dunia, cinta akan kemegahan dan cinta akan harta benda"

- (b) Kurang atau tidak yakin kepada hari kematian, kebangkitan, hisab dan pembalasan di akhirat kerana dipenuhi oleh perkara-perkara yang dinyatakan tersebut menjurus kepada hal perbuatan di dunia
- (c) Tidak faham atau jahil tentang ajaran Islam sepenuhnya yang serba mencakupi segala bidang kehidupan dan kegiatan (iman, amal, ibadat, muamalat, muasyarat, munakahat, akhlak, pendidikan, politik, dan ekonomi), merangkumi segala sistem dan organisasi sosial, ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, segala tahap pergaulan dan interaksi (secara individu, kekeluargaan, komuniti, masyarakat, negara, ummah, alam sekitar dan seluruh makhluk)
- (d) Taksub atau keterlaluan dan ekstremisme dalam penekanan kepada aspek kerohanian dan akhirat sama ada secara individu atau jemaah, yang mengabaikan atau memisahkan aspek kebijakan kehidupan dunia bagi komuniti, masyarakat, negara dan ummah, dengan demikian merosakkan keseimbangan dan kesaksamaan ajaran dan amalan Islam yang tidak mengabaikan bahkan menseimbangkan kedua-duanya
- (e) Kelemahan disiplin diri, iltizam, kesungguhan, ketabahan dan kesabaran dalam mematuhi segala ajaran dan amalan Islam, akibat daripada pengaruh dan tekanan cara hidup hedonisme Barat (apa yang baik, patut dan benar itu ialah yang mendatangkan keseronokan, kegembiraan dan kelazatan dan yang buruk pula ialah sebaliknya) dan liberalisme Barat (ketiadaan norma dan peraturan yang mutlak tetapi longgar yang boleh berubah-ubah berdasarkan suasana dan keperluan semasa yang berbeza-beza terutamanya untuk memenuhi kehendak dan hak individu), yang disalurkan melalui rancangan hiburan, iklan, rekreasi dan hobi dalam pelbagai media dan bentuk aktiviti
- (f) Keluntutan dan kehilangan semangat pengorbanan diri atau mujahadah, semangat memberi bukan meminta demi kepentingan dan penunaian hak orang lain ke atas diri kita, semata-mata untuk mendapat keredaan dan penerimaan dari Allah s.w.t. bukan untuk balasan, penghargaan, sanjungan, pengiktirafan dan pujian dari manusia, ini kerana dipengaruhi oleh nilai individualisme dan egoisme yang mementingkan manfaat dan keuntungan diri, suku sakat dan puak sendiri semata-mata
- (g) Ketiadaan contoh teladan, tokoh mithali atau "role-model" di kalangan pemimpin yang mempunyai keperibadian yang mulia, ilmu yang tinggi, akhlak yang luhur, amalan yang soleh, akal yang bijaksana, ketabahan, kesungguhan, kesabaran dan keberanian yang padu, kemurahan, tawaduk dan kesantunan yang murni, yang boleh menjadi aspirasi, dorongan dan galakan

- kepada orang awam untuk mencontohi dan mentarbiahkan diri mereka ke arah pencapaiananya
- (h) Kejahanan atau kealpaan tentang konsep amanah dalam pemilikan harta benda dan penanggungan tugas, jawatan, tanggungjawab, kepimpinan dan kuasa; semuanya itu adalah anugerah Tuhan sebagai amanah yang akan disoal satu demi satu tentang penggunaan, pelaksanaan dan penunaian hak manusia ke atas setiap sesuatu itu, dan akan diberi balasan setimpal
- (i) Kehilangan atau ketiadaan yakin diri dan harga diri terutama di kalangan anak muda akibat daripada kurang bimbingan, tunjuk ajar, didikan, ketegasan dan kesabaran, kasih sayang, dan interaksi yang berkesan dan berpanjangan daripada ibu bapa, kerana kesibukan ibu bapa yang bekerja sepanjang hari serta pengaruh rakan sebaya
- (j) Pembelengguan hati budi kepada ketua, pemimpin dan penguasa kerana nilai ketaatan, kepatuhan dan kegerunan yang melulu warisan zaman feudal (konsep taat setia dan derhaka) yang melalui kaedah amalan tuan-hamba, dan penaung-pelanggan maka ketua, pemimpin dan penguasa dapat menekan, dan memaksa orang awam dan pengikutnya supaya senantiasa patuh, taat, akur dan menyokong mereka walaupun mungkin terdapat perbezaan pendapat, terutama sekali berhubung perbuatan kolusi, rasuah, penyelewengan, nepotisme dan kronisme dalam pembahagian projek awam, saham syarikat, perancangan pembangunan, perbelanjaan dan khazanah negara.

Strategi Pengisian Hati Kalbu dan Akal Budi dengan Islam, Iman dan Ihsan

Persoalan yang paling penting dan mendesak ialah bagaimana kita dapat mengadakan strategi dan program yang praktikal, mudah dan bersifat asasi bagi mengeluarkan 10 perkara yang mengisi hati kalbu dan akal budi orang Melayu Islam itu dan menggantikannya dengan Islam, iman dan ihsan. Walaupun strategi dan program itu dari segi pokok persoalan nampaknya begitu besar, namun, strategi dan program yang sama telah dilakukan secara praktikal oleh Rasulullah s.a.w. ke atas pengikut agama Islam terawal selama 13 tahun pada zaman Makkah sebelum berhijrah ke Madinah.

Oleh yang demikian zaman Makkah itu dinamakan juga sebagai zaman penyemaian dan pemantapan iman ke dalam hati kalbu generasi awal Islam itu sehingga iman mereka begitu kukuh dapat melaksanakan keseluruhan ajaran dan amalan agama Islam secara sempurna.

Ada tiga strategi utama yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w dan penganut agama Islam terawal itu yang telah dapat mengisi hati kalbu dan akal budi mereka dengan iman, Islam dan ihsan yang kental dan unggul membolehkan mereka mengamalkan seluruh ajaran dan amalan Islam sepenuhnya.

Tiga strategi utama itu ialah:

- (a) amalan dakwah iaitu mengajak manusia kepada Islam, iman dan ihsan sambil mengamalkan dan menghayatinya
- (b) amalan mujahadah iaitu berusaha dengan seluruh kebolehan melalui penggunaan dan pengorbanan harta benda, masa, tenaga, akal fikiran, perasaan jika perlu nyawa sendiri dalam usaha mengajak manusia kepada Islam, iman dan ihsan
- (c) amalan doa, tawakal, tabah, sabar dan pengharapan sepenuhnya kepada Allah s.w.t. dalam melaksanakan kedua-dua perkara di atas iaitu dakwah dan mujahadah.

Amalan Dakwah, Mujahadah, Doa dan Tawakal

Amalan dakwah

Apabila Rasulullah s.a.w. menerima wahu yang kedua iaitu tujuh ayat pertama daripada surah al-Muddaththir, maka bermulalah perintah untuk mendakwahkan Islam, iaitu (maksudnya):

Wahai orang yang berselimut. Bangun dan berilah peringatan. Hendaklah engkau besarkan Tuhanmu. Bersihkan pakaianmu. Jauhilah perbuatan dosa. Janganlah engkau memberi kerana hendak akan balasan yang banyak. Hendaklah bersabar kerana Tuhanmu.

(Surah al Muddaththir: 1-7)

Di dalam al-Quran ulama mendapati lebih daripada 60 ayat yang mengandungi seruan untuk melaksanakan usaha dakwah (lihat misalnya Maulana Muhammad Zakariyya Kandhalvi, *Virtues of 'A'mal*). Antaranya (maksud ayat):

Kamu (orang-orang Islam) adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia. Kamu menyeru mereka supaya melakukan kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran. Dan kamu beriman dengan Allah.

(Surah Ali 'Imran: 110)

Merekonstruksi dan Memperkasa Kembali Tamadun Melayu

Katalah (Ya Muhammad), inilah jalanku; mendakwahkan (manusia) kepada Allah dengan basirah (bukti yang jelas); saya dan orang yang mengikuti saya.

(Surah Yusuf: 108)

Hendaklah ada di antara kamu para Umat (Islam) yang mendakwah (manusia) kepada kebaikan, dan menyeru mereka kepada yang makruf dan mencegah mereka daripada kemungkaran. Sesungguhnya mereka inilah yang akan memperoleh kejayaan.

(Surah Ali 'Imran: 104)

Sesungguhnya perkataan siapakah yang lebih baik daripada mereka yang menyeru (manusia) kepada Allah, dan mereka melakukan amalan yang soleh, dan mereka berkata "Sesungguhnya saya daripada kalangan orang Islam.

(Surah Hamin Sajadah: 33)

Wahai anakku, dirikanlah solat, serulah (manusia) kepada kebaikan dan cegahlah mereka daripada kemungkaran, dan bersabarlah di atas segala apa yang menimpa kamu (semasa demikian). Sesungguhnya yang demikian itu memerlukan ketabahan.

(Surah Luqman: 17)

Wahai orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah (menyebar dan menegakkannya) nescaya Allah akan menolong menegakkan kaki kamu (terhadap musuh kamu).

(Surah Muhammad: 7)

Jika Allah menolong kamu (mencapai kemenangan) tiada sesiapa pun akan dapat mengalahkan kamu. Dan jika ia mengecewakan kamu, maka siapa akan dapat menolong kamu sesudah itu? Sesungguhnya kepada Allah jualah orang-orang beriman itu berserah diri.

(Surah Ali 'Imran: 160)

Beberapa juga terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang menyeru umat Islam mendakwahkan manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran. Antaranya ialah (diberikan maksudnya):

Dari Abu Sa'id al-Khudri (r.a) saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda "Sesiapa yang melihat kemungkaran dilakukan, maka hendaklah dia mencegahnya dengan tangannya (kuasanya), dan jika dia tidak mampu berbuat demikian dia hendaklah

menggunakan ucapannya, dan jika itupun dia tidak mampu maka hendaklah dia [mencegah atau membencinya] dengan hatinya, dan itu adalah selemah-lemah iman”

(Diriwayatkan oleh Muslim, al-Termizi, Ibn Majah dan al-Nasa'i)

Dari Aisyah r.a. kata beliau bahawa pada satu ketika Rasulullah s.a.w. telah masuk ke rumah dan dari wajahnya saya melihat ada sesuatu yang penting berlaku. Baginda tidak bercakap dengan sesiapa dan selepas berwuduk. Baginda telah masuk ke masjid dan naik ke atas mimbar. Saya mendengar dari sebelah dinding bahawa Baginda selepas memuji Allah, telah bersabda, “Wahai manusia. Sesungguhnya Allah telah memerintah kamu supaya menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran, kalau tidak masa akan tiba apabila kamu berdoa maka tidak dimakbulkan (Allah), apabila kamu memohon sesuatu keperluan tidak dipenuhi (Allah) dan apabila kamu meminta pertolongan tidak ditunaikan (Allah)”. Sesudah itu Baginda pun turun dari mimbar.

(Riwayat Ibn Majah dan Ibn Hibban)

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, “Apabila umatku mulai meninggikan kehebatan dunia maka lunturlah (dari hati mereka) kehebatan Islam, dan apabila mereka berhenti daripada mengajur manusia kepada kebaikan dan mencegah manusia daripada kemungkaran maka terhindarlah mereka daripada keberkatan wahyu, dan apabila mereka caci-mencaci antara satu sama lain, maka terjatuhlah mereka daripada pandangan Allah.”

(Riwayat al-Termizi)

Apabila Saidina Abu Bakar r.a. menerima Islam sesudah Khadijah, Ali dan Zaid r.a., beliau terus berjumpa dengan beberapa orang sahabatnya untuk menyeru mereka kepada Islam dan membawa mereka itu kepada Rasulullah s.a.w. untuk diislamkan iaitu Uthman bin Affan, Abu al-As bin Umayya, al-Zubayr bin al-Awwam, Abd al-Rahman bin Auf, Sa'ad bin Abu Waqas, dan Talha bin Ubaidullah. (lihat Ibn Ishaq *Sirat Rasul Allah*, terjemahan Inggeris A. Guillaume, 1955:115). Demikian juga pemeluk agama Islam awal yang lain apabila mereka menerima Islam, mereka terus mendakwahkan Islam kepada orang lain.

Apabila seseorang mengajak dan mendakwahkan manusia kepada Islam, iman dan ihsan maka seluruh empat saluran yang berhubungan dengan hati kalbunya iaitu ucapannya, pendengarannya, penglihatannya dan akal fikirannya terus menerus berfungsi dan

bertindak. Sebanyak mana, selama mana dan sekuat mana dia terus-menerus menjalankan usaha dakwah kepada Islam, iman dan ihsan itu, maka sebanyak dan sekuat itulah Islam, iman dan ihsan akan masuk melalui saluran itu ke dalam hatinya.

Amalan mujahadah

Namun, hati yang sudah penuh dengan kebesaran dan kehebatan selain daripada Islam, iman dan ihsan adalah sukar untuk menerima ketiga-ketiga itu. Hati yang sudah dipenuhi dan dibelenggu oleh kecintaan, kehebatan dan kebesaran kepada perkara pertama daripada 10 perkara yang disenaraikan di atas iaitu kehebatan keduniaan, kebendaan, hartakekayaan, kemewahan, pangkat, kedudukan dan kekuasaan yang dengan itu mengakibatkan kurangnya atau hilangnya yakin pada hari kematian, kebangkitan, hisab dan pembalasan di akhirat, amat susah untuk dimasuki Islam, iman dan ihsan sepenuhnya.

Hati ialah bekas yang hanya boleh mengandungi satu aspek sahaja daripada dua aspek yang bertentangan; syirik tidak akan bersatu dengan tauhid, cinta dan kehebatan kepada kebendaan dan keduniaan tidak akan bersatu dengan kehebatan kepada akhirat, yakin tidak akan bersatu dengan syak dan waswas, tamak haloba, hasad dengki, dendam kesumat, tipu muslihat, rasuah dan penyelewengan tidak akan bersatu dengan akhlak mulia yang membawaikan kasih sayang, kemurahan hati, kemaafan, keadilan dan keikhlasan, kesederhanaan, dan ketenangan.

Oleh yang demikian unsur-unsur buruk yang memenuhi hati itu harus dikeluarkan terlebih dahulu berasaskan strategi dan kaedah kedua iaitu bermujahadah. Mujahadah ialah usaha yang bersungguh-sungguh dengan penggunaan dan pengorbanan perkara-perkara yang amat dicintai yang membelenggu hati kalbu mengikut kadar kemampuan masing-masing, iaitu harta benda, masa, tenaga, akal fikiran, perasaan dan diri sendiri, dalam mendakwahkan manusia dan menegakkan Islam, iman dan ihsan. Inilah yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan kumpulan generasi awal Islam, seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran (maksudnya):

Bahkan Rasul dan orang-orang beriman yang bersertanya,
bermujahadah dengan harta benda mereka dan diri mereka.
Mereka itulah orang-orang yang mendapat kebaikan (*khairat*), dan
mereka itulah juga yang berjaya (*muflihun*).
(Surah al-Taubah: 88)

Orang-orang yang beriman dan berhijrah dan bermujahadah di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka, adalah tertinggi darjat mereka (*'a'zamu darajatan*) di sisi Allah. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya (*al-fa'izun*). Mereka digembirakan oleh Tuhan mereka dengan pemberian rahmat daripada keredaan-Nya dan syurga-Nya yang di dalamnya nikmat kesenangan yang kekal. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah menyediakan di sisi-Nya pahala yang besar (bagi mereka yang demikian itu).

(Surah al-Taubah: 20-22)

Kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kamu bermujahadah di jalan Allah dengan harta benda kamu dan diri kamu; yang demikian itulah lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikatnya yang sebenar). Dan lagi (dikurniakan Allah) apa yang kamu suka iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat. Dan sampaikanlah berita gembira ini kepada para mukmin.

(Surah al-Saff: 11, 13)

Hikmah daripada bermujahadah dengan harta benda dan diri sendiri iaitu mencakupi akal fikiran, masa, perasaan, kedudukan, pangkat dan sebagainya ialah supaya dapat mengikis rasa kehebatan dan kecintaan yang amat sangat terhadap perkara-perkara itu yang telah memenuhi dan membenggui hati sanubarinya. Dengan demikian barulah akan masuk kebesaran dan kehebatan kepada Allah, kepada Islam, kepada iman dan kepada ihsan. Selagi perkara-perkara yang amat disayangi dan itu memenuhi hati sanubarinya, maka kehebatan dan kecintaan yang sebenar-benarnya kepada Allah, kepada Rasulullah s.a.w., dan kepada Islam, Iman dan ihsan tidak akan berlaku. Seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran seperti berikut (maksudnya):

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebaikan (kebaktian yang sempurna) sebelum kamu mendermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi...

(Surah Ali 'Imran: 92)

Katakanlah (wahai Muhammad kepada orang mukmin), Jika bapa kamu, anak kamu, saudara-mara kamu, pasangan kamu, kaum keluarga kamu, harta benda yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah kediaman kamu yang kamu gemari – jika semunya itu menjadi perkara yang lebih kamu cintai daripada Allah, Rasul-Nya dan bermujahadah di jalan-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan

keputusan-Nya (iaitu azab seksanya), kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang ingkar (*fasiq*).

(Surah al-Taubah: 24)

Oleh yang demikian untuk memasukkan kebesaran, kehebatan dan kecintaan kepada Allah, kepada Rasulullah, kepada Islam, iman dan ihsan, maka kaedah dan strategi yang kedua ini iaitu bermujahadah di jalan Allah untuk menyebar dan menegakkan Islam, iman dan ihsan dengan harta benda dan diri sendiri, sememangnya dianjurkan oleh Islam.

Amalan doa, tawakal dan tawajuh kepada Allah

Strategi dan kaedah yang ketiga ialah senantiasa berdoa, bertawajuh (tumpuan), bertawakal, memohon dan mengharap hanya kepada Allah untuk pertolongan dalam usaha menyebarkan dan menegakkan Islam, iman dan ihsan dan juga dalam bermujahadah di jalan Allah. Inilah yang dianjurkan seperti yang termaktub di dalam al-Quran (maksudnya):

Dan jika mereka engkar, maka katakanlah (Wahai Muhammad), "Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Kepada-Nyalah saya bertawakal. Dan Dialah Tuhan seluruh 'Arasy yang luas (ruang dan bidang kekuasaan yang meliputi segala-galannya)".

(Surah al-Taubah: 129)

Melalui amalan doa, tawajuh, tawakal dan pengharapan sepenuhnya kepada Allah maka akan terbina sifat ketakwaan dalam dirinya, dan telah termaktub di dalam al-Quran bahwasanya Allah akan bersama-sama (membantu dan melindungi) orang-orang yang bertakwa:

Kepada Allah jualah bertawakal orang-orang mukmin.

(Surah al-Taubah: 51)

Ketahuilah sesungguhnya Allah bersama-sama dengan orang-orang bertakwa.

(Surah al-Taubah: 36)

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Taubah: 4, 7)

Sesungguhnya Allah bersama-sama dengan orang yang bertakwa dan yang muhsin.

(Surah al-Nahl: 128)

Juga doa, tawajuh dan tawakal kepada Allah hakikatnya adalah usaha seorang hamba lemah yang senantiasa memujuk rayu, meminta dan memohon kepada Tuhan Pencipta, yang mengasihi hamba-Nya tujuh puluh kali lebih mendalam daripada kasih seorang ibu kepada anaknya. Al-Quran menyebut ayat yang bermaksud:

Berdoalah kepada Tuhanmu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan...

(Surah al-'A'raf: 55)

Dan Tuhan kamu berfirman, Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan (doa) kamu. Sesungguhnya orang-orang yang takbur (sombong) daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku akan masuk neraka Jahanam dengan keadaan yang hina.

(Surah Al-Mu'min/Ghafir: 60)

Dan apabila hamba-hamba Ku bertanya kepadamu mengenai Aku, maka (beritahu kepada mereka), sesungguhnya Aku senantiasa hampir (kepada mereka). Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa ketika mereka berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi orang yang terpimpin.

(Surah al-Baqarah: 186)

Para Pendakwah dan Pembina Tamadun Melayu Islam di Alam Melayu

Amalan dakwah, mujahadah, doa, tawajuh dan tawakal merupakan prinsip, strategi dan amalan yang pernah dilaksanakan oleh para pembina dan penegak tamadun Melayu Islam di seluruh Kepulauan Melayu pada peringkat awalnya dan zaman berikutnya.

Para pendakwah Islam dari Timur Tengah dan India dan diikuti oleh sebarisan para pendakwah Melayu, telah meletakkan asas yang kukuh bagi pembinaan dan pemapanan masyarakat dan tamadun Islam di Alam Melayu. Melalui kegigihan usaha mereka, mujahadah dan pengorbanan mereka serta doa, tawajuh dan pengabdian mereka, Islam telah meresap masuk ke dalam masyarakat dan bangsa Melayu di seluruh pelosok Kepulauan dan Alam Melayu.

Tokoh-tokoh awal pendakwah dan penegak agama Islam di Alam Melayu berdasarkan riwayat historiografi, catatan dan tinggalan sejarah nampaknya datang daripada Timur Tengah, dimulakan dengan golongan Syiah pada akhir kurun ke-7 dan pada awal kurun ke-9 yang telah sampai di Perlak dan mengislamkan penduduk Perlak dan seterusnya menubuhkan negeri Islam pertama di Perlak. Namun pengaruh Syiah merosot dengan kedatangan para pendakwah *Ahl Sunnah wa al-Jama'ah*, seperti Maulana Syeikh Ismail yang diutuskan oleh Syarif Mekah dan sampai di Perlak serta mengislamkan penduduknya dengan rajanya bernama Merah Silau (Malik al-Zahir, meninggal tahun 1297). Namun ada riwayat juga menyebut tentang seorang ahli sufi Arab yang bernama Syeikh Abdullah Arif yang tiba dan mendakwahkan penduduk di kawasan ini kepada Islam seratus tahun lebih awal iaitu 1111 atau 1165. Beliau telah menulis sebuah kitab tasawuf dalam bahasa Arab, *Bahr al-Lahut* yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dipercayai di Melaka pada zaman Kesultannya.

Berikut ialah senarai para pendakwah dan penegak Islam utama di Alam Melayu yang telah berjasa melahirkan masyarakat, negara dan pusat-pusat tamadun Melayu Islam di sepanjang zaman, yang boleh dikelompokkan ke dalam lima gelombang pergerakan, iaitu:

- (1) Gelombang pertama: kurun pertama Hijriyah (ke-7 Masihi) hingga ke-6 H (ke-12 M)
- (2) Gelombang kedua: kurun ke-6 H (ke-13 M) hingga ke-10 H (pertengahan ke-16 M)
- (3) Gelombang ketiga: kurun ke-10 H (akhir ke-16 M) hingga ke-12 H (pertengahan ke-18 M)
- (4) Gelombang keempat: kurun ke-12 H (akhir ke-18 M) hingga ke-14 H (pertengahan ke-20)
- (5) Gelombang kelima: kurun 14/15 H (akhir ke-20 M) hingga sekarang

Berikut ini diuraikan secara ringkas ciri-ciri dan tokoh-tokoh utama dalam setiap gelombang:

1. **Gelombang pertama (kurun ke-7 M hingga ke-11 M):**

Gelombang pertama ditandakan oleh kedatangan rombongan orang Islam dan misi-misi pendakwah dari Timur Tengah dan India.

- (a) Kedatangan rombongan orang Islam dimulai dengan golongan Syiah Alawiyyah yang berpindah kerana tekanan kerajaan Bani Umayyah dari tahun 674;

- (b) perutusan Khalifah Umar Abd Aziz (717-720) yang telah menghantar rombongan dakwah ke Srivijaya untuk menyeru mereka kepada Islam;
- (c) pada tahun 800 serombongan seramai 100 orang diketuai oleh Nakhoda Khalifah telah membuat penempatan di Perlak dan berjaya mengislamkan penduduk tempatan, seorang daripadanya telah berkahwin dengan anak raja yang melahirkan Sayyid Abdul Aziz yang memulakan kerajaan Aziziyah di Perlak.

2. Gelombang kedua (kurun ke-12 M hingga pertengahan ke-16 M): Gelombang ini ditandai oleh kedatangan misi-misi pendakwah bermazhab Syafie dibantu oleh para pendakwah keturunan mereka yang dilahirkan di Alam Melayu:

- (a) Abdullah Arif dari Makkah yang mendakwahkan Islam ke Pasai pada tahun 1165 iaitu dalam zaman rajanya yang bernama Meurah Nui (1155-1210); Abdullah Arif telah menulis sebuah kitab *Bahr Lahut* yang telah diterjemahkan di Melaka dianggarkan pada zaman kesultannya
- (b) Syeikh Ismail al-Siddiq yang dihantar oleh Syarif Makkah mendakwahkan Islam di Pasai pada awal kurun ke-13, Meurah Silau diislamkan dengan nama Malik al-Salleh (1260-1297) yang merupakan Raja Melayu Islam yang pertama
- (c) Syarif Aulia Karim al-Makhdum pendakwah Arab yang bergiatan di Kepulauan Sulu pada 1380, diikuti oleh Syed Abu Bakar juga seorang Arab yang berkahwin dengan anak raja Sulu dan kemudian menggantikan mertuanya menjadi Raja Sulu sebagai Sultan Sulu pertama pada akhir kurun ke-14
- (d) Sidi Abdul Aziz dari Makkah mendakwahkan Islam di Melaka dan rajanya memeluk Islam dengan nama Sultan Muhammad Syah sekitar tahun 1414
- (e) Maulana Malik Ibrahim atau Syeikh Maghribi keturunan Arab dari jurai Zainal Abidin bin Hasan bin Saidina Ali, sampai di Gerisik 1399 dan memujuk Raja Majapahit memeluk Islam tetapi ditolak, seterusnya beliau membentuk pusat pengajian, berdakwah dan mengajar di Gerisik selama 20 tahun sehingga meninggal dunia dan dikebumikan di situ pada tahun 1419. Beliau juga terkenal sebagai tokoh pertama Wali Songo
- (f) Raden Rahmat atau Ali Rahmatullah terkenal sebagai Sunan Ampel anak seorang pendakwah Arab-Parsi Ibrahim Samarkandi hasil perkahwinan dengan seorang puteri Raja

Champa setelah berdakwah dan mengislamkan rajanya; Raden Rahmat dengan saudaranya Raden Santri atau Ali Murtadza berdakwah di Jawa dan menjadi penyebar utama Islam di Jawa, Raden Rahmat terkenal sebagai Sunan Ampel mendirikan pesantren dan masjid Agong Demak dan pesantren di Ampel. Ini mendorong menantunya Raden Patah mendirikan kerajaan Islam pertama di Jawa iaitu kerajaan Demak yang kemudiannya menakluki dan mengislamkan Majapahit pada tahun 1478

- (g) seterusnya Wali-Wali Songo yang lain iaitu Sunan Kudus, Sunan Bonang, Sunan Derajat (ketiga-tiganya anak Raden Rahmat), Sunan Giri (Raden Paku) yang menjelajahi Alam Melayu (Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan Campa) mendakwahkan Islam, Sunan Gunung Jati/Fatahillah/Syarif Hidayatullah yang menyebarkan Islam ke Jawa Barat sebagai wakil kerajaan Demak dan menegakkan Islam di Banten (yang kemudiannya dipimpin oleh anaknya Hasanuddin sebagai Rajanya), juga menawan Sunda Kelapa (Jakarta) 1527 dan Ceribon (1528), seterusnya Sunan Kalijaga (pencipta wayang kulit sebagai alat dakwah) dan Sunan Muria pendakwah dan ulama sufi
- (h) Syeikh Abdullah al-Yamani seorang pendakwah Arab telah mengislamkan Pra Maha Wangsa raja Kedah yang diberi gelaran Sultan Muzlaf al-Syah sekitar 1501
- (i) Syeikh Mansur seorang pendakwah keturunan Arab telah mengislamkan raja Tidore dan rakyatnya dalam abad ke-15 dan seterusnya raja Ternate masuk Islam
- (j) Syarif/Syed Muhammad Kebongsuan keturunan Arab telah mendakwahkan Islam ke Pulau Mindanao sekitar tahun 1475.

3. Gelombang Ketiga (akhir kurun ke-16 hingga pertengahan ke-18 M)

Zaman ini ditandai oleh kegiatan dakwah yang kebanyakannya dijalankan oleh para pendakwah kelahiran di Alam Melayu sendiri dengan bantuan pendakwah-pendakwah dari Timur Tengah dan juga India:

- (a) Sebarisan sultan Aceh telah mengukuhkan kedudukan Islam dengan mengadakan pusat pengajian dan penyebaran Islam di samping menjadikan Islam sebagai agama negara dan menghantarkan rombongan pendakwah ke seluruh Alam Melayu, iaitu Sultan Mughayat Syah (1488-1530), Sultan Alauddin al-Qahar (1530-1568), Sultan Alauddin Riayat Syah

(1989-1604), Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1608-1637), Sultan Iskandar II (1637-1641) dan dikuti oleh beberapa orang sultanah. Pada zaman inilah Aceh menjadi pusat pengajian dan tamadun Melayu di Alam Melayu yang terpenting dengan kemunculan alim ulama dan penulis yang terkemuka iaitu Hamzah Fansuri (sekitar 1600), Syamsuddin al-Sumatrani (1629), Nuruddin al-Raniri (1658), dan Abdul Rauf al-Singkeli (1615-1673) Aceh telah menghantar rombongan dakwah ke seluruh Sumatera dan mengislamkan penduduknya sehingga muncul pula negeri Islam di Sumatera Tengah dan Timur

- (b) Syeikh Yusuf al-Makassari (1627-1699) berasal daripada Makasar yang pernah belajar dengan Abdul Rauf di Aceh sebelum belajar di Timur Tengah, seorang pendakwah dan pejuang Islam yang gigih di Jawa, Sulawesi kemudian ke Sri Lanka dan Afrika Selatan setelah dibuang negeri oleh penjajah Belanda
- (c) Syeikh Abdul Malik Abdullah/Tok Pulau Manis (1676-1736) seorang murid Abdul Rauf al-Singkeli kemudian belajar di tanah Arab, yang berdakwah dan mendirikan pusat pengajian Islam di Terengganu
- (d) Syeikh Burhanuddin (1646-1699) seorang murid Abdul Rauf al-Singkeli berasal dari Minangkabau yang menyebarkan Islam dan membina madrasah serta pusat pengajian dan penyebaran Islam di Ulakan dan Pariaman Minangkabau yang telah melahirkan kebanyakan ulama Minangkabau seterusnya
- (e) Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1710-1812) berasal dari Banjar, seorang tokoh ulama fikah dan tasawuf, pengarang kitab *Sabil al-Muhtadin* belajar di tanah Arab selama 30 tahun, pulang pada 1773 dan mendirikan pusat pengajian Islam yang mengintegrasikan pengajian agama dan pertanian di Banjarmasin, menyebarkan Islam di Kalimantan dan tempat-tempat yang lain
- (f) Syeikh Abdul Samad al-Falembani (1704-1789), bapanya dari Yaman Syeikh Abdul Jalil menjadi mufti Kedah pada 1700 yang sebelumnya berdakwah dan mengajar di Palembang dan berkahwin dengan puteri tempatan yang melahirkan Abdul Samad; Abdul Samad belajar di Makkah selama 30 tahun antara lain dengan Syeikh Muhammad Saman, dan banyak menulis kitab, antara yang termasyhur *Hidayat al-Salikin, Sair Salikin, Zahrat al-Murid*

- (g) Tuanku Nan Tuwo (1723-1830) dari Minangkabau ulama syariat dan tasawuf, terkenal dengan Sultan Alim Auliyaullah, pemimpin seluruh ulama Minangkabau dari golongan *Ahl Sunnah wa I-Jema'ah*
- (h) Syeikh Daud al-Fathani (1740-1847) yang memulakan pengajiannya di Fatani kemudian ke Makkah, dan seterusnya amat produktif menghasilkan 57 buah karya dalam pelbagai bidang ilmu Islam dan mempunyai ramai murid dari seluruh alam Melayu. Beliau paling berpengaruh dalam mengembangkan ilmu syariat di seluruh Alam Melayu dengan kitab fikah beliau *Furu' al-Masa'il*, bersama-sama dengan Muhammad Arsyad al-Banjari dengan kitab fikahnya *Sabil al-Muhtadin*.

4. Gelombang ke-4 (akhir kurun ke-18 hingga pertengahan kurun ke-20)

Zaman ini ditandai oleh kebangkitan semula Islam tradisional dan gerakan *salafiyah* atau pemurnian Islam cetusan pemikiran Ibn Taimiyah, Muhammad Abdul Wahhab dan Ibn Qayyim yang diteruskan pula oleh Muhammad Abduh dan Rasyid Redha di Timur Tengah, yang seterusnya disebarluaskan pula oleh para ulama wilayah Alam Melayu sekembali mereka dari pengajian di Timur Tengah yang kemudiannya mencetuskan kemunculan Gerakan Padri, al-Irsyad, Muhammadiyah, Persatuan Islam (PERSIS) dan Kaum Muda. Zaman ini juga ditandai oleh pertentangan yang hebat dengan kuasa penjajah Barat beragama Kristian dan berfahaman sekular:

- (a) Tuanku Nan Renceh (1772-1832), Haji Miskin, Haji Piobang dan Tuanku Imam Bonjol (1772-1864) yang terpengaruh dengan pemikiran salafiyah atau Wahabi dan cuba merobah masyarakat Islam secara radikal dengan itu mendapat tentangan daripada golongan bangsawan dan para penghulu adat di Minangkabau yang telah mendapatkan bantuan kuasa Belanda dan mencetuskan Perang Padri (1803-1830-an), akhirnya Imam Bonjol tertawan dan dibuang ke Amboon
- (b) Syeikh Ahmad Khatib (1860-1916) cucu Tuanku Nan Tuwo dari Bukit Tinggi Minangkabau, belajar di tanah Arab dan merupakan seorang daripada ulama Alam Melayu terunggul di Makkah yang menjadi khatib dan pengajar di Masjid al-Haram dan melahirkan ramai ulama dari Alam Melayu

- termasuklah Kiyai Haji Ahmad Dahlan, Abdul Karim Amrullah dan Muhammad Jamil Jambek
- (c) Raja Ali Haji (1809-1872) seorang bangsawan Riau yang menjadi penggerak utama dalam kebangkitan Riau sebagai pusat pengajian Islam, kebudayaan dan tamadun Melayu yang utama dalam kurun ke-19, beliau belajar di Riau dan kemudian ke Makkah; menjadi ulama, penulis (12 buah karyanya yang mencakupi pelbagai bidang iaitu ilmu Islam, sejarah, bahasa, sastera, politik dan lain-lain), juga menjadi penasihat Yang Dipertuan Muda Riau
- (d) Abdul Samad bin Muhammad Salleh atau Tuan Tabal (1840-1891) seorang ulama tasawuf, usuluddin dan fikah, pengasas tarikat Ahmadiyah di selatan Thai dan Kelantan (yang mula-mulanya diasaskan oleh Sidi Ahmad Idris di Makkah) menubuhkan pusat pengajian di Tabal di samping menghasilkan beberapa karya, yang terpenting ialah *Jala' al-Qulub bi Zikrillah*
- (e) Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (1856-1906) seorang ulama Patani yang menguasai pelbagai ilmu termasuk perubatan dan matematik. Beliau adalah orang Melayu pertama yang menjadi editor percetakan kitab-kitab Jawi di timur Tengah, mengajar ilmu Islam di tanah Arab dan mempunyai murid dari seluruh Alam Melayu yang sesudah kepulangan mereka menjadi ulama, pemimpin dan pembesar negeri masing-masing (misalnya Kelantan, Patani, Negeri Sembilan, Sambas dan Kemboja) pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20
- (f) Muhammad Yusuf bin Ahmad atau Tok Kenali (1869-1933) seorang ulama dan abid yang terulung di Kelantan, belajar di tanah Arab selama 20 tahun antaranya dengan Ahmad Muhammad Zain al-Fatani, kemudian setelah kembali mendirikan pusat pengajian Pondok Kenali di Kelantan, bergiat untuk menegakkan Islam dalam segala lapangan penghidupan, mendirikan perkumpulan *Jam'iyyah al-Asy'ariyyah*, dan bersama-sama pembesar negeri Kelantan membangunkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1915), Majlis Mesyuarat Ulama (1918), menerbitkan *Majalah Pengasuh* (1918); pondoknya melahirkan ramai para ulama susulannya seperti Haji Abdullah Tahir, Dato' Haji Ismail Yusuf dan Dato' Haji Ahmad Mahir (dari Kelantan), Syeikh Uthman Jalaluddin (Kedah), Haji Hassan (Melaka), Dato' Yunus (Johor), dan lain-lain

- (g) Kiyai Haji Ahmad Dahlan (1869-1923) belajar di Makkah selama tujuh tahun, dipengaruhi oleh gerakan salafiyah dan para reformis Mesir, menjadi seorang daripada penubuh Muhammadiyah di Indonesia (1912) dan mendirikan sekolah Muhammadiyah (1911) yang mengintegrasikan pengajaran ilmu agama dan ilmu pengetahuan yang lain seperti matematik, geografi, sains dan lain-lain. Beliau juga menjadi khatib di Masjid Agong Jogjakarta
- (h) Kiyai Haji Muhammad Hasyim Asyari (1871-1947) seorang daripada penubuh dan pemimpin Nahdatul Ulama (NU) Indonesia pada 1926 yang dianggotai para kiyai pesantren dari seluruh pelosok Indonesia, belajar di Makkah lebih tujuh tahun dan menguasai secara luas pelbagai bidang ilmu Islam, dan sekembalinya ke Jawa mendirikan pesantren di Jombang untuk mengajar dan mendakwahkan Islam dan telah menarik ribuan pelajar atau Santri. Sebagai ketua NU beliau telah meletakkan Undang-Undang Dasar atau *Qanun Asasi* bagi NU pada tahun 1930
- (i) A. Hasan Bandung (1887-1958) seorang keturunan Tamil Muslim Singapura mempunyai pembacaan yang luas walaupun tiada pendidikan formal, berdamping dengan pemimpin gerakan Islam di Indonesia misalnya Ahmad Surkati (Persatuan Irsyad), Zamzam dan M. Yunus (PERSIS), pernah berdebat dengan kumpulan Qadyani, Kristian dan kumpulan tradisionalis dan dengan HAMKA, Sukarno, Dr. Sotomo, intelek Belanda. Beliau giat melakukan reformasi dalam amalan Islam dan menghasilkan banyak karya (80 buah) dalam pelbagai bidang termasuk Tafsir Quran
- (j) Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1957) berasal dari Minangkabau belajar dan tinggal di Makkah selama 12 tahun dengan sepupunya Syeikh Ahmad Khatib pengajar dan khatib di Masjid al-Haram, kemudian belajar di Universiti al-Azhar dan bergaul serta terpengaruh dengan pelopor reformis Mesir, Muhammad Abduh dan Rasyid Redha. Kemudian bergiat sebagai ulama, pengajar dan penasihat agama Islam di Johor-Riau-Lingga, Sumatera, Pulau Pinang dan Perak, seterusnya bersama-sama Syed Syeikh al-Hadi bergiat dalam penerbitan dan penulisan majalah *Al-Imam*, akbar *Saudara* dan lain-lain yang membawa pemikiran pembaharuan Islam
- (k) Syed Syeikh al-Hadi (1867-1934) dilahirkan di Melaka kemudian dipelihara oleh Raja Ali Kelana iaitu Raja Muda

Riau, belajar di Riau yang merupakan pusat pengajian dan peradaban Melayu Islam abad ke-19 dan bersama-sama golongan bangsawan Riau yang lain menubuhkan pakatan pembelajaran *Persekutuan Rusydiyyah*, kemudian bersama-sama dengan Syeikh Tahir Jalaluddin menerbitkan Majalah *Al-Imam* (1906) yang mengajukan gerakan pembaharuan Islam, seterusnya menubuhkan Madrasah Al-Hadi di Melaka tetapi kemudiannya berpindah ke Pulau Pinang untuk menjadi guru besar Madrasah al-Masyhur. Seterusnya beliau berkecimpung sekali lagi dalam bidang kewartawanan dan menerbitkan majalah bulanan *Al-Ikhwan* (1926) dan akhbar mingguan *Saudara* (1928) yang memperjuangkan gerakan reformasi agama dan masyarakat Islam. Di samping karya agama dan kemasyarakatan, beliau juga terkenal sebagai "Bapa Novel Melayu" dan menulis beberapa buah novel iaitu *Faridah Hanum*, *Hikayat Taman Cinta Berahi*, *Hikayat Anak Dara Ghassan, dan *Hikayat Putri Nurul Ain. Beliau juga telah menubuhkan percetakannya sendiri iaitu Jelutung Press.**

- (l) Profesor Zulkifli Muhammad (1927-1964) tokoh yang boleh dianggap sebagai pelopor dalam penentangan pengaruh fahaman sekularisme Barat terhadap masyarakat Islam, dilahirkan di Kuala Kangsar dan belajar di Universiti Al-Azhar dan American University Kaherah dalam bidang sosiologi dan psikologi, tetapi tidak tamat kerana gangguan kesihatan dan juga terlalu aktif dalam gerakan persatuan Melayu Mesir. Setelah pulang menjadi pentadbir dan pengajar di Kolej Islam Kelang, tetapi kemudiannya mencebur politik dalam PAS (Timbalan Yang Dipertua 1956-64) dan terpilih sebagai wakil rakyat pada tahun 1959. Beliau aktif dalam reformasi Islam terutama melalui pernyataan falsafah pendidikannya dalam pidato-pidatonya yang menganjurkan pendidikan bukan berdasarkan pemenuhan fitrah insan semata-mata seperti di Barat, tetapi bagi memenuhi tuntutan bahawa hidup dan mati adalah untuk berbakti kepada Allah, dan bahawa Islam bukan terhad kepada ibadat sahaja tetapi meliputi cara berfikir dan bekerja seluruhnya. Dari segi penubuhan negara Islam pula, mengikut beliau, ianya mesti diwujudkan bukan sebagai matlamat terakhir untuk menghukum semata-mata, tetapi sebagai wasilah untuk mendidik jiwa dan fikiran agar segala gelagat kehidupan manusia dilaksanakan menurut roh dan semangat Islam

- (m) Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1896-1973), seorang penggiat pemikiran progresif masyarakat Melayu dalam pelbagai bidang ilmu yang mencakupi agama Islam, bahasa, ekonomi, kesusasteraan, pendidikan, politik dan kemasyarakatan, berkarya secara prolifik sepanjang 43 tahun sejak 1916. Beliau lahir di Negeri Sembilan, mendapat pendidikan agama Islam dan bahasa Arab di Linggi sebelum menyambung pengajian di sekolah Inggeris di Seremban. Setelah lulus *Senior Cambridge* (1916) dan *Senior Normal Examination* (1921) dan seterusnya B.A. Hons. University of London (1953) beliau telah bekerja sebagai guru (1916), penulis dan penterjemah (1923-1945), pensyarah bahasa Melayu di University of London (1947-1950) dan terakhir sebagai pensyarah merangkap ketua Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya (1952-1958) di samping memberi ceramah tentang bahasa Melayu, masalah ekonomi, pendidikan dan sosial Melayu, reformasi pemikiran dan amalan Islam di kalangan Melayu, dan lain-lain lagi
- (n) HAMKA (Haji Abdul Malik Karim 'Amrullah) (1908-1981) adalah seorang ulama Minangkabau yang bergiat dalam pelbagai kerjaya antaranya ahli akademik, aktivis politik, penulis, wartawan, editor majalah *Panji Masyarakat* dan pendakwah reformis Melayu-Indonesia yang amat aktif dan berpengaruh pada peringkat nasional dan antarabangsa. Bergerak dalam pertubuhan Muhammadiyah, pernah menjadi Ketua Umum Majlis Ulama Indonesia (1957), menganggotai parti politik Majlis Syura Muslim Indonesia (MASYUMI), pernah menjelajah serata pelosok dunia Melayu, dunia Islam dan Amerika Syarikat dalam rangka dakwah dan kegiatan keilmuan Islam. Dipenjarakan oleh Presiden Soekarno atas tuduhan belot tetapi kemudian dibebaskan; beliau mendapat pengiktirafan peringkat nasional (Dato Indono dan Pengerahan Wigono Indonesia) dan peringkat antarabangsa (Doktor Kehormat Universiti al-Azhar (1958) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1974)). Karya-karya beliau sekitar 118 buah dalam pelbagai bidang antaranya politik, sejarah, budaya, akhlak, tasawuf, dan ilmu-ilmu keislaman, antara yang utama ialah *Tafsir Al-Azhar*, *Sejarah Umat Islam*, *Tasauf Modern*, *Falsafah Hidup*, *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk, Di Bawah Lindungan Ka'bah* dan *Merantau ke Deli*

- (o) Muhammad Natsir (1908 - 1993) seorang negarawan Muslim (Perdana Menteri Indonesia, 1950-51), ulama intelektual dan reformis Islam, gigih memperjuangkan nasib bangsanya dan kefahaman terhadap Islam, menjawat pelbagai jawatan penting dalam kerajaan Indonesia selepas kemerdekaan, menjadi ketua umum Parti MASYUMI, terpilih dalam Pemilihan Umum (Pemilu) 1955 untuk menganggotai Dewan Permesyuaratan Rakyat (DPR), tetapi dipenjarakan pada 1962-1966 atas tuduhan memberontak. Setelah dibebaskan bergiat pula dalam perjuangan Islam pada peringkat antarabangsa iaitu World Muslim Congress bermarkas di Karachi (1967), Rabitah al-'Alami al-Islami (World Muslim League) berpusat di Makkah (1969), anggota Dewan Masjid Sedunia (1976) berpusat di Makkah sehingga mendapat anugerah daripada King Faizal Foundation, di samping bergiat dalam pertubuhan dakwah tempatan seperti Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia

5. Gelombang ke-5 (separuh akhir kurun ke-20 hingga kini)

Zaman ini ditandai oleh peranan utama yang dimainkan oleh para reformis kontemporari yang kebanyakannya tersepuh dengan pendidikan Barat tetapi berpegang teguh kepada nilai murni Islam dan penuh yakin dengan kewibawaannya dalam penyampaian dan penegakan Islam; juga ditandai oleh kemunculan kumpulan dan badan dakwah, dan aktivis Islam (contohnya WAMY, ISNA, ABIM, MSA, AMSS, persatuan-persatuan pelajar/mahasiswa Islam). Juga pada zaman ini ada di antara para pejuang dan reformis Islam mulai memegang tampuk kuasa kerajaan dan dengan itu giat melaksanakan usaha Islamisasi yang menyerapkan nilai dan prinsip Islam dalam pelbagai lapangan penghidupan, misalnya pelaksanaan undang-undang Islam yang lebih meluas, penubuhan perbankan dan insurans Islam, kolej dan universiti Islam yang mengintegrasikan semua bidang ilmu; juga gaya pakaian, pemakanan dan pergaulan diserapi nilai Islam yang menuju kepada pembentukan keperibadian Islam yang soleh. Dengan demikian gerakan penegakan semula Islam mulai menjadi agenda arus perdana di beberapa negara Islam dan bukan lagi gerakan pinggiran. Antara tokoh utama pada zaman ini ialah:

- (a) Dr. H.M. Rasyidi (1915 -) seorang tokoh cendekiawan Islam yang terdidik dalam pengajian Islam secara tradisional dan juga di Barat; pernah menjadi Menteri Agama Indonesia (1947); Associate Professor McGill University Canada; Pengarah Pusat Islam di Washington; Ketua 2

Muhammadiyah (1968-71); dan amat giat memperjuangkan kemurnian Islam daripada cabaran adat dan tradisi tempatan dan juga cabaran dari Barat terutama dalam falsafah dan pemikiran, juga secara berani mengkritik dasar pemerintah yang bertentangan dengan Islam seperti Rang Undang-Undang Perkahwinan; melalui penulisan dan ceramah, beliau amat giat menentang penerapan fahaman sekular Kamal Ataturk, juga tulisan Abdul Razik Mesir yang menganjurkan pemisahan Islam daripada pemerintahan; juga mengkritik pendapat Nurcholis Majid yang menganjurkan penolakan gagasan negara Islam kerana ianya bersifat totalitarian, antikebebasan beragama dan kebebasan individu, antidemokrasi, penuh paksaan dan penekanan; juga mengkritik pendapat Harun Nasution yang mahu menerapkan fahaman Muktazilah

- (b) Deliar Noer (1926 -) seorang reformis Islam terlatih di Indonesia dan di Amerika Syarikat sehingga ke peringkat Ph.D., bekas pemimpin H.M.I.; pernah menyandang Profesor Sains Politik di Universitas Indonesia, Rektor IKIP Jakarta; memperjuangkan isu-isu semasa tentang Islam dalam bidang sosial, politik, ekonomi, pendidikan dan juga penegakan negara Islam; menentang pendapat Nurcholis Majid yang menolak negara Islam; juga menentang Barat yang menyatakan bahawa adat bertentangan dengan Islam dan Islam merendahkan status wanita dan bahawa ajaran Islam tidak sesuai dengan zaman kini
- (c) Harun Nasution (1919-1998) seorang intelektual Muslim yang terdidik di Kaherah dan juga di McGill University (Ph.D. dalam kajian kalam/teologi tentang Abduh, 1968); pernah menjadi Rektor di IAIN Syarif Hidayatullah dan Dekan Fakulti Pascasiswazah yang ditubuhkannya; terkenal sebagai seorang penyuru kepada pemikiran rasional dalam Islam iaitu bagaimana membawa umat Islam di Indonesia ke arah rasionalitas dan bagaimana umat Islam terlepas daripada cengkaman fahaman jabariyah al-'Asyari (terlalu menyerah kepada takdir) kepada fahaman qadariyah iaitu kemampuan usaha sendiri; beliau merombak kurikulum IAIN seluruh Indonesia dengan memasukkan pengantar ilmu agama kepada penuntutnya dan mengintegrasikan falsafah, tasawuf, ilmu kalam, tauhid, sosiologi, dan metodologi kajian yang menghasilkan dampak yang ketara dari segi kreativiti intelektual dan keupayaan pembelajaran mahasiswa terutama di IAIN Jakarta. Namun daya usahanya yang inovatif itu

- seringkali mendapat reaksi keras dari para ulama tradisional; pendapat beliau tersebar di dalam tujuh karya utamanya, antaranya *Teologi Islam: Aliran-Aliran, Sejarah, Analisa dan Perbandingan* (1972), *Muhammad Abdurrahman dan Teologi Rasional Mu'tazilah* (1987), *Pembaharuan dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan* (1975), *Akal dan Wahyu dalam Islam* (1982)
- (d) Nurcholis Madjid (1939 -) seorang cendekiawan Muslim Indonesia yang terkenal dengan gagasannya tentang pembaharuan pemikiran Islam; terdidik secara tradisional di pesantren dan juga di IAIN Syarif Hidayatullah kemudian ke Chicago sehingga mendapat Ph. D, dalam bidang falsafah dan Kalam (1984); menjadi tenaga pengajar di IAIN Syarif Hidayatullah; pensyarah tamu di University McGill; beliau terkenal dengan gagasan pembaruan pemikiran Islam yang mesti mengikuti arus pemodenan, kebebasan berfikir dan penolakan berparti politik dalam Islam yang telah menimbulkan banyak kontroversi; tulisan-tulisan beliau yang utama ialah *Islam Kemoderenan dan Keindonesiaan* (1987), *Khazanah Intelektual Islam* (1984), *The Issue of Modernization Among Muslim in Indonesia* (article, 1979)
- (e) Ahmad bin Mohamed Ibrahim (1916-1999), seorang cendekiawan undang-undang kelahiran Singapura tetapi mencurahkan banyak sumbangan inteleknya kepada Malaysia; terdidik di University of Cambridge; pengasas dan Profesor Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya kemudian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; pendukung utama dalam usaha memperkemaskan dan melaksanakan sistem pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia dan meningkatkan martabat Mahkamah Syariah; terlibat dalam pelbagai jawatankuasa induk dan teknikal undang-undang syarak dan ahli Jawatankuasa Penggubal Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan; ahli jawatankuasa pengawasan beberapa syarikat kewangan Islam; ahli Majlis dan Jawatankuasa Fatwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan; ahli Lembaga Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia; beliau juga amat aktif menyertai seminar-seminar mengenai undang-undang Islam pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- (f) Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931-), lahir di Bogor tetapi menjadi warganegara Malaysia; berkelulusan M.A. University McGill (1962) dan Ph.D. University of London (1965), seorang tokoh cendekiawan Melayu Islam kontemporari terkemuka yang dianggap sebagai pencetus

kepada gerakan kebangkitan semula Islam di kalangan belia Islam Malaysia sejak dekad tujuh puluhan dan secara langsung telah mencetuskan penubuhan gerakan pelajar dan belia Islam Malaysia, misalnya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Mahasiswa Islam, Gabungan Angkatan Penulis Islam Malaysia (GAPIM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI), dan melalui tulisan-tulisan beliau yang utama *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972), *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics* (1976), *Islam and Secularism* (1978), dan *The Concept of Education in Islam* (1980) beliau telah mencetuskan pula secara formatif kebangkitan gerakan inteléktual Islam yang membawa perubahan pelbagai persidangan, seminar dan polemik tentang tradisi intelektual dan tokoh-tokoh intelek Islam seperti al-Syafie, al-Ghazali, Ibn Khaldun, Syah Wali Allah dan sebagainya.

Beliau juga seorang daripada pengasas penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menjadikan bahasa Melayu sebagai pengantar pendidikan tinggi dan meletakkan Islam sebagai asas utama dalam pengajian Melayu, seterusnya mempelopori gerakan Islamisasi ilmu dan pendidikan yang diperkuatkan dengan penubuhan International Institute of Islamic Thought and Civilization Kuala Lumpur; dan melalui karya beliau yang terkemudian *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (1995) beliau menghuraikan dan menyatakan dengan terperinci dan komprehensif metafizik atau sifat wujud hakiki dalam Islam yang mencakupi konsep-konsep al-din, kosmos, epistemologi, psikologi diri insan, pendidikan, etik dan juga logik yang bersumberkan karya-karya ulama muktabar dalam tradisi intelektual Islam.

- (g) Muhammad Kamal Hassan (1942 -), seorang ahli akademik Melayu Islam kelahiran negeri Kelantan Darul Naim berkelulusan B.A. Universiti Malaya (1966), M.A. (1970), M.Phil (1973) dan Ph.D. (1975) Columbia University; amat giat mengemukakan konsep pendidikan dan pembangunan insan secara bersepadu yang mengintegrasikan ilmu berdasarkan wahyu dan ilmu berdasarkan pemikiran dan pengalaman empirikal bagi pembinaan dan pembangunan insan yang seimbang dari segi rohani, moral dan akhlak dan juga dari segi ikhtisas, teknikal dan intelektual yang ditunjang oleh maksud utama beliau untuk mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkar; pendapat beliau telah dikemukakan dalam pelbagai forum,

seminar dan persidangan yang kemudiannya diterbitkan dalam beberapa buah karya antaranya *Islamic Education and Its Significance for National Development* (1977), *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepakutu* (1988), *Moral and Ethical Issues in Human Resource Development: Old Problems and New Challenges* (1994) dan *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society: Some Critical Observations* (1996).

Beliau juga adalah tokoh utama dalam penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pernah menjadi Profesor dan Dekan Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, seterusnya menjadi Timbalan Rektor dan sejak 1999 menjadi Rektor UIAM

- (h) Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1943 -), seorang tokoh pendakwah, intelek dan penulis Islam berkelulusan B.A. dan M.A. Universiti Malaya; berperanan besar dalam kebangkitan semula kesedaran dan penghayatan Islam di kalangan pelajar dan belia Islam di Malaysia dan juga Asia Tenggara yang disumbangkannya melalui penyertaan dalam pelbagai forum, seminar, persidangan dan simposium di peringkat kampus, kebangsaan dan antarabangsa sejak awal tahun 1970-an lagi.

Tumpuan wacana beliau ialah pada persoalan-persoalan pembinaan peribadi insan yang bertakwa dan soleh, pendidikan Islam, tasawuf, kreativiti kesenian, kesusastraan dan kebudayaan yang ditunjangi nilai dan roh Islam; beliau juga menimba dan memaparkan kembali kekuatan pemikiran kerohanian ulama tradisional Melayu Islam iaitu Abdul Samad al-Falembani, Abdul Samad bin Muhammad Salleh al-Kelantani (Tuan Tabal) dan juga ulama besar Islam Imam al-Ghazali; pernah menjadi pensyarah pengajian Islam di Universiti Malaya sehingga 1973 tetapi meletak jawatan untuk menjadi pendakwah dan penceramah bebas; beliau kemudiannya dilantik menjadi ahli Dewan Syura Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan; ahli redaksi *Majalah Pengasuh*; pakar rujuk utama Jabatan Agama Islam Kelantan dan Pusat Islam dalam menangani penyelewengan akidah.

Sejak 1995 dilantik sebagai Fellow Kehormat IKIM dan pada tahun 1995 juga dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat oleh Universiti Sains Malaysia; antara karya beliau yang utama ialah *Peradaban dalam Islam* (1976), *Memahami Is-*

lam, Ilmu dan Kebudayaan (1977), Islam dan Modernisme (1977, penulis bersama), Islam: Peribadi, Tarbiah dan Institusi (1992), dan karya terjemahan Fath al-Mu'in: Terjemahan dan Huraian Maksud (1989), Al-Qur'an al-Karim: Terjemahan dan Huraian Maksud (1992-94, berdasarkan terjemahan Inggeris oleh Abdullah Yusuf Ali).

Kesimpulan: Kekuatan Melayu Anugerah Ilahi Asas kepada Pembinaan tamadun Malaysia dan Tamadun Dunia Alaf Baru

Dalam sejarah kenaikan dan pertumbuhan tamadun Islam, telah dibuktikan bahawa pusat-pusat ketamadunannya berubah-ubah daripada satu wilayah kepada wilayah yang lain; daripada tanah Arab kepada Parsi, Turki, Afrika Utara, Andalusia dan Asia Tengah. Kini terdapat bukti yang jelas menunjukkan bahawa pusat ketamadunan Islam mulai bergerak ke arah Timur iaitu ke arah Asia Tenggara yang terdapatnya Dunia Melayu Islam. Apakah kita sebagai kelompok tamadun Melayu Islam bersedia untuk memikul tanggungjawab yang begitu luhur ini untuk menjadi penyambung dan penyumbang kepada pembentukan tamadun dunia dalam alaf yang ketiga?

Ada tiga kekuatan Melayu yang boleh membantu ke arah usaha merealisasikan misi, objektif dan tanggungjawab ini, insya-Allah, iaitu:

1. Kedinamikan budaya Melayu; sejarah pertumbuhan tamadun Melayu dan pusat-pusatnya membuktikan dengan jelas betapa dinamik dan terbukanya budaya Melayu kerana sudah ditakdirkan Allah s.w.t. bahawa lokasi kedudukannya terletak di tengah-tengah persimpangan jalan antara Dunia Timur dan Dunia Barat serta di tengah-tengah wilayah Asia Tenggara sendiri. Oleh itu selama ribuan tahun budaya Melayu secara malar serta tekal, senantiasa terbuka, proaktif dan mampu dan boleh menyerap dan mengadaptasikan unsur-unsur budaya asing yang positif sama ada dari wilayah persekitarannya sendiri maupun dari Timur dan Barat, demi pembangunan dan pengukuhanya
2. Konsep Melayu bukan merupakan entiti etnik, suku kaum atau negara bangsa, tetapi entiti budaya (*a cultural entity*) yang merangkumi pelbagai etnik, suku kaum dan negara bangsa, asalkan semua itu tercerna dan terjelma dalam tiga ciri budaya Melayu yang asasi iaitu berpengantar bahasa Melayu, beradat resam dan bertingkah laku sebagai manusia Melayu dan mengamalkan agama Islam. Berdasarkan konsep Melayu

demikian, kita telah menerima sebagai Melayu orang yang berasal atau berketurunan dari Arab dan atau India seperti Malik Ibrahim seorang Wali Songo pembuka Gerisek (1396), Syarif Abu Bakar/ Sultan Syarif Hashim Sultan Sulu I (1405), Sultan Syarif Ali Brunei (1426), Syarif Muhammad Kebongsuan Sultan Mindanao I (1515), Syeikh Nuruddin al-Raniri Syeikh al-Islam di Aceh (1637), dan puluhan ulama dan pendakwah Arab dari keturunan al-'Eidrus, al-Attas, al-Haddad, al-Habsyi, al-Sagof, al-Badawi, dan lain-lain.

3. Kekuatan agama Islam anutan Melayu ditakdirkan oleh Allah s.w.t. sebagai penganut agama Islam yang suci murni, yang teguh dan sempurna, diredaya oleh Allah dan dijanjikan keselamatan, kesejahteraan, kejayaan dan kebahagiaan yang kekal abadi selama-lamanya, asalkan dia dan kelompoknya memenuhi syarat untuk mendapatkan pertolongan Ilahi iaitu seperti yang termaktub dalam al-Quran yang kebenarannya adalah mutlak dan muktamad (*absolute and final*) seperti yang dimaksudkan oleh ayat-ayat yang berikut:

Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah (untuk mencapai kemenangan), nescaya Allah akan membela kamu (untuk mencapai kemenangan), dan meneguhkan tapak pendirian kamu.

(Surah Muhammad: 7)

Sesungguhnya orang-orang yang berusaha dengan penuh gigih (bermujahadah) dalam memenuhi kehendak (agama) Kami, nescaya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka gembira serta beroleh keredaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah bersama-sama orang muhsin (yang berusaha membaiki amalannya).

(Surah Al-Ankabut: 69)

Nota

¹ Penulis menggunakan istilah ‘pemerintahan Islam’ (hukumah Islamiyah) bukan ‘negara Islam’ (daulah Islamiyah) kerana istilah yang pertama itu mendukung konsep yang lebih luas yang merangkumi negara-negara umat Islam dan mencakupi semua orang Islam sejagat sebagai warganya, sesuai dengan sifat Islam yang universal seperti yang ditegaskan oleh Ismail al-Faruqi (1981:21).

² Lihat S. M. Naquib al-Attas (1979:19-47) dan M. Kamal Hassan (1988:306) untuk penerangan lengkap tentang konsep, takrif dan matlamat pendidikan Islam dan pendidikan bersepadu dalam Islam.

a
n
r
F

M
on
T
ke
se
Ma
la
pe
de
de

Agama Islam, Falsafah dan Pemikiran Melayu Sebagai Asas Pembinaan Tamadun Melayu Islam

Agama Islam, Falsafah dan Pemikiran Melayu

Sesungguhnya agama Islam, falsafah dan pemikiran Melayu adalah asas yang menegakkan binaan budaya dan tamadun Melayu. Pegangan serta amalan agama Islam, falsafah dan pemikiran Melayu menentukan pula keadaan dan rupa bentuk budaya dan tamadunnya.

Agama Islam, falsafah dan pemikiran Melayu ialah hakikat yang mendasari akal budi, hati kalbu dan nilai orang Melayu dan masyarakatnya yang dimanifestasikan dalam bentuk perlakuan, adat resam, budi bahasa, dan akhlaknya dalam semua aspek kehidupan sama ada secara individu mahupun secara berkelompok.

Agama Islam, falsafah dan pemikiran Melayu ditunjangi dan menunjangi secara timbal balik oleh pandangan semesta atau *weltanschauung* yang ada di dalam hati budi dan kalbu manusia Melayu.

Manusia dan masyarakat Melayu telah ditakdirkan oleh Allah s.w.t. melalui Rahmat (Belas Kasih-Nya) dan Inayah (Kemurahan-Nya) untuk menjadi pemeluk agama Islam iaitu agama yang suci dan benar, agama yang direndai Ilahi, dan kekal abadi selama-lamanya. Ini suatu nikmat dan rahmat yang tidak ternilai harganya dan kita semua harus memanjatkan kesyukuran setinggi-tingginya kepada Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Sesungguhnya Islam telah mewarnai dan menjatidirikan orang Melayu dengan *Sibghatullah* (pewarnaan) Ilahi iaitu menjadikan mereka orang Muslim, Mukmin dan Muhsin. Dalam sejarah kebangkitan Tamadun Melayu, Islam ialah paksi utama kekuatannya yang kemudian menyebarkan perwatakan dan jati diri Melayu Islam ini ke seluruh pelosok Asia Tenggara yang terkenal dengan nama Alam Melayu. Jolakan nama Alam Melayu sebenarnya ditunjangi oleh Islam yang telah menjadikan bahasa Melayu sebagai pengantar pengajaran dan penyebarannya ke seluruh wilayah ini; dengan demikian bahasa Melayu tersebar di Alam Melayu bersama-sama dengan tersebarnya agama Islam.

Para ulama di Alam Melayu dari etnik Aceh, Minang, Jawa, Sunda, Banjar, Bugis, Melanau, Meranau, Sulu dan lain-lain menamakan diri mereka orang Jawi (Melayu) berbangsa Jawi (Melayu) dari Tanah Jawi (Alam Melayu) dan menyampaikan Islam dalam bahasa Jawi (Melayu) dengan tulisan Jawi (Melayu). Seluruh Alam Melayu dikenali sebagai Tanah Jawi (Melayu) kerana kebanyakan penduduknya beragama Islam, berbahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi luas (BKL) dan mengamalkan adat resam serta budaya yang berpaksikan Islam dan Melayu.

Inilah kedinamikan konsep Melayu yang merupakan entiti budaya (*cultural entity*) bukan entiti etnik dengan itu dapat menerima sebagai Melayu daripada keturunan India, Arab, Parsi, Pakistan, Afrika, Cina, Thai, bahkan Kaukasian juga, asalkan mereka berbahasa Melayu, beragama Islam dan berbudaya Melayu (halus budi bahasa dan pekerti, hormat tetamu, sederhana, tidak agresif, bermuafakat dan mengutamakan kelompok dan menghormati orang tua).

Oleh itu kekuatan seluruh manusia di Alam Melayu ini ialah Islam dan bahasa Melayu yang membuaikan Tamadun Melayu Islam yang bertaraf dunia pada zaman Melaka (kurun ke-15) dan Aceh (kurun ke-16/17), seperti yang dinyatakan oleh beberapa orang penulis.

Tome Pires pengembara dan pencatat sejarah berbangsa Portugis menulis pada tahun 1512, setahun selepas kejatuhan Melaka (seperti yang telah dinyatakan juga dalam Bab 3):

No trading port as large as Malacca is known, nor any where they deal in such fine and highly prized merchandise. There is no doubt that the affairs of Malacca of great importance and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate on account of its position, but must always grow

Sejarawan Simon Elegant dalam *Far Eastern Economic Review*, 10 Jun, 1999 (seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 3) menulis:

Five centuries ago Malacca hosted 2,000 ships each day, as many as crowd into modern Singapore, which boasted of being one of the three world busiest ports... It was a place where Gujratis, Tamils and Benggalis from India lived and traded in secure harmony with Malays, Chinese and Arabs.

A city of 100,000 inhabitants where 84 languages could be heard in the market. The Malay Sultans who ruled Malacca ensured that the straits was free from pirates. Goods could be stored safely in hundreds of well-guarded godowns, and in case of disputes

the city's law were administered fairly to both the Malaccans and the foreigners

W. Cantwell Smith, seorang orientalis, menulis dalam *Islam in Modern History*, 1957:38:

In any case, the fact that in 16th Century the Muslim world was again powerful, wealthy and touched with splendour. Whatever view one might take it, the Muslim world of this period – in Morocco, Istanbul, Isfahan, Agra and Aceh – was participant in history, expansive and successful.

Oleh yang demikian amat penting bagi orang Melayu mengetahui dan diajarkan dalam bidang pengajian Melayu, apakah pandangan semestanya dan apakah asas falsafah dan pemikirannya yang telah membolehkan entiti Melayu membentuk tamadun Melayu bertaraf dunia dalam sejarah perkembangannya, demi menggerakkan dan mencetuskan kembali keupayaan dan kedinamikan itu bagi pembentukan sebuah tamadun Melayu bertaraf dunia dalam alaf ketiga ini.

Pandangan Semesta Melayu Islam sebagai Asas Falsafah dan Pemikirannya

Pandangan semesta ialah gambaran yang terjelma kepada mata hati kita tentang seluruh realiti kewujudan dan letak, peranan dan destini semua makhluk termasuk manusia. Gambaran yang sedemikian dipengaruhi dan ditentukan oleh sistem nilai dan ideologi pendukungnya.

Pandangan semesta Melayu Islam mengikut Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995:1) ialah pandangan tentang realiti (*haqiqah*) dan kebenaran yang terjelma kepada mata hati kita tentang seluruh kewujudan yang merangkumi alam-dunia dan alam-akhirat; kedua-duanya berpadu tanpa terpisah dengan aspek akhiratnya merupakan natijah yang muktamad dan mutlak.

Al-Quran, Surah Ali 'Imran: 185, menegaskan hakikat ini (maknudnya):

Setiap diri akan merasai maut, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga, maka sesungguhnya dialah yang berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan dunia ini (meliputi segala kemewahan dan

pangkat kebesaran) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya. (Oleh itu awaslah daripada dilalaikan dan diperdayakan oleh kesenangan dunia dan kemewahannya; sebaliknya gunakanlah semua itu untuk amal kebaikan bagi mencapai kesenangan dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, 1995:171)

Tujuan dan matlamat terakhir bagi tamadun Islam yang menggunakan segala benda dalam alam ini sebagai amanah, bukan untuk kemajuan ilmu, sains, teknologi, peralatan dan segala prasarana kehidupan tetapi kemajuan itu semua sebagai alat untuk melahirkan manusia yang Muslim, Mukmin dan Muhsin. Pembangunan, kemajuan dan kejayaan dengan makna yang setepat-tepatnya ialah pergerakan dan perubahan manusia daripada diri haiwani (*nafs haiwaniyah*, dengan sifat rakus, tamak, angkuh, takbur, dengki dan dendam kesumat) kepada diri akali (*nafs aqliyah*, dengan sifat kemurahan, keadilan, kesabaran, ketabahan, kebijaksanaan, kemaafan, ketenangan, keyakinan, dan seumpamanya). Inilah yang menjadi dasar dan asas falsafah pemikiran Melayu Islam yang perlu diajar dan disampaikan dalam kursus dan bidang pengajian yang demikian.

Takrif dan ruang litup ilmu falsafah

Takrif falsafah ada berbagai-bagai bergantung kepada sudut pandangan, nilai dan pegangan hidup pentakrifnya. Namun satu takrif kerja (*working definition*) boleh dibuat seperti berikut:

Falsafah boleh ditakrifkan sebagai satu penyelidikan secara renungan (*reflective*) dan pentaakulan (*reasoning*) untuk merumuskan sifat dan kandungan alam semesta dilihat secara keseluruhan sebagai satu kesatuan, berdasarkan penelitian dan pengkajian terhadap data dan fakta yang diambil daripada semua aspek alam semesta (B. A. G. Fuller, *A History of Philosophy*, 1955:1).

Berdasarkan takrif itu, ilmu falsafah seperti juga ilmu yang lain dianggap sebagai suatu penyelidikan yang mempunyai kaedah, matlamat, asas dan bahan kajian yang khusus. Ilmu falsafah mengambil data dan bahan kajian daripada semua aspek alam semesta hasil daripada kajian pelbagai bidang ilmu misalnya ilmu sains pasti (fizik, matematik dan lain-lain), ilmu sains hayat (biologi, botani, zoologi, biokimia, genetik, mikrobiologi, biosistem, biofizik, dan lain-lain), sains kemanusiaan dan kemasyarakatan (psikologi, sosiologi, antropologi, linguistik, geografi, sejarah, kesusasteraan, kesenian, ekonomi, politik, teologi, dan lain-lain), dan ilmu-ilmu sains yang lain.

Setiap bidang ilmu itu membentuk cabangan daripada alam semesta, misalnya sains pasti membincangkan tentang tenaga, pergerakan dan hubungan antara benda-benda dalam alam ini; sains hayat membincangkan benda hidup iaitu dari segi pengelasannya, struktur pembentukannya dan kelakuannya; dan sains kemanusiaan dan kemasyarakatan pula mengkaji diri manusia secara individu dan juga secara berorganisasi dalam masyarakatnya.

Ilmu falsafah mengambil hasil kajian daripada semua disiplin ilmu itu dan membuat kesimpulan tentang hakikat kewujudan alam semesta ini secara keseluruhannya. Proses penyimpulan itu, walaupun berdasarkan data dan fakta yang nyata, dibuat secara hujahan, renungan dan juga pentaakulan.

Contoh proses memperoleh ilmu tentang kejadian dalam alam semesta ini yang membawa kepada penyimpulan falsafah tentangnya yang kita boleh ambil ialah kejadian hujan. Kejadian hujan dari segi pengetahuan pancaindera merupakan proses penurunan air ke bumi daripada awan iaitu seolah-olah air berpunca daripada angkasa dan turun ke bumi. Namun apabila diselidiki berdasarkan ilmu sains sebenarnya hujan berasal daripada pengewapan air dari permukaan bumi yang naik ke angkasa, dan apabila berkumpul dalam bentuk awan yang tebal kemudiannya turun sebagai hujan.

Dari segi ilmu falsafah kejadian hujan apabila dilihat dalam perspektif yang menyeluruh iaitu merangkumi semua sistem yang ada dalam alam semesta ini dilihat secara hubung kait antara satu sama lain, sebenarnya adalah daripada asas utama kehidupan di bumi ini; bertugas melaksanakan kitaran air ke seluruh bumi ini dan menahannya daripada terlepas ke angkasa; menyirami segala pepohonan dan hidupan; membasahi tanah, menyejuk dan meregularisasikan cuaca dan iklim; menyuling dan membersihkan air yang kotor akibat pencemaran alam; menyejuk dan menenteramkan jiwa dan perasaan manusia yang tegang, hangat dan bersengketa; bahkan hujan merupakan rahmat dan anugerah daripada Tuhan kepada makhluk-Nya yang menjamin dan menjaga kelangsungan kehidupan seluruh bumi dan alam semesta.

Hujan juga dijadikan simbol bagi wahyu dan petunjuk Ilahi yang turun membasahi hati dan jiwa manusia yang tandus. Jiwa yang segar ibarat tanah subur yang meresapi hujan wahyu dan petunjuk dari Ilahi dan menumbuhkan pepohon iman, amalan dan perlakuan yang baik akan membawa akhlak mulia dan murni yang akan memberi manfaat kepada makhluk lain. Jiwa yang keras dan degil ibarat batu batu yang pejal dan keras yang tidak dapat diserapi siraman hujan petunjuk Ilahi, dan tidak mampu menumbuhkan amalan yang baik dan membawa akhlak yang mulia.

Demikianlah ilmu falsafah melihat sesuatu kejadian alam semesta ini dari perspektif keseluruhan; iaitu menghubungkaitkan sesuatu benda, perkara dan kejadian itu dengan sistem, benda, perkara dan kejadian yang lain untuk melihat kaitannya dan dengan itu dapat dibuat kesimpulan yang menyeluruh tentangnya iaitu tentang sifat dan hakikat kejadiannya, kedudukan matlamat serta fungsinya, dan keberkaitannya dengan sistem-sistem lain yang ada dalam seluruh alam semesta ini.

Cabang-cabang Utama Ilmu Falsafah

Cabang-cabang utama yang dikaji dalam ilmu falsafah ialah:

1. metafizik iaitu kajian tentang hakikat wujud seluruhnya (ontologi) iaitu daripada alam nyata kepada alam ghaib, kewujudan Tuhan, sifat, unsur dan kaitan benda-benda dan proses dan prinsip yang utama yang ada dalam alam semesta ini
2. epistemologi iaitu kajian tentang ilmu pengetahuan; tentang hakikat, jenis, sifat, klasifikasi, tahap, saluran, batasan dan sumbernya
3. etika/aksiologi iaitu kajian tentang nilai dan ukur tara tingkah laku manusia yang menentukan apa yang benar, baik dan patut
4. logik iaitu kajian tentang kaedah berhujah secara sah dan benar dan kaedah menentukan hujahan yang tidak sah dan tidak benar atau falasi.

Ilmu

Ilmu ditakrif secara umum sebagai keadaan atau sifat mengetahui, mengenali, mengingati dan mengerti sesuatu perkara, kejadian, dan kelakuan, dan juga sebagai himpunan daripada apa yang diketahui, ditemui dan ditanggapi itu. Himpunan daripada yang diketahui itu boleh dinamakan sebagai pengetahuan. Oleh itu ilmu pengetahuan mencakupi kedua-dua aspek itu; iaitu ilmu sebagai sifat mengetahui dan pengetahuan sebagai himpunan apa yang diketahui.

Mengerti atau memahami sesuatu ialah keadaan memperoleh makna tentang perkara itu iaitu dengan cara menggunakan dalil-dalil berasaskan saluran ilmu pengetahuan – saluran pancaindera, hujahan, ilham dan laporan seperti yang akan diterangkan selanjutnya. Makna ialah gambaran akal yang memberi pengenalan tentang kedudukan dan tugas sesuatu perkara dalam sesuatu sistem yang diperoleh apabila hubungan perkara itu dengan yang lain-lain dalam sistem itu dapat dijelaskan dan difahami. Sistem ialah pemeringkatan sekumpulan

elemen atau unsur berkaitan, yang diorganisasikan (disusun mengikut keutamaan) untuk memenuhi sesuatu matlamat atau objektif tertentu.

Antara contoh proses memperoleh ilmu ialah tentang manusia. Proses memperoleh ilmu tentang manusia ialah mengetahui dan mengerti makna seorang manusia iaitu tentang kedudukan dan tugasnya dalam semua sistem persekitaran kehidupannya iaitu persekitaran sosialnya (keluarga, komuniti, masyarakat, negara dan seluruh umat manusia), persekitaran spatio-temporal atau alam fizikalnya (fauna, flora, alam jagat raya) dan persekitaran metafizikalnya (wujud psikologis atau rohaniah (akal, ratio, intelektus, hati), wujud alam akhirat, dan wujud Pencipta). Dengan cara demikian akan diketahui bahawa insan ialah sejenis *hayawan natiq* (haiwan berakal) yang tertinggi dalam hierarki makhluk (*asyraf makhlumat*) yang berfungsi sebagai hamba (*abdullah*) Allah yang akur dengan segala perintah-Nya, dan *khalifat Allah* yang mengajak manusia lain supaya juga akur dengan perintah Allah dan menegakkan perintah Allah dalam kehidupan di dunia ini.

Empat Saluran Ilmu

Ilmu diperoleh oleh manusia melalui empat saluran iaitu pancaindera yang sempurna, hujahan yang waras, intuisi atau ilham, dan laporan yang benar. Saluran bermakna jalan atau laluan yang menjadi pengalir dan pembawa sesuatu perkara atau benda daripada sumbernya kepada penerimaanya. Sumber ilmu terletak di luar akal manusia dan penerimaanya ialah akal fikiran dalam dirinya. Oleh itu empat saluran itu adalah perantara atau laluan masuk ilmu ke dalam diri manusia.

Empat saluran ilmu secara terperinci ialah:

- (a) Pancaindera yang sempurna (*sound senses*), iaitu melalui deria seperti penglihatan, pendengaran, dan penyentuhan maka sesuatu perkara dalam alam zahiriah ini dapat dirasai dan dikesani, namun yang mentafsir dan memahaminya ialah fakulti-fakulti akal dalaman iaitu daya perlambangan (*representasi akal*) tentang objek luaran itu, daya pengukurannya (*estimation*), daya ingatannya (*recollection*) dan daya imaginasinya yang dengan itu membawa kepada pengenalan terhadap makna (kedudukan dan fungsi) objek itu yang membawa pula kepada pengertian terhadapnya; iaitu kita mengerti tentang perkara itu; ilmu yang diperoleh dinamakan ilmu deria
- (b) Hujahan yang waras atau logikal iaitu pendalilan yang teratur dan bersistem berdasarkan premis-premis yang sah dan benar membawa kepada kesimpulan yang sah dan benar (*proper and*

systematic reasoning), yang berdasarkan dua organ hati budi manusia iaitu: (i) fikiran atau rasio yang mentafsir dan mensistemkan kejadian dalam alam semesta ini ke dalam susunan huraian yang dapat difahami dan diterima umum sebagai selaras dengan hukum alam yang benar-benar berlaku secara nyata atau mungkin berlaku secara potensi; misalnya adanya seekor binatang yang berkaki empat kerana terdapat kesan tapak kakinya di atas tanah yang masih basah dengan jejaknya walaupun binatang itu sendiri tidak dapat dikesan dengan pancaindera; ilmu yang diperoleh itu dinamakan ilmu rasional, dan, (ii) akal atau intelek iaitu unsur rohaniah yang bertempat dalam organ rohaniah yang dinamakan sebagai hati atau kalbu yang boleh menanggapi, memahami dan mengkonsepsikan kejadian dan kewujudan yang bersifat transendental iaitu merentasi alam nyata atau alam deria yang tidak tercakup oleh hukum alam tabii, misalnya wujudnya Tuhan kerana adanya alam dan segala hidupan, benda dan objek di dalamnya yang kejadian dan operasinya dikawal dengan rapi oleh sistem hukum yang sangat cekap, teratur dan serba mendasari serta merentasi segala-segalanya yang menunjukkan adanya satu punca pengawalan daripada satu kuasa luar biasa yang Maha Berkuasa,dan Maha Bijaksana yang walaupun Ia menjadikan alam ini tetapi Ia bukan sebahagian daripada alam ini dan tentu sekali berbeza daripadanya, oleh itu tidak tercakup oleh elemen ruang dan waktu yang mengawal alam ini; organ akal atau intelek yang bertempat di dalam hati ini berkaitan pula dengan satu lagi unsur rohaniah yang juga bertempat di hati iaitu intuisi, satu lagi saluran pemerolehan ilmu pengetahuan. Ilmu yang diperoleh melalui akal intelek dinamakan sebagai ilmu intelektual

- (c) Intuisi atau ilham iaitu unsur rohaniah yang bertempat di hati yang dapat menanggapi dan mengerti secara terus dan spontan makna sesuatu perkara meresap ke dalam hatinya yang tidak boleh diperoleh melalui fikiran dan akalnya; instuisi terbahagi kepada dua, iaitu (i) intuisi pada tahap kesedaran manusia biasa yang berkaitan dengan pengertian tentang kejadian alam tabii ini, misalnya apabila seorang ahli sains menemui hukum alam tertentu secara terus dan spontan yang sebelum itu bermain dalam fikiran dan akalnya melalui eksperimen, penyelidikan dan penghujahan tidak berjaya menjumpainya; intuisi demikian tidak lain daripada hasil proses mencantum dan menemukan apa-apa yang ditanggapi secara terpisah oleh proses penghujahan yang tidak dapat ditautkan paduan maknanya; keupayaan intuisi demikian selaras dengan latar belakang latihan, pengalaman,

disiplin diri dan kekuatan daya fikir dan pengalamannya dan juga selaras dengan masalah khusus yang dihadapinya pada sesuatu tempoh waktu iaitu kaedah pendalilan dan penghujahan tidak dapat menyatakan maknanya; namun intuisi pada peringkat rendah ini hanya membawa pengertian kepada satu juzuk atau serpihan daripada realiti atau alam kewujudan bukan keseluruhannya, dan (ii) instuisi pada tahap manusia istimewa iaitu kesedaran dan pemahaman tentang alam serta kewujudan yang tinggi yang merentasi alam zahiriah ini membawa kepada pemahaman tentang keseluruhan realiti atau alam kewujudan, yang terkhusus kepada manusia yang menjalani kehidupannya dalam kebenaran agama berasaskan kebaktian kepada Tuhan secara ikhlas (jujur), khusyuk (penuh ingatan) dan tawaduk (penuh kerendahan hati), iaitu para Rasul dan wali-wali Allah.

- (d) Laporan yang benar berdasarkan autoriti yang sah dan absah (*legitimate*) yang melibatkan dua jenis laporan: (i) laporan melalui perkhabaran daripada autoriti yang sah (*valid*) iaitu dibenarkan dan disahkan oleh majoriti manusia melalui tahap-tahap yang berurutan dan bersambungan yang akal tidak dapat menerima bahawa semua manusia itu telah bersetuju untuk mengemukakan sesuatu yang tidak benar secara beramai-ramai, namun autoriti yang demikian termasuklah para ahli sains, bijak pandai dan ketua masyarakat boleh dinilai kewibawaan mereka dari segi sifat, watak peribadi dan ilmu mereka berdasarkan pendalilan dan pengalaman yang waras, dan (ii) laporan yang benar daripada autoriti yang absah dari segi agama iaitu Pesuruh Tuhan (Rasul) yang mencetuskan laporan itu yang juga diterima secara persetujuan umum oleh manusia yang kebenarannya secara mutlak kerana mengikut Islam ianya berpunca daripada autoriti yang tertinggi iaitu Perkataan Allah (*al-Quran*) yang kebenarannya juga boleh dibuktikan melalui penghujahan berdasarkan asas fikiran, akal dan absah berdasarkan sifat, akhlak dan watak peribadi para Rasul yang luhur, tidak pernah berbohong dan khianat, saksama dan adil, sebagaimana peribadi Rasulullah s.a.w.

Hubungan antara Makna dengan Ilmu adalah erat iaitu ilmu mengandungi unit-unit makna yang bertautan antara satu sama lain sehingga lah terbentuknya ilmu.

Tahap-tahap Pengilmuan

Tahap-tahap pengilmuan adalah hasil daripada proses peresapan ilmu ke dalam pengertian manusia iaitu daripada tahap terawal kepada tahap terakhir sehingga tercapainya keyakinan. Tahap-tahap itu adalah:

- (i) Tahap pengertian imbasan iaitu ilmu yang paling asas atau awal yang dicetuskan oleh tanggapan pancaindera secara sepantas lalu membawa kepada pembentukan ilmu secara sekali imbas
- (ii) Tahap pengkonsepsian iaitu apabila ilmu itu terbentuk dalam fikiran kita secara lebih tekal dan stabil melalui pengalaman dan persepsi; konsep selalunya didukung oleh istilah atau ungkapan tertentu; konsep ialah unit pengertian yang terkecil yang terbentuk dalam fikiran seorang individu tentang sesuatu perkara, kejadian dan keadaan dalam alam kewujudan ini yang akan dijadikan asas pula bagi sistem tindak balas oleh individu itu terhadap perkara dan kejadian yang ada atau berlaku di sekelilingnya.
- (iii) Tahap penegasan atau proposisi iaitu apabila konsep-konsep itu disusun dalam pernyataan yang selalunya didukung oleh satu atau beberapa ayat; penegasan atau proposisi itu boleh berbentuk pendapat, pemutusan (*judgement*) atau hipotesis atau teori apabila ia merujuk kepada satu andaian (*assumption*) tentang dasar perjalanan, keadaan, sifat, dan kedudukan sesuatu perkara, benda, perlakuan dan kejadian dalam alam ini, dan akhirnya ilmu meningkat ke tahap yang teratas
- (iv) Tahap hukum alam iaitu apabila pengertian dan penegasan itu selaras dengan kejadian dalam alam ini secara berterusan dan berkekalan selagi alam ini wujud dalam keadaan sekarang, misalnya benda yang berat akan jatuh ke bawah atau tenggelam di dalam air, api membakar, pisau memotong, dan lain-lain. Namun hukum alam ini boleh berubah apabila keadaan dan sifat alam ini berubah dan memperoleh sifat yang lain, misalnya di dalam al-Quran dinyatakan apabila kiamat berlaku bukit dan gunung akan berterbangan seperti kapas berterbangan di udara mengisyaratkan pertukaran hukum tarikan graviti yang menyebabkan benda kehilangan beratnya dan hanyut dengan tidak menentu.

Batasan Setiap Ilmu

Terdapat batasan bagi setiap ilmu yang diperoleh melalui empat saluran tersebut iaitu ada batasan pemerolehannya.

Ilmu yang diperoleh melalui pancaindera iaitu ilmu deria (*sensual knowledge*) terhad kepada benda atau perkara yang hanya boleh ditanggapi oleh pancaindera. Perkara atau benda yang di luar daripada tanggapan pancaindera tidak akan diperoleh melalui saluran ini, misalnya sesuatu yang terlalu jauh atau terlalu halus atau yang mempunyai gelombang cahaya yang di luar daya tanggapan sinaran mata seperti warna ultra-violet, tidak akan ditanggapi mata; sesuatu yang terlalu nyaring seperti wisel anjing, atau terlalu kasar iaitu gelombang suaranya di luar tanggapan gegendang telinga, tidak akan ditanggapi telinga; dan sebagainya. Namun ilmu deria ini boleh menipu sama ada tertipi kerana terhadnya ruang litup ilmunya atau keterhadan kelemahan deria itu sendiri. Contohnya "hujan" berasaskan ilmu deria berpunca dari langit, dan berpandukan ilmu deria yang digugat ketegangan emosi disangkanya air.

Ilmu yang berasaskan hujahan rasionalistik yang berpandukan premis atau dalil yang benar dan berasaskan eksperimen sains yang empirikal atau zahiriah, juga ada hadnya iaitu terhad kepada fenomena yang dapat dikesan oleh alat sains; benda seperti cakerawala yang terlalu jauh di angkasa lepas atau benda yang terlalu seni tidak akan diketahui jika di luar liputan alat pengesan; juga hasil perolehannya terhad iaitu merupakan pengertian serpihan daripada keseluruhan alam jagat raya, misalnya kejadian "hujan" melalui ilmu sains, dihuraikan sebagai air yang datang dari bumi melalui proses pengewapan yang naik ke angkasa dan bergumpal dalam bentuk awan yang akhirnya turun ke bumi dalam bentuk hujan. Tetapi apakah kedudukan hujan dalam seluruh sistem kejadian alam semesta dan seluruh kehidupan manusia atau seluruh kewujudan? Jawapannya akan diperoleh melalui hujahan secara akaliah atau intelektual berdasarkan kaedah falsafah yang melahirkan ilmu falsafah.

Ilmu falsafah seperti yang ditegaskan terdahulu ialah ilmu yang diperoleh melalui proses penyelidikan (*inquiry*) secara renungan dan pentaakulan (*reflective and reasoning*) dengan menggunakan organ intelek untuk merumuskan sifat, kandungan dan kewujudan alam semesta dilihat secara keseluruhan (*holistic*) sebagai satu kesatuan, berdasarkan penelitian dan pengkajian terhadap data yang diambil daripada semua aspek sains (misalnya sains tabii, sains pasti, sains kemanusiaan dan kemasyarakatan). Berdasarkan kajian ilmu falsafah seperti yang dinyatakan terdahulu, kejadian hujan misalnya didapati sebagai fenomena paling penting dalam seluruh sistem ekologi bumi; iaitu hujan ialah sumber segala kehidupan di darat, kerana darinya sungai akan mengalir, mata air akan muncul, tanah dan tumbuhan akan disirami, daratan akan disejukkan, kehidupan fauna, flora dan

manusia berjalan, kekotoran akan dibersihkan. Begitu juga hubungan dengan Tuhan Pencipta alam ini sebagai kuasa mutlak yang menurunkan hujan. Hujan juga boleh dilambangkan sebagai penurunan wahyu dari Ilahi ke atas hati kalbu manusia dari sudut huraian metafizika.

Namun ilmu falsafah juga ada hadnya iaitu terhad kepada kemampuan akal menjangkau dan memikirkannya, sesuatu yang tidak terjangkau oleh daya fikir manusia adalah di luar ilmu falsafah. Keadaan wujud, sifat dan perbuatan Allah, keadaan wujud dan sifat makhluk-makhluk yang berada dalam alam ghaib, kebangkitan, dan pembalasan pada hari akhirat, kesemuanya ilmu di luar daya fikir manusia. Oleh itu menurut Islam untuk memperoleh ilmu itu maka atas ilmu lain diperlukan iaitu ilmu wahyu yang datang daripada Tuhan Pencipta yang disampaikan sama ada melalui perantaraan Malaikat Jibrail a.s. kepada para Rasul a.s. ataupun melalui penurunan ilmu itu secara langsung ke dalam hati para Rasul itu. Namun ilmu wahyu itu tidak semestinya terhad kepada jenis ilmu itu sahaja, ia juga boleh mencakupi jenis-jenis ilmu deria, ilmu rasionalistik dan ilmu falsafah.

Epistemologi

Epistemologi, ialah satu cabang daripada ilmu falsafah yang mengkaji ilmu pengetahuan dari segi pentakrifannya, penubuhan jenis-jenisnya, penentuan sumber-sumber dan saluran-salurannya, dan pengenalpastian had dan batasannya yang didasari oleh pandangan semesta serta nilai yang dipegang oleh masyarakat itu. Epistemologi dalam masyarakat dapat dilakukan dengan cara mengesan dan menyorot ungkapan, istilah dan kosa kata yang digunakan dalam pelbagai genre pengucapan yang menjadi wahana dan pendukung bagi segala konsep dan gagasan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan, pemikiran, kebijaksanaan, dan keupayaan intelek masyarakat itu selain menganalisis tulisan dan tradisi persuratan yang berkaitan dengan bidang itu. Epistemologi sesuatu masyarakat diwarnai oleh pandangan dunia atau *weltanschauung* masyarakat itu yang ditentukan oleh nilai agama, kepercayaan, pegangan hidup dan kebudayaan masyarakat. Dengan demikian epistemologi masyarakat yang tergolong dalam persekitaran budaya dan tamadun yang berbeza-beza mungkin berlainan antara sama lain.

Epistemologi Melayu

Epistemologi Melayu ialah bidang kajian tentang kaedah mentakrif ilmu pengetahuan yang dipegang oleh masyarakat Melayu, penerokaan jenis ilmu pengetahuan, penentuan sumber-sumbernya dan juga had serta batasan setiap jenisnya, dengan mengkaji, meneliti dan menganalisis khazanah kesusasteraan, persuratan, pengucapan dan pengungkapan dalam bentuk prosa dan puisi, sama ada tertulis dan lisan, yang tersurat mahupun tersirat dalam masyarakat Melayu dalam pelbagai genre, yang diwarnai oleh pandangan dunia atau *weltanschauung* masyarakat Melayu.

Ada dua pendekatan dalam pembentukan epistemologi Melayu:

- (1) Pendekatan etnografi iaitu menganalisis dan melahirkan konsep ilmu pengetahuan yang ditanggapi dan dipegang oleh orang Melayu seperti yang terkandung dalam khazanah kesusasteraan bertulis dan lisan, prosa dan puisi, pantun, syair, peribahasa, mantera, cerita rakyat dan pelbagai bentuk kepustakaan Melayu. Dalam kajian itu usaha penilaian dan pengesahan tidak terlibat; iaitu ciri-ciri kepalsuan, kesahihan dan keabsahan tidak diutamakan. Apa yang dipentingkan ialah penganalisisan, penubuhan dan penghuraian konsep ilmu pengetahuan masyarakat Melayu seperti yang dijelmakan oleh bentuk-bentuk pengucapan dan pengungkapan Melayu itu.
- (2) Pendekatan aksiologi iaitu penubuhan konsep ilmu pengetahuan dan pemikiran yang dipegang oleh orang Melayu melalui kaedah pertama itu tetapi melakukan penilaian, penyaringan, pemilihan dan pengenalpastian dari segi kebenaran, kepalsuan, kesahihan dan keabsahan ke atasnya berdasarkan autoriti ilmu dalam tradisi Melayu Islam. Ungkapan dan istilah dalam masyarakat Melayu yang mendukung konsep-konsep tentang ilmu pengetahuan boleh digalurkan mengikut tahap-tahap sejarah peradabannya bermula daripada zaman pra-Hindu-Buddha, zaman Hindu-Buddha, zaman Islam dan zaman moden-Barat.

Kaitan Ilmu yang Benar Amat Erat dengan Destini Manusia

Usaha mencari ilmu yang benar amat penting kepada manusia kerana ada pertalian secara langsung dengan pengenalan tentang dirinya

dalam alam persekitarannya, dan juga pengenalan tentang masa hadapannya iaitu destininya yang muktamad dan kekal. Ilmu yang benar akan membimbing seseorang untuk meletakkan sesuatu perkara pada tempatnya yang betul dan wajar termasuklah tempat letak dirinya sendiri dalam alam persekitarannya dan juga seluruh sistem kewujudan. Dengan meletakkan sesuatu perkara pada tempatnya yang betul dan wajar akan membawa kepada keharmonian, kesaksamaan dan keadilan.

Keadilan akan membawa kepada ketenteraman, kesejahteraan dan kebahagiaan. Kezaliman, ketidakadilan dan kekacauan timbul akibat daripada ketidakupayaan meletakkan perkara sesuatu pada tempatnya yang betul dan wajar, dan dengan itu tidak berupaya mengambil keputusan dan tindakan yang adil dan saksama. Jadi kezaliman timbul akibat daripada ketiadaan ilmu benar yang akan membawa kepada autoriti tidak sah dan tidak absah.

Ilmu tidak benar atau palsu akan membawa kepada kecaburan terutama sekali untuk mengenali hakikat diri sendiri. Tanpa mengenali hakikat diri sendiri dengan tepat, hilanglah keupayaan untuk bertindak secara saksama, adil dan wajar terhadap sebarang perkara lain yang wujud atau berlaku dan berinteraksi dengan dirinya dalam persekitarannya. Ini akan menjelaskan masa hadapan dan destininya, kerana pada prinsipnya destini itu ditentukan oleh cara bagaimana dia mengenali hakikat dirinya dan tempat letak dirinya sendiri dan segala sesuatu yang lain, supaya dengan demikian dia akan dapat mengambil tindakan yang tepat dan wajar terhadap persekitaran alam semestanya dan kewujudan seluruhnya.

Konsep Kebenaran Ilmu dalam Tradisi Ilmu Barat

Konsep kebenaran ilmu dalam tradisi keilmuan Barat adalah masalah yang berpanjangan kerana ketiadaan konsep kebenaran muktamad dan mutlak. Kebenaran bagi mereka adalah relatif; senantiasa berubah-ubah mengikut peredaran zaman, suasana dan keadaan semasa dalam sesebuah masyarakat, kerana yang menetapkan nilai kebenaran ialah masyarakatnya yang turut berubah berdasarkan variabel perubahan itu yang mengubah pula nilai dan prinsip kebenaran itu sendiri.

Contoh jelas tentang nilai kebenaran berubah-ubah ini ialah hukuman bunuh bagi mereka yang melakukan jenayah berat yang dianggap tidak sesuai lagi kerana mengambil nyawa manusia kerana bertentangan dengan hak asasi manusia dan tidak sesuai bagi masyarakat manusia yang bertamadun (*civilized society*). Oleh itu hukuman bagi jenayah berat ialah penjara seumur hidup. Namun kini

hukuman bunuh dilaksanakan kembali kerana terlalu banyak jenayah berat berlaku secara berleluasa.

Teori Kebenaran dalam tradisi ilmu Barat

Pada umumnya terdapat tiga teori kebenaran dalam tradisi ilmu Barat, iaitu:

1. teori kebenaran berdasarkan keselarasan antara penegasan dengan fakta (*correspondence theory of truth*)
2. teori kebenaran berdasarkan keserasian perkara-perkara yang terdapat dalam sesuatu sistem yang telah diterima kebenarannya (*coherence theory of truth*)
3. teori kebenaran berdasarkan kegunaan iaitu sesuatu itu benar jika ia berguna kepada masyarakat (*functional theory of truth*) yang dipegang oleh golongan pragmatisme.

Teori kebenaran berdasarkan keselarasan antara fakta dengan penegasan iaitu sesuatu kenyataan itu benar jika selaras dengan fakta yang ada dalam alam fenomena ini. Contohnya kenyataan bahawa Riyad terletak di Arab Saudi adalah benar kerana sememangnya Riyad terdapat di negara itu dan adalah ibu negara Arab Saudi. Kenyataan berkenaan dengan perkara yang tidak berkaitan dengan nilai seperti tentang lokasi, bilangan, jarak dan sebagainya, kebenaran berdasarkan teori keselarasan demikian boleh diterima.

Namun apabila sesuatu kenyataan ada kaitan dengan nilai etika dan moral, maka prinsip keselarasan kebenaran itu sukar dipertahankan. Contohnya di Barat kini hubungan sesama jantina (homoseksualisme dan lesbianisme) merupakan fenomena yang lumrah, oleh itu undang-undang yang menghalalkan hubungan demikian adalah sesuatu yang wajar kerana selaras dengan fakta dalam masyarakat. Walaupun dari segi fakta undang-undang itu benar, tetapi tidak benar dari segi fitrah kejadian manusia yang secara naluri hubungan yang wajar dan tepat ialah antara lelaki dengan perempuan. Juga fakta yang ada dalam alam ini mungkin hasil manipulasi manusia, oleh itu tidak tepat dan benar lagi dari segi fitrah, kesaksamaan dan keadilan.

Misalnya, kini kejuruteraan genetik (*genetic engineering*) adalah bidang ilmu sains dan teknologi yang begitu maju dan cekap boleh menghasilkan proses pengklonan. Oleh itu berasaskan kecekapan teknologi itu, maka wajarlah manusia yang akan datang dicipta melalui proses pengklonan supaya manusia yang bijak, kuat, dan cekap sahaja

diklonkan supaya mereka dapat memakmurkan dunia ini. Ini sudah bertentangan dengan fitrah kejadian manusia sebagai makhluk yang diciptakan oleh Tuhan dengan segala kepelbagaiannya sifat, peribadi dan perwatakan untuk memenuhi tujuan kejadian insan sebagai hamba Tuhan dan juga wakil Tuhan untuk mentadbir alam ini mengikut peraturan yang ditetapkan Tuhan.

Teori keserasian kebenaran menegaskan jika sesuatu perkara atau perbuatan itu serasi dengan keperluan dan keadaan masyarakat, perkara atau perbuatan itu benar dan patut. Misalnya kenyataan dan undang-undang yang mengenakan hukum bunuh ke atas penjenayah berat adalah wajar, dan benar kerana serasi dengan kehendak dan keadaan masyarakat sekarang yang mahukan hukum sedemikian dilaksanakan kerana bilangan jenayah berat yang bertambah. Namun nilai keserasian itu berubah-ubah kerana berubahnya suasana masyarakat; oleh itu tidak ada nilai keserasian yang muktamad dan mutlak.

Teori kebenaran berasaskan kegunaan juga berubah-ubah dan kadang-kadang bertentangan. Misalnya menurut falsafah empirisme dan juga positivisme logikal (yang berpegang kepada hakikat kebenaran berdasarkan bukti empirikal) kepercayaan kepada Tuhan walaupun tidak boleh dibuktikan secara empirikal oleh itu tidak benar, namun kepercayaan itu boleh diterima sebagai benar jika ia memberi kebaikan kepada penganutnya seperti dapat menenangkan mereka semasa berlakunya tragedi dan kematian. Dengan demikian timbulah percanggahan dan konflik yang amat kacau tentang konsep kebenaran.

Konsep Kebenaran Melayu Islam

Kebenaran ilmu dari sudut Melayu Islam selain daripada wujudnya keadaan keselarasan, keserasian dan kegunaan sesuatu perkara dan perlakuan dalam masyarakat dan alam ini, hendaklah wujud juga keadaan kewajaran, kesaksamaan dan keadilan. Sesuatu perkara atau perlakuan itu bukan sahaja selaras, serasi dan berguna kepada keadaan masyarakat tetapi juga wajar dan sesuai dengan tempat duduknya dan tugasnya dalam sistem ia berada iaitu memenuhi tujuan kejadiannya dan kelakuannya. Oleh itu ada tiga tahap pengkonsepsian tentang kebenaran:

1. Kebenaran atau *truth* sebagai keadaan, kualiti atau sifat yang dikaitkan dengan penegasan kita tentang sesuatu fakta (sesuatu yang wujud dalam alam fenomena ini) iaitu terdapat

- keadaan keselarasan dan keserasian antara penegasan dan fakta itu
2. Kebenaran yang merujuk kepada keadaan adanya fakta itu dan kewujudan yang sebenarnya, iaitu wujud di luar daripada diri kita bukan setakat dalam fikiran semata-mata
 3. Sifat dan keadaan wujud dan adanya fakta itu haruslah dalam kedudukan yang adil, wajar dan tepat berdasarkan kriteria kebijaksanaan dan penilaian yang mutlak dan muktamad bukannya yang relatif dan berubah-ubah. Kriteria yang mutlak dan muktamad itu berdasarkan autoriti yang sah iaitu dibenarkan oleh majoriti masyarakat dan absah dari segi agama bermakna bukan sahaja dibenarkan oleh majoriti masyarakat tetapi juga dibenarkan oleh laporan bersumberkan wahyu daripada Tuhan dan disampaikan oleh Pesuruh Tuhan yang suci, amanah dan ikhlas.

Takrif kebenaran berdasarkan tahap pengkosepsian itu, boleh dibuat seperti berikut:

Kebenaran ialah keadaan kewajaran dan kesesuaian (*suitableness*) dari segi keselarasan (*correspondence*) dan keserasian (*coherence*) antara penegasan dengan fakta dan juga dari segi keadaan dan sifat fakta itu yang wujud dalam keadaan adil, saksama, cocok, sesuai dan wajar berdasarkan kriteria kebijaksanaan dan penilaian yang mutlak dan muktamad daripada autoriti yang sah dan absah.

Pengkosepsian atau pemerolehan kebenaran demikian akan membawa seseorang untuk memperoleh ilmu yang benar. Ilmu yang benar seperti yang ditakrifkan oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas, ialah "kebolehan mengenali, mengecam dan memahami tempat yang benar dan wajar bagi letaknya sesuatu itu di dalam ketertiban penciptaan (*order of creation*), yang dengan itu akan membawa kepada kebolehan mengenali, mengecam dan mengesahkan tempat yang benar dan wajar bagi Tuhan dalam ketertiban wujud dan kewujudan (*order of being and existence*)."

Hubungan antara Ilmu dengan Makna dan Sistem

Ilmu pengetahuan terdiri daripada unit-unit makna yang dihubungkan secara bertautan antara satu sama lain yang membentuk pengertian, pemikiran, penegasan, kepercayaan dan pendirian. Makna tentang sesuatu ialah pengertian dan pengenalan yang ada dalam akal tentang

kedudukannya dalam sistem dan fungsinya dalam sistem itu. Pengertian dan pengenalan demikian berlaku apabila hubungan perkara itu dengan perkara lain dalam sistem itu dijelaskan dan difahami. Hubungan antara perkara demikian menunjukkan pentertiban dari segi keutamaan dan kepentingan bagi perkara-perkara yang menjadi unsur kepada sesuatu sistem dalam memenuhi objektif dan matlamatnya.

Makna ialah bentuk fikiran dan pentaakulan (*intelligible form*) yang wujud dalam akal yang didenotasi atau dilambangkan oleh perkataan atau ungkapan atau bentuk-bentuk lambang yang lain. Apa yang membentuk "makna" sesuatu perkara atau benda ialah pengenalan akan tempat letaknya perkara atau benda itu di dalam sistem yang didudukinya dan fungsinya dalam sistem itu. Semua benda atau perkara yang dikandung oleh sesuatu sistem adalah unsur-unsur bagi sistem itu.

Sistem pula ialah pemeringkatan sejumlah unsur di dalamnya yang bertautan tersusun dan bertindak secara harmoni untuk memenuhi sesuatu tugas dan matlamat tertentu. Sistem yang kecil boleh terangkum di dalam sistem yang besar sebagai subsistemnya. Misalnya sistem kekeluargaan yang mengandungi unsur-unsur seperti ibu, bapa, anak, tempat tinggal, perkahwinan, penjagaan, hubungan kekeluargaan, pewarisan dan seumpamanya, adalah subsistem bagi sistem kemasyarakatan. Sistem kemasyarakatan pula adalah subsistem kepada sistem kenegaraan atau kemanusiaan. Sistem yang paling agung ialah sistem kewujudan atau sistem ontologi seluruhnya yang mencakupi wujud tuhan dan sistem kosmologi.

Dengan demikian ilmu tentang sesuatu benda atau perkara ialah pemeresan makna ke dalam akal (sama ada akal sampai kepada ilmu ataupun ilmu sampai kepada akal), iaitu akal memperoleh kefahaman dan pengenalan terhadap letak dan tugas yang tepat dan wajar bagi benda atau perkara itu di dalam sistem yang didudukinya.

Ilmu dan Had Kebenaran Ilmu

Ilmu tidak mempunyai had, kerana objek ilmu pengetahuan bagi manusia tidak ada had. Tetapi terdapat had kebenaran bagi setiap ilmu pengetahuan. Had kebenaran ilmu pengetahuan ialah tahap mengenali tempat letak dan fungsinya yang tepat dan wajar dalam sistem yang didudukinya yang dapat meletakkan perkara itu dengan tepat, wajar dan saksama dalam seluruh sistem alam kejadian dan kelakuan. Oleh itu ilmu yang benar ialah penemuan dan pengenalan terhadap had kebenaran itu tentang setiap objek ilmu pengetahuan.

Had kebenaran itu akan menunjukkan dan mengesahkan kedudukan yang tepat dan wajar bagi segala perkara dalam kejadian alam semesta termasuklah diri dan perlakuan menuisia itu sendiri (*order of creation*), akan membawa kepada pengenalan, pengecaman dan pengesahan tentang kedudukan, martabat dan kekuasaan Tuhan di dalam ketertiban seluruh kewujudan (*order of existence*).

Ilmu yang benar membawa kepada makrifat iaitu mengenali hakikat seluruh kejadian alam dan juga Tuhan penciptanya. Ini akan membawa kepada keyakinan. Setepat mana seseorang menemui dan mengesahkan had kebenaran itu sejelas itulah dia akan mendapat ilmu makrifat, dan semakin hampir juga dia akan menuju kepada Hakikat Kebenaran yang mutlak atau al-Haq iaitu Tuhan.

Taraf atau Hierarki Manusia Berdasarkan Ilmu yang Benar dan Keyakinannya

Taraf atau hierarki seseorang manusia dengan makna yang setepat-tepatnya bergantung kepada ilmu makrifat dan keyakinan. Keyakinan pula ada pentarafannya iaitu bermula dengan keyakinan berdasarkan ilmu pengetahuan iaitu *'ilm al-yaqīn*, kemudian kepada keyakinan berdasarkan pandangan mata hati iaitu *'ain al-yaqīn*, dan akhirnya keyakinan berdasarkan pengecapan seluruh anggota diri manusia jasmani dan rohani iaitu *haqq al-yaqīn*.

Namun begitu seperti kata Ibn Arabi (lihat W. Chittick, 1989: 153) pencarian ilmu tidak terhenti jika ilmu itu dikaitkan dengan penujuan kepada makrifat atau mengenali Tuhan kerana kewujudan Tuhan tidak dicakupi oleh had. Oleh itu jalan ilmu yang menuju kepada Tuhan dan tingkat-tingkat atau maqamnya juga tidak ada had. Inilah rahsia pencarian ilmu bagi ahli makrifat yang tidak ada had.

Manusia disediakan keupayaan untuk mencari ilmu bagi mengenal Tuhan. Satu tingkat pengenalan atau maqam yang dicapainya adalah satu keupayaan yang baru untuk dia bergerak lagi ke tingkat yang lebih tinggi dalam pencarian ilmu untuk menuju kepada Tuhan. Demikianlah pencarian ilmu dan perjalanannya itu tidak ada had. Dan satu tingkat atau maqam yang dicapainya merupakan satu tahap kebahagian atau *sa'īdah* baginya dan tahap-tahap kebahagiaan itu akan terus meningkat dengan meningkatnya maqam yang dicapainya dalam perjalanan mencari ilmu makrifat Tuhan itu.

Tingkat Kebahagiaan Manusia

Tingkat kebahagiaan bagi manusia dalam mencari ilmu juga tidak ada had. Kata Ibn Arabi lagi (*ibid*) “Knowledge, the greatest good, is also the greatest joy and the greatest pleasure and it is limitless”, maksudnya ilmu pengetahuan adalah kebaikan tertinggi, juga merupakan kebahagiaan dan keseronokan yang teragung dan tiada had. Mengikut Ibn Arabi lagi (*Ibid.*) “Tuhan tidak berhenti-henti daripada penciptaan”, iaitu mengambil isyarat daripada ayat al-Quran (al-Kahfi: 109) bahawasanya kalimat-kalimat Tuhan tidak akan habis tuntas, iaitu kalimat-kalimat itu adalah entiti bagi benda-benda ciptaan-Nya.

Pencarian ilmu pengetahuan bagi manusia yang menuju kepada Tuhan adalah kedahagaan yang tidak kunjung puas; kepuasan yang diperoleh membawa kepada kedahagaan yang baru, yang menggerakkannya untuk mencari lagi sehingga menemui ajalnya, seperti yang disyaratkan oleh al-Quran (al-Hijr: 99), maksudnya “Dan beribadatlah akan Tuhanmu sehingga kamu memperoleh yakin, iaitu mati”. Jadi yakin yang paling tinggi ialah “haqq al-yaqin” iaitu yakin yang dapat dikecapi dan dirasai oleh seluruh anggota badan seperti yang dirasai ketika maut mengambil isyarat daripada al-Quran (al-'Imran: 185) maksudnya “Setiap diri akan merasai maut” dan maut membawa keyakinan dan hak paling nyata kerana alam yang ghaib iaitu alam akhirat yang hanya dihuraikan dalam bentuk-bentuk simbol melalui ayat-ayat al-Quran, sudah menjadi nyata dan dengan itu dapat dikecapi dan dirasai, sementara alam yang nyata iaitu alam dunia sudah menjadi ghaib.

Kepsuan Ilmu

Kepsuan atau ilmu yang palsu ialah ilmu yang tidak membawa kepada kebolehan untuk mengenali dan memahami kedudukan yang benar dan tepat bagi letaknya sesuatu perkara di dalam sistem alam semesta dan segala kejadian dan perlakuan. Dengan itu tidak membawa kepada pengenalan dan pengesahan tentang kedudukan yang benar dan wajar bagi Wujud Tuhan di dalam ketertiban seluruh sistem kewujudan (lihat S. M. Naquib al-Attas, *ibid*). Ilmu yang demikian tidak dapat menunjukkan apakah matlamat dan objektif yang benar, muktamad dan mutlak bagi segala ilmu pengetahuan dan perlakuan. Ilmu sedemikian mengikut Ibn Arabi “....will be of no use, if not positively harmful” (Chittick, 1989: 150). Oleh itu Rasulullah s.a.w. bermohon “I seek refuge in God from a knowledge which has no use” (*Ibid.*, 149).

Ilmu pengetahuan yang tertumpu hanya kepada fenomena atau kejadian dan perlakuan dalam alam semesta semata-mata, dan menganggap benda-benda di dalam alam ini berubah, berkembang mengikut hukum tersendiri iaitu "the law of nature", yang mengimplikasikan bahawa alam ini wujud dengan sendiri dan dengan itu mempunyai realitinya tersendiri tanpa ada Pencipta, dan Pentadbirnya, jelas membawa kepada penyelewengan dan kepalsuan dan amat merbahaya kepada akidah seorang Islam kerana tidak akan membawa kepada pengenalan dan pengesahan terhadap kedudukan yang tepat dan wajar bagi Tuhan di dalam ketertiban wujud dan kewujudan. Ilmu yang demikian menganggap bahawa apa yang boleh dijadikan asas teori ialah yang berdasarkan unsur-unsur tanggapan pancaindera dan peralatan sains (*sensational elements*) semata-mata, dan tanggapan dan pengertian demikian hanya sah apabila dapat dibuktikan oleh fakta-fakta yang dapat diperhatikan atau dikesani oleh alat-alat sains (*observable*).

Ilmu pengetahuan yang mendakwa bersifat empirikal berasaskan fakta yang *observable* tidak dapat mengelakkan munculnya teori-teori yang bertentangan dalam menghuraikan asas ilmunya, dan setiap teori itu akan mendakwa ianya selaras dengan fakta-fakta yang empirikal. Ini disebabkan fakta sebenarnya boleh diolah oleh manusia yang diwarnai oleh sistem nilai dan *weltanschauung* pengolahnya, dan dengan itu mungkin tidak berada pada kedudukan yang saksama dan wajar dari segi fitrah kejadiannya dan dengan itu tidak tepat dan benar.

Hubungan antara Fakta Empirikal dan Penerimaan Ramai dengan Hakikat Kebenaran

Fakta yang empirikal tidak semestinya selaras dengan kebenaran, dan bukan setiap fakta adalah sesuatu yang "neutral" iaitu terkecuali daripada nilai kebenaran atau kepalsuan. Juga, pemilihan satu teori dan penolakan yang lain bukan berdasarkan kriteria kebenaran yang objektif; kerana kebenaran diselaraskan dengan fakta sedangkan fakta tidak sunyi daripada manipulasi dan perubahan kerana hasil bikinan manusia. Maka, pemilihan teori dan penolakan yang lain hanya ditentukan oleh pertimbangan-pertimbangan subjektif dan arbitrari yang bergantung kepada konvensyen atau penerimaan orang ramai pada sesuatu masa.

Pergantungan kepada penerimaan ramai ini telah melahirkan aliran berfikir yang dinamakan konvensyenalisme yang menganggap masyarakat bukannya autoriti mutlak dan absah yang menentukan kebenaran. Aliran konvensyenalisme ini juga menganggap segala

institusi sosial di dalam masyarakat misalnya perkahwinan, kekeluargaan, pendidikan, undang-undang dan lain-lain sebagai bikinan “akal kolektif” masyarakat semata-mata dan dengan itu boleh diubah dan disesuaikan mengikut perubahan dan kehendak masyarakat melalui peredaran masa tanpa dibimbing oleh nilai yang mutlak dan muktamad dari autoriti yang sah dan absah. Dengan itu ilmu pengetahuan adalah tidak lain daripada pengungkapan dan wahana pengucapan bagi akal kolektif itu yang sudah mencapai taraf ketuhanan iaitu “Masyarakat” (lihat S. M. Naquib al-Attas, 1989: 7-8).

Dari segi kaedah pencapaian ilmu pengetahuan pula, dasar penentuan kebenaran bukan diletakkan di atas kriteria keyakinan yang ditentukan oleh bimbingan daripada autoriti yang absah dan mutlak, tetapi berdasarkan syak dan sangkaan. Kedudukan “syak” ialah di antara dua keadaan yang bertentangan tanpa menjadikan hati cenderung ke arah keadaan tertentu. Jika hati lebih cenderung kepada sesuatu arah tetapi tidak menafikan arah yang satu lagi, itu dinamakan “sangkaan” tetapi jika hati menafikan satu daripadanya dan menerima yang satu lagi, itu dinamakan “yakin” dan “yakin” ialah hasil daripada bimbingan daripada autoriti yang sah berdasarkan kriteria nilai yang mutlak dan muktamad. Teori yang berdasarkan kaedah epistemologi “syak” dan “sangkaan” dan bukan “yakin” akan sentiasa berubah-ubah, dengan berubahnya cita rasa dan aspirasi masyarakat dan *weltanschauung* mereka mengikut perubahan suasana dan peredaran zaman (lihat S.M. Naquib al-Attas, *ibid.*).

Konsep Tempat yang Wajar bagi Sesuatu

Konsep tempat yang sesuai dan wajar bagi sesuatu dari segi makna mengikut Prof. Dr. S.M. Naquib al-Attas ialah keadaan kesesuaian (*suitableness*) yang memenuhi dua syarat iaitu sesuai kerana (i) *adil*: iaitu letaknya sesuatu di dalam keadaan yang saksama, seimbang dan harmoni di dalam persekitaran alam semestanya sama ada yang dekat (*immediate*), yang jauh (*global*) dan yang luas (*kosmos*), dan juga di dalam seluruh kewujudan termasuklah di dalam diri manusia sendiri dan dengan Kewujudan Hakiki (*ontologi*) iaitu hubungannya dengan Allah Yang Maha Wujud, dan sesuai dari segi (ii) *hikmah*: kebijaksanaan yang membolehkan seseorang membuat keputusan yang tepat tentang kedudukan yang wajar bagi segala perkara berdasarkan ilmu yang benar dan sah daripada autoriti yang tertinggi iaitu Allah (konsep teologikal/nilai agama). Dari segi hierarki kehadirannya; iaitu hadir atau terletak pada tahap yang sesuai di dalam susunan yang diterlibkan

berdasarkan darjah kegunaan, peranan, kepentingan dan keperluan, iaitu yang lebih utama dari segi kegunaan, peranan, kepentingan dan keperluan secara tekal, muktamad dan mutlak, didahulukan, diutamakan dan ditinggikan, kemudian menurun secara berurutan mengikut penurunan darjah hierarki itu.

Zalim ialah letaknya sesuatu tidak pada tempatnya yang tepat dan wajar akibat daripada perbuatan manusia, iaitu tidak wajar dan tepat dari segi taraf atau hierarki kedudukannya dan juga dari segi taraf nilainya. Ini akan menimbulkan kekacauan dan kerosakan.

Kewajaran Kedudukan Sesuatu dalam Alam Semesta

Kewajaran kedudukan sesuatu di dalam ciptaan alam ditetapkan oleh Tuhan melalui *Sunnatullah* yang sudah sedia ada dan di dalam keadaan adil, harmoni dan seimbang secara tekal. Keseimbangan dan keharmonian ini hanya akan rosak apabila sampai ajalnya, seperti seluruh alam semesta akan rosak apabila datangnya kiamat. Kajian sains ke atas alam semesta itu akan menerangkan kedudukan yang tepat dan wajar bagi segala yang akhirnya menunjukkan kedudukan yang tepat, benar dan wajar akan Kewujudan dan Kekuasaan Tuhan yang mencipta alam ini seluruhnya.

Oleh itu alam semesta tidak lain daripada tanda iaitu “*āyāt*” seperti ayat dalam al-Quran yang merupakan simbol yang merujuk kepada maknanya. Makna “*āyāt*” alam semesta dan juga “*āyāt*” dalam al-Quran tidak lain daripada penerangan kepada hakikat kewujudan Ilahi dan segala Perbuatan dan Sifat-Nya, dan juga Petunjuk untuk manusia tentang cara bagaimana hendak bertindak dengan tepat dan wajar dalam penghidupannya di dunia ini. Memahami makna seperti itu sebenarnya maksud daripada mempelajari ayat atau tanda, sama ada ayat di dalam al-Quran ataupun ayat di dalam kejadian seluruh alam semesta termasuklah kejadian diri manusia sendiri sebagai buku alam yang terbuka.

Ciptaan dan kejadian di dalam alam semesta tidak dilihat dari segi fizikal dan empirikalnya sahaja seperti yang dilakukan oleh kajian sains yang bersifat sekular tetapi dikaitkan juga dengan hakikat metafizikal atau kerohanianya iaitu hubungan secara transendental dengan Pencipta, Pemilik, Pemelihara dan Pentadbirnya, iaitu Tuhan bagi semesta alam.

Kewajaran Kedudukan Sesuatu dalam Perlakuan Manusia

Kewajaran kedudukan sesuatu dalam perlakuan manusia dan kewajaran hasil perlakuan itu ditetapkan oleh hukum syariat yang diwahyukan oleh Tuhan melalui Pesuruh-Nya s.a.w. yang mesti diusahakan oleh manusia untuk diwujudkan dalam kehidupannya, supaya segala yang dilakukannya itu dalam keadaan tepat dan wajar iaitu adil.

Ilmu yang benar atau hak ialah mengetahui duduknya sesuatu secara tepat dan wajar di alam semesta dan juga dalam perlakuan manusia. Pengetahuan yang hak itu menghendaki pula seseorang itu meletakkan dirinya dan segala perlakuannya mengikut pengetahuan yang hak itu, iaitu pengetahuan yang hak mempunyai hak untuk ditunaikan oleh manusia sebagai tanggungjawab yang dengan perbuatan itu, seorang manusia itu sebenar-benarnya telah meletakkan dirinya pada tempatnya yang hak iaitu tepat dan wajar. Kalau dia mengabaikan hak itu iaitu dia tidak meletakkan dirinya di dalam kebenaran, dia dikatakan sebagai tidak menunaikan hak dan tanggungjawabnya dan dengan itu telah berlaku zalim terhadap dirinya. (Ini diisyaratkan oleh al-Quran (Surah al-'A'raf: 23) *zalamna anfusana* ("menzalimi diri kamu sendiri").

Pengenalan, pengesahan dan penunaian hak melibatkan proses menjadikan diri berada di dalam keadaan hak/benar, iaitu mengaktualisasi hak di dalam diri atau menjadikan diri berhak; iaitu benar dan menunaikan kebenaran. Inilah pendidikan iaitu mempelajari apa yang benar dan sesudah itu mengamalkan kebenaran itu.

Kekuatan Melayu

Ada tiga kekuatan Melayu yang asasi seperti yang diterangkan dalam Bab 4, yang juga harus disampaikan dalam bidang pengajian Melayu, iaitu:

1. Kedinamikan budaya Melayu; sejarah pertumbuhan tamadun Melayu dan pusat-pusatnya membuktikan dengan jelas betapa dinamik dan terbukanya budaya Melayu kerana kedudukannya terletak di tengah-tengah persimpangan jalan antara Timur dan Barat serta di tengah-tengah wilayah Asia Tenggara. Oleh itu selama ribuan tahun budaya Melayu secara tekal, terbuka, mampu menyerap dan mengadaptasikan unsur-unsur budaya asing yang positif, sama ada dari wilayah persekitarannya maupun dari Timur dan Barat, demi pembangunan dan pengukuhannya.

Dengan itu telah menjadikan watak Melayu amat tinggi daya saing, daya usaha dan amat panjang akalnya atau *resourceful*

2. Konsep Melayu bukan merupakan entiti etnik, ras, suku kaum atau negara bangsa, tetapi entiti budaya (*a cultural entity*) yang merangkumi pelbagai etnik, dan negara bangsa, asalkan semua itu tercerna dan terjelma dalam tiga ciri budaya Melayu yang asasi iaitu berpengantar bahasa Melayu, beragama Islam dan beradat resam dan bertingkah laku sebagai manusia Melayu. Berdasarkan konsep Melayu demikian, kita telah menerima sebagai Melayu orang yang berasal atau berketurunan dari Arab dan atau India seperti Maulana Malik Ibrahim seorang Wali Songo pembuka Gerisek (1396), Syarif Abu Bakar/Sultan Syarif Hashim Sultan Sulu I (1405), Sultan Syarif Ali Brunei (1426), Syarif Muhammad Kebongsuan Sultan Mindanao I (1515), Syeikh Nuruddin al-Raniri Syeikh al-Islam di Aceh (1637), dan puluhan ulama dan pendakwah Arab dari keturunan al-'Eidrus, al-Attas, al-Haddad, al-Habsyi, al-Sagof, al-Badawi, dan lain-lain
3. Kekuatan agama Islam anutannya; bahawa Melayu ditakdirkan oleh Allah s.w.t. sebagai penganut agama Islam yang suci murni, yang teguh ampuh dan sempurna, yang diredayai oleh Allah dan dijanjikan keselamatan, kesejahteraan, kejayaan dan kebahagiaan yang kekal abadi selama-lamanya, asalkan dia dan kelompoknya memenuhi syarat untuk mendapatkan pertolongan Ilahi iaitu seperti yang termaktub di dalam al-Quran yang kebenarannya adalah mutlak dan muktamad iaitu:

Bermaksud: Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah (untuk mencapai kemenangan), nescaya Allah akan membela kamu (untuk mencapai kemenangan), dan meneguhkan tapak pendirian kamu.

(Surah Muhammad: 7)

Sesungguhnya orang-orang yang berusaha dengan penuh gigih (bermujahadah) dalam memenuhi kehendak (agama) Kami, nescaya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka gembira serta beroleh keredaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah bersama-sama orang muhsin (yang berusaha membaiki amalannya).

(Surah Al-Ankabut: 69)

Kesimpulan

Demikianlah falsafah, pemikiran dan hakikat Melayu Islam yang harus diajar dan disampaikan dalam bidang pengajian Melayu agar kebenaran dan ilmu yang benar dapat difahami, dihayati dan diamalkan oleh penuntutnya ataupun sekurang-kurangnya dimengerti oleh mereka.

Pertalian Tamadun India dan Tamadun Cina dalam Bahasa, Kebudayaan dan Tamadun Melayu

Pendahuluan

Manusia tidak boleh hidup bersendirian, ia perlu ibu bapa untuk dilahirkan, diasuh, dididik dan dibesarkan. Ia perlu masyarakat untuk disosialisasikan supaya boleh membentuk kelompok manusia bagi memenuhi keperluan berinteraksi secara kelompok. Ia memerlukan institusi-institusi tertentu dalam bidang pendidikan, ekonomi, politik, dan lain-lain untuk membudayakannya supaya dapat berfungsi sepenuhnya sebagai anggota dalam masyarakatnya.

Begitulah juga satu kelompok manusia yang membentuk sebuah masyarakat, negara dan tamadun tidak pernah wujud berasingan secara terpencil. Sebaliknya, sentiasa berlaku interaksi dan perhubungan antara kelompok dengan kelompok, negara dan tamadun yang lain demi kelangsungan dan kemajuannya. Kadangkala perhubungan itu secara damai, saling memanfaatkan satu sama lain, tetapi tidak kurang juga konflik berdarah, pencerobohan, peperangan dan penjajahan. Namun walau apa pun bentuk interaksi itu, sama ada secara damai atau ganas, tamadun itu sentiasa mempelajari dan menyerap masuk unsur-unsur yang dianggap lebih tinggi yang datang daripada tamadun saingannya.

Dalam banyak kes proses penyedutan unsur luar itu yang diasimilasi dan diadaptasikan dengan kebijaksanaan tempatan (*local genius*) telah menjadi pemangkin untuk sesuatu tamadun maju ke tahap yang lebih tinggi, misalnya tamadun Barat moden yang menyerap tradisi ilmu saintifik daripada Islam dan melalui Islam juga menimba balik unsur tamadun klasik Romawi-Yunani yang telah mencetuskan kebangkitan *Renaissance* dan *Enlightenment* di Barat. Begitu juga tamadun Melayu yang menyedut unsur dan tradisi tamadun Islam telah membubahkan pusat tamadun Melayu Islam tahap dunia di Melaka (kurun ke-15) dan Aceh (kurun ke-16, 17), ini jelas dalam tiga kenyataan berikut (yang juga dinyatakan dalam Bab sebelum ini):


No trading port as large as Malacca is known nor anywhere they deal in such fine and highly prized merchandise. There is no doubt that the affairs of Malacca of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position, but must always grow (Armando Cortesao (ed.), *The Suma Oriental of Tom Pires*, 1944:268)

Five centuries ago Malacca hosted 2,000 ships each day, as many as the crowd in modern-day Singapore, which boast of being one of the three busiest ports [in the world]... It was a place where Gujratis, Tamils and Bengalis from India lived and traded in secure harmony with Malays, Chinese and Arabs; a city of 100,000 where 84 languages could be heard in the markets. The Malay sultans who ruled Malacca ensured that the Straits [of Malacca] was free from pirates. Goods could be stored safely in hundreds of well-guarded godowns, and in case of disputes, the city's law were administered fairly to both Malaccans and foreigners (Simon Elegant, "A Pyrrhic Victory: The Asian Millennium", *Far Eastern Economic Review*, June 10, 1999:45).

In any case, the fact that in the 16th century the Muslim world was once again powerful, wealthy, and touched with splendour. Whatever view he might take it, the Muslim world of this period – in Morocco, Istanbul, Isfahan, Agra, Aceh – was participant in history, expansive and successful (W. Cantwell Smith, *Islam in Modern History*, 1957:38).

Dari segi pertalian dan hubungan antara tamadun, Carroll Quigley (*Evolution of Civilizations*, 1979:83) telah memperturunkan rajah yang menggambarkan jalur pertalian itu, seperti berikut:

Pertalian Tamadun India dan Tamadun Cina



(*Komponen tamadun Melayu tidak tercatat dalam rajah asal Quigley, tetapi dimasukkan oleh penulis atas dasar pertalian pengaruh ke atasnya daripada tamadun Hindu-Buddha, Islam dan tamadun Barat).

(*Quigley juga tidak memasukkan jalur pertalian Islam ke Barat menggambarkan keangkuhan Barat yang enggan mengiktiraf sumbangan Islam kepada Barat (yang dimasukkan di sini oleh penulis)).

Pertalian Tamadun Melayu dengan Tamadun India Zaman Prapenjajah Barat

Orang India dianggarkan mula sampai di Asia Tenggara sekitar kurun pertama Masihi. Nama wilayah Asia Tenggara yang tersebut di dalam kitab Ramayana mereka ialah Suvarnadvipa (Semenanjung Emas) dan Suvarnabhumi (Bumi Emas). Negara terawal muncul yang mendapat pengaruh India ialah Funan sekitar akhir kurun ke-2 Masihi, bertapak di Muara Sungai Mekong dengan pelabuhannya Oc Eo. Mengikut Louis Mallarat (*BEFEO XVI, I*, 1951) dan D.G. E. Hall (*A History of South East Asia*, 1994:25) didirikan oleh kelompok Rumpun Melayu. Rajanya yang termasyhur ialah Jayavarman, meninggal dunia pada tahun 514M. Selain itu ada beberapa buah negeri lain yang diandaikan muncul dan menerima pengaruh India antaranya Langkasuka, Kedah, Kuala Selinsing dan Tanah Merah di Semenanjung, Kam-t'o-li di Sumatera, Taruma di Jawa dan Kutei di Borneo (D.G. E. Hall, *Ibid.*: 37-41). Namun kerajaan yang paling penting tidak syak lagi ialah Srivijaya (catatan China: *Chi-li-fo-che*) yang dikatakan muncul pada akhir abad ke-5M di tebing Sungai Musi (Palembang sekarang). Kerajaan Melayu di tebing Sungai Batang Hari (Jambi sekarang) juga telah disebut oleh catatan China dengan nama *Mo-lo-yeu*, yang kemudiannya disatukan dalam kerajaan Srivijaya. I-Ching pengembara China Buddha telah singgah beberapa lama dalam perjalanan pertama kali ke India pada 671M dan belajar bahasa Sanskrit di Srivijaya, menyatakan Srivijaya ialah pusat pengajian agama Buddha dan terdapat 1000 orang rahib di biharanya. Dalam perjalanan balik dari India pada 685M, dia sekali lagi singgah di Srivijaya dan menetap selama beberapa tahun untuk menterjemahkan teks Buddha dari Sanskrit ke bahasa Cina.

Tiga batu bersurat di sekitar Palembang yang bertarikh akhir kurun ke-7M mengesahkan adanya Kerajaan Srivijaya. Batu yang bertarikh 684M di Talang Tuwo menyebut tentang pembinaan sebuah taman atas perintah Raja Srivijaya sebagai sumbangan amal agama Buddha, manakala yang bertarikh 686M di Pulau Bangka menyebut tentang sumpah Raja Srivijaya terhadap mereka yang menderhaka perintahnya dan tentang persiapan tentera Srivijaya untuk menyerang Jawa. Oleh itu Srivijaya menampakkan ciri sebuah kerajaan maritim yang berusaha meluaskan dominasinya untuk mengawal dua jalan perairan laut iaitu Selat Melaka dan Selat Sunda yang menjadi jalan perdagangan laut antara negara-negara di Timur iaitu China dan Kepulauan Melayu dengan negara-negara di Barat iaitu India, Timur Tengah dan juga Laut Mediterranean. Ini menjadikan Srivijaya sebagai kota pelabuhan entreport yang penting antara kurun ke-8 hingga ke-13M iaitu selama kira-kira 500 tahun.

Pada batu-batu bersurat tersebut terdapat kira-kira 70% kosa kata bahasa Melayu kuno manakala 30% lagi merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Contohnya, pada Batu Bersurat Keduan Bukit (683) terdapat kosa-kosa kata berikut:

Bahasa Melayu Kuno		Bahasa Sanskrit	
Wulan	bulan	swasti	selamat
Naik	naik	shri	bahagia
Sambau	kapal	warsasita	tahun
Hiyang	Tuhan/tuan	ekadashi	sebelas
Mgalap	mencari	shuklapaksa	haribulan
Marlapas	berlepas	dapunta	baginda
Dari	dari	sidhayatra	keberkatan
Memawa	membawa	saptami	tujuh
Yang	yang	tshara	pawang
Dua	dua	bala	tentera
Dengan	dengan	laksa	laksa
Ratus	ratus	sukhatshitta	sukacita
Jalan	jalan	pantshami	lima
Banyaknya	banyaknya	Shriwijaya	Srivijaya
Sapuluh	sepuluh	jayasidhayatra	kota yang jaya
Datang	datang	ubhiksa	berbahagi
Mudik	mudik	Marwuat	membuat
Manua	benua	Tlu	tiga

Mengikut Wolters (1967, *Early Indonesian Commerce: a Study in the Origins of Srivijaya*), satu daripada faktor yang utama bagi kejayaan kerajaan Srivijaya pada peringkat awal dan seterusnya ialah hubungannya yang istimewa dengan beberapa maharaja China yang menjadikan Srivijaya sebagai pelabuhan penghubung yang terpenting antara Timur dan Barat. Antara 860 – 883 catatan istana China merakamkan tidak kurang daripada lapan kunjungan rasmi perutusan daripada Srivijaya ke China. Pelabuhan Srivijaya berfungsi sebagai entrepot bagi produk dari Timur seperti China dan Kepulauan Melayu untuk ditukar dengan produk dari Barat seperti India dan Timur Tengah, selain tempat persinggahan kapal dalam perjalanan yang jauh. Pemerintah Srivijaya juga mengawal orang laut dan keamanan Selat Melaka dan Sunda, dan mewujudkan kehidupan yang bertamadun di kotanya, sebagai pusat pengajian agama Buddha, ilmu matematik dan falak. Pada awal kewujudannya Srivijaya juga telah mengadakan

hubungan baik dengan kerajaan Chola di India Selatan seperti yang tercatat dalam rekod Raja-Raja Chola (985 – 1122). Bahkan Raja Chola, Rajendra I telah membuat ekspedisi ke Kepulauan Melayu dan Srivijaya pada tahun 1025 tetapi kali ini dengan tujuan untuk menundukkan mereka.

Kejatuhan Srivijaya dikatakan berlaku akibat daripada beberapa faktor, iaitu cabaran daripada Kerajaan di India terutama Chola di India Selatan antara kurun 11 –12 dan penyerangannya pada tahun 1025, perubahan polisi perdagangan China yang berdagang terus dengan wilayah-wilayah Kepulauan Melayu seperti Jawa, dan wilayah Sumatera yang lain membawa kemerosotan perdagangan entrepot Srivijaya, kebangkitan kerajaan Singosari (1222 –1392) dan Majapahit (1293-1520) di Jawa, penaklukan dan dominasi kerajaan Thai di Semenanjung sehingga ke Temasik, dan kebangkitan pelabuhan-pelabuhan lain di Sumatera seperti Lamuri, Samudra-Pasai dan Perlak yang seterusnya menjadi pusat perkembangan Islam yang menjatuhkan pengaruh Hindu-Buddha dan kerajaan Srivijaya.

Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, pedagang India merupakan golongan pedagang yang utama. Mereka datang daripada pesisir Koromandel, Kalingga, Bengala dan Gujerat (Cambay, Surat, dan Randir). Ada yang tinggal menetap di Melaka dan sesetengahnya berkahwin dengan wanita dari golongan bangsawan Melayu yang seterusnya diterima dalam kalangan pembesar Melaka. Dalam *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)* telah diriwayatkan bahawa Mani Purindam (pemborong permata) seorang Tamil Muslim telah menjadi menantu kepada Sri Nara Diraja pada zaman Sultan Muhammad Syah (1424-1444). Hasil perkahwinan itu Tun Ali telah dilantik menjadi Sri Nara Diraja menggantikan datuknya, yang seterusnya melahirkan pembesar-pembesar dan pemerintah Melaka dari keturunan Melayu Tamil. Cucunya Raja Kasim telah menjadi Sultan Melaka dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah yang masyhur itu (1446-1456). Keturunan Tun Ali juga telah melahirkan pembesar-pembesar seperti Temenggung Tun Tahir, Bendahara Tun Mutahir dan Temenggung Tun Husain. Raja Mendaliar seorang pedagang Keling telah dilantik menjadi Shahbandar Melaka semasa pemerintahan Sultan Mahmud (1488-1500). Khoja Hasan berasal daripada Parsi atau Utara India telah berkahwin dengan anak Hang Tuah dan dilantik menjadi Laksamana menggantikan Hang Tuah.

Pengaruh India ke atas kebudayaan dan masyarakat Melayu boleh dikesan dalam institusi pemerintahan, undang-undang dan adat istiadat, bahasa dan kesusastraan, kesenian serta amalan kepercayaan tertentu.

Pengaruh Budaya India dalam Institusi Pemerintahan dan Istiadat Raja-Raja Melayu

Institusi pemerintahan dan istiadat raja-raja Melayu dikatakan telah menyedut masuk beberapa konsep kosmologi sinkretisme Hindu-Buddha untuk menubuhkan legitimasi ke atas golongan pemerintah dan bangsawannya. Kerajaan di dunia dianggap sebagai bayangan kerajaan di syurga dan raja sebagai titisan dan perjelmaan Tuhan Siva-Buddha, yang melahirkan konsep Deva-Raja. Istana dibina di atas tanah tinggi di tengah negeri sebagai replika kepada Gunung Kosmik Mahameru rumah Tuhan yang terletak di tengah Alam Semesta. Candi sebagai monumen batu dibina untuk menjadi tempat jamuan makan bagi Devaraja supaya pemerintahannya dianggap suci oleh rakyat. Beberapa upacara pertabalan diraja seperti pembinaan Balai Panca Prasada lima tingkat mewakili puncak Gunung Kosmik Mahameru, dan penggunaan bilangan pembesar dan hulubalang 4, 16, 32 berasaskan empat kardinal penjuru alam yang dikali dengan empat. Penggunaan nama-nama gelaran pemerintah dan pembesar negeri seperti Duli yang Maha Mulia (Debu (di bawah tapak kaki Raja) Yang Paling Suci) Seri Paduka Baginda (Capal Suci di bawah tapak kaki Devaraja). Nama-nama pembesar negeri juga adalah pinjaman daripada unsur India iaitu Seri Nara Diraja yang bertugas mengisytiharkan pelantikan Raja, Bendahara sebagai menteri, Laksamana sebagai ketua tentera dan lain-lain.

Pengaruh Hindu-Buddha juga terdapat dalam undang-undang Melayu misalnya undang-undang Melaka yang menjadi sumber kepada undang-undang negeri Melayu yang lain. Antara pengaruhnya ialah

1. Konsep raja telalu istimewa yang dikaitkan dengan Dewa atau Tuhan dan larangan ke atas orang lain menggunakan warna kuning diraja dan penggunaan laras bahasa istana.
2. Sepuluh kesalahan besar iaitu membunuh, menikam, menetak, memukul, merampas, mencuri, menuduh, mendustakan hakim, berjual titah dan menjual titah.
3. Diskriminasi dalam menjatuhkan hukuman antara kerabat diraja, pembesar dan rakyat jelata.
4. Tebusan dengan wang bagi kesalahan.
5. Bersumpah untuk menyanggah tuduhan melalui upacara deraan misalnya mencelup tangan ke dalam minyak panas.
6. Amalan kahwin paksa.
7. Undang-undang pagar-memagar.
8. Undang-undang pemilikan tanah.
9. Penggunaan wang bunga melalui gadai-menggadai.

Pengaruh Budaya India ke atas Bahasa dan Kesusastraan Melayu

Dalam bidang bahasa kemasukan konsep dan idea baru yang didukung oleh istilah dan perkataan baru dari budaya India diserap masuk menjadi unsur pinjaman. Sejumlah besar kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit dan sedikit daripada bahasa Tamil. Namun proses peminjaman kebanyakannya disesuaikan dengan ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik bahasa Melayu (lihat J. Gonda, 1973, *Sanskrit in Indonesia*, S. Singaravelu, 1989, "Hubungan Kebudayaan antara India dengan Malaysia zaman Pramoden" dalam Ismail Hussein dkk. *Tamadun Melayu, Jil.1*, Asmah Hj Omar, 1975, "The Nature of Tamil Loan Words in Malay", dalam Asmah Hj Omar, 1975, *Essays on Malaysian Linguistics*).

(a) Pinjaman daripada Sanskrit:

Dari segi fonologi, aspirasi /h/ dalam Sanskrit digugurkan atau dipindahkan tempat:

Bhumi	-	bumi	bhakti	-	bakti
Bheda	-	beda/beza	bhudi	-	budi
Bhasa	-	bahasa	arghah	-	harga
Arthah	-	harta			

Vokal /a/ dalam suku kata pertama digantikan dengan e pepet

Nagaram	-	negara	danda	-	denda
Panajaram	-	penjara			

Vokal e pepet disisipkan di tempat gugus konsonan:

Putrah	-	putera	sastram	-	sastera
Cakravala	-	cakerawala	cakram	-	cakera

Konsonan sengau/nasal disisipkan antara vokal:

Akasah	-	angkasa	upama	-	umpama
--------	---	---------	-------	---	--------

Pertalian Tamadun India dan Tamadun Cina

(b) Pinjaman daripada Bahasa Tamil

Ciri-ciri penyesuaian juga berlaku ke atas kata pinjaman Tamil iaitu konsonan retrofleks, ciri kepanjangan vokal dan penggandaan konsonan dihilangkan, contohnya:

Kendii	-	kendi	petti	-	peti
Kappal	-	kapal			

Vokal /a/ digantikan dengan e pepet:

Kadai	-	kedai	paricai	-	perisai
Mampalam	-	mempelam			

Konsonan /v/ digantikan dengan /b/ atau /w/:

Vagai	-	bagai	vanali	-	bende
Kaval	-	kawal			

Vokal /u/ digantikan dengan vokal /o/:

Mutal	-	modal	kulam	-	kolam

Vokal panjang di hujung perkataan digantikan dengan bunyi tekak atau glotis:

Ayyaa	-	ayah	ammaa	-	emak
Akkaa	-	kakak			

Untuk senarai tambahan kata pinjaman dari India sila lihat Lampiran.

Dalam kesusasteraan Melayu juga terdapat pengaruh daripada tradisi kesusasteraan India. Epik dan mitos India telah diserapkan ke dalam bentuk kesusasteraan Melayu lama seperti *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Pendawa Lima* (didasarkan daripada *Ramayana* dan *Mahabarata*), *Hikayat Kalilah dan Daminah* (daripada *Pancatantra*), *Hikayat Nakhoda Muda* dan *Hikayat Maharaja Sikrama Sakti* (daripada *Kathasaritsagara*). Juga diserapkan beberapa tema dan motif kesusasteraan India tertentu ke dalam penulisan beberapa karya tradisi historiografi Melayu misalnya legenda Raja Suran mengembara ke negara di dasar laut dalam *Sejarah Melayu* dan penjelmaan anak raja dari buih dan muntah lemu dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* boleh dikaitkan dengan sumber kesusasteraan India tententu. Begitu juga terdapat penyerapan epik *Ramayana* dan *Mahabarata* ke dalam seni lakon dan wayang kulit di Kepulauan Melayu. Namun dalam proses penyerapan

itu terdapat penyesuaian dan penyelarasan dengan elemen *local genius* atau kebijaksanaan tempatan.

Pertalian Tamadun Melayu dengan Tamadun Cina Zaman Prapenjajah Barat

Menurut Liang Liji (1996, *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*) hubungan antara China dengan Alam Melayu sudah lama wujud iaitu sebelum permulaan tahun Masihi sejak zaman Dinasti Han (140-117 S.M.). Semasa pemerintahan Sun Quan (222-252 M.) dua orang utusannya telah melawat Funan dan negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu dan mengadakan hubungan diplomatik dengan mereka. Namun pada zaman Srivijaya hubungan China dengan Asia Tenggara menjadi amat pesat dengan kedatangan para pedagang dan juga para penuntut agama Buddha yang belajar di Srivijaya sebagai pusat pengajian Buddha. Pada masa itu China berada di bawah pemerintahan Dinasti Tang (618-907 M.) yang merupakan Dinasti paling terkemuka dalam sejarah lama China, yang telah mewujudkan banyak hubungan diplomatik dengan negara-negara asing dan menerima banyak kunjungan rasmi para pedagang dari negara-negara itu. Dinasti Tang juga membuka tujuh jalur jalan dagang dengan dunia luar, satu daripadanya ialah perjalanan laut dari Guangzhou dengan India, Parsi dan Arab melalui Alam Melayu seperti Semenanjung Tanah Melayu, Srivijaya, He-Ling (Jawa) dan lain-lain. Pengunjung pertama China yang merakamkan pengalamannya di Srivijaya ialah I-Ching (Yi Jing) yang sampai di Srivijaya pada tahun 671 dalam perjalannnya ke India tetapi tinggal di Srivijaya selama 14 tahun untuk belajar bahasa Sanskrit dan agama Buddha sebelum meneruskan perjalannnya. Beliau menterjemahkan buku agama Buddha dari Sanskrit ke bahasa Cina dan menulis dua buah buku tentang tamadun Melayu Srivijaya.

Dinasti Song (960-1279) juga telah meneruskan hubungan baik dengan negeri-negeri luar tetapi menumpukan lebih banyak kepada bidang perniagaan misalnya dengan negeri-negeri di Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat. Bahan perniagaan dari Kepulauan Asia Tenggara ke China ialah gading, cula badak, mutiara, gaharu, cendana, cengkih, lada dan pala, manakala dari China pula ialah kain sutera, alatan perabot, porselin dan seramik. Dianggarkan sebanyak 36 kali iaitu rata-rata tiga tahun sekali utusan Srivijaya telah dihantar ke China, menjadikannya negara paling erat perhubungan dengan China di Asia Tenggara. Ada sebuah kuil di bandar Guangzhou yang dibina

atas perintah dan biaya Raja Srivijaya pada tahun 1079 sebagai tanda hormat dan hubungan baik dengan kerajaan China.

Namun tidak syak lagi hubungan paling gemilang dan bermakna antara Alam Melayu dengan China ialah yang dijalankan antara Kesultanan Melaka dan Dinasti Ming dalam abad ke-15. Dinasti Ming yang ditubuhkan oleh Ming Tai Zhu menggantikan Dinasti Yuan (Mongol) pada tahun 1368, pada mulanya mengharamkan pelayaran dan hubungan perniagaan dengan negara luar untuk menstabilkan suasana dalaman negaranya, namun Maharaja Ming Cheng Zhu (1403-1424) telah memulihkan kembali hubungan dan perniagaan dengan negara-negara luar. Pada tahun 1405 satu armada raksasa China sebanyak 200 kapal dengan anak kapal menjangkau 28,000 orang yang dikepalai oleh Laksamana Muhammad Cheng Ho (Zeng He) telah dihantar oleh Raja Cina Ming Cheng Zhu menjelajah Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat dengan tujuan mengadakan persahabatan, perdamaian dan perniagaan bukan penaklukan. Persahabatan antara Melaka dan China wujud sebelum itu lagi apabila seorang utusan Raja China sampai di Melaka pada tahun 1403 dan Parameswara membalaik dengan satu perutusan ke China pada tahun 1405. Laksamana Cheng Ho telah membawa hadiah bingkisan daripada Raja China, yang dibalas pula oleh Parameswara pada tahun 1407. Seterusnya beberapa orang Raja Melaka telah melawat China iaitu Parameswara (1411), Megat Iskandar Syah (1414), Sultan Muhammad Syah (1424) dan Sultan Abu Syahid (1445). Keadaan perhubungan antara negeri Melaka dan Dinasti Ming selama lebih daripada satu abad itu telah disimpulkan oleh Liang Lji (*Ibid.*: 79-80):

1. Keinginan dan ketulusan yang sama untuk "bersahabat dan berkasih-kasihan", oleh itu kedua-dua pihak dapat saling hormati-menghormati. Sejarah perhubungan yang berlangsung selama lebih seabad itu dapat dikatakan sebagai sejarah persahabatan yang akrab dan mesra sekali, tidak pernah berlaku perselisihan dan pertikaian yang boleh menjelaskan persahabatan kedua-dua bangsa
2. Sikap dan pendirian yang sama dalam membela perdamaian dan keadilan. "Dari banyak berseteru baik banyak bersahabat" itulah yang menjadi pegangan masing-masing. Kaiser Ming selalu menekankan agar negeri-negeri yang berjiran hidup berdampingan secara rukun dan damai, tidak saling menyerang, segala perselisihan hendaknya diselesaikan secara damai tanpa menggunakan kekerasan
3. Tujuan yang sama iaitu untuk saling menguntungkan dalam bidang ekonomi. Di samping matlamat untuk mempereratkan

hubungan persahabatan, tidak syak lagi lawatan-lawatan diraja atau pengiriman utusan ufti juga mempunyai tujuan untuk melancarkan kegiatan perniagaan dua hala.

Dalam usaha menjaga kelancaran dan kelincinan hubungan diplomatik dan juga hubungan perdagangan Kerajaan Ming telah menubuhkan jabatan jurubahasa atau "tong syi" yang terdiri daripada 18 jawatankuasa kecil dan dianggotai oleh 60 orang jurubahasa dan pegawai. Untuk negeri Melaka ada seorang jurubahasa khas dan seorang lagi untuk Sumatera dengan jurubahasa Melayu. Sebuah maktab bahasa asing Si Yi Guan untuk mengajar bahasa-bahasa asing telah didirikan pertama kali di Ying Tian Fu (Ninjing) pada tahun 1405. Terdapat lapan jabatan dan bahasa Melayu diletakkan di dalam satu jabatan yang disebut "Hui Hui Guan (Jabatan Islam yang merangkumi bahasa Parsi, Arab, Melaka, Jawa dan lain-lain). Sebuah senarai kata Cina-Melayu yang dinamakan *Man La Jia Guo Yi Yu* yang boleh dianggap sebagai kamus Cina-Melayu yang tertua ditulis sekitar zaman Kesultanan Melaka. Kamus ini tersimpan di perpustakaan School of Oriental and African Studies, London dan pernah diulas oleh E. D. Edwards dan C. O. Blagden dalam *Bulletin of School of Oriental and African Studies*, 1930-32. Kamus ini mendahului kamus Itali-Melayu yang ditulis oleh Pigafetta pada tahun 1521 mungkin hampir 100 tahun. Liang Liji (*Ibid.*: 99-111) telah memperturunkan dan memberi makna 482 perkataan yang tercatat dalam senarai itu.

Pertalian kerajaan tamadun Melayu dengan tamadun Cina pada zaman prapenjajah Barat tidak banyak membawa kesan mendalam dan besar ke atas tamadun Melayu. Ini kerana kedatangan orang Cina ke Alam Melayu dan negara-negara luar lain pada zaman itu tidak didorong oleh perasaan hegemoni dan niat untuk menjajah dan mendominasi negara-negara itu. Sikap mereka saling hormat-menghormati dan mengiktiraf kedudukan dan kewibawaan kerajaan dan ciri budaya masing-masing. Bahkan ada kecenderungan pada pihak Cina untuk mempelajari dan memanfaatkan khazanah budaya bangsa tamadun tempatan, contohnya I-Ching yang belajar dan berkarya di Srivijaya selama belasan tahun. Begitu juga Laksamana Muhammad Cheng Ho dan orang-orangnya apabila melawat Melaka pada zaman kesultannya.

Barangkali pengaruh Cina ke dalam budaya Melayu yang paling ketara ialah dari segi serapan perkataan Cina ke dalam bahasa Melayu, seperti tersenarai dalam Lampiran.

Kesan lain daripada pertalian antara tamadun Melayu dan Cina yang agak ketara ialah munculnya komuniti Baba dan Nyonya

terutama sekali di Melaka dan Cina peranakan di Kelantan (lihat Tan Chee Beng, *JMBRAS (Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society)* Vol 53, Part I, 1980:150-166, *JMBRAS* Vol. 55, Part 1, 1982:27-52). De Eredia melaporkan pada tahun 1613 orang Cina mula menetap di Melaka dan membentuk komuniti tersendiri pada awal kurun ke-17 dan oleh sebab tiada pendatang wanita Cina mereka telah berkahwin dengan wanita-wanita Melayu/Indonesia tempatan. Oleh sebab itu mereka terpaksa menggunakan bahasa Melayu bukan sahaja semasa berjual beli tetapi juga semasa berinteraksi dengan masyarakat tempatan dan kalangan keluarga mereka sendiri. Dengan demikian proses pembudayaan Melayu telah berlaku ke atas mereka lalu melahirkan budaya kacukan Cina-Melayu yang unik dinamakan Baba dan Nyonya. Satu ragam atau dialek bahasa Melayu telah muncul menjadi bahasa pertuturan mereka yang dikenali sebagai Melayu Baba walaupun mereka sendiri mengenalinya sebagai bahasa Melayu sahaja. Dialek Melayu Baba ini diasaskan atas ragam bahasa Melayu pasar dalam perdagangan di kalangan pelbagai kaum dan bangsa bandar-bandar utama di Alam Melayu seperti Melaka, Pulau Pinang, Singapura dan Jakarta. Namun setiap kawasan itu mempunyai ragam yang dipengaruhi oleh dialek Melayu tempatan yang berbeza-beza.

Dialek Melayu Baba Melaka berbeza dengan bahasa Melayu baku dari beberapa sudut. Kata pinjaman dari bahasa Cina telah banyak terserap terutamanya dari dialek Hokkien iaitu berkaitan dengan adat, kekeluargaan dan agama orang Cina. Kata-kata serapan itu telah mengalami penyesuaian dari segi sebutan dan juga makna (misalnya *lau-teng* = loteng, *Put-Co* = Datuk Uco (nama Dewa Buddha). Perkataan Melayu juga telah mengalami perubahan bunyi dan makna (Malaikat = malikat (roh nenek moyang), kawan = kawan (suami)). Melayu Baba juga tidak banyak menggunakan imbuhan tetapi menggunakan kata dasar sahaja dalam ayat, misalnya: Dia tulis surat. Dia baca buku. Juga perkataan "punya" digunakan menggantikan partikel milik "-nya", misalnya: Bukunya = Dia punya buku. Kini ramai di kalangan komuniti Baba telah berkahwin dengan komuniti Cina yang lain dan menyerap kembali ciri-ciri budaya Cina.

Orang Cina juga telah membuat perhubungan dengan wilayah Pantai Timur di Semenanjung sejak kedatangan mereka pada zaman Srivijaya dan sebelumnya lagi. Tetapi ada rekod China yang telah menyatakan adanya komuniti Cina muncul dekat sempadan Thai-Kelantan pada pertengahan kurun ke-18 (lihat Tweedie, *JMBRAS* Vol. 21, Pt 1, 1953:216-219). Kini peranakan Cina di Kelantan, mengikut kajian Tan Chee Beng (*Ibid.*, 1982:33) telah menetap di kawasan tebing Sungai Kelantan dari Kuala Kerai di hulu sehingga ke Tumpat di muaranya. Mengikut Tan lagi, telah wujud hubungan antara etnik

yang rapat antara orang Melayu Kelantan dengan komuniti peranakan Cina yang menyebabkan penyerapan ciri-ciri budaya Melayu di kalangan mereka. Paling ketara ialah penggunaan dialek Kelantan yang fasih dan jenis pakaian yang serupa. Wujudnya perasaan saling hormat-menghormati dan cita rasa yang sepunya misalnya kegemaran kepada wayang kulit, wayang gedek, menora [dan bagi kumpulan pinggiran, permainan mahjong, pakau dan capjeki]. Namun ciri budaya Cina yang menjadi kekangan penyerapan sepenuhnya peranakan Cina ke dalam masyarakat Melayu, bahkan yang menjadi faktor pengekalan budaya Cinanya, ialah agamanya. Orang Cina tetap mengekalkan amalan kepercayaan dan agama mereka yang berasaskan politeisme, kepercayaan kepada roh nenek moyang dan juga amalan agama Buddha, membezakannya daripada masyarakat dan budaya Melayu yang berasaskan agama Islam.

Pertalian Tamadun Melayu dengan Cina Zaman Penjajahan Barat

Apabila kuasa penjajah Barat tiba di Timur dengan tiga matlamat utama iaitu *God-Glory-Gold* atau Ketuhanan-Kegemilangan-Kekayaan dengan semangat menakluk dan menjajah yang berbeza sama sekali dengan falsafah Konfusius Cina yang menekankan muhibah, manfaat bersama, keamanan dan kemauafakan, maka landskap budaya dan tamadun di Asia Tenggara dan Alam Melayu berubah dengan drastik. Penjajahan kuasa Barat bermula dengan Portugis menawan Melaka (1511), Sepanyol menawan Manila (1570) dan menawan Jolo daripada Kesultanan Sulu (1578), Belanda menawan Jakarta (1619) dan Melaka (1641), Inggeris mengambil Pulau Pinang (1791), Singapura (1819), Melaka (1824, bertukar dengan beberapa wilayah Kepulauan Indonesia dengan pihak Belanda) membentuk Kerajaan Selat (1826) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1896) Belanda menguasai Kepulauan Indonesia (1824 melalui perjanjian Inggeris-Belanda), Sepanyol menakluki Kesultanan Sulu (1878) dan Amerika Syarikat mengambil alih Filipina daripada Sepanyol (1898).

Antara kesan meluas daripada kehadiran orang-orang Barat ialah pertambahan perdagangan dengan China, mula-mulanya melalui Batavia (Jakarta) sejak 1619, seterusnya melalui Singapura selepas pembukaannya oleh Raffles pada tahun 1819 yang menjadi lebih popular kerana status pelabuhan bebasnya (pada 1821 terdapat hanya 5 kapal China, pada 1856-7 meningkat ke 143). Orang Cina mula tinggal di Singapura yang pada tahun 1845 merupakan separuh daripada penduduknya. Pola ini berlaku juga di pusat-pusat bandar yang lain

misalnya Pulau Pinang, Melaka, Kuching. Orang Cina menjadi sumber buruh dan juga modal bagi memenuhi perkembangan perdagangan import-eksport antara Barat dan Timur.

Apabila perlombongan dan pertanian komersial berkembang di Tanah Melayu maka orang Cina menjadi sumber pekerja dan buruhnya pula. Dengan demikian Kerajaan Selat (Inggeris) telah menggalakkan aliran migrasi orang Cina secara bebas (sehingga ke tahun 1933 apabila Ordinan Orang Asing yang mengehadkan kemasukan buruh asing dikuatkuasakan). Ini didorong pula oleh keadaan pergolakan di China Selatan akibat daripada Pemberontakan Taiping pada 1851, juga malapetaka alam seperti banjir dan kepesatan penduduk. Faktor ini semua telah menjadi pemangkin bagi migrasi beramai-ramai orang Cina daripada wilayah Kwangtung, Fukien dan Kwangsi yang membentuk lima kumpulan dialek utama iaitu Teochew, Kantonese (dari Kwangtung), Hokkien (dari Fukien), Hakka (dari kawasan pergunungan Kwangtung, Kwangsi dan Fukien), dan Hainan dari Pulau Hainan.

Namun, akibat keadaan hidup, penyakit dan kerja yang teruk di Alam Melayu pada awalnya, ramai yang terkorban tetapi mereka yang hidup menjadi amat gigih dan kuat berdaya saing sehingga mereka dapat menempa kehidupan dan kerjaya dalam perniagaan, pertanian, perlombongan dan lain-lain. Mereka membentuk pertubuhan-pertubuhan dan kongsi berdasarkan kumpulan dialek dan juga wilayah asal mereka yang menjadi sumber modal, kerjasama, jaringan dan jalinan perdagangan dan perniagaan yang kukuh sama ada dalam negeri maupun antara wilayah di Alam Melayu. Oleh yang demikian pada pandangan pihak berkuasa Inggeris kadar migrasi dan pertumbuhan jumlah orang Cina di Negeri Selat dan seterusnya di negeri Melayu Bersekutu selaras dengan kadar pertumbuhan ekonomi kerana orang Cinalah yang menjadi tenaga pekerja dan pengusaha kegiatan ekonomi. Apabila kerajaan China menghapuskan sekatan emigrasi ke atas rakyatnya, maka pengaliran perpindahan orang Cina ke Alam Melayu meningkat tanpa sekatan, sehingga pada tahun 1891 apabila banci penduduk diadakan buat pertama kali secara rasmi, hampir separuh penduduk negeri Selangor, Perak dan Sungai Ujung adalah orang Cina.

Namun dari segi interaksi dan pengaruh budaya antara masyarakat Cina dan Melayu terdapat jurang yang luas. Antara sebabnya kawasan penempatan yang berasingan; orang Cina tertumpu di kawasan bandar terutama sekali di kawasan perlombongan seperti Kuala Lumpur yang mempunyai 79% daripada penduduk seramai 33,786 pada tahun 1891 adalah orang Cina. Polisi pentadbiran Inggeris juga secara sengaja memisahkan penempatan antara kaum ini. Kawasan

penempatan orang Cina juga merupakan kawasan yang berdikari (*self-contained*) dengan penduduknya tidak perlu berinteraksi dengan orang luar untuk kelangsungan hidup mereka. Oleh yang demikian dari segi pengaruh kebudayaan antara Cina dan Melayu tidak begitu ketara. Walaupun demikian dari segi bahasa terdapat serapan bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu dan juga sebaliknya, seperti yang tersenarai dalam Lampiran.

Pertalian Tamadun Melayu dengan India Zaman Penjajahan Barat

Kaum India telah berpindah ke Alam Melayu secara berterusan sejak perhubungan kebudayaan dan perdagangan ditubuhkan daripada tahun awal Masihi lagi. Namun, seperti juga dengan kes orang Cina, kedatangan dan perpindahan orang India bertambah pesat secara mendadak berikutan dasar kuasa penjajah British yang menggalakkan pengambilan tenaga buruh asing untuk menjayakan usaha mengeksplorasi segala sumber kekayaan dan hasil mahsul di Tanah Melayu. Perpindahan beramai-ramai buruh India bermula pada tahun 1840 dengan pembukaan sebuah ladang kopi dan tebu di Seberang Prai. Apabila kemasukan tenaga buruh India diluluskan undang-undang oleh Negeri-negeri Selat 1872 dan ke negeri-negeri Melayu Lindungan pada 1884, maka pengaliran kemasukan itu menjadi bertambah pesat. Antara tahun 1891 hingga 1901 terdapat 58,000 orang India di negeri-negeri itu yang menunjukkan peningkatan sebanyak 188% berbanding sebelumnya. Kebanyakan pendatang berasal dari India Selatan seperti Madras, Trichinopoly, Tanjore, Negapatnam, Coimbatore dan Salem. Mereka ini telah membekalkan keperluan tenaga buruh dalam kerja-kerja am di Majlis Perbandaran dan terutamanya dalam perladangan getah yang membawa kemajuan industri getah asli di Malaya.

Namun kedatangan kaum India pada zaman penjajah British berbeza dengan pada zaman Srivijaya dan Kesultanan Melaka. Ini kerana pada abad terdahulu yang datang itu terdiri daripada kelas tinggi dan diserap masuk ke dalam institusi istana dan institusi negeri yang lain. Pendatang India zaman penjajah kebanyakannya terdiri daripada kelas rendah dan menetap dalam kawasan geografi dan sosial yang tersendiri dan terasing, dan tidak berpeluang untuk berinteraksi secara meluas dengan masyarakat lain. Oleh itu kesan mereka ke atas masyarakat dan budaya Melayu amat minimum.

Kesimpulan

Pada zaman penjajahan British kesan daripada polisi “pecah dan perintah”, menyebabkan tidak terdapat interaksi meluas antara kaum di Malaya. Kawasan penempatan yang berasingan diperkuuhkan oleh kegiatan ekonomi yang berbeza-beza, memisahkan pelbagai kaum tanpa banyak interaksi antara satu sama lain. Dengan itu telah melahirkan masyarakat majmuk dengan ciri-ciri budaya, agama dan bahasa yang berbeza-beza.

Selepas kemerdekaan telah timbul kesedaran yang kuat di kalangan para pemimpin Persekutuan Tanah Melayu untuk menggubal polisi dan langkah-langkah bagi mewujudkan interaksi dan hubungan yang lebih rapat antara kaum, dimulakan dengan penubuhan Parti Perikatan yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC yang bertanding dan menang dalam pilihan raya 1955 dan seterusnya membentuk Kerajaan Perikatan. Dasar pelajaran P.T.M iaitu Penyata Abdul Razak 1956 dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960 telah memperakarkan sistem pendidikan kebangsaan yang tunggal bagi menyatukan semua murid sekolah dari pelbagai kaum dalam satu sistem sahaja. Selepas Tragedi 13 Mei, 1969, Rukun Negara dan Jabatan Perpaduan Negara telah dibentuk. Ini diikuti pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan dan pelaksanaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan dipesatkan, demi mengurangkan jurang pemisahan antara kaum membolehkan perpaduan dan muhibah dapat disemai.

Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) telah dilancarkan untuk menstruktur semula masyarakat dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara Bumiputera dan kaum Cina yang menjadi punca utama konflik perkauman. Seterusnya Rancangan Jangka Panjang Pembangunan Kedua (RJPP2) (1990-2000) telah dilancarkan pula untuk menyusuri dan melengkapi DEB yang telah tamat itu.

Pada tahun 1991 Perdana Menteri telah melancarkan Wawasan 2020 dengan sembilan cabaran yang perlu ditempuhi untuk memenuhi matlamat pencapaian status negara maju dalam masa tiga puluh tahun apabila menjelangnya tahun 2020. Cabaran pertama dan utama ialah pembentukan sebuah negara bangsa bersatu padu yang meletakkan masa hadapannya melalui perkongsian bersama, mengintegrasikan wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya, menikmati kehidupan bersama sepenuhnya berdasarkan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah Bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bahagi.

Semua itu adalah polisi dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan pemimpin Malaysia bagi mewujudkan sebuah

negara bangsa Malaysia yang bersatu padu untuk mengatasi suasana berbilang kaum dan masyarakat majmuk yang berkonflik dan berpisah warisan dan tinggalan daripada amalan penjajahan British. Walaupun pembentukan sebuah negara bangsa Malaysia yang padu boleh menjadi asas pembinaan sebuah tamadun Malaysia tersendiri belum jelas kelihatan, namun perkara yang amat nyata ialah penggunaan bahasa kebangsaan, bahasa pengantar pendidikan, sains, teknologi, bahasa pentadbiran dan perhubungan rasmi, bahasa penyatuan, perpaduan, integrasi dan jati diri kebangsaan Malaysia iaitu bahasa Melayu adalah satu-satunya aset dan khazanah yang paling berharga untuk membawa Malaysia ke arah itu. Seperti yang ditegaskan oleh pengkaji-pengkaji sejarah tamadun manusia misalnya F. Braudel (1993, *A History of Civilizations*:390, 496), S. Huntington (1996, *The Clash of Civilizations and the Remaking World Order*: 59) dua unsur utama dalam pembentukan dan pencirian tamadun manusia ialah agama dan bahasa; agama sebagai unsur yang bertenaga bagi mengeratkan hubungan jiwa dan emosi para penganutnya, manakala bahasa unsur bertenaga bagi mengeratkan hubungan akal budi para penuturnya. Oleh sebab dari segi agama rakyat Malaysia amat hetrogenus, maka yang tinggal dikongsi dan dipunyai bersama hanyalah bahasa kebangsaannya. Kejayaan dasar bahasa kebangsaan dalam dasar pendidikan negara adalah harta warisan yang tidak ternilai daripada perjuangan gigih para pemimpin terdahulu, yang sewajarnya kita terhutang budi selamalamnya.

Namun kini akibat kelonggaran dalam penggunaan bahasa pengantar selain daripada bahasa kebangsaan yang telah dibenarkan oleh *Akta Pendidikan 1996* (*Akta 550*) Seksyen 17 (1) (yang memberikan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengecualikan mana-mana institusi pendidikan daripada menggunakan pengantar bahasa kebangsaan) dan *Akta IPTS 1996 Fasal 41* (yang membenarkan penggunaan bahasa-bahasa yang lain daripada bahasa kebangsaan sebagai pengantarnya), maka tertubuhlah 345 buah IPTS pada tahun 1998 yang menggunakan pengantar bahasa Inggeris dengan jumlah enrolmennya kira-kira 176,407 pelajar dengan 5% sahaja pelajar Bumiputera (pada tahun 2000 jumlah IPTS sekitar 500 buah, jumlah pelajar 200,000 dan peratusan Bumiputera 6%). Sekali lagi sejarah berulang. Dualisme sistem pendidikan yang memisahkan kaum Bumiputera dengan bukan Bumiputera dengan pengantar pendidikan yang berbeza akan mengakibatkan polarisasi kaum seperti zaman penjajah mungkin muncul semula, kecuali langkah-langkah yang bijak diambil untuk mengatasi gejala negatif ini. Gejala globalisasi yang membawa masuk unsur-unsur budaya asing yang bersifat hegemonik

dan negatif yang menembusi sempadan tanpa banyak kawalan kebanyakannya dengan pengantar bahasa Inggeris, menambahkan lagi kesengitan cabaran.

Lampiran

A. Senarai kata Sanskrit dalam bahasa Melayu (dari Singaravelu, 1989:104)

(1) Fenomena alam

Sanskrit	Melayu	Sanskrit	Melayu
Akasah	Angkasa	Cakravala	cakrawala
Meghah	Mega	Udara	udara
Bhumi	Bumi	Samudrah	samudera

(2) Negeri dan kerajaan

Nagaram	Negara	Nagari	Negeri
Dasah	Desa	Dhulih	Duli
Kotah	Kota	Puri	Puri
Asthanam	Astana, istana	Raja	Raja
Adhi-raja	Diraja	Paduaka	Paduka
Makutam	Mahkota	Parameswari	Permaisuri
Putrah	Putra	Putri	Putri
Mantri	Menteri	Pradhana mantri	Perdana Menteri
Bhandagarikah	Bendahari	Dutah	Duta
Tantram	Tentera	Laksamanah	Laksamana
Virah	Wira	Anugrahah	Anugerah
Karunyam	Kurnia	Dandah	Denda
Panjaram	Penjara	Anyaya	aniaya

(3) Kelompok manusia dan keluarga

Vamsah	Bangsa	Manusyah	Manusia
Kula+varga	Keluarga	Svami	Suami
Stri	Isteri	Sodarah	Saudara/belia
Bandhu	Bandu	Nama	Nama

(4) Aktiviti perdagangan

Vanji	Berniaga	Arghah	Harga
Labhah	Laba	Laksam	Laksa
Kotih	Keti	Bhandam	Benda
Bhagah	Bahagi	Karyam	Kerja/karya

(5) Bahasa, pelajaran, kesusasteraan

Bhsa	Bahasa	Svarah	Suara
Katha	Kata	Arthah	Erti/arti
Guruuh	Guru	Sisyah	Siswa
Asramah	Asrama	Periksa	Periksa
Sastram	Sastera	Pustakam	Pustaka

(6) Agama

Agamah	Agama	Acarah	Acara
Bhakktih	Bakti	Bhatrarah	Bentara
Candi	Candi	Devah	Dewa
Devi	Dewi	Dharmah	Derma
Dosah	Dosa	Jamma	Jelma
Narakah	Neraka	Puja	Puja
Saktih	Sakti	Svargah	Syurga
Srih	Sri	Upavasah	Puasa, pertapaan
Tapah	Tapa	Vidyadhari	Bidadari

(7) Istilah abstrak

bhedah	beza/beda	Buddhih	Budi/budaya
Dukham	Duka	Gunah	Guna
Cinta	Cinta	Jayah	Jaya
Rahasya	Rahsia	Rasah	Rasa
Satya	Setia	Smarah	Asmara
Sukha	Sukacita	Ssunyam	Sunyi

(8) Konsep masa

Vela	Bila	Kalah	Kala
Ghatika	Ketika	Masah	Masa
Purva	Purba	Samdhyakalah	Senjakala
Tatkala	Tatkala		

(9) Perkara lain

Aneka	Aneka	Antaram	Antara
Chaya	Cahaya	Karanam	Kerana/kerna
Mahan	Maha	Rupam	Rupa
Saman	Sama	Sopaya	Supaya
Tathapi	Tetapi	Sigharam	Segera
Sampurnam	Sempurna	Sakala	Segala
Uttama	Utama	Varnah	Warna

B. Senarai perkataan dari Bahasa Tamil

(1) Bahan makanan

Appam	Apam	Kanci	Kanji
Kari	Kari	Untai	Onde-onde
Puttu	Putu	Satai	Sate
Mankay	Mangga	Mampalam	Mempelam
Venti	Bendi	Marungkai	Munggai

(2) Istilah perdagangan

Katai	Kedai	Kitanku	Gedung
Kappal	Kapal	Mutal	Modal

(3) Perabot/peralatan

Kattil	Katil	Kenti	Kendi
Petti	Peti	Tambalam	Talam

(4) Kekeluargaan

Appa	Bapa	Ayya	Ayah
Amma	Emak	Akka	Kakak

(5) Istilah lain

Accu	Acuan	Ceruppu	Cerpu
Curai	Curi	Cumma	Cuma
Kaval	Kawal	Koyil	Kuil
Kulam	Kolam	Kumpal	Kumpul
Kuttu	Kutu	Parisai	Perisai
Vakai	Bagai	Vatai	Badai
Veti	Bedil	Vilanku	Belenggu

C. Senarai perkataan dari bahasa Cina

(Dipadankan daripada Za'ba, 1962, *Ilmu Mengarang Melayu*, K.L.: DBP: 275)

(1) Makanan dan buah-buahan

Bakmi, me, mesua, cincau, kueh, bepang, taugeh, kanar, kuaci, kuaci, angki (pisang kaki), tauhu, kincam (sayur kering), lai (buah), laici, teh, behon, to'yu, samsu.

(2) Pakaian dan barang-barang dagangan

Cukin, tocang, joseh, lo' cuan, kekwa (bunga), koyok, cat, gimpai, gincu, tahir, koyan, ci (1/10 tahir), hun (1/100 tahir, 1 inci), tohar, tokok, angklong, candu, kaci.

(3) Rumah dan peralatan

Loting, pangkin, angloh, loceng, langkan, kangka, bangsal, tongkang, jong, sampan, beca, langca, pongkis, sempua, sia, tanglong, tangsi, takpi, cawan, tekoh, uncoi, dacing, kok (belenggu tengkok haiwan), cacing, kincir.

(4) Manusia dan ehwalnya

Apek, loki, nyonya, cempiang, taukeh, kongsi, kicak, cinggeh, cincau, ampaui, taijin, kuntau, gua, lu, sengse singkek, samsing, lancau, suwe, toa pekong, tokong, tekong, banci, cuak, culai, lancong.

(5) Permainan

Ceki, pakau, capjeki, congkak, cukai, mahjong.

Globalisasi dan Teknologi Maklumat: Cabar ke atas Kewibawaan dan Martabat Bahasa Melayu

Pendahuluan: Kewibawaan dan Kemapanan Bahasa Melayu Kini

Kewibawaan dan kemapanan (*authoritative and well-established position*) bagi bahasa Melayu kini adalah hakikat yang tidak boleh disangkal lagi. Secara global, bahasa Melayu ialah bahasa yang keempat terbesar di dunia dari segi jumlah penuturnya, iaitu seperti berikut:

Bahasa Utama Dunia	Jumlah Penutur (juta)
Bahasa Cina	1,192
Bahasa Inggeris	456
Bahasa Sepanyol	362
Bahasa Melayu	225
Bahasa Portugis	177
Bahasa Perancis	123
Bahasa Jerman	119

Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia, Indonesia, dan Brunei. Lebih daripada satu juta lagi penutur bahasa Melayu tinggal di Negeri Thai dan ribuan lagi sebagai kumpulan minoriti di Myanmar, Sri Lanka, Australia, Holland dan England. Bahasa Melayu juga digunakan sebagai pengantar pengajian agama Islam di Kemboja dan Vietnam, sebagai bahasa perantara di bahagian barat Papua New Guinea, dan sebagai bahasa simbol jati diri orang Melayu Afrika Selatan.

Bahasa Melayu menjadi bahan pengajian akademik di lapan buah universiti di Eropah, dua buah di Amerika Utara dan universiti-universiti di Australia, New Zealand, Tasmania, Thailand, Republik Rakyat China, Uzbekistan, Jepun, Korea dan Filipina Selatan, ada pusat pengajian Melayu. Warga ilmuwan yang mengkhusus dalam pengajian

Melayu terdiri daripada pelbagai bangsa antaranya Amerika, Inggeris, Perancis, Jerman, Belanda, Itali, Tanzania, Estonia, Israel, India, Republik Czech, Switzerland, Rusia, Irish, Taiwan, Finland, Thailand, Sri Lanka dan Timur Tengah, di samping ribuan para ilmuwan pengajian Melayu di Asia Tenggara sendiri.

Di Malaysia, Indonesia dan Brunei iaitu negara yang menjadikan bahasa Melayu sebagai pengantar pendidikan di dalam semua peringkat pengajian sehingga ke Universiti dan pada peringkat Ph. D, bahasa Melayu digunakan dalam semua bidang pengajian sama ada dalam pengajian sastera mahupun dalam pengajian sains dan teknologi.

Di Universiti Malaya, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat menjalankan seluruh kursusnya dalam bahasa Melayu, iaitu

1. pengaturcaraan komputer
2. organisasi komputer
3. amalan pengaturcaraan dan struktur data
4. analisis dan reka bentuk sistem
5. pengaturcaraan berorientasikan objek
6. sistem komputer
7. kejuruteraan perisian
8. keselamatan komputer dan pengenbalian bencana
9. komunikasi data dan rangkaian komputer
10. seni bina sistem komputer
11. pangkalan data
12. bahasa pengaturan visual
13. sistem maklumat
14. teknik antaramuka
15. sistem teragih
16. kecerdasan buatan
17. sistem pakar

Untuk membantu para pelajar dan pengguna memahami konsep-konsep dalam sains komputer dalam bahasa Melayu sebuah *Kamus Komputer* susunan Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Abu Bakar (UTM) yang memuatkan 3,450 istilah telah diterbitan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 1995. Di Indonesia buku-buku sains komputer sama ada tulisan asli mahupun terjemahan diterbitkan dengan kadar yang banyak sehingga membanjiri kedai-kedai buku utamanya.

Pengaruh Bahasa dan Agama ke atas Pembentukan Tamadun

Menurut para pengkaji sejarah tamadun manusia (misalnya Braudel, 1993:12, 390, 496 dan Huntington, 1996:59), dua unsur utama pembentukan tamadun ialah agama dan bahasa; agama sebagai unsur yang amat bertenaga bagi mengeratkan hubungan jiwa dan emosi para penganutnya, manakala bahasa sebagai unsur yang amat bertenaga bagi mengeratkan hubungan akal budi para penuturnya. Dengan demikian kedua-dua unsur itu mampu membentuk jati diri yang kukuh, padu dan utuh bagi sesuatu kelompok manusia yang membentuk sesebuah tamadun. Identifikasi sesebuah tamadun boleh berdasarkan sama ada agama anutannya misalnya tamadun Katholik-Protestan Barat, tamadun Ortodoks Kristian Eropah Timur, tamadun Yahudi, tamadun Islam, tamadun Hindu, tamadun Konfusianisme, dan sebagainya, ataupun diidentifikasi berdasarkan bahasa atau rumpun bahasanya misalnya tamadun Sumeria, tamadun Mesir purba, tamadun Farsi, tamadun Romance-Jermanik Eropah, tamadun China, tamadun Arab, tamadun Turki, tamadun Melayu, tamadun Jepun, dan sebagainya. Namun ini tidak menafikan adanya identifikasi berdasarkan unsur-unsurnya yang lain, misalnya unsur geografi, antaranya tamadun Barat, tamadun Afrika, tamadun Amerika Latin, tamadun Asia, tamadun Timur Tengah, tamadun Asia Timur, dan sebagainya.

Huntington (*Ibid.*; 26-27) membahagikan tamadun dunia kini kepada sembilan kelompok; tiga berdasarkan ciri geografi iaitu Barat, Amerika Latin dan Afrika; empat berdasarkan agama iaitu Islam, Hinduism, Ortodoks Kristian dan Buddhism; dan dua berdasarkan rumpun bangsa atau bahasa iaitu Sinik atau Cina dan Jepun.

Gagasan Tamadun Sejagat (*Universal civilization*) dalam Era Globalisasi

Ada orang berpendapat gejala globalisasi kini akan membawa kepada terbentuknya tamadun sejagat yang universal terutama sekali sesudah keruntuhan Tembok Berlin pada tahun 1989 yang menumpaskan kuasa Komunisme di Eropah dan menjadikan demokrasi liberal satu-satunya ideologi politik Eropah.

Gejala globalisasi yang didefinisikan sebagai keberhubungan (*interconnectedness*) aktiviti-aktiviti manusia secara global dalam aspek pengaliran modal dan buruh, teknologi dan kemahiran, pemikiran dan nilai, gaya hidup dan cita rasa, yang merentasi sempadan negara dan bangsa dengan cara yang tidak dapat dikawal rapi oleh negara

bangsa itu, akan mensejagatkan tamadun sekular Barat iaitu tamadun yang terkuat dan paling berkuasa sekarang.

Mengikut Francis Fukuyama tiga unsur tamadun sekular Barat yang utama iaitu (a) ideologi politik berasaskan demokrasi liberal, (b) sistem ekonomi berasaskan pasaran terbuka, dan (c) ilmu pengetahuan berasaskan sains moden yang membawa teknologi dan peralatan moden termaju kini, akan merebak dan berleluasa ke seluruh dunia. Dengan itu proses evolusi pengalaman dan pemikiran manusia akan sampai ke kemuncaknya yang membawa kepada penghujung jalan sejarah perkembangannya atau “the end of history... [where] there would be no further progress in the development of underlying principles and institutions, because all of the really big questions had been settled” (Francis Fukuyama, 1993:xii-xiv).

Senario yang ada kini ialah dominasi yang hampir total oleh Barat ke atas dunia sejagat. Akibatnya suasana dunia seluruhnya sedang dan akan terus dipengaruhi oleh kehendak, amalan, matlamat, keutamaan dan minat negara-negara Barat yang utama.

Aspek-aspek dominasi Barat telah disimpulkan oleh Huntington (1996:81) seperti berikut:

1. Barat memiliki dan mengawal operasi sistem perbankan antarabangsa.
2. Barat mengawal semua mata wang.
3. Barat adalah pelanggan barang dunia yang terbesar.
4. Barat membekalkan kebanyakan daripada barang siap dunia
5. Barat mendominasi pasaran modal antarabangsa.
6. Barat menguasai kepimpinan moral utama dalam masyarakat.
7. Barat berkeupayaan melakukan campur tangan ketenteraan besar-besaran.
8. Barat mengawal laluan maritim antarabangsa.
9. Barat melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan teknikal paling maju.
10. Barat mengawal sistem pendidikan sains dan teknikal yang terkehadapan.
11. Barat mendominasi ruang angkasa dan industri aeroangkasa.
12. Barat mengawal komunikasi antarabangsa.
13. Barat mendominasi industri senjata teknologi tinggi.

Hubungan antara Gagasan Tamadun Sejagat dengan Penggunaan Bahasa Inggeris

Oleh sebab negara-negara teras (*core states*) bagi tamadun Barat ialah negara-negara berpengantar bahasa Inggreris terutama sekali Amerika Syarikat, maka bahasa pengantar utama dalam proses pensemajatan unsur-unsur dominan Barat tersebut tentulah bahasa Inggeris juga. Oleh itu tidak hairanlah bahasa komunikasi luas (BKL) utama dunia (*language of wider communication (LWC)*) pada separuh kedua abad kedua puluh ialah bahasa Inggeris dan aliran ini akan berterusan pada abad kedua puluh satu juga.

Penggunaan bahasa Inggeris sebagai Bahasa Komunikasi Luas (BKL) adalah gejala yang merentasi budaya, mengandaikan adanya pelbagai budaya dan pelbagai bahasa nasional yang digunakan oleh setiap bahasa bagi memenuhi wawasan, jati diri, harga diri, dan cicitia sesuatu bangsa itu sendiri. Hanya apabila mereka perlu berinteraksi secara melintasi budaya bangsa, mereka menggunakan bahasa komunikasi meluas kini iaitu bahasa Inggeris.

Namun apa yang jelas berlaku ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam kebanyakan negara membangun terutama sekali bekas jajahan British dan Amerika, bukan hanya sebagai BKL tetapi juga sebagai pengantar pendidikan tinggi dan bahasa sains dan teknologi, misalnya di India, Pakistan, Bangladesh, Filipina, Singapura (Benua Asia), Gambia, Ghana, Nigeria, Uganda, Zambia dan Zimbabwe (Benua Afrika), Barbados, Jamaika, Trinidad-Tobago dan Guyana (Amerika Selatan/West Indies). Ini berlaku kerana faktor berikut:

1. Dominan Barat berdasarkan 13 elemen tersebut telah mempengaruhi para pemimpin dan para elit negara-negara itu sehingga membentuk persepsi bahawa untuk maju seperti Barat dengan kadar yang segera dan cekap, bahasa utama Barat iaitu bahasa Inggeris mesti digunakan sebagai pengantar pendidikan tinggi terutama sekali dalam bidang sains dan teknologi supaya memudahkan proses pemindahannya.
2. Ledakan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi begitu pesat di dunia tertulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa utama dunia yang lain, sehingga kadar penterjemahannya ke dalam bahasa tempatan tidak mungkin diselaraskan dengan kadar ledakan itu; akibatnya pengajaran dan penyampaiannya dalam bahasa tempatan akan sentiasa ketinggalan dalam arus kemajuan ilmu, sains dan teknologi.
3. Kurangnya bilangan para ilmuwan, ahli sains dan teknologi tempatan yang bergiat ke barisan depan perbatasan ilmu

pengetahuan (*to the frontiers of knowledge*) yang membawa kepada penciptaan teknologi dan dapatan baru yang tertulis dalam bahasa tempatan.

4. Kurangnya jumlah bahan rujukan dan buku teks yang ditulis dalam bahasa tempatan sama ada karya asli ataupun terjemahan, (kalau adapun hanya pada tahap rendah dan sudah ketinggalan zaman) yang menyebabkan kesukaran pengajarannya dan dengan itu akan membantutkan pendidikan sains dan teknologi untuk menyediakan sumber manusia yang mahir dan berilmu pengetahuan tinggi.
5. Kurangnya jumlah pakar, pensyarah dan profesor bertaraf dunia yang mahir dalam bahasa Melayu untuk menyampaikan ilmu-ilmu terkini dalam bidang sains dan teknologi, sedangkan jumlah pakar dan ilmuwan yang boleh berbahasa Inggeris adalah ramai dan mudah ditemui.
6. Negara-negara membangun bekas jajahan British dan Amerika termasuklah Malaysia dan Singapura, sememangnya mempunyai tradisi penguasaan bahasa Inggeris yang baik kerana ramai warga negaranya terutama sekali para elitnya berpendidikan Inggeris sama ada dalam negara sendiri ataupun di luar negara dan terdedah kepada penggunaan bahasa Inggeris; oleh itu penggunaan pengantar bahasa Inggeris dalam pendidikan tinggi tidak banyak menimbulkan kesulitan bahkan lebih menyenangkan.
7. Penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dalam sektor swasta dan bidang perindustrian dan perdagangan yang merupakan medan utama tempat menerapkan segala ilmu dan kepakaran sains dan teknologi; oleh itu penggunaan bahasa Inggeris dalam pendidikan tinggi amat wajar dan sesuai.
8. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi memudahkan proses penubuhan pusat dan program pengajian kembar dengan pusat pengajian tinggi asing dan membawa pakar-pakar asing ke negara kita, dengan itu akan menyelamatkan jutaan aliran keluar wang untuk membayai pengajian di luar negara, di samping menjadikan negara sebagai pusat pengajian antarabangsa dan menjadikan pendidikan sebagai komoditi dagangan antarabangsa untuk mengaut pertukaran wang asing.

Berikut ini dipetik pernyataan dalam *The New Straits Times* pada 28 September, 1996, yang dibuat oleh Moses Samuel dan Lew Tan Sin dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya yang membantah tulisan penulis supaya terus menggunakan bahasa Melayu bukan bahasa Inggeris, sebagai pengantar pendidikan tinggi, sains dan teknologi di

negara sendiri. Pernyataan dua orang pensyarah pendidikan ini sebenarnya mewakili secara stereotaip persepsi dan mentaliti para elit yang berbahasa Inggeris seperti yang dinyatakan di atas, iaitu:

We argue against these premises by focusing on higher education, because it is in this sector that the increase in the use of English is most prevalent and most conspicuous... The critical word in the above quotation is "context" for language use. Hashim's model of language use has a more restricted place for English than we have at present and as such limits the context or the mastery of English. If language policies in Malaysia are to be implemented in line with Hashim's prescription, the standard of English will drop drastically. If that were the case then how could our citizens effectively use English to transfer knowledge "into our civilization"? Indeed, Hashim envisages a myopic role for the English language, limiting it just to the acquisition of knowledge encoded in English. As Malaysia progresses and plays more active regional and international role, it must also be able to use English to generate knowledge and to share that knowledge with the rest of the world.

Apa yang menjadi kecelaruan dalam fikiran para elit Englophile (pencinta bahasa Inggeris) seperti yang tercatat dalam hujah di atas itu ialah hakikat bahawa penerokaan ilmu pengetahuan boleh dilakukan dalam bahasa apa sekalipun, namun penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata negara bangsa itu yang merupakan Sumber Daya Tenaga Manusia (*Human Resource Potential*) seharusnya dalam bahasa yang paling mudah difahami oleh rakyatnya iaitu bahasa kebangsaan mereka sendiri, seperti yang dilakukan di negara Jepun, Korea, Republik Rakyat China dan Taiwan.

Sebagai susulan daripada persepsi dan pandangan para pemimpin dan elit Englophile tentang bahasa Inggeris yang dinyatakan di atas, tidak hairanlah kini di Malaysia sendiri beratus-ratus Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan separa swasta menggunakan pengantar bahasa Inggeris. Bahkan dalam IPT Awam sendiri pun peningkatan penggunaan bahasa Inggeris meningkat. Ini dipermudahkan oleh perisytiharan undang-undang seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 (1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan, yang berbunyi:

Bahasa Kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri Pendidikan daripada subseksyen ini (Undang-Undang Malaysia Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), 1996:26).

Akibat penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan di IPT swasta dan separa swasta, dan juga peningkatan penggunaannya di IPT awam boleh disimpulkan seperti berikut:

1. Nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya mengetepikan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi dan tidak lagi dihormati rakyat jelata kerana kejatuhan nilainya.
2. Proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan; ini menjadikan lagi kedudukan dan status bahasa Melayu merosot dan sebagai bahasa yang rendah untuk komunikasi harian yang rendah tarafnya, manakala interaksi dalam wacana ilmiah dan ilmu pengetahuan yang tinggi, bahasa Inggeris akan digunakan lalu menjadikannya bahasa utama di Malaysia secara *de facto* mungkin tidak secara *de jure*.
3. Bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, membentuk asas jati diri negara Malaysia, sedikit demi sedikit akan kehilangan peranan itu kerana nilai, status dan penghormatan rakyat jelata terhadapnya akan menjadi semakin luntur dan seterusnya hilang.
4. Penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas; maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi akan berkisar hanya di kalangan mereka, manakala majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik, akan tersekat daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi, dengan itu sains dan teknologi tinggi tidak dapat mengalami proses pembudayaan meluas untuk mencetuskan pembangunan menyeluruh sesebuah negara yang ditimba daripada Sumber Daya Tenaga Manusia seluruh rakyatnya.

5. Penguasaan bahasa Inggeris, pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi oleh sebagian besar penduduk sahaja, dengan itu menjadikan mereka golongan elit, mengasingkan mereka daripada majoriti rakyat jelata dan mewujudkan jurang dan ketegangan sosial seperti yang pernah dinyatakan oleh Indian Education Commission 1948 iaitu “[the] use of English... divides the people into two nations, the few [English-speaking Indians] who govern and the many [non English-speaking Indians] who are governed”, yang empat puluh tahun kemudian (pada tahun 1980-an) telah mencetuskan ketegangan kelas yang dahsyat “stimulating tensions between the minority at the top who know English, and the many millions – armed with the vote – who do not” (dipetik oleh Huntington, 1996:64).
6. Ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan yang disebutkan di atas, akan menjadi pemangkin kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain, misalnya prasangka dan kebencian etnik dan perkauman, agama, mazhab dan ideologi, daerah dan wilayah, seperti yang berlaku di Pakistan, India, dan di negara-negara Afrika dan Amerika Selatan.
7. Penguasaan ilmu, sains dan teknologi yang tinggi, kemahiran dan kepakaran secara meluas di kalangan rakyat jelata, adalah faktor utama dalam pembangunan Sumber Daya Tenaga Manusia sesebuah negara secara menyeluruh, turut menjadi faktor utama kepada pembangunan dan kemajuan negara itu. Penyampaian dan pemahaman ilmu pengetahuan, sains, teknologi dan kepakaran serta kemahiran yang paling berkesan adalah dengan perantaraan bahasa tempatan bukannya bahasa asing. Inilah yang berlaku pada negara-negara Eropah, Jepun, Korea, Taiwan dan Republik Rakyat China, yang menggunakan bahasa tempatan mereka sendiri untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada rakyat. Oleh itu tulang belakang bagi pembangunan sumber daya tenaga manusia seluruh rakyat sesebuah negara ialah bahasa tempatannya bagi Malaysia, Indonesia dan Brunei ialah bahasa Melayu bukannya bahasa Inggeris. Bila bahasa Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi maka ilmu pengetahuan akan terhad kepada sebagian besar golongan elit Anglophile dan sumber daya tenaga manusia rakyatnya tidak dapat dibangunkan dan kemajuan serta pembangunan negara secara menyeluruh tidak akan tercapai.
8. Penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa bekas kuasa penjajah yang lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan seterusnya bahasa rasmi dan bahasa utama di negara-negara membangun termasuklah Malaysia, akan menjadikan negara itu

mengalami sindrom “mentaliti budak jajahan” (*colonized mentality*), dengan misi dan visi mereka senantiasa dikaitkan secara muhu atau tidak muhu, dengan misi dan visi “tuan penjajahnya”, seperti yang berlaku di negara Asia, Afrika dan Amerika Selatan dan Amerika Tengah yang menggunakan bahasa bekas penjajah mereka (Inggeris, Sepanyol, Perancis atau Portugis) sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi. Walaupun sudah merdeka dari segi politiknya, tetapi dari segi ekonomi, pendidikan, sains, teknologi, nilai dan aspirasi sentiasa memandang kepada London, Washington, Paris, Lisbon dan Madrid sebagai sumber ilham dan panduan.

Gagasan Penyebaran Sebuah Tamadun Sejagat yang Bertentangan dengan Keadaan Dunia Sebenar

Mengikut para pengkaji dan ahli fikir semasa (umpamanya Huntington, (*Op cit.*, 1996:318)), gerakan dan gagasan ke arah penubuhan sebuah tamadun sejagat yang berasaskan tamadun yang terkuat adalah gerakan merbahaya dan paling mencabar kepada kestabilan dan keselamatan dunia dalam alaf baru ini.

Huntington menegaskan:

Universalism abroad threatens the West and the world (p. 318)... [It] is dangerous to the world because it could lead to a major intercivilizational war between core states, and it is dangerous to the West because it could lead to defeat of the West (*Ibid.*: 311)... What is universalism to the West is imperialism to the rest (p. 184).

Usaha yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi negara-negara membangun, pada hakikatnya sedang menganjur gagasan pensejagatan tamadun Barat yang berbahasa Inggeris sebagai sebuah tamadun universal, kerana seperti yang dinyatakan di atas, jati diri dan identiti serta aspirasi sesuatu negara bangsa dan sebuah tamadun boleh dikenal pasti melalui penggunaan bahasa utamanya.

Mengikut Huntington lagi (*op cit.*:63), gagasan demikian sebenarnya digerakkan secara definitif oleh para pemimpin dan golongan elit negara-negara bekas jajahan kuasa Barat itu. Ketika negara-negara itu bergerak ke arah kemerdekaan kempen dan gerakan penggunaan bahasa tempatan sebagai bahasa kebangsaan dan penolakan bahasa penjajah, adalah strategi para pemimpin dan golongan elitnya membezakan diri mereka daripada golongan

penjajah, supaya mendapat sokongan dan penerimaan rakyat jelata. Namun sesudah mencapai kemerdekaan dan negara sedang membangun, para pemimpin dan golongan elit itu perlu pula menonjolkan diri mereka sebagai golongan yang terdidik melalui pengidentifikasi diri dengan unsur-unsur tamadun terkuat semasa (iaitu tamadun Barat). Ini dilakukan melalui kefasihan dan kecekapan menggunakan bahasa tamadun Barat yang utama iaitu kini bahasa Inggeris. Dengan usaha demikian mereka akan terus mendapat kedudukan dan sanjungan daripada rakyat kerana mendakwa mereka lah paling mampu untuk membawa negara ke arah pembangunan dan kemajuan kerana memiliki hubungan erat dengan sumber dan khazanah tamadun terbesar dan terkuat semasa.

Pemimpin-pemimpin dan golongan elit ini akan menganjurkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi di IPT, supaya dapat melengkapkan para graduan untuk berperanan secara berkesan dalam persaingan global yang sengit bagi memperoleh modal dan pelanggan asing. Ini diperkuatkan lagi oleh autoriti politik dan media Barat. Namun pada masa yang sama masyarakat umum terutama sekali golongan bawahan dan rakyat jelata yang memiliki majoriti kuasa undi, akan menekan supaya negara terus menggunakan bahasa tempatan sebagai bahasa rasmi dan bahasa pendidikan tinggi kerana ketidakupayaan mereka untuk bersaing dalam menguasai bahasa Inggeris. Ini akan menimbulkan ketegangan dalam negara yang memberi peluang pula kepada sentimen-sentimen perkauman, kumpulan etnik, agama, mazhab, kedaerahan dan lain-lain digembur-gemburkan sehingga menjadi permusuhan yang akan memuncak kepada keganasan dan pertumpahan darah sesama sendiri seperti yang berlaku di Pakistan, India, dan kebanyakan negara Afrika dan Amerika Selatan bekas jajahan kuasa penjajah Eropah.

Di India (dan juga di Pakistan), penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa pemerintahan, telah memecahbelahkan rakyat India (dan juga Pakistan) kepada golongan elit minoriti (boleh berbahasa Inggeris) yang memerintah dan golongan majoriti rakyat jelata (tidak berbahasa Inggeris) yang diperintah, mengakibatkan wujudnya ketegangan dan konflik sosial yang berterusan.

Oleh itu gerakan dan usaha untuk meneruskan atau mengembalikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa sains dan teknologi, merupakan golongan elit yang pada jangka panjang, sedang menempah dan mengundang bahaya perpecahan, keretakan dan kemunduran negara bangsa, walaupun mungkin pada masa jangka pendek, manfaat segera boleh dicapai. Akan tetapi bangsa dan negara membangun seperti

Malaysia mahu wujud dan terus hidup lebih lama daripada dua puluh atau tiga puluh tahun yang akan datang.

Sesungguhnya usaha dan gerakan yang mempromosikan bahasa Inggeris atau bahasa bekas penjajah lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi serta bahasa sains dan teknologi sesebuah negara membangun, sebenarnya adalah gerakan yang bertentangan dengan arus perkembangan negara bangsa dan budaya masa kini.

Apabila empayar Komunis Soviet Rusia runtuh, maka negara-negara bekas jajahannya yang memperoleh kemerdekaan telah mengembalikan bahasa indigenus mereka sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Bahasa-bahasa Estonia, Latvia, Lithuania, Ukraine, Georgia dan Armenia telah dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara itu. Di kalangan republik Islam pula negara-negara seperti Azerbaijan, Kyrgyzstan, Turkmenistan dan Uzbekistan telah menggunakan bahasa mereka sendiri sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, dan juga telah menukar sistem tulisan Cyrillic Rusia kepada sistem tulisan Rumi. Manakala Tajikistan pula yang secara tradisi menggunakan bahasa Farsi bukan sahaja telah mengembalikan bahasa Farsi sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan, bahkan juga telah menukar sistem ejaannya kepada huruf Arab-Farsi.

Negara Muslim Bosnia di Eropah pula telah mengembalikan penggunaan perkataan Turki dan Arab yang telah diketepikan semasa berada di bawah pemerintahan Yugoslavia. Oleh itu kata Huntington lagi "*Language is realigned and reconstructed to accord with the identities and contours of civilization*" (*op cit.*: 64).

Peranan bahasa Asing dan Bahasa Tempatan dalam Proses Penjanjana Ilmu Pengetahuan, Sains dan Teknologi

Pengaruh sesebuah tamadun besar ke atas negara-negara yang rendah tahap kemajuannya, amat kuat dan mendalam, apatah lagi jika pernah menakluki negara kecil itu. Keadaan begini berlaku berulang kali dalam sejarah manusia.

Apabila Islam sampai ke Eropah iaitu ke Semenanjung Iberia (Sepanyol dan Portugal) pada tahun 711 Masihi, Islam membawa bersama-samanya sebuah tamadun yang berasaskan ilmu pengetahuan yang rasional, sains dan teknologi yang jauh lebih tinggi daripada apa yang ada di Eropah. Pada ketika itu Eropah berada dalam Zaman Kegelapan iaitu diselimuti oleh ilmu pengetahuan yang berasaskan tahuul, mitos dan magis. Pemerintah feudal yang kuku besi menekan

rakyat jelata yang diabsahkan oleh golongan gereja yang rasuah dan berkepentingan. Penyakit dan wabak berleluasa kerana ketidaaan ilmu perubatan dan kesihatan yang saintifik. Dalam keadaan kegelapan Eropah itu, tamadun Islam melahirkan barisan ahli fikir, ahli sains, ahli perubatan dan farmasi, ahli falsafah dan matematik, ahli seni bina dan ukir, ahli geografi dan sejarah, ahli bahasa dan sastera, ahli astronomi dan metereologi yang terkemuka di dunia. Tidak syak lagi pada zaman kegemilangan Islam dari segi ilmu dan teknologi iaitu di sebelah Timur pada abad ke-9 dan ke-10 M (semasa Dinasti Abbasiyah 749-1258 M) dan di Barat pada abad ke-11 dan ke-12 M (zaman pemerintahan Islam di Semenanjung Iberia atau Andalusia 711-1492 M), telah mendominasi dunia seperti halnya sekarang tamadun Barat menguasai dunia.

Namun apabila unsur-unsur tamadun Islam dipelajari oleh bangsa Eropah melalui perantaraan bahasa Arab (yang terpaksa mereka pelajari), kemudian dipinjam, diterjemah dan diasimilasikan oleh orang Eropah dalam abad ke-11 hingga ke-13 M, mula-mula dalam bahasa Latin kemudian ke dalam bahasa Sepanyol, Perancis, Itali, Inggeris dan bahasa Eropah yang lain, maka ilmu pengetahuan merebak ke Eropah. Kebangkitan bangsa Eropah berselari dengan kebangkitan negara bangsanya yang berdasarkan bahasa indigenus mereka sendiri iaitu bahasa Sepanyol, Itali, Perancis, Inggeris, Belanda, Jerman, Rusia dan lain-lain. Ilmu pengetahuan, sains dan teknologi yang diterjemah, disampaikan dan dijana dalam bahasa indigenus sendiri dapat dimengertikan sepenuhnya oleh rakyat untuk membangunkan sumber daya tenaga manusia seterusnya mencetuskan kebangkitan Eropah dalam zaman Renaissance dan membawa kepada proses industrialisasi dan pemodenan Eropah yang pesat sehingga dapat mendominasi dunia selama 500 tahun sehingga kini.

Kebangkitan Jepun dan Korea juga melalui proses yang sama iaitu peminjaman, penterjemahan, pengasimilasian dan akhirnya penjanaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dalam acuan sendiri. Jepun telah berabad-abad lamanya dijajah dan didominasi oleh Tamadun Cina dan telah meminjam daripada China sistem tulisan, seni lukis, seni bina, institusi dan sistem perundangan dan sastera klasiknya. Bahkan nama Jepun juga diberikan oleh orang Cina iaitu *Je-pen* yang bermakna "negara matahari naik" yang dalam bahasa Jepun disebut *Nippon*. Apabila kuasa pemerintahan dikembalikan kepada maharaja Jepun pada tahun 1868, ini seterusnya, membawa kepada "Restorasi Meiji" dengan polisinya untuk mempelajari segala aspek ilmu pengetahuan daripada Barat supaya membawa kemajuan kepada negara Jepun. Jepun tegas dengan pendirian bahawa ilmu pengetahuan

dan teknologi yang baru mesti disampaikan dalam bahasa Jepun iaitu diletakkan dalam acuan mereka sendiri.

Variasi bahasa Jepun yang digunakan paling luas terpakai dalam masyarakatnya iaitu variasi bahasa petani dan wanita, dan melalui perancangan bahasa yang pesat dan gigih mereka telah menukar variasi bahasa itu menjadi bahasa ilmu tinggi dan bahasa saintifik yang cekap. Ilmu pengetahuan, sains dan teknologi Barat dipelajari dalam bahasa Barat oleh belia-belia Jepun yang dihantar ke serata negara Barat. Kemudian ilmu itu diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun untuk dibudayakan dan disampaikan kepada seluruh masyarakatnya bagi membangunkan sumber daya tenaga rakyatnya. Sesudah itu proses asimilasi ilmu berlaku membawa kepada penjanaan ilmu dan teknologi yang baru dalam acuan mereka sendiri iaitu dalam bahasa Jepun sendiri.

Di Korea, proses yang hampir sama dengan Jepun dari segi penggunaan bahasa sendiri sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dan proses pemindahan ilmu pengetahuan juga berlaku. Proses perancangan bahasa, program penterjemahan dan penghantaran belia-belia Korea ke negara-negara Barat untuk menimba ilmu dan menyampaikannya dalam bahasa sendiri seperti yang dilakukan oleh Jepun, juga turut berlaku di Korea. Dengan itu proses pembudayaan ilmu sains dan teknologi amat luas berlaku di kalangan rakyatnya seterusnya dapat membangunkan sumber daya tenaga manusia. Ini memungkinkan daya cipta dan kekreatifan peribumi dapat ditingkatkan supaya menghasilkan sesuatu teknologi itu dalam acuan dan pola minda mereka sendiri serta diungkapkan dalam bahasa mereka sendiri.

Di Taiwan juga penggunaan bahasa Cina sebagai pengantar pendidikan tinggi, sains dan teknologi, memungkinkan pembinaan sumber daya tenaga manusia ditingkatkan ke tahap maksimum. Pemindahan ilmu, sains dan teknologi dilakukan pula melalui program penterjemahan yang cekap daripada pelbagai bahasa utama dunia, dan penghantaran belia-belia Taiwan ke Barat untuk menimba ilmu pengetahuan dan menyampaikannya kembali ke dalam bahasa Cina di Taiwan. Dengan demikian proses pembudayaan ilmu berlaku secara meluas yang mencetuskan pembangunan sumber tenaga manusia rakyatnya.

Senario dalam Era Globalisasi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Sebelum ditinjau masalah utama tentang peranan dan kedudukan bahasa Melayu dalam era globalisasi dan teknologi maklumat, terlebih dahulu diuraikan senario yang sedang dan akan berlaku dalam era ini, supaya dapat dilihat dengan jelas kedudukan bahasa Melayu dalam suasana demikian.

Senario ini diasaskan daripada ulasan, antara lain, J. Naisbitt (1997) *Megatrend Asia*; P. Drucker (1993) *Post-Capitalist Society*; A. Toffler (1980) *The Third Wave*, (1990) *Powershift*, (1995) *Creating A New Civilization*; Peter Rifkin (1995) *The End of Works*, dan lain-lain.

Senario yang muncul hasil daripada revolusi teknologi maklumat dan komunikasi kini, sebenarnya adalah kesinambungan daripada deretan sejarah perubahan dan perkembangan masyarakat manusia yang boleh dilihat dalam bentuk tiga gelombang besar. Iaitu:

1. revolusi pertanian (8000 sebelum Masihi)
2. revolusi perindustrian (1765 Masihi, bermula dengan enjin wap ciptaan James Watt)
3. revolusi teknologi maklumat (bermula sekitar 1955 apabila pekerja kolar putih melebihi kolar biru dan pengenalan penggunaan komputer)

1. Revolusi Pertanian

Ciri-ciri utama yang menandakan perubahan dalam kehidupan manusia akibat daripada revolusi pertanian ialah:

- Perburuan dan kehidupan pindah-randah bertukar kepada perkampungan, pertanian dan penternakan
- Hubungan komuniti dan keluarga amat akrab
- Masyarakat tertutup dan pergantungan kendiri.

2. Revolusi Perindustrian:

- Berasaskan bahan mentah, buruh dan kapital
- Migrasi kampung ke bandar yang pesat
- Perbandaran yang padat dan sesak
- Percambahan kilang-kilang dengan penghususan kerja yang ketat
- Pengeluaran massa yang diselaraskan
- Teknologi elektrik-mekanik berat susah alih

- Guna tenaga fosil semakin pupus
- Korporat berpiramid, monolitik dan birokratik
- Keretakan keluarga dan kemunculan keluarga nuklear/ibu/bapa tunggal
- Pelbagai masalah sosial dan masalah alam sekitar
- Budaya massa yang tidak mesra individu (pendidikan massa, media massa, produksi massa, perumahan massa, dan sebagainya)

3. Revolusi Teknologi Maklumat:

- Teknologi berasaskan pengetahuan komputer sebagai pengatur pergerakan segala sistem, proses, operasi, mesin dan peralatan
- Teknologi komunikasi dan maklumat menjadi asas tenaga utama pengeluaran yang mengatasi tenaga fosil
- Data, maklumat, simbol, budaya dan nilai menjadi sumber utama ekonomi
- Pengetahuan bukannya buruh; simbol elektronik dan cetak bukannya bahan mentah yang memberi dan menambahkan nilai
- Nyahmassa (demassifikasi) dalam pengeluaran melalui sistem pengeluaran intensif maklumat dan robotik
- Fleksi teknik pintar merevolusikan ekonomi dari homogen kepada heterogen
- Penawaran perkhidmatan dan harta intelek mengatasi penawaran barang elektronik, kereta, makanan dan tenaga
- Jenis kerja baru yang meningkat ialah perkhidmatan: penjagaan warga tua, rekreasi, pendidikan dan latihan, kaunseling, kembara dan pelancongan, insurans, pelindungan keselamatan, pusat penjagaan harian, kesihatan
- Lebih 60% tenaga pekerja adalah pekerja maklumat yang menjana dan menggerakkan simbol dan tanda elektronik bukan barang
- Bentuk kekayaan berubah daripada barang modal kepada maklumat
- Asas tenaga yang menggerakkan enjin pembangunan berubah daripada arang batu, gas dan petroleum kepada teknologi komunikasi dan maklumat

- Tidak ada negara yang betul-betul kuat dan kaya (sama ada kecil atau besar) jika tidak mempunyai teknologi komunikasi dan maklumat yang kukuh dan berwibawa

Ramalan Senario dalam Abad Ke-21

Berikut dikemukakan ramalan penciptaan teknologi baru dorongan komputer dan teknologi maklumat hasil kajian George Washington University Delphi Survey 1997 yang disiarkan dalam *The Futurist*, November-December., 1997:20-28:

Dekad pertama (2001-2010)

- 2003 - hiburan (filem, tv, lagu, sukan, rekreasi, hobi, dll.) pilihan individu secara elektronik
- 2004 - sidang video berleluasa untuk mesyuarat, perundingan, pertemuan, dll.
- 2005 - komputer mencantumkan tv, telefon, dan siaran video interaktif
- 2006 - pendidikan jarak jauh dan dalam talian (*on-line*) menjadi mod biasa pembelajaran sekolah, kolej, universiti menggunakan program pengajaran, kuliah, tutorial berkomputer dan interaktif multimedia
- 2007 - sistem interaksi berkumpulan di multilokasi untuk bekerja, belajar bersama
- 2008 - 80% penduduk dunia boleh mengakses lebuh raya maklumat untuk pelbagai tujuan dan komputer bimbit pembantu peribadi digital menggantikan pembantu peribadi manusia
- 2009 - perbankan dan wang elektronik menggantikan wang syiling, kertas, cek
- 2010 - penggunaan sistem perisian pakar berleluasa membantu keputusan dalam kejuruteraan, perubatan, pengurusan, dll.

Dekad kedua (2011 – 2020)

- 2011 – produk spesifikasi individu berleluasa contohnya kereta, barang peribadi/rumah(30%), juga kereta elektrik berleluasa
- 2012 – terjemahan serentak berkomputer yang cekap untuk komunikasi yang efektif, dan kaedah pembuatan berintegrasi komputer dalam kebanyakan kilang (80%),
- 2013 – penerbitan secara dalam talian atau *on-line* dari penerbit kepada pengguna untuk dicetak sendiri, juga pengubatan secara genetik berleluasa
- 2014 – komputer optik mengganti elektronik
- 2015 – pekerja kilang merosot 10% daripada tenaga buruh akibat automasi
- 2016 – nanoteknologi yang mengeluarkan mesin mikroskopik dikomersialkan
- 2018 – separuh daripada barang pengguna dijual secara e-dagang, juga sistem lebuhraya automatik dengan kawalan had-laju, pemanduan, pemberhentian, dll.
- 2019 – telehubung membolehkan pekerja (80%) bergerak di luar
- 2020 – kejuruteraan genetik berleluasa membolehkan ibu bapa memilih sifat anak-anak

Dekad ketiga dan seterusnya (2021- 2062)

- 2022 – makanan tiruan seperti daging, sayuran, buah-buahan, roti, nasi meluas digunakan (30%)
- 2023 – komuniti berkelompok serba lengkap dalam bandar mengurangkan pengangkutan komuter
- 2024 – LRT peribadi digunakan secara meluas
- 2025 – kapal terbang hipersonik 5 kali ganda kelajuan sekarang untuk laluan antara benua
- 2026 – peralatan pintar digunakan secara meluas di pejabat dan rumah
- 2027 – produk pasang kendiri digunakan secara meluas
- 2037 – pangkalan bulan yang kekal dibina
- 2037 – misi berorang ke planet Marikh
- 2042 – penerokaan stellar dimulakan
- 2049 – kontak awal ekstraterrestrial
- 2062 – kelajuan perjalanan menghampiri kelajuan cahaya

Apakah Peranan Bahasa dan Budaya Melayu dalam Menghadapi Cabaran Revolusi Komputer dan Teknologi Maklumat?

Paul Kennedy berkata dalam bukunya *Preparing for the Twenty-First Century*, 1994: 335:

Dari kajian [kami] negara-negara yang dalam keadaan lebih bersedia [untuk menghadapi kurun ke-21] ialah Jepun, Korea, beberapa negara perdagangan di Asia Timur, Jerman, Switzerland, beberapa negara Scandinavia dan Kesatuan Eropah. Adalah jelas, masyarakat [negara bangsa tadi] yang memiliki sumber teknikal dan pendidikan yang kukuh, wang tabungan yang cukup dan keutuhan (solidariti) budaya yang padu berada dalam keadaan yang lebih bersedia daripada negara yang tidak memilikinya

Peter Drucker pula berkata dalam bukunya *Post-Capitalist Society*, (1993:42, 46, 210-212),

Dalam masyarakat pascakapitalis (era teknologi maklumat) ilmu diaplikasikan kepada ilmu untuk menjanakan ilmu baru, aplikasi yang baru, sistem baru, organisasi yang baru dan masyarakat baru. Ilmu tidak bertempat di buku, bank data, dan cakera, tetapi pada diri manusia; dicipta, ditambah, diaplikasi, diajar, digunakan/disalahgunakan oleh manusia. Manusia iaitu manusia terpelajar menjadi pemusatan masyarakat maklumat pendukung nilai, prinsip dan komitmen bagi masyarakatnya.

Ilmu dan maklumat akan menjadi sepunya sejagat (*universally common*); ekonomi, wang, kerjaya, teknologi, isu utama dan maklumat dunia juga akan menjadi sepunya sejagat.

Manusia terpelajar bersifat sejagat, berkerjaya secara sejagat sebagai warga dunia dalam wawasan, misi dan maklumat, tetapi menyedut kekuatan dari budaya aslinya dan secara resiprokal memperkaya pula budaya aslinya daripada kematangan sifat sejagatnya.

Tegasnya, ada ciri kesejagatan dalam ilmu, teknologi dan kerjaya yang menyatukan warga dunia, tetapi ada ciri kepelbagaiannya budaya bangsa dan tamadun yang berbeza-beza yang secara naluri memberi sifat, jati diri dan paksi kepada setiap insan untuk berpaut dan bernaung, bagi mengelakkannya hanyut dan musnah oleh aspek negatif badai globalisasi.

Bahasa, mengikut S. Huntington dalam bukunya *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, (1996:59), ialah satu daripada dua ciri dasar tamadun (satu lagi, agama) yang menjadi asas tautan,

jati diri, *esprit de corp*, kebanggaan, dan kasih sayang sesama anggota sesebuah tamadun.

Bahasa ialah alat yang merakam, membudaya, mentafsir, mendukung, dan mewariskan khazanah ilmu dan budaya sesuatu bangsa dan tamadun dari generasi ke generasi. Tegasnya, bahasa mencorak dan mewarnai budaya dan tamadun sesuatu negara bangsa.

Majalah *Asiaweek* (30 Julai, 1999) menyatakan ada bukti, secara statistik dan anekdotal, di Hong Kong yang menunjukkan pengajaran [segala ilmu pengetahuan] dalam bahasa sendiri adalah paling baik. Pelajar di sekolah berpengantar bahasa Cina memperoleh markah lebih tinggi dalam peperiksaan yang sama daripada pelajar yang menggunakan pengantar bahasa Inggeris.

Prof. Jonathan Malicsi, profesor linguistik di University of Philippines berkata "Teach [all subjects] in the mother tongue [first language] but have a great English [teaching] program. Everyone will be understood." (*Asiaweek*, 30 Julai, 1999: 35)

Dato' Seri Najib Tun Razak berkata:

In technology, business and diplomacy, a command of English is necessary... books on current findings are almost entirely in English. We do not have the capacity to translate each and every book. If you have low proficiency [in English] your access [to new knowledge] will be cut off. (*Asiaweek*, 30 July: 28-29).

Dalam *Asiaweek* (20-27 Ogos, 1999:10), Mathew B. Ward, seorang pegawai ekspatriat (pendidikan?) di Taiwan berkata:

Saya perhatikan bahawa kejayaan ekonomi abad ke-20 bagi Jerman, Jepun dan Taiwan tidak menggunakan pengantar bahasa Inggeris dalam pengajaran, manakala banyak negara yang berbuat demikian (Filipina, Nigeria, India) masih tinggal miskin. Laporan kajian linguistik dan pendidikan banyak menyokong gagasan bahawa kanak-kanak menguasai ilmu pengetahuan lebih cekap dalam bahasa indigenusnya sendiri. Oleh itu saya mencadangkan agar kanak-kanak dibenarkan berbuat demikian [belajar ilmu dalam bahasa indigenusnya], kerana kejayaan ekonomi adalah lebih penting daripada kejayaan bahasa Inggeris.

Regarding English in the internet, linguists and internet experts agree that, as use of the network becomes more universal, and as technology develops which allows all major languages to be easily used on-line, English-language dominance will be greatly reduced or perhaps vanished. Combine these trends with the startling advances in instant-translation services, the English-empire may

have finally met its match – ironically - technology which is largely being developed in English.

Dalam *Asiaweek*, 20-27 August, 1999:10, Andrew J. O' Sullivan, seorang pengajar bahasa Inggeris di Petaling Jaya berkata:

Certainly Ireland has enjoyed enormous benefits and advantages from its adoption of English. But we Irish have lost something very precious. My own mother tongue (Gaelic) has been displaced and almost destroyed by English. We are also exposed to the overwhelming barrage of Anglo-American popular culture and norms without the interpretive filter of a mother tongue.

Tetapi gejala yang lebih buruk yang lupa dinyatakan oleh O' Sullivan ialah perpecahan, konflik dan pembunuhan dahsyat sesama bangsa Irish yang sudah kehilangan keutuhan, perpaduan dan rasa kasih sayang sesama sendiri kerana kehilangan fungsi perpaduan, rasa kemesraan dan kesepuianan cetusan bahasa indigenus yang sama!

Sebagai kesimpulannya, banyak hasil kajian, pendapat ahli akademik, para ilmuwan dan peramal masa depan telah menyatakan dengan tegas, bahawa....

Sampaikan ilmu pengetahuan dalam bahasa indigenus kanak-kanak, demi kecekapan pembelajarannya, pembinaan daya sumber manusia rakyat jelata, pemupukan jati diri dan perpaduan negara bangsanya, tetapi adakan program pengajaran bahasa utama dunia (Inggeris, Jerman, Perancis, Cina, Jepun, Arab) yang cekap demi menimba ilmu pengetahuan, teknologi, perdagangan dan diplomasi.

Di Belanda kebanyakan rakyatnya fasih dalam dua atau tiga bahasa asing (Inggeris, Jerman, Perancis) kerana diajar di sekolah/universiti di samping bahasa Belanda. Bahasa Belanda sebagai pengantar pendidikan menggunakan buku teks berbahasa Belanda dalam semua mata pelajaran pada semua peringkat pengajaran. Buku-buku teks asas dan penerbitan utama dalam bahasa asing (Inggeris, Perancis dan Jerman) diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda, tetapi buku bacaan tambahan dan jurnal utama dunia dalam bahasa Inggeris, Jerman dan Perancis untuk rujukan tambahan dan bacaan umum tidak diterjemahkan kerana rakyat memahaminya.

Mengembalikan Martabat, Kewibawaan dan Keyakinan kepada Bahasa Melayu Sebagai Pengantar Pendidikan Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sebagai Bahasa Dunia

Tidak syak lagi kedudukan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi kini sedang tercabar. Perancangan dan usaha yang gigih perlu dilakukan segera untuk membendung lonjakan pengaruh dan kewibawaan bahasa Inggeris yang begitu kuat, dan mengembalikan martabat, kewibawaan dan keyakinan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dan sebagai antara bahasa utama dunia.

Berikut ini digariskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat itu, yang tertumpu pada dua strategi iaitu cara mengatasi masalah sikap negatif terhadap keupayaan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai pengantar sains, teknologi dan pendidikan tinggi, dan cara membina budaya ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa Melayu sehingga ke barisan depan dalam penerokaan ilmunya:

1. Mengadakan kempen, konvensyen dan syarahan umum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa supaya semua pihak terutamanya yang mempunyai kuasa dan pengaruh serta rakyat jelata dapat menyedari betapa pentingnya menjamin dan memastikan kedudukan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita dan sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dikenalkan dan ditingkatkan demi perpaduan negara, bangsa dan rakyat dan wibawa antarabangsanya
2. Peruntukan kewangan maksimum dalam bentuk belanjawan kerajaan dan sumbangan daripada pihak sektor swasta sebagai usaha memenuhi tanggungjawab sosial, hendaklah diwujudkan untuk menggalakkan pengkaryaan dalam segala bidang ilmu termasuk sains dan teknologi dalam bahasa Melayu, sama ada karya asli mahupun terjemahan; dan segala peruntukan kewangan itu hendaklah dianggap sebagai pelaburan untuk membangunkan bidang ilmu dan sumber manusia jangka panjang, bukan sebagai pelaburan komersial jangka pendek yang dikira berapa untung dan ruginya
3. Dengan wujudnya dana dan peruntukan kewangan yang mencukupi, maka skim penggalakan dan insentif yang menarik hendaklah ditawarkan kepada para ilmuwan dan ahli sains untuk menulis dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu buku dan artikel dalam bidang pengkhususan masing-masing

4. Menubuhkan sebuah Majlis/Lembaga Buku Ilmiah Melayu Kebangsaan/Antarabangsa (*National/International Malay Academic Books Council/Board*) yang bertanggungjawab terus kepada Menteri Pendidikan, yang diberikan tugas-tugas antaranya seperti berikut:
 - (i) merancang dan melaksanakan penghasilan, penulisan, penterjemahan, penggalakan, penggunaan dan penilaian buku-buku dan bahan-bahan rujukan dalam pelbagai media dalam semua bidang sains, teknologi dan ilmu pengetahuan peringkat tinggi. Lembaga ini harus ada pakar-pakar dan ahli bahasa serta penterjemah yang bertugas khusus untuk meneliti dan menilai penerbitan-penerbitan penting daipada seluruh dunia dalam bidang masing-masing, dan seterusnya merancang dan menyelaraskan penterjemahan, penulisan, percetakan dan penyebaran serta penggunaannya di kalangan komuniti para sarjana dan profesional di dalam dan luar negara
 - (ii) menubuhkan perhubungan dan kerjasama akademik dengan institusi-institusi, pusat-pusat penyelidikan, penerbit buku dan jurnal dan perpustakaan yang terkemuka di seluruh dunia untuk mengemaskinikan pengetahuan dalam semua bidang sains dan teknologi ke tahap *state of the art*, dan seterusnya untuk meneroka ke tahap paling depan barisan ilmu pengetahuan. Perjanjian persefahaman dan kontrak boleh dibuat dengan penerbit-penerbit terkemuka jurnal dan buku supaya proses penterjemahan yang serentak dengan penerbitannya dapat dilakukan
 - (iii) menubuhkan kerjasama yang erat dengan Indonesia, Brunei dan Singapura berdasarkan keperluan dan tanggungjawab bersama untuk memajukan bahasa Melayu iaitu Bahasa Kebangsaan bagi keempat-empat negara yang mempunyai jumlah penutur lebih daripada 220 juta manusia, supaya meningkatkan penerbitan, penyebaran dan penggunaan bahan rujukan pelbagai media dalam semua bidang ilmu sains dan teknologi di keempat-empat buah negara, dan menggalakkan pengaliran bahan-bahan yang bebas antara negara itu
 - (iv) menubuhkan hubungan dan kerjasama yang erat dalam bentuk penyelidikan, penerbitan, pengalaman, penyebaran dan promosi tentang semua perkara yang berkaitan dengan bahasa, sastera, budaya, sains, teknologi, perindustrian, perdagangan, perhubungan antarabangsa dan diplomasi

dengan negara-negara dan institusi seluruh dunia yang mempunyai tradisi pengajian Melayu dan komuniti Melayu, misalnya Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Kemboja, Sri Lanka, Afrika Selatan, Australia, Belanda, England, Surinam dan lain-lain, dengan tujuan untuk memperteguhkan dan menyebarluaskan bahasa Melayu, kebudayaan Melayu dan segala bentuk khazanah ilmu dan persuratan Melayu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan

5. Mengadakan gerakan promosi yang gigih, agresif dan meyakinkan untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama ASEAN mengambil alih bahasa Inggeris memandangkan bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur terbesar dalam ASEAN, dan juga sebagai satu bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang digunakan dalam sidang-sidangnya atas dasar bahasa Melayu adalah bahasa keempat dunia dari segi jumlah penuturnya
6. Penubuhan beberapa buah Akademi Pembelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Moden Wilayah yang dilengkapi dengan segala kepakaran dan peralatan canggih untuk melatih anak bangsa Melayu secara intensif penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa moden lain ke taraf paling tinggi untuk kumpulan tertentu bagi melaksanakan tugas-tugas khusus misalnya menimba ilmu dan pemindahan teknologi tinggi, perdagangan antarabangsa, diplomasi dan hubungan antarabangsa, persidangan dan bengkel antarabangsa dan sebagainya.

Kesimpulan

Sememangnya setiap negara dan bangsa mesti berusaha untuk meningkatkan daya juang, daya saing, daya tahan, daya kreatif dan kecemerlangan bangsa dan rakyat jelatanya dalam persada antarabangsa supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi dan boleh bersaing dengan negara-negara utama di dunia. Untuk mencapai matlamat ini seluruh sumber daya tenaga manusia rakyatnya harus digerakkan melalui pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam bahasa rakyat jelata sendiri bukannya bahasa asing. Inilah yang berlaku di negara-negara maju di Barat, Jepun, Korea dan Taiwan.

Gagasan yang menganjurkan supaya pendidikan tinggi, sains dan teknologi disampaikan dalam bahasa Inggeris didorong oleh sama

ada sahaman pragmatik keterlaluan yang hanya mementingkan faedah segera bagi golongan elit dalam jangka masa pendek tanpa memikirkan keretakan, perpecahan dan kemunduran rakyat jelata yang boleh berlaku dalam jangka masa panjang ataupun didorong oleh minda kerdil yang tidak ada keyakinan diri kepada ciri-ciri budaya kita sendiri dalam pembangunan dan pembinaan sebuah negara bangsa dan tamadun dalam acuan kita sendiri.

Bahawasanya bahasa indigenus/kebangsaan sendiri adalah penapis dan penangkis yang kebal untuk melawan badai negatif globalisasi yang boleh menghancurkan nilai-nilai tradisi murni, dan unsur yang kental untuk menyemai rasa kekitaan, kemesraan dan kasih sayang sesama penuturnya demi perpaduan dan keharmonian. Bahasa kebangsaan adalah elemen utama yang mengungkap dan menunjangi pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa dalam acuannya sendiri yang akan menjamin perpaduan, kestabilan dan ketekalannya.

T
M
M
ke
A
da
ko
pe
pe

Isu dan Cabaran Terhadap Tamadun Melayu dan Pemerksaananya untuk Menjadi Asas Tamadun Malaysia Alaf Ketiga

Pengenalan

Objektif bab ini untuk mengenal pasti asas kekuatan masyarakat Melayu yang pernah membina pusat-pusat tamadun Melayu bertaraf dunia terutama di Melaka dan Aceh, dan gejala sosial yang buruk yang mencabar masyarakat Melayu kini, seterusnya dominasi dan hegemoni Barat dalam era globalisasi, dan akhirnya pengolahan strategi dan langkah memartabatkan kembali kekuatan Melayu yang akan menjadi asas kepada pembinaan sebuah tamadun Malaysia dalam alaf ketiga ini.

Asas penghujahan untuk memartabatkan kembali kekuatan Melayu ialah firman Allah s.w.t. (maksudnya): "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri" (Surah al-Ra'd: 5).

Oleh itu untuk mengubah dan membangunkan manusia dan masyarakat Melayu kini, maka amatlah penting kita menumpukan daya usaha kita untuk mengubah kelemahan dan keburukan yang ada pada diri kita.

Tamadun Melayu dalam Sejarah: Mengimbasi Kembali, Memupuk Yakin Diri dan Harga Diri

Melayu pernah membina sebuah tamadun bertaraf dunia pada abad ke-15, 16, 17 dan 18 dengan pusatnya bergerak daripada Melaka, ke Aceh dan Johor Riau, sebelum kecundang di tangan penjajah Inggeris dan Belanda. Tamadun Melayu silam ialah tamadun maritim-kosmopolitan. Ia telah membina golongan pedagang maritim Melayu, pentadbir Melayu, cendekiawan Melayu, teknokrat Melayu, pendakwah Melayu-Islam dan perwira Melayu yang tinggi daya saing,

dan daya usahanya, sehingga mampu mewarnai seluruh Alam Melayu teras dengan jolokan nama "Alam Melayu" atau "Kepulauan Melayu" (*The Malay World or the Malay Archipelago*) yang merangkumi kira-kira 200 kumpulan masyarakat bahasa yang berbeza-beza di kepulauan Asia Tenggara seperti Jawa, Sunda, Minang, Aceh, Batak, Melanau, Banjar, Bugis, Meranau, Sulu, dan lain-lain.

Seperti yang dipetik sebelum ini, pernyataan oleh Tom Pires pada 1512 dan Simon Elegant seorang sejarawan pada 1999, yang menulis tentang Melaka, dengan jelas menegaskan bahawa peradaban Melayu silam merupakan tamadun yang bersifat maritim, kosmopolitan dan global.

Tamadun Melayu sebagai Asas Pembentukan Tamadun Malaysia

Tidak syak lagi tamadun Malaysia yang dicita-citakan oleh negara bangsa Malaysia kini adalah kesinambungan daripada sejarah yang panjang dalam kemunculan dan pembentukan tamadun Melayu itu. Ini disebabkan seluruh wilayah kepulauan Asia Tenggara ini sesungguhnya telah diwarnai dan diberi jati dirinya oleh tamadun Melayu selama kira-kira 1,300 tahun, iaitu sejak tertubuhnya Empayar Melayu Srivijaya di Sumatera pada abad ke-7 Masihi. Negara bangsa Malaysia kini berkembang dalam suasana budaya dan tamadun Melayu yang diwarnai oleh sifat Melayu Islam, seharusnya diterima dan diakui oleh semua orang lebih-lebih lagi penduduk berbilang kaum, agama dan budaya.

Fakta demografi daripada banci penduduk yang terkini di Malaysia (2001) menunjukkan perangkaan berikut:

Jumlah penduduk:	23.27 juta	100%
Jumlah pemeluk Islam	14.05	60.4%
Jumlah pemeluk Buddha	4.47	19.2%
Jumlah pemeluk Kristian	2.13	9%
Jumlah pemeluk Hindu	1.46	6.27%
Jumlah pemeluk Konfusius	0.62	2.67%
Jumlah lain-lain	0.36	1.5 %
Jumlah pemeluk agama suku kaum	0.195	0.8%

Di Indonesia pula daripada jumlah kira-kira 200 juta penduduk, 88% adalah penganut agama Islam. Di Brunei juga majoriti penduduknya daripada pemeluk agama Islam. Agama Islam yang

tersebar di wilayah ini menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar penyampaian, penyebaran dan persuratannya sejak dahulu sehingga sekarang. Jelaslah seluruh wilayah kepulauan Asia Tenggara ini mempunyai landskap budaya yang diwarnai dan ditunjangi oleh agama Islam dan bahasa Melayu. Oleh sebab itu wilayah ini sejak hampir 1000 tahun dikenali dengan namanya yang termasyhur iaitu Kepulauan Melayu atau *the Malay Archipelago*. Penafian dan penolakan hakikat ini oleh penduduk yang berbilang kaum, budaya dan keturunan di wilayah ini boleh menjadi punca konflik antara penduduk asli dengan golongan atau keturunan pendatang di wilayah ini seperti yang kita saksikan sejak kebelakangan ini.

Peperatah Melayu dengan tegas menyatakan sebagai hukum alam yang mesti dipatuhi bahawa "Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung", iaitu manusia semestinya menyesuaikan diri dengan persekitaran alam dan juga budaya dia berada untuk mendapat keselamatan dan kesejahteraan dalam kehidupannya. Oleh yang demikian kesedaran dan penerimaan hakikat negara bangsa Malaysia kini dari segi politik, perundangan, perlembagaan, struktur kenegaraan dan pemerintahan adalah kesinambungan sejarah dan tamadun Melayu yang sudah wujud hampir 1,300 tahun yang lalu di rantau ini.

Malaysia yang mula-mula dibentuk sebagai Persekutuan Tanah Melayu (1957) berasaskan negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, dan kemudian merangkumi Sabah dan Sarawak di Pulau Borneo sebagai Persekutuan Malaysia (1963), merupakan entiti politik dan budaya hasil kesinambungan daripada sejarah penubuhan pusat-pusat tamadun Melayu sejak zaman Empayar Srivijaya hingga ke Melaka, Aceh, Johor Riau dan Brunei. Pembentukan perlembagaan Malaysia dengan Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan istimewa kaum Bumiputera, kedudukan Raja-Raja sebagai Raja berperlembagaan, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, dan Dasar Ekonomi Baru semuanya diasaskan pada hakikat sejarah dan landskap budaya dan tamadun Melayu yang berakar umbi di rantau ini sejak sekian lama.

Menyedari hakikat bahawa budaya dan tamadun Melayu adalah asas dan paksi kepada pembentukan dan pemantapan tamadun Malaysia yang dicita-citakan, adalah penting untuk kita memperkasakan kembali tamadun Melayu menggunakan agenda, strategi dan langkah yang jelas, praktikal dan berkesan. Tulisan ini akan cuba menghuraikan isu dan cabaran besar dan seterusnya mengemukakan haluan besar agenda Melayu demi memperkasakan kembali tamadun Melayu.

Pembinaan Semula Tamadun Melayu

Kalau dulu Melayu mampu menjadi satu kabilah dunia dan membina sebuah tamadun dunia yang bersifat kosmopolitan, maka tidak ada sebab mengapa Melayu kini tidak boleh sekali lagi membina kembali atau merekonstruksi tamadunnya supaya kita dapat bangun menjadi sebuah kabilah dunia pada alaf ini. Untuk itu kita perlu melihat apakah kekuatan Melayu yang telah menjadi asas pembinaan peradabannya ke taraf dunia.

Kekuatan Melayu Asasi

Seperti yang telah ditegaskan dalam Bab-bab terdahulu tiga kekuatan Melayu yang asasi mampu melahirkan manusia, masyarakat dan peradaban Melayu:

- (a) konsep Melayu sebagai entiti budaya (*cultural entity*) bukan entiti etnik, kaum, bangsa dan negara, yang boleh merangkumi pelbagai etnik, suku bangsa dan keturunan (India, Arab, Cina, Afrika, Cham, Jawa, Batak, Melanau, Meranau, Bugis, Banjar, dan lain-lain termasuk Kaukasian) asalkan semua itu tercerna dan terjelma di dalam tiga ciri teras Melayu (dengan itu telah masuk Melayu) iaitu berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat resam dan berbudaya Melayu ini menjadikan Melayu amat terbuka dan global
- (b) Kedinamikan budaya Melayu; sejarah peradaban Melayu telah membuktikan dengan jelas betapa dinamiknya budaya Melayu yang terletak di persimpangan jalan Timur dan Barat yang selama ribuan tahun sentiasa secara terbuka, proaktif dan mampu menyerap serta mengadaptasikan unsur-unsur positif dari luar demi pembangunan dan pengukuhanya, dari segi pendidikan, ilmu pengetahuan, teknologi dan peralatan yang menjadikan Melayu satu kabilah dunia yang global dan metropolitan
- (c) Kekuatan agama Islam anutannya; bahawa Melayu ditakdirkan Ilahi sebagai penganut agama Islam yang suci murni, benar dan kuat, yang diredayai Allah dan dijanjikan keselamatan dan kesejahteraan yang mutlak di dunia dan di akhirat, yang menjalinkan kelompok Melayu dengan pan-Islamisme sejagat dan menjadikan mereka pendakwah Islam secara global. Dengan menghayati al-Din al-Islam sepenuhnya (iman, ibadat, akhlak, ihsan, muamalat, muasyarat, munakahat) orang Melayu akan sentiasa berhubungan dengan kekuatan Ilahi; Pentadbir seluruh alam dan makhluk secara mutlak dan hak.

Ketiga-tiga asas kekuatan Melayu itu sesungguhnya telah menjadikan orang Melayu benar-benar sebuah kabilah dunia yang kosmopolitan dan global. Apabila ketiga-tiga kekuatan Melayu itu terhakis dan luntur akibat sebahagiannya oleh cengkaman dan dominasi penjajah Inggeris, Belanda dan Sepanyol selama ratusan tahun dan sebahagian yang lain disebabkan kelemahan dalamannya sendiri, maka kabilah Melayu menjadi sebuah ‘masyarakat yang terbantut’ (*truncated society*), terpinggir, hilang keyakinan diri, rendah daya saing, dan daya tahan. Melayu bertukar daripada kabilah yang mengharung samudera kepada kabilah petani, nelayan dan peniaga kecil yang kerdil dan tersisih (*from ruling the waves to toiling the lands*). Ratusan tahun penyisihan daripada arus perdana perkembangan perdagangan antarabangsa, kemajuan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dunia, masyarakat Melayu terus ketinggalan dan menjadi masyarakat yang lemah dan mudah dieksplotasi dan didominasi oleh golongan penjajah dan pendatang asing.

“Worldview” Melayu atau falsafah hidup Melayu

Tiga kekuatan Melayu di atas tadi ditunjangi oleh “worldview” atau pandangan alam semestanya iaitu falsafah hidupnya, yang menjadi asas pula kepada pembinaan peradaban Melayu Islam bertaraf dunia itu. Pandangan semesta Melayu atau falsafah hidupnya seperti yang dinyatakan pada Bab 3, boleh disimpulkan dalam enam bidang berikut:

1. Alam ini dilihat sebagai hasil ciptaan dan tadbiran Allah s.w.t. yang mencakupi alam arwah/primordial, alam dunia dan alam akhirat; alam akhirat ialah destini dan natijah muktamad daripada kehidupan di alam dunia.
2. Islam adalah panduan dari Allah sebagai al-din; mengandungi segala peraturan bagi segala aktiviti kehidupan di dunia untuk individu dan juga masyarakat demi pencapaian kejayaan hakiki mereka.
3. Keyakinan kepada Allah sebagai Tuhan semesta alam, dan kepercayaan kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya pembalasan yang buruk bagi amalan jahat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat.
4. Wawasan, misi, strategi dan operasi segala bidang kerja hendaklah sahih, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam tanpa kompromi, manipulasi, keingkaran dan penafian dari segi yang wajib, sunat, harus, haram dan makruh.

5. Nilai tertinggi dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhhlak mulia yang paling banyak memanfaatkan dirinya dan manusia yang lain.
6. Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, dan rohani; segala ilmu, pengetahuan, maklumat, kemahiran, teknologi, dan prasarana kehidupan di dunia adalah sebagai alat yang perlu dituntut dan diperoleh secara fardu kifayah demi membantu pembentukan insan Muslim, Mukmin dan Muhsin.

Falsafah hidup atau “worldview” inilah yang menjadi pendorong, penggerak, motivasi dan objektif kepada seluruh kegiatan hidupnya di dunia ini. Seandainya terdapat perubahan dan penghakisan ke atas unsur-unsur itu, maka dorongan dan motivasinya juga akan menyimpang ke arah lain seperti yang dicerminkan oleh gejala-gejala sosial yang buruk dalam masyarakat Melayu kini yang menjadi cabaran dan hambatan.

Hegemoni dan dominasi penjajah ke atas peradaban Melayu

Tidak syak lagi sebagai fakta sejarah, muslihat dan cengkaman penjajah Inggeris, Belanda dan Sepanyol telah menghancurkan kerajaan Melayu dan maritim Melayu. Peristiwa-peristiwa utama penjajahan Barat adalah seperti berikut:

- (i) 1511 Portugis menakluki Melaka
- (ii) 1570 Sepanyol menduduki Manila dan mengisyiharkan negara Filipina taklukannya, 1572-78 menakluki Cebu, Mindanao, Luzon, Jolo, dll.
- (iii) 1610 VOC Belanda membina gedung perdagangannya di Jakarta/Sunda Kelapa, dan pada 1619 menakluki Jakarta
- (iv) 1641 Belanda menakluki Melaka
- (v) 1786 Inggeris menakluki Pulau Pinang
- (vi) 1819 Inggeris menduduki Singapura dan mengambilnya terus pada 1823, menjadikannya pusat perdagangan maritim Asia Tenggara yang mengenakan pukulan maut ke atas perdagangan maritim antarabangsa Melayu; Melayu berubah daripada kabilah pedagang yang mengharung dan mengawal samudera kepada petani, nelayan dan peniaga kecil sara hidup yang kerdil
- (vii) 1824 Perjanjian London memecahkan Alam Melayu kepada dua iaitu Malaya dan Singapura kepada British, manakala Kepulauan

- Nusantara (kecuali Borneo Utara, Brunei dan Kepulauan Filipina) kepada Belanda
- (viii) 1874 Perjanjian Pangkor menandakan kemasukan kuasa Inggeris ke negeri-negeri Melayu
- (ix) 1896 Negeri-Negeri Melayu Besekutu (FMS) dibentuk oleh British berpusat di Kuala Lumpur melemahkan kuasa raja-raja Melayu
- (x) 1899 Belanda menguasai Aceh setelah berperang sejak 1873, pada tahun 1903 Sultan Aceh dan pahlawannya menyerah diri kepada Belanda, 1907 Sultan Aceh terakhir disingkir ke Ambon oleh Belanda
- (xi) 1909 Perjanjian Bangkok menyerahkan Patani kepada Siam manakala Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis kepada British
- (xii) 1913 Kesultanan Riau-Lingga dimansuhkan Belanda
- (xiii) 1900 – 1945/1957 zaman penjajahan total Belanda dan Inggeris di Indonesia dan Malaya yang mengaut dan mengeksplorasi sumber kekayaan aslinya sehingga tercapainya kemerdekaan kedua-dua negara itu.

Ciri-ciri Kekuatan dan Dominasi Tamadun Barat Kini

Tamadun Barat kini menjadi kuasa besar tunggal dunia dengan keruntuhan kuasa komunis Soviet Rusia pada tahun 1992. Teras tamadun Barat iaitu Amerika Syarikat, Britain dan Perancis membuat keputusan utama tentang hal ehwal politik dan keselamatan antarabangsa, manakala keputusan utama tentang isu-isu ekonomi antarabangsa pula dibuat oleh Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun. Ciri-ciri dominasi tamadun Barat kini adalah dalam aspek berikut (seperti yang telah dinyatakan juga dalam Bab 7)

1. Barat memiliki dan mengendalikan sistem perbankan antarabangsa dunia (IMF, World Bank, bank-bank gergasi multinasional)
2. Barat mengawal mata wang utama dunia, US Dollar pengukur nilai wang antarabangsa
3. Barat ialah pasar dan pelanggan barang utama dunia
4. Barat membekalkan kebanyakan daripada barang siap dunia
5. Barat mendominasi pasaran modal antarabangsa
6. Barat mendominasi kepimpinan moral dunia yang sentiasa perlu dirujuk oleh negara bangsa yang lain

7. Barat berkeupayaan melakukan campur tangan ketenteraan yang besar ke atas mana-mana negara bangsa, contohnya di Iraq
8. Barat mengawal laluan maritim antarabangsa dunia
9. Barat melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan teknikal (R & D) yang terkedepan di dunia
10. Barat terkedepan dalam sistem pendidikan sains dan teknologi dunia dan mengawalnya
11. Barat mendominasi akses ke ruang angkasa dunia
12. Barat mendominasi industri aeroangkasa dunia
13. Barat mendominasi industri, sistem dan kandungan media komunikasi dan hiburan dunia yang menyemai nilai-nilai budaya falsafah dan pemikiran mereka secara global
14. Barat mendominasi industri senjata teknologi tinggi dunia
15. Barat mendominasi sistem operasi dan perisian komputer dunia
16. Barat mendominasi bahasa komunikasi luas dunia terutamanya bahasa Inggeris iaitu bahasa peradaban inti Barat

Amerika Syarikat (AS) sebagai tamadun teras Barat kini mendahului negara-negara lain di dunia dalam pelbagai bidang kira-kira 20 tahun ke hadapan kerana beberapa faktor, iaitu:

1. mendahului bidang teknologi
2. memiliki sifat keusahawanan yang tinggi
3. suasana perdagangan yang kondusif/menggalakkan
4. setiap lapisan rakyat jelatanya digalakkan membuat eksperimen dan inovasi (Bill Gates (Microsoft), Michael Dell (Dell Computers) bermula daripada kosong)
5. membenarkan tenaga muda dalam organisasi bersuara dan memimpin jika berupaya
6. berjaya memupuk dan memanfaatkan akal fikiran tenaga muda yang aktif dan produktif untuk kemajuan organisasi dan komuniti.

Hakikat Kejayaan, Kemajuan dan Kecemerlangan

Namun, dominasi Barat kini tidak semestinya mengesahkan mereka lah paling berjaya, kerana kejayaan hakiki bukan terletak pada ciri-ciri luaran atau zahiriah. Sebaliknya kejayaan manusia terletak padanya sendiri, seperti yang diimplikasikan oleh ayat 5 Surah al-Ra'd di atas. Oleh itu kejayaan manusia boleh disimpulkan seperti berikut: Bahawa kemajuan, kejayaan dan kecemerlangan bagi manusia ialah pergerakan dan perubahan daripada insan haiwani dengan segala sifat mazmumah iaitu rakus, buas, tamak, angkuh, hasad dendki, boros, egoistik, ingkar,

dan fasik kepada insan akali (manusia yang dikawal sepenuhnya oleh hati budinya atau akal dan kalbunya) dengan segala sifat mahmudah iaitu berhemah tinggi, baik hati, amanah, cekap, raja, positif, adil, berani, penyayang, bijaksana dan taat dengan hati dan anggotanya yang tunduk kepada Allah.

Berdasarkan kriteria kejayaan ini, dominasi tamadun Barat itu tidak lebih daripada cengkaman mereka ke atas dunia sejagat termasuklah dunia Islam, melalui proses globalisasi, menggunakan segala kekuatan teknologi, ekonomi, pendidikan, maklumat, media dan publisiti untuk terus-menerus mempengaruhi mentaliti kita tentang betapa perkasa dan tersohornya mereka itu. Oleh itu pembentukan strategi untuk menangkis aspek negatif tamadun Barat dan memanfaatkan aspek positifnya, menjadi amat penting bagi kita.

Strategi Menangani Unsur Negatif Globalisasi dan Memanfaatkan Unsur Positif

Gejala globalisasi kini kebanyakannya adalah penyebaran dan penyerapan unsur-unsur dominasi tamadun Barat seperti yang dihuraikan di atas, tanpa banyak kawalan dan tapisan oleh masyarakat tempatan yang mengangkat kedudukan mereka dan melemahkan lagi masyarakat tempatan.

Untuk menangkis dan menangani unsur negatif globalisasi dengan berkesan dan mengambil manfaat daripada unsur positifnya, maka dua strategi harus dilakukan oleh orang Melayu:

- (1) Mengenal pasti apakah kelemahan dalam diri orang Melayu kini
- (2) Mengolah langkah dan kaedah mengatasi kelemahan itu melalui program pembangunan yang amali sebagai haluan besar agenda Melayu ke arah pembinaan sebuah peradaban Melayu bertaraf dunia

Kelemahan Melayu Kini

Walaupun sudah mencapai kemerdekaan (1945/1957) kerajaan dan negara Melayu di Nusantara telah mengalami ratusan tahun trauma cengkaman penjajahan. Negara-negara itu telah mewarisi suasana pembantutan peradaban (*truncated civilization*) yang meminggir, menyisih dan melunturkan yakin diri, daya tahan, golongan pedagang, pentadbir, cendekiawan, dan sumber daya manusia Melayu (bahkan sesetengahnya terus pupus seperti komuniti pedagang

maritim Melayu). Gejala ini diburukkan lagi oleh beberapa pengaruh negatif penjajah dan peradaban Barat dulu dan kini.

Kedua-dua faktor itu telah mengakibatkan gejala sosial yang buruk (seperti yang dikemukakan oleh Prof. Dr. M. Kamal Hassan, 1996:233, yang telah dinyatakan dalam Bab 4), sebagai cerminan daripada hati budi Melayu yang lemah dan lesu yang telah melunturkan enam ciri pandangan alam semesta atau falsafah hidupnya yang asas (yang telah dihuraikan di atas). Gejala-gejala sosial yang buruk itu telah disimpulkan dalam bab 4, dan diperturunkan di sini isi-isi utamanya seperti berikut:

1. Pegangan dan amalan hidup yang liberal-sekular-materialistik
2. Gaya hidup menunjuk-nunjuk dan berlagak
3. Sindrom politik wang
4. Sindrom kelemahan unsur moral
5. Amalan hamba-tuan atau penaung-pelanggan
6. Gejala lepak dan delinkuen juvana
7. Sindrom mediokriti/rendah pencapaian
8. Sindrom pergantungan
9. Ketakutan kepada matematik-sains
10. Kecenderungan untung segera
11. Nilai rendah terhadap masa
12. Orientasi akhirat keterlaluan
13. Kepercayaan tahuyl
14. Gejala fitnah dan umpatan
15. Amalan ajaran sesat

Tiga haluan besar dalam agenda Melayu ke arah pembinaan sebuah peradaban Melayu bertaraf dunia alaf ketiga.

Dengan meneliti kelemahan dan kelesuan di kalangan orang Melayu dan masyarakatnya dan kekuatan, dominasi serta hegemoni masyarakat dan tamadun lain secara global kini terutamanya Barat (dan kini negara China, Taiwan, Singapura), strategi harus diolah untuk memartabatkan kembali kedudukan Melayu dan tamadunnya.

Strategi itu boleh terdiri daripada tiga dimensi kegiatan yang berikut:

1. Memantapkan hati budi Melayu ke arah pembentukan insan yang baik iaitu insan Muslim, Mukmin dan Muhsin
2. Memantapkan budaya ilmu, sains dan teknologi orang Melayu berasaskan nilai rasional, saintifik, etika, moral dan akhlak yang mulia

3. Memantapkan asas organisasi dan operasi (pemerintahan, pentadbiran, perundangan dan penghakiman, perekonomian, perdagangan, pendidikan, kebajikan, perhubungan, pengangkutan, perumahan, kesihatan, penjaringan, prasarana, dan lain-lain) bagi Melayu setempat, sewilayah dan sejagat ke arah pembinaan kelompok Melayu sebagai kabilah dunia yang juga berdasarkan etika, moral dan akhlak yang mulia.

Strategi yang pertama itu adalah asas dan prasyarat kepada kejayaan dan pencapaian strategi berikutnya. Tanpa pencapaian dan pemapanan strategi yang pertama itu, sebarang daya usaha, kegiatan dan curahan tenaga serta wang ringgit yang banyak sekalipun untuk memenuhi dua strategi selepas itu (seperti yang dilakukan kini) tidak akan dapat melahirkan sebuah peradaban Islam yang benar-benar dicirikan oleh enam unsur "worldview" atau falsafah hidup Islam di atas tadi. Kesedaran tentang hakikat pembangunan demikian tidak benar-benar ditonjolkan dan diutamakan sehingga kini. Dalam Wawasan 2020 barangkali Cabaran Keempat iaitu "mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika" boleh dianggap sebagai strategi ke arah pemberian hati budi. Tetapi ia hanyalah sebahagian daripada strateginya dan itu pun yang keempat, bukannya utama yang sepatutnya menjadi asas kepada seluruh strategi lain.

Strategi pertama itu meletakkan hati budi sebagai objektif tumpuannya. Apa yang ada dalam hati budi itulah sebenarnya menjadi apa yang ada pada diri seseorang yang perlu diubah sebelum kaumnya dapat diubah. Ini disebabkan hati budi ialah tempat letaknya Islam, iman dan ihsan yang akan melahirkan manusia Muslim, Mukmin dan Muhsin, iaitu manusia yang diakui kejayaannya oleh Allah s.w.t. Seandainya hati budi itu tidak diisi dengan Islam, iman dan ihsan secara kukuh, akan terseraplah ke dalamnya unsur-unsur bertentangan dengan enam unsur falsafah hidup Islam, seperti yang dicerminkan oleh 15 gejala sosial buruk di atas.

Oleh itu dalam tulisan ini hanya dimensi pertama akan didalami dan dimensi kedua akan disentuh sahaja kerana selain daripada kekangan masa dan ruang, inilah juga dimensi yang menumpukan unsur-unsur yang ada pada diri orang Melayu iaitu di dalam akal budinya yang perlu diubah sebelum terubah apa yang ada pada kaumnya seperti difokuskan oleh dimensi ketiga itu.

Berikut ini dimensi kedua akan disentuh terlebih dahulu secara ringkas sahaja, kemudian diikuti pula oleh dimensi pertama secara mendalam kerana, seperti yang ditegaskan, dimensi pertama adalah apa yang ada pada diri kita yang perlu diubah terlebih dahulu.

Memantapkan Budaya Ilmu, Sains dan Teknologi Orang Melayu

Ilmu dalam pegangan dan amalan Islam tidak pernah dibahagikan kepada ilmu dunia dan ilmu akhirat atau ilmu sekular dan ilmu agama. Apa yang ada ialah ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah.

Ilmu fardu ain ialah ilmu yang diperlukan oleh setiap individu untuk memantapkan dirinya dalam pegangan dan amalan rukun Islam yang lima, rukun iman yang enam, dan memantapkan akhlaknya, muasyaratnya (perhubungan sosial), muamalatnya (perhubungan budaya) dan munakahatnya (berkahwin dan berkeluarga).

Ilmu fardu kifayah pula ialah segala ilmu, pengetahuan, dan kemahiran demi melakukan kegiatan, amal ibadat, dan tindakan bagi memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat secara umum. Kedua-dua ilmu itu akan mempunyai nilai yang tinggi apabila dilakukan demi mendapat keredaan Allah dan dengan cara yang selari dengan kehendak syariat Islam. Oleh itu sifat semua ilmu dalam Islam adalah bersepada atau berintegrasi iaitu dicirikan dengan nilai tauhid demi memanfaatkan kehidupan di dunia ini dalam persediaan menuju ke alam akhirat yang kekal abadi selama-lamanya.

Sebagai langkah mengoperasikan gagasan budaya ilmu, sains dan teknologi Melayu yang bersifat tauhid seperti itu, maka empat strategi berikut boleh dilakukan terutamanya oleh badan-badan kerajaan dan juga swadaya (NGO):

1. Menyampaikan segala ilmu fardu ain kepada semua anak bangsa Melayu lebih-lebih lagi mereka yang di bangku sekolah, institusi pengajian tinggi dan juga di pejabat, syarikat dan kilang (secara wajib dari sudut kerajaan). Penyampaiannya harus menekankan aspek kelebihan, kegembiraan (fadilat bukan ancaman), amali dan pengalaman (bengkel, seminar, khemah ibadah di masjid dan di kem latihan, kelas amali, dan sebagainya) bukan berbentuk kuliah dan statik. Penghargaan dan pengiktirafan penguasaan ilmu itu harus diberikan sewajarnya.
2. Menyemai dan memupuk pandangan semesta Islam berteraskan tauhid dalam semua ilmu pengetahuan seperti yang dilakukan dengan pesat kini melalui gagasan dan proses islamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*).
3. Memupuk dan menyuburkan penerokaan ilmu, sains dan teknologi ke barisan hadapannya (*to the frontiers of knowledge*) melalui kaedah:

- (i) Memperuntukkan pelaburan dana dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (R & D) dengan peratusan yang terbesar dalam belanjawan kerajaan. Ini kerana seperti yang ditegaskan oleh ramai pakar penelah masa depan (*futurists*), ilmu kini merupakan sumber utama dalam pembangunan masyarakat mengatasi sumber modal dan buruh. "*In the post-industrial world knowledge and information become the strategic and transforming resources of the society, just as capital and labour were the strategic and transforming resources of industrial society. It is almost a truism to say that we [now] live in a knowledge economy*" (Bell, Daniel, 2001:46,59), "*The world is becoming not labour intensive, not material intensive, not energy intensive, but knowledge intensive... The knowledge society requires that all its members be literate, not just reading, writing, and arithmetic, but also in (for example) basic computer skills and political, social, and historical systems. And because of the vastly expanding corpus of knowledge, it requires that its members learn how to learn*" (Drucker, Peter, 1992:267,269).
- (ii) Menekankan pengkhususan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang strategik kini iaitu mikroelektronik, telekomunikasi, bioteknologi, bahan-bahan baru, sains penerangan dan robotik. (Di Amerika Syarikat kini ada 1.5 juta pakar pemprogram komputer iaitu jumlah nasional terbesar di dunia dan merupakan lapangan kerja terbesar)
- (iii) Menyediakan dan melengkapkan segala sumber strategik untuk melaksanakan rancangan penyelidikan dan pembangunan bidang khusus dan strategik itu, misalnya dana mencukupi, guru dan jurulatih mahir, peralatan dan prasarana terkini, institusi dan organisasi yang cekap di samping bilangan pelajar dan pelatih yang mencukupi dan bermotivasi tinggi.
4. Menyemai, memupuk dan membangunkan semangat, iltizam dan motivasi yang tinggi di kalangan anak muda dan pelajar Melayu demi meningkatkan daya saing, daya tahan, dan daya kreativiti melalui program latihan dan pembelajaran yang mesra pelajar dan mesra belia. Kini isu kegagalan pelajar lelaki Melayu semakin ketara. Di sekolah-sekolah menengah di Lembah Klang kelas-kelas tercorot dipenuhi pelajar-pelajar lelaki Melayu yang tidak berminat untuk belajar dan para guru juga tidak berupaya untuk mengajar mereka. Kebanyakan mereka terlibat dalam pelbagai kes dilinkuen juvana. Mengikut Peter Drucker (*Ibid.:268*) kaedah

pengajaran kini yang berasaskan pembelajaran buku (membaca dan menghafal fakta dari buku, penguasaan konsep secara teori, latihan dan peperiksaan secara bertulis berasaskan buku semata-mata) sebenarnya sesuai untuk orang dewasa tetapi tidak mesra bagi golongan kanak-kanak dan belia. Oleh itu dicadangkan kaedah pembelajaran secara praktikal dan "hands-on" di lapangan kerja hendaklah diperbanyakkan, kegiatan amali dan aplikasi sama ada dalam proses pembelajaran mahupun dalam kerja penilaian dan peperiksaan hendaklah ditekankan. Ringkasnya pelajar-pelajar yang terdiri daripada golongan kanak-kanak dan belia iaitu fasa pertumbuhan fizikal yang amat aktif, hendaklah dimanfaatkan potensi keaktifan fizikal itu semaksimumnya.

Memantapkan Hati Budi Melayu

Kejayaan strategi dan program pemantapan budaya ilmu, sains dan teknologi dan pemantapan organisasi operasi masyarakat Melayu bergantung sepenuhnya kepada kesediaan hati budinya, iaitu hati budi yang dipenuhi Islam, iman dan ihsan dan melahirkan para Muslim, Mukmin dan Muhsin. Orang Muslim, Mukmin dan Muhsin ialah golongan yang akan membentuk, dan menggerakkan segala perancangan, operasi, prinsip, dan segala prasarana itu mengikut lunas-lunas falsafah hidup Islam. Bahkan segala perancangan, sistem, organisasi, operasi dan prasarana itu akan menjadi bermakna dan mustahak apabila ianya menjadi unsur-unsur pelengkap kepada proses pembentukan peribadi Muslim, Mukmin dan Muhsin, dan bukan sebaliknya menjadi unsur penghalang pula. Inilah sebenarnya hakikat pernyataan bahawa matlamat bagi peradaban Islam bukan kemajuan sains dan teknologi tetapi kemantapan diri manusia iaitu hati budinya.

*The goal of Islamic civilization have never been scientific and technological progress, but rather perfection of the human soul.
(Murata, Sachiko, & William Chittick, 1994:331)*

Seperti yang telah dihuraikan juga dalam Bab 4, hati budi ialah tempat letaknya Islam, iman dan ihsan yang membuatkan niat, motivasi, maksud dan tujuan yang sahih bagi segala perlakuan dan perbuatan yang baik yang dibuat semata-mata untuk mendapat keredaan Allah. Hati ialah raja dalaman yang berkuasa sepenuhnya ke atas diri manusia, dan hatilah yang mengarah dan mendorong segala tindak tanduk dan perlakuan manusia. Melalui akal dan ilmu seseorang akan memperoleh pengetahuan, misalnya mengetahui bahawa merokok, menagih dadah, minum arak, melakukan hubungan seks secara

rambang adalah haram, mendatangkan penyakit dan membahayakan kesihatan tubuh badan. Namun, kalau hati tetap mahu perlakuan itu akan dilakukannya juga.

Oleh itu hati atau kalbu, iaitu anggota manusia yang bersifat rohaniah, seperti yang telah ditegaskan dalam Bab 4, ialah bahagian asasi yang perlu ditumpukan segala usaha dan proses pembinaan dan pembangunan seorang Muslim, Mukmin dan Muhsin, yang menjadi kunci dan asas pula bagi pembinaan sebuah masyarakat, negara dan peradaban Islam. Inilah yang diisyaratkan oleh al-Quran Surah al-Ra'd, ayat 5 di atas, dan juga sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang menegaskan dalam diri manusia ada seketul hati atau kalbu, jika ia baik maka baiklah manusia itu, jika ia jahat maka jahat jugalah manusia itu.

Seperti yang telah ditegaskan dalam Bab 4, ramai orang yang mengetahui dan menyedari keutamaan dan fungsi hati tetapi tidak ramai yang menganjurkan kaedah dan cara bagaimana hendak memasukkan iman dan ihsan ke dalamnya. Berikut ini dibahaskan kaedah dan langkah untuk melaksanakan proses ini.

Sesungguhnya hati terletak di bahagian dalaman diri manusia, tetapi pintu dan saluran yang membawa masuk apa saja ke dalamnya terletak di bahagian luaran. Apa sahaja yang masuk melalui pintu saluran itu akan memenuhi, seperti satu bekas yang disambungkan dengan beberapa saluran, maka apa sahaja yang memasuki pintu dan saluran itu akhirnya akan memenuhi bekas itu.

Seperti yang telah ditegaskan dalam Bab 4, empat anggota luaran manusia yang disambungkan dengan hati ialah:

1. mata yang memandang
2. lidah yang bercakap
3. telinga yang mendengar
4. otak dan minda yang berfikir

Melalui penggunaan empat anggota itu iaitu segala kebesaran yang dituliskan, didengar, dilihat dan difikirkan, maka nilai dan harga yang tinggi tentang perkara itu akan memenuhi hatinya.

Dengan meneliti 15 gejala sosial buruk yang memenuhi hati budi Melayu kini, dapatlah ditelah apakah yang disanjung tinggi oleh pandangan matanya, percakapannya, pendengarannya dan buah fikirannya. Perkara-perkara itu boleh disimpulkan ke dalam tiga pokok yang telah pun disebut oleh Rasulullah s.a.w., yang bermaksud "cinta akan harta, cinta akan kemegahan, cinta akan dunia." Inilah yang menimbulkan gejala sosial liberal-sekular-materialistik, menunjuk-nunjuk, berlagak, politik wang, kelemahan unsur moral, amalan tuan-

hamba, untung segera, fitnah dan umpatan. Bagi mereka yang tersisih daripada "persaingan sengit" itu, maka timbul gejala pelarian (*escapism*) iaitu lepak, pembaziran masa, ketagihan dadah, dilinkuen juvana, sindrom pergantungan, ajaran sesat, luntur daya juang dan daya tahan untuk menguasai sesuatu yang dianggap sukar contohnya persaingan sengit dalam dunia industri, perdagangan, matematik, sains dan teknologi, dan lain-lain.

Seperti yang telah ditegaskan dalam Bab 4, persoalan paling penting dan mendesak ialah bagaimana kita dapat menjalankan strategi dan program yang praktikal, mudah dan bersifat umum bagi mengeluarkan 15 perkara yang mengisi hati kalbu dan akal budi orang Melayu Islam itu dan mengantikannya dengan Islam, iman dan ihsan. Walaupun strategi dan program itu dari segi pokok persoalan nampaknya begitu besar, namun, strategi dan program yang sama telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas pemeluk agama Islam terawal selama 13 tahun pada zaman Makkah sebelum berhijrah ke Madinah. Oleh yang demikian zaman Makkah itu dinamakan juga sebagai zaman penyemaian dan pemantapan iman dan ihsan ke dalam hati kalbu generasi awal Islam itu sehingga iman dan ihsan begitu kukuh mereka dapat melaksanakan keseluruhan ajaran dan amalan agama Islam secara sempurna apabila berhijrah ke Madinah.

Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 4, ada tiga strategi utama yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w dan para pengikut agama Islam terawal itu yang telah dapat mengisi hati kalbu dan akal budi mereka dengan Islam iman, dan ihsan yang kental dan unggul dengan itu membolehkan mereka mengamalkan ajaran dan amalan Islam sepenuhnya.

Tiga strategi utama itu ialah:

1. amalan dan kegiatan mengajak manusia kepada Islam, iman dan ihsan sambil mengamalkan dan menghayatinya sendiri, yang dinamakan amalan dakwah
2. berusaha dengan sekuat-kuat kebolehan melalui penggunaan dan pengorbanan harta benda, masa, tenaga, akal fikiran, perasaan jika perlu nyawa sendiri dalam usaha mengajak manusia kepada Islam, iman dan ihsan, yang dinamakan amalan bermujahadah
3. amalan doa, tawajuh, tawakal, tabah, sabar dan pengharapan sepenuhnya kepada Allah s.w.t. dalam melaksanakan kedua-dua perkara di atas.

Seperti juga yang dinyatakan dalam Bab 4 di dalam al-Quran ulama mendapat lebih daripada 60 ayat yang mengandungi seruan untuk melaksanakan usaha mengajak manusia kepada Islam, iman dan

ihsan iaitu dakwah. Antara ayat itu telah pun diperturunkan dalam Bab 4.

Begitu juga terdapat banyak hadis Rasulullah s.a.w. yang menyeru umat Islam mendakwahkan manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran. Antaranya telah pun diperturunkan dalam Bab 4.

Dalam sejarah awal Islam, seperti yang juga telah dinyatakan dalam Bab 4, apabila Sayidina Abu Bakar r.a. menerima Islam sesudah Khadijah, Ali dan Zaid r.a., beliau terus berjumpa dengan beberapa orang sahabatnya iaitu Uthman bin Affan, Abu al-As bin Umayya, al-Zubayr bin al-Awwam, Abd al-Rahman bin Auf, Sa'ad bin Abu Waqas, dan Talha bin Ubaidullah untuk menyeru mereka kepada Islam dan membawa mereka itu kepada Rasulullah s.a.w. untuk diislamkan. Demikian juga pemeluk agama Islam awal yang lain apabila mereka menerima Islam, mereka terus mendakwahkan Islam kepada orang lain.

Seperti yang dinyatakan dalam bab 4, apabila seseorang Islam mengajak dan mendakwahkan manusia kepada Islam, iman dan ihsan sambil diri sendiri menghayatinya, maka seluruh empat saluran yang berhubungan dengan hati kalbunya iaitu ucapannya, pendengarannya, penglihatannya dan akal fikirannya terus menerus berfungsi dan bertindak. Sebanyak mana, selama mana dan sekutu mana dia terus-menerus menjalankan usaha dakwah kepada Islam, iman dan ihsan itu, maka sebanyak dan sekutu itulah Islam, iman dan ihsan akan masuk melalui saluran itu ke dalam hatinya.

2. Amalan Bermujahadah

Amalan bermujahadah ialah kegiatan dan usaha bersungguh-sungguh dengan penggunaan dan pengorbanan benda dan perkara yang amat dicintai iaitu harta benda, pangkat, masa, tenaga, akal fikiran, perasaan, dan jika diperlukan nyawa sendiri, yang digunakan mengikut kadar kemampuan masing-masing, dalam mendakwahkan manusia dan menegakkan Islam, iman dan ihsan. Seperti yang telah ditegaskan dalam Bab 4, inilah yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan kumpulan generasi awal Islam, seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran (maksudnya):

Bahkan Rasul dan orang-orang beriman yang bersertanya, bermujahadah dengan harta benda mereka dan diri mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat kebaikan (*khairat*), dan mereka itulah juga yang berjaya (*muflihun*).

(Surah al-Taubah: 88)

Orang-orang yang beriman dan berhijrah dan bermujahadah di jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka, adalah tertinggi darjat mereka ('azamu darajatan) di sisi Allah. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya (*al-fa'izun*). Mereka digembirakan oleh Tuhan mereka dengan pemberian rahmat daripada keredaan-Nya dan syurga-Nya di dalamnya nikmat kesenangan yang kekal. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah menyediakan di sisi-Nya pahala yang besar (bagi mereka yang demikian itu).

(Surah al-Taubah: 20-22)

Kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kamu bermujahadah di jalan Allah dengan harta benda kamu dan diri kamu; yang demikian itulah lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikatnya yang sebenar). Dan lagi (dikurniakan Allah) apa yang kamu sukai iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat. Dan sampaikanlah berita gembira ini kepada para mukmin.

(Surah al-Saff: 11, 13)

Hati atau kalbu yang sudah penuh dengan kebesaran dan kehebatan selain daripada Islam, iman dan ihsan adalah sukar untuk menerima ketiga-ketiga itu. Hati yang sudah dipenuhi dan dibelenggui oleh kehebatan keduniaan, kebendaan, hartakekayaan, kemewahan, pangkat, kedudukan dan kekuasaan mengakibatkan kurangnya atau hilangnya yakin kepada hari kematian, kebangkitan, hisab dan pembalasan di akhirat, amat susah untuk dimasuki Islam, iman dan ihsan sepenuhnya.

Hati ialah bekas yang hanya boleh mengandungi satu aspek sahaja daripada dua aspek yang bertentangan; syirik tidak akan bersatu dengan tauhid, cinta dan kehebatan kepada kebendaan dan keduniaan tidak akan bersatu dengan kehebatan kepada akhirat, yakin tidak akan bersatu dengan syak dan waswas, tamak haloba, hasad dengki, tipu muslihat, rasuah dan penyelewengan tidak akan bersatu dengan akhlak yang mulia yang membawa kasih sayang, kemurahan hati, keadilan dan keikhlasan, kesederhanaan, ketenangan dan ketenteraman.

Seperti yang diuraikan dalam bab 4, hikmah daripada bermujahadah dengan harta benda dan diri sendiri iaitu mencakupi akal fikiran, masa, perasaan, kedudukan, pangkat dan sebagainya ialah supaya dapat mengikis rasa kehebatan dan kecintaan yang amat sangat terhadap perkara-perkara itu yang telah memenuhi dan membelaenggui hati sanubarinya. Dengan itu barulah akan masuk kebesaran dan kehebatan kepada Allah, kepada Islam, kepada iman dan kepada ihsan.

Selagi perkara-perkara yang amat disayangi dan dijulang tinggi itu memenuhi hati sanubarinya, maka kehebatan dan kecintaan yang sebenar-benarnya kepada Allah, kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada Islam, Iman dan ihsan tidak akan berlaku. Seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran, yang telah disebut dalam bab 4, iaitu (maksudnya):

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebaikan (kebaktian yang sempurna) sebelum kamu mendermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi...

(Surah Ali `Imran: 92)

Katakanlah (wahai Muhammad kepada orang mukmin), "Jika bapa kamu, anak kamu, saudara-mara kamu, pasangan kamu, kaum keluarga kamu, harta benda yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah kediaman yang kamu gemari – jika semunya itu menjadi perkara yang lebih kamu cintai daripada Allah, Rasul-Nya dan bermujahadah di jalan-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (iaitu azab seksanya), kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang ingkar (*fasiq*).

(Surah al-Taubah: 24)

Oleh yang demikian kaedah dan strategi yang kedua ini iaitu bermujahadah untuk menyebar dan menegakkan Islam, iman dan ihsan dengan harta benda dan diri sendiri, telah dianjurkan oleh Islam untuk memasukkan kebesaran, kehebatan dan kecintaan kepada Allah, kepada Rasulullah, kepada Islam, iman dan ihsan.

3. Amalan Doa, Tawakal dan Tawajuh Kepada Allah

Strategi dan kaedah yang ketiga seperti yang telah dihuraikan dalam bab 4, ialah senantiasa berdoa, bertawajuh (penumpuan), bertawakal, memohon dan mengharap hanya kepada Allah untuk pertolongan di dalam usaha menyebar dan menegakkan Islam, iman dan ihsan dan juga dalam bermujahadah di jalan Allah. Inilah yang dianjurkan al-Quran seperti yang termaktub di dalam ayat-ayat yang telah pun diperturunkan dalam Bab 4.

Sifat ketakwaan akan terbina dalam diri seseorang melalui amalan doa, tawajuh, tawakal dan pengharapan sepenuhnya kepada Allah, dan telah termaktub di dalam al-Quran bahwasanya Allah akan bersama-sama (membantu dan melindungi) orang-orang yang bertakwa. Ayat-ayat itu telah diperturunkan dalam Bab 4.

Juga, seperti yang dihuraikan, doa, tawajuh dan tawakal kepada Allah pada hakikatnya adalah usaha seorang hamba yang lemah yang sentiasa memujuk rayu, meminta dan memohon kepada Rabbnya iaitu Tuhan Pencipta, Pelindung dan Pembimbingnya yang mengasihi hamba-Nya tujuh puluh kali lebih mendalam daripada kasihnya seorang ibu kepada anaknya. Ayat al-Quran tentang itu telah diperturunkan dalam bab 4.

Asbab Hidayat

Sesungguhnya, amalan-amalan dakwah, mujahadah, doa, tawajuh dan tawakal kepada Allah merupakan asbab yang boleh menarik hidayat daripada Allah, seperti yang diisyaratkan oleh ayat-ayat al-Quran yang telah diperturunkan dalam bab 4. Pada hakikatnya, sesuatu amalan yang baik tidak dapat dilakukan melainkan dengan hidayat dan petunjuk daripada Allah semata-mata. Hidayat Allah akan turun bila ada orang yang dahaga akan hidayat, sepertilah susu si ibu akan keluar bila ada si anak yang dahaga akannya. Melalui tiga amalan itu suasana kedahagaan kepada hidayat akan wujud.

Amalan dakwah dan mujahadah adalah usaha untuk menarik makhluk kepada Allah, manakala amalan doa, tawajuh dan tawakal adalah usaha untuk memujuk dan merayu Allah kepada makhluknya.

Amalan dakwah, mujahadah, doa, tawajuh dan tawakal sesungguhnya merupakan prinsip, strategi dan amalan yang pernah dilaksanakan oleh para pembina dan penegak tamadun Melayu Islam di seluruh Kepulauan Melayu pada peringkat awalnya dan zaman-zaman berikutnya.

Para pendakwah Islam dari Timur Tengah dan India dan dikuti pula oleh sebarisan para pendakwah Melayu, seperti yang telah dihuraikan dalam Bab 4, telah meletakkan asas yang kukuh bagi pembinaan dan pemapanan masyarakat dan tamadun Islam di Alam Melayu. Melalui kegigihan usaha mereka, mujahadah dan pengorbanan mereka serta doa, tawajuh dan pengabdian mereka, Islam telah meresap masuk ke dalam masyarakat dan negara bangsa rumpun Melayu di seluruh pelosok Kepulauan dan Alam Melayu.

Tokoh-tokoh awal pendakwah dan penegak agama Islam di Alam Melayu, seperti yang dihuraikan dan Bab 4, nampaknya datang daripada Timur Tengah, dimulakan dengan golongan Syiah pada akhir kurun ke-7 dan pada awal kurun ke-9 yang telah sampai di Perlak dan mengislamkan penduduk Perlak dan seterusnya menubuhkan negeri Islam pertama di Perlak. Walau bagaimanapun pengaruh Syiah merosot dengan kedatangan para pendakwah *ahl Sunnah wa al-Jemaah*,

seperti Maulana Syeikh Ismail yang diutuskan oleh Syarif Mekah dan sampai di Perlak serta mengislamkan penduduknya dengan rajanya bernama Merah Silau yang dislamkan bergelar Malik al-Zahir (meninggal tahun 1297). Namun ada juga riwayat yang menyebut tentang seorang ahli sufi Arab yang bernama Sheikh Abdullah Arif yang telah sampai dan mendakwahkan penduduk di kawasan ini kepada Islam seratus tahun lebih awal iaitu 1111 atau 1165. Beliau telah menulis sebuah kitab tasawuf dalam bahasa Arab, *Bahr al-Lahut* yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu di Melaka pada zaman Kesultannya.

Para pendakwah dan penegak Islam utama di Alam Melayu yang telah berjasa melalui hidayat Allah, telah melahirkan masyarakat, negara dan pusat-pusat peradaban Melayu Islam di sepanjang zaman, boleh dikelompokkan ke dalam lima gelombang pergerakan, seperti yang dinyatakan dengan panjang lebar dalam bab 4, iaitu:

- (1) Gelombang pertama: kurun pertama Hijriyah (ke-7 Masihi) hingga ke-6 H (ke-12 M) ditandai oleh kedatangan rombongan orang Islam dan misi-misi pendakwah daripada Timur Tengah dan India
- (2) Gelombang kedua: kurun ke-6 H (ke-13 M) hingga ke-10 H (pertengahan ke-16 M) ditandai oleh kedatangan misi-misi pendakwah bermazhab Syafie dibantu oleh para pendakwah keturunan mereka yang dilahirkan di Alam Melayu
- (3) Gelombang ketiga: kurun ke-10 H (akhir ke-16 M) hingga ke-12 H (pertengahan ke-18 M) ditandai oleh kegiatan yang dijalankan oleh para pendakwah tempatan kelahiran Melayu sendiri dengan bantuan pendakwah daripada Timur Tengah dan India
- (4) Gelombang keempat: kurun ke-12 H (akhir ke-18 M) hingga ke-14 H (pertengahan ke-20) ditandai oleh kebangkitan semula Islam dengan gerakan Salafiyah
- (5) Gelombang kelima: kurun 14/15 H (akhir ke-20 M) hingga sekarang ditandai oleh peranan utama yang dimainkan oleh para reformis kontemporari yang tersepuh dengan pendidikan Barat tetapi mengekalkan nilai-nilai murni Islam dan penuh yakin dengan kewibawaannya

Untuk melaksanakan strategi yang ketiga dalam haluan besar agenda Melayu, tanggungjawab utama terletak pada bahu para pemerintah sebagai amanah yang pasti akan disoal di akhirat nanti, seperti yang diisyaratkan oleh al-Quran (Surah al-Hajj:41) maksudnya:

Iaitu (mereka) yang apabila Kami berikan kuasa memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat, mengeluarkan zakat, dan mereka menyuruh (rakyatnya) berbuat kebaikan (iaitu segala amalan Islam, iman dan ihsan), serta melarang (rakyatnya) daripada melakukan kemungkaran (iaitu yang berlawanan dengan Islam, iman dan ihsan). Dan ingatlah bagi Allah jua kesudahan segala urusan (iaitu disoal dan dibalas setimpalnya oleh Allah). (Dalam kitab *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, terbitan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1995, nota kakki 1042, halaman 852, ada tercatat ulasan bagi ayat ini, iaitu "... dan sekiranya mereka memegang kuasa nescaya mereka akan menjalankan hukum-hukum syariat Islam dengan sempurna".)

Oleh itu bagi mereka yang telah diberikan Allah s.w.t. peluang berkuasa, maka laksanakanlah strategi ini. Insya-Allah mereka akan diberikan kejayaan yang sebaik-baiknya (*al-fa'izun*), dan darjat yang tertinggi ('*a'zamu darajatan*) di sisi Allah s.w.t., seperti yang termaktub di dalam al-Quran (Surah al-Taubah:20). "Kejayaannya tetap akan dicapai, kalau tidak di dunia ini, pasti di akhirat nanti".

Kesimpulan

Seperti yang telah ditegaskan dalam Bab 4 dalam sejarah kemunculan dan pertumbuhan peradaban Islam, telah dibuktikan bahawa pusat-pusat ketamadunannya berubah-ubah daripada satu wilayah kepada wilayah yang lain; daripada tanah Arab kepada Parsi, Turki, Afrika Utara, Andalusia dan Asia Tengah. Kini bukti-bukti dengan jelas menunjukkan bahawa pusat peradaban Islam mulai bergerak ke arah Timur iaitu ke arah Asia Tenggara dan ke arah Dunia Melayu Islam.

Seperti yang telah ditegaskan tiga kekuatan Melayu yang diutarakan sebelum ini, boleh membantu ke arah usaha merealisasikan misi, objektif dan tanggungjawab ini melalui pertolongan dan hidayah Allah, dengan syarat, kita memenuhi ketetapan al-Quran untuk mendapat pertolongan Allah itu, bermaksud:

Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah (untuk mencapai kemenangan), nescaya Allah akan membela kamu (untuk mencapai kemenangan), dan meneguhkan tapak pendirian kamu).

(Surah Muhammad: 7)

Sesungguhnya orang-orang yang berusaha dengan penuh gigih (bermujahadah) dalam memenuhi kehendak (agama) Kami,

nescaya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka gembira serta beroleh keredaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah bersama-sama orang muhsin (yang berusaha membaiki amalannya).

(Surah Al-Ankabut: 69)



Bahasa Melayu: Asas Solidariti dan Penjanaan Sumber Daya Tenaga Rakyat Malaysia Menangkis Globalisasi Tamadun Barat

Globalisasi dan Hegemoni Tamadun Sekular Barat Kini

Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa gejala globalisasi kini sedang menebarkan tamadun sekular Barat sebagai tamadun universal terutama sekali sesudah keruntuhan Tembok Berlin pada tahun 1989 yang menumpaskan kuasa Komunisme di Eropah dan menjadikan demokrasi liberal dan fahaman sekular Barat sebagai ideologi politik paling berwibawa dan berkuasa di dunia.

Kata bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad (2002: 19):

Globalisation, as it is formulated and presented today, is an invention of the North Atlantic countries (the West), and we can take it for granted that it is intended to enrich them further and enhance their domination of the world. They already dominate the world, of course. But they want to strengthen that domination to ensure they will not be successfully challenged either by the big East Asian countries or even the weak Muslim countries.

Gejala globalisasi yang didefinisikan, seperti dalam bab 7, sebagai keberhubungan (*interconnectedness*) aktiviti-aktiviti manusia secara global dalam aspek pengaliran modal dan buruh, teknologi dan kemahiran, pemikiran dan nilai, gaya hidup dan cita rasa, yang merentasi sempadan negara dan bangsa dengan cara yang tidak dapat dikawal oleh negara bangsa itu, sedang mensejagatkan tamadun sekular Barat iaitu tamadun yang terkuat dan paling berkuasa kini. Mereka juga mempunyai agenda hegemoni dan pendominasian sejagat seperti yang tergambar daripada retorika dan aksi mereka yang mengisyiharkan dengan angkuh "*either you are with us or with the terrorist*", dan melabelkan negara-negara yang tidak bersekongkol dengan mereka sebagai "*the axis of evil*". Pengeboman besar-besaran

ke atas Iraq dan seterusnya Afghanistan yang menghancurkan kerajaan Taliban dan tanah airnya secara total, atas alasan ingin mengajar regim Taliban kerana tidak mematuhi ultimatum mereka menyerahkan Osama bin Laden, membuktikan dasar hegemoni yang ketara.

Mengikut Francis Fukuyama, seperti yang telah dinyatakan dalam bab 7, tiga unsur tamadun sekular Barat yang utama iaitu (a) ideologi politik berasaskan demokrasi liberal, (b) sistem ekonomi berasaskan pasaran terbuka dan (c) ilmu pengetahuan berasaskan sains moden yang membawa teknologi dan peralatan moden termaju kini, akan merebak dan berleluasa ke seluruh dunia. Dengan demikian proses evolusi pengalaman dan pemikiran manusia akan sampai ke kemuncaknya yang membawa kepada penghujung jalan sejarah perkembangannya atau "*the end of history... [where] there would be no further progress in the development of underlying principles and institutions, because all of the really big questions had been settled*" (Francis Fukuyama, 1993:xii-xiv).

Suasana dunia kini menunjukkan pendominasian yang hampir secara total oleh Barat ke atas negara-negara lain. Akibatnya suasana dunia seluruhnya sedang dan akan terus dihala dan dimanipulasikan oleh kehendak negara-negara Barat yang utama.

Aspek-aspek dominasi Barat telah disimpulkan ke dalam 16 aspek seperti yang telah dihuraikan dalam bab 7, iaitu dalam perbankan antarabangsa, sistem pertukaran wang antarabangsa, pasaran dan pelanggan terbesar antarabangsa, pembekal barang siap terbesar dunia, pasaran modal terbesar dunia, kepimpinan moral paling berwibawa dunia, kuasa campur tangan ketenteraan terkuat dunia, mengawal laluan maritim dunia, melaksanakan proram R & D terbesar dunia, terkedepan dalam sistem pendidikan sains dan teknologi di dunia, menerajui akses ruang angkasa dunia, terkedepan dalam industri aeroangkasa, media, komunikasi, rekreasi, industri senjata teknologi tinggi, sistem operasi dan perisian komputer dunia, dan mendominasi bahasa komunikasi luas dunia.

Dominasi Bahasa Inggeris

Seperti yang telah dihuraikan, oleh sebab negara-negara teras bagi tamadun Barat ialah negara-negara berpengantar bahasa Inggeris terutama sekali Amerika Syarikat, maka bahasa pengantar utama dalam proses pensejagatan unsur-unsur dominan Barat tersebut juga, tentu sekali bahasa Inggeris juga. Oleh itu tidak hairanlah bahasa komunikasi luas (BKL) utama dunia pada separuh kedua abad kedua puluh ialah

bahasa Inggeris dan trend ini akan berterusan ke abad dua puluh satu juga.

Seperti yang telah juga ditegaskan dalam bab 7, apa yang jelas berlaku ialah penggunaan bahasa Inggeris dalam kebanyakan negara membangun kini terutama sekali bekas jajahan British dan Amerika, bukan hanya sebagai Bahasa Komunikasi Luas tetapi juga sebagai pengantar pendidikan tinggi dan bahasa sains dan teknologi, misalnya di India, Pakistan, Bangladesh, Filipina, Singapura (Benua Asia), Gambia, Ghana, Nigeria, Uganda, Zambia dan Zimbabwe (Benua Afrika), Barbados, Jamaika, Trinidad-Tobago dan Guyana (Amerika Selatan/West Indies). Ini berlaku kerana lapan faktor seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 7, iaitu (1) kemajuan Barat telah mencengkam hati budi para pemimpin dan para elit negara-negara itu, (2) ledakan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi begitu pesat di dunia kini yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa utama dunia yang lain, (3) kurangnya bilangan para ilmuwan, ahli sains dan teknologi tempatan yang bergiat ke barisan depan ilmu pengetahuan, (4) kurangnya jumlah bahan rujukan dan buku teks yang ditulis dalam bahasa tempatan sama ada hasil asli ataupun terjemahan, (5) kurangnya jumlah pakar, pensyarah dan profesor yang bertaraf dunia yang mahir dalam bahasa tempatan, (6) negara-negara membangun bekas jajahan British dan Amerika termasuklah Malaysia dan Singapura, sememangnya mempunyai tradisi penguasaan bahasa Inggeris yang baik (7) penggunaan bahasa Inggeris yang meluas dalam sektor swasta dan juga dalam bidang perindustrian dan perdagangan merupakan medan utama menerapkan segala ilmu dan kepakaran sains dan teknologi, dan (8) penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi memudahkan proses penubuhan pusat dan program pengajian kembar dengan pusat pengajian tinggi asing dan membawa pakar-pakar asing ke negara kita.

Seperti yang dihujahkan dalam Bab 7 apa yang menjadi keceluaran di dalam fikiran para elit Englophile (pencinta bahasa Inggeris) ialah hakikat penimbaan dan penerokaan ilmu pengetahuan boleh dilakukan dalam bahasa apa sekalipun, namun penyampaian dan pembudayaan ilmu pengetahuan kepada rakyat jelata negara bangsa itu yang merupakan Sumber Daya Tenaga Manusianya seharusnya dalam bahasa yang paling mudah difahami oleh rakyatnya iaitu bahasa tempatan. Proses demikianlah yang dilakukan di negara Jepun, Korea, Republik Rakyat China dan Taiwan.

Melalui pembudayaan sains dan teknologi kepada rakyat dalam bahasa indigenus sendiri, seluruh Daya Tenaga Manusia rakyat dapat digerakkan. Petani-petani moden dan usahawan-usahawan industri

kecil dan sederhana yang bertebaran di seluruh negara dapat dibangunkan dan dipupuk untuk menjadi pengusaha global yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Akibat Dominasi Bahasa Inggeris dalam Pendidikan Tinggi, Sains dan Teknologi di Negara Membangun

Sebagai susulan daripada persepsi dan pandangan para pemimpin dan elit Anglophilic tentang bahasa Inggeris, seperti yang telah dinyatakan dalam bab 7, tidak hairanlah kini di Malaysia sendiri banyak Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan separa swasta ditubuhkan menggunakan pengantar bahasa Inggeris. Bahkan dalam IPT Awam sendiri pun peningkatan penggunaan bahasa Inggeris semakin bertambah.

Seperti yang telah dinyatakan, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 (1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan Malaysia untuk mengecualikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai pengantar pendidikan, telah memudahkan proses perubahan ini.

Akibat daripada penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan di IPT swasta dan separa swasta, dan juga peningkatan penggunaannya di IPT awam juga, boleh disimpulkan sebelum ini, iaitu (1) nilai ekonomi bahasa Inggeris akan naik, statusnya akan meningkat dan seterusnya akan mengetepikan status bahasa Melayu; (2) proses pengintelektualan bahasa Melayu akan terbantut kerana tidak lagi digunakan sebagai pengantar ilmu tinggi dan tidak dapat berkembang selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan; (3) lunturnya status dan peranan Bahasa Melayu iaitu bahasa kebangsaan yang memainkan peranan sebagai bahasa penyatuan dan integrasi nasional, bahasa yang membentuk asas jati diri negara Malaysia; (4) penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir penduduk elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas; maka ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi akan berkisar hanya di kalangan mereka, manakala majoriti rakyat jelata yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik akan terhalang daripada memperoleh ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi; (5) penguasaan bahasa Inggeris dan pemerolehan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi oleh segelintir penduduk yang akan menjadikan mereka golongan elit, mengasingkan mereka daripada majoriti rakyat jelata dan menimbulkan jurang dan ketegangan sosial; (6) ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan yang disebutkan di atas, akan menjadi pemangkin pula kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk lain; (7) apabila bahasa

Inggeris digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi maka ilmu pengetahuan akan terhad kepada segelintir golongan elit Englophile dan sumber daya tenaga manusia rakyat tidak dapat dibangunkan dan kemajuan serta pembangunan negara secara menyeluruh tidak akan tercapai; dan (8) penggunaan bahasa Inggeris ataupun bahasa-bahasa bekas kuasa penjajah yang lain sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan seterusnya bahasa rasmi dan bahasa utama di negara-negara membangun termasuklah Malaysia, akan selama-lamanya menjadikan negara mengalami sindrom "mentaliti budak jajahan" (*colonized mentality*).

Pensejagatan Ciri-ciri Tamadun Barat dan Penangkisannya oleh Negara Bangsa Tempatan

Seperti yang ditegaskan dalam Bab 7, ada pengkaji-pengkaji dan ahli-ahli fikir semasa (umpamanya S. Huntington sendiri (1996:318), gerakan dan gagasan ke arah penubuhan sebuah tamadun sejagat yang berdasarkan sebuah tamadun yang terkuat, merupakan gerakan yang amat merbahaya dan paling mencabar kestabilan dan keselamatan dunia dalam alaf baru ini, seperti ditegaskan oleh S. Huntington.

Universalism abroad threatens the West and the world (p. 318)...
[It] is dangerous to the world because it could lead to a major intercivilizational war between core states, and it is dangerous to the West because it could lead to defeat of the West (*Ibid.*: 311)...
What is universalism to the West is imperialism to the rest (p. 184).

Seperti yang telah ditegaskan sebelum ini, usaha yang menekankan penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi negara-negara membangun, pada hakikatnya sedang menganjur gagasan pensejagatan tamadun Barat yang berbahasa Inggeris sebagai sebuah tamadun universal. Seperti yang dinyatakan di atas, jati diri dan identiti serta aspirasi sesuatu negara bangsa dan sebuah tamadun boleh dikenal pasti melalui penggunaan bahasa utamanya.

Gerakan dan usaha untuk meneruskan atau mengembalikan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa sains dan teknologi, merupakan usaha golongan elit yang pada jangka panjang, sedang menempah dan mengundang bahaya perpecahan dan kemunduran negara bangsa, walaupun mungkin pada jangka masa pendek manfaat segera boleh didapat. Akan tetapi bangsa dan negara membangun seperti Malaysia mahu

wujud dan terus hidup lebih lama daripada dua puluh atau tiga puluh tahun akan datang.

Tambahan lagi gerakan yang mempromosikan bahasa Inggeris atau bahasa bekas penjajah sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan bahasa rasmi serta bahasa sains dan teknologi sesebuah negara membangun, sebenarnya adalah gerakan yang bertentangan dengan arus perkembangan negara bangsa dan budaya masa kini. Ini dibuktikan apabila empayar Komunis Soviet Rusia pecah, maka negara-negara bekas jajahannya yang memperoleh kemerdekaan telah mengembalikan bahasa indigenus mereka sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi mereka.

Penjanaan Ilmu Pengetahuan, Sains dan Teknologi Berasaskan Bahasa Indigenus demi Penjanaan Sumber Daya Tenaga Rakyat

Apabila unsur-unsur tamadun Islam dipelajari oleh bangsa Eropah melalui perantaraan bahasa Arab yang mereka terpaksa pelajari, kemudian unsur-unsur itu dipinjam, diterjemahkan dan diasimilasikan oleh orang Eropah dalam abad ke-11 hingga ke-13 M, mula-mula dalam bahasa Latin kemudian ke dalam bahasa Sepanyol, Perancis, Itali, Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain, maka ilmu pengetahuan merebak ke seluruh Eropah. Kebangkitan bangsa Eropah selari dengan kebangkitan negara bangsanya yang berdasarkan bahasa indigenus sendiri iaitu bahasa Sepanyol, Itali, Perancis, Inggeris, Belanda, Jerman, Rusia dan lain-lain. Ilmu pengetahuan, sains dan teknologi yang diterjemah, disampaikan dan dijana dalam bahasa indigenus dapat dimengerti sepenuhnya oleh rakyat untuk membangunkan sumber daya tenaga manusia yang seterusnya mencetuskan kebangkitan Eropah dalam zaman Renaissance dan membawa kepada proses industrialisasi dan pmodernen Eropah yang pesat sehingga dapat mendominasi dunia.

Proses yang sama berlaku dengan kebangkitan Jepun dan Korea iaitu melalui proses peminjaman, penterjemahan, pengasimilasian dan akhirnya penjanaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dalam acuan sendiri. Seperti yang telah diuraikan bab 7, Jepun telah berabad-abad lamanya dijajah dan didominasi oleh Tamadun China dan telah meminjam daripada China sistem tulisan, seni lukis, seni bina, institusi dan sistem perundungan dan sastera klasiknya. Pengembalian kuasa pemerintahan kepada maharaja Jepun pada tahun 1868, telah membawa kepada "Restorasi Meiji" dengan polisinya untuk mempelajari segala aspek ilmu pengetahuan daripada Barat supaya

membawa kemajuan kepada negara Jepun. Namun, ilmu pengetahuan dan teknologi yang baru mesti disampaikan dalam bahasa Jepun sebagai acuan sendiri.

Ilmu pengetahuan, sains dan teknologi Barat dipelajari dalam bahasa Barat oleh belia Jepun yang dihantar ke serata negara Barat. Kemudian ilmu itu diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun untuk dibudayakan dan disampaikan kepada seluruh masyarakatnya bagi membangunkan sumber daya tenaga manusia. Sesudah itu proses asimilasi ilmu berlaku seterusnya membawa kepada penjanaan ilmu dan teknologi yang baru dalam acuan mereka sendiri dalam bahasa Jepun.

Di Korea dan Taiwan, seperti yang telah dinyatakan, proses yang hampir sama dengan Jepun iaitu dari segi penggunaan bahasa sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dan proses pemindahan ilmu pengetahuan juga berlaku. Dengan demikian proses pembudayaan ilmu sains dan teknologi amat luas di kalangan rakyatnya dengan itu dapat membangunkan sumber daya tenaga manusia. Ini memungkinkan daya cipta dan kekreatifan peribumi dapat ditingkatkan supaya dapat menghasilkan teknologi dalam acuan dan pola minda mereka sendiri iaitu diungkapkan dalam bahasa, nilai budaya dan kesenian peribumi mereka sendiri.

Apakah Peranan Bahasa dan Budaya Melayu dalam Menghadapi Cabaran Revolusi Komputer dan Teknologi Maklumat?

Seperti yang telah ditegaskan oleh Paul Kennedy dalam bukunya *Preparing for the Twenty-First Century*, 1994: 335-336, negara-negara yang dalam keadaan lebih bersedia untuk menghadapi kurun ke-21 ialah Jepun, Korea, beberapa negara perdagangan di Asia Timur, Jerman, Switzerland, beberapa negara Scandinavia dan Kesatuan Eropah. Adalah jelas, masyarakat itu memiliki sumber teknikal dan pendidikan yang kukuh, wang tabungan yang cukup dan keutuhan budaya yang padu berada dalam keadaan lebih bersedia daripada negara yang tidak memilikinya.

Peter Drucker pula dalam bukunya *Post-Capitalist Society*, 1993:42, 46, 210-212), berpendapat bahawa dalam masyarakat pascakapitalis (era teknologi maklumat) ilmu diaplikasikan kepada ilmu untuk menjanaikan ilmu yang baru, aplikasi yang baru, sistem yang baru, organisasi yang baru dan masyarakat yang baru. Ilmu tidak bertempat di buku, bank data, dan cakera, tetapi pada diri manusia; dicipta, ditambah, diaplikasi, diajar dan digunakan oleh manusia. Manusia

terpelajar menjadi pemuatan masyarakat maklumat pendukung nilai, prinsip dan komitmen masyarakatnya.

Daniel Bell (*The Future of Technology*, 2001: 45) memperturunkan skema organisasi masyarakat manusia zaman pasca industri, pasca-kapitalis berdasarkan lima dimensi kegiatan masyarakat, iaitu:

Paksi utama organisasi masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> - Penyertaan ilmu teoretis yang jelas berasaskan institusi R&D berwibawa - Teknologi intelek cekap & mantap
Sektor ekonomi yang dominan	<ul style="list-style-type: none"> - Perkhidmatan manusia/awam - Perkhidmatan profesional/pakar
Prasarana/kemudahan kritikal	<ul style="list-style-type: none"> - Komunikasi massa: pengangkutan, - bahan tenaga, jaringan hubungan
Masalah politik utama	<ul style="list-style-type: none"> - Polisi sains dan pendidikan - Globalisasi ekonomi
Orientasi masa	<ul style="list-style-type: none"> - Masa depan

Bahasa, mengikut S. Huntington (*Ibid.*, 1996:59), seperti yang ditegaskan dalam Bab 7, ialah satu daripada dua ciri dasar tamadun (satu lagi, agama) yang menjadi asas tautan, jati diri, *esprit de corps*, kebanggaan, dan kasih sayang sesama anggota sesebuah tamadun, amat kuat mewarnai tamadunnya.

Bahasa, seperti yang telah ditegaskan, ialah alat yang merakam, mentafsir, mendukung, komunikasi dan mewariskan khazanah ilmu dan budaya sesuatu bangsa dan tamadun dari generasi ke generasi. Tegasnya, bahasa mencorak dan mewarnai budaya dan tamadun sesuatu negara bangsa.

Oleh yang demikian seperti yang ditegaskan oleh banyak hasil kajian, pendapat ahli akademik, para ilmuwan dan peramal masa depan supaya menyampaikan ilmu pengetahuan dalam bahasa indigenus kanak-kanak, demi kecekapan pembelajarannya, pembinaan daya sumber manusia, pemupukan jati diri dan perpaduan negara bangsa. Namun, pada masa yang sama hendaklah diadakan program pengajaran bahasa utama dunia (Inggeris, Jerman, Perancis, Cina, Jepun dan Arab) yang cekap demi menimba ilmu pengetahuan, teknologi, perdagangan dan diplomasi.

Contoh paling jelas tentang keberkesanan strategi ini ialah di Belanda, kebanyakannya rakyatnya (termasuk anak-anak imigran yang menetap) fasih dalam dua atau tiga bahasa asing (Inggeris, Jerman atau Perancis) kerana diajar di sekolah atau universiti di samping bahasa Belanda. Bahasa Belanda sebagai pengantar pendidikan

menggunakan buku teks berbahasa Belanda dalam semua mata pelajaran pada semua peringkat pengajian. Buku-buku teks asas dan penerbitan utama dalam bahasa asing (Inggeris, Perancis, atau Jerman) diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda, tetapi buku bacaan tambahan dan jurnal utama dunia dalam bahasa Inggeris, Jerman dan Perancis untuk rujukan tambahan dan bacaan umum, tidak diterjemahkan kerana rakyat memahaminya. Oleh itu pembudayaan sains dan teknologi adalah dalam bahasa Belanda, tetapi mereka menggunakan bahasa asing untuk menimba ilmu dari pelbagai sumber.

Memantapkan Budaya Ilmu, Sains dan Teknologi Orang Melayu

Seperti yang telah ditegaskan sebelum ini ilmu dalam pegangan dan amalan Islam tidak pernah dibahagikan kepada ilmu dunia dan ilmu akhirat atau ilmu sekular dan ilmu agama. Apa yang ada ialah ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah.

Ilmu fardu ain ialah ilmu yang diperlukan oleh setiap individu untuk memantapkan dirinya dalam pegangan dan amalan rukun Islam yang lima, rukun iman yang enam, dan memantapkan akhlaknya, muasyaratnya (perhubungan sosial), muamalatnya (perhubungan budaya) dan munakahatnya (berkahwin dan berkeluarga).

Ilmu fardu kifayah pula ialah segala ilmu, pengetahuan, kepandaian dan kemahiran demi melakukan kegiatan, amal ibadat, dan kerja, bagi memenuhi kehendak dan keperluan masayarakat secara umum. Kedua-dua ilmu itu akan mempunyai nilai yang tinggi apabila dilakukan demi mendapat keredaan Allah dan dengan cara yang selari dengan kehendak syariat Islam. Oleh itu sifat semua ilmu dalam Islam adalah bersepudu atau berintegrasi iaitu dicirikan dengan nilai tauhid demi memanfaatkan kehidupan di dunia ini dalam persediaan menuju ke alam akhirat yang kekal abadi selama-lamanya.

Sebagai langkah mengoperasikan gagasan budaya ilmu, sains dan teknologi Melayu yang bersifat sedemikian, maka empat strategi yang telah diuraikan dalam Bab 8 boleh dilakukan terutamanya oleh badan-badan kerajaan dan juga swadaya (NGO); yang boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Menyampaikan segala ilmu fardu ain kepada semua anak bangsa Melayu lebih-lebih lagi mereka yang di bangku sekolah, kolej, institusi pengajian tinggi dan juga di pejabat, syarikat dan kilang (secara wajib dari sudut kerajaan).

2. Menyemai dan memupuk pandangan semesta Islam berteraskan tauhid di dalam semua ilmu pengetahuan seperti yang dilakukan dengan pesat kini melalui gagasan dan proses islamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*).
3. Memupuk dan menyuburkan penerokaan ilmu, sains dan teknologi ke perbatasan hadapannya melalui kaedah:
 - (i) Memperuntukkan pelaburan dana dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (R & D) dengan peratusan yang terbesar dalam belanjawan kerajaan.
 - (ii) Menekankan pengkhususan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang strategik kini iaitu mikroelektronik, telekomunikasi, bioteknologi, bahan-bahan baru, sains penerbangan (*aviation*) dan robotik.
 - (iii) Menyediakan dan melengkapkan segala sumber strategik untuk melaksanakan rancangan penyelidikan dan pembangunan bidang-bidang khusus dan strategik itu.
4. Menyemai, memupuk dan membangunkan semangat, iltizam dan motivasi yang tinggi di kalangan anak muda dan pelajar Melayu demi meningkatkan daya saing, daya kreativiti dan daya usaha, melalui program latihan dan pembelajaran yang mesra pelajar dan mesra belia.

Langkah-langkah Mengembalikan Martabat, Kewibawaan dan Keyakinan kepada Bahasa Melayu

Dalam bab 7 telah diperturunkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat itu, tertumpu kepada dua strategi iaitu cara mengatasi masalah sikap negatif terhadap keupayaan dan kewibawaan bahasa Melayu sebagai pengantar sains, teknologi dan pendidikan tinggi, dan cara membina budaya ilmu, sains dan teknologi dalam bahasa Melayu sehingga ke perbatasan paling hadapan dalam penerokaan ilmunya. Secara ringkasnya (1) mengadakan kempen, konvensyen dan syarahan umum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; (2) peruntukan kewangan dana yang maksimum dalam bentuk belanjawan kerajaan dan sumbangan daripada pihak sektor swasta sebagai usaha memenuhi tanggungjawab sosial; (3) adakan skim penggalakan dan insentif menarik ditawarkan kepada para ilmuwan dan ahli sains untuk menulis dan menterjemahkan ke dalam bahasa Melayu buku dan artikel dalam bidang pengkhususan masing-masing; (4) menukuhkan Majlis Buku Ilmiah Kebangsaan/ Antarabangsa yang bertanggungjawab (i)merancang dan melaksanakan penghasilan, penulisan, penterjemahan, penyebaran,

penggalakan, penggunaan dan penilaian buku-buku dan bahan-bahan rujukan dalam pelbagai media dalam semua bidang sains, teknologi dan ilmu pengetahuan peringkat tinggi, (ii) menubuhkan perhubungan dan kerjasama akademik dengan institusi-institusi, pusat-pusat penyelidikan, penerbit buku dan jurnal dan perpustakaan yang terkemuka di seluruh dunia, (iii) mewujudkan kerjasama yang erat dengan Indonesia, Brunei dan Singapura berdasarkan keperluan dan tanggungjawab bersama untuk memajukan bahasa, (iv) menubuhkan kerjasama yang erat dalam bentuk penyelidikan, penerbitan, pengalaman, penyebaran dan promosi tentang semua perkara yang berkaitan dengan bahasa, sastera, budaya, sains, teknologi, perindustrian, perdagangan, perhubungan antarabangsa dan diplomasi dengan negara-negara dan institusi seluruh dunia; (5) mengadakan gerakan promosi yang gigih, agresif dan meyakinkan untuk mengantarabangsaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama ASEAN mengambilalih bahasa Inggeris; (6) Mewujudkan beberapa Akademi Pembelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Moden Wilayah yang dilengkapkan dengan segala kepakaran dan peralatan canggih untuk melatih anak bangsa Melayu secara intensif penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa moden yang lain ke taraf paling tinggi bagi melaksanakan tugas-tugas khusus misalnya menimba ilmu dan pemindahan teknologi tinggi, perdagangan antarabangsa, diplomasi dan hubungan antarabangsa, persidangan dan bengkel antarabangsa dan sebagainya.

Membina Solidariti Bangsa Melayu dan Malaysia

Seperti yang disebutkan oleh Paul Kennedy (1994:335), prasyarat pembinaan sesebuah negara bangsa dan tamadun agar berupaya dan berjaya menghadapi cabaran abad ke-21 ialah solidariti masyarakat dan negara bangsa itu. Solidariti masyarakat terbentuk apabila ada *esprit de corps*, semangat kekitaan, rasa saling hormat, kasih sayang dan tanggungjawab yang kukuh di kalangan anggotanya. Kini bangsa Melayu dan Malaysia sedang menghadapi cabaran perpecahan dan konflik intranegara bangsa dan intratamadun yang agak tegang.

Dalam tradisi Islam tiga amalan perlu diwujudkan untuk menyemai rasa kasih sayang, saling hormat dan tanggungjawab bersama yang tinggi dan solidariti yang kukuh, iaitu *Salam*, *Ta'am*, *Kalam*.

- (1) *Salam* merujuk kepada amalan berbaik-baik, bertemu, menyapa, memberi salam dan bersalam, ziarah-menziarahi semasa sihat

atau senang dan sakit atau susah, yang akan mewujudkan hubungan, interaksi dan komunikasi antara satu sama lain seterusnya menghilangkan prasangka, dan kebencian antara satu pihak dengan pihak yang lain. Keadaan yang berlaku kini ialah ketegangan, rasa prejudis dan kebencian di kalangan bangsa Melayu dan juga di kalangan bangsa Malaysia. Ini berlaku kerana tiada atau kurangnya pertemuan, interaksi dan komunikasi sesama mereka terutama sekali di kalangan yang ada perbezaan pendapat. Sebaliknya perkara yang lumrah kini ialah pernyataan dan tuduhan terhadap satu sama lain dalam media massa dan khalayak ramai yang menimbulkan rasa tersinggung dan kemarahan sesama mereka.

- (2) *Ta'am* merujuk kepada amalan memberi jamuan dan makan minum sama ada dalam sambutan hari-hari perayaan, meraikan sahabat, tetamu, jiran, kawan dan "lawan" (dalam politik, organisasi, dan lain-lain). Amalan ini akan menjalinkan rasa kemesraan dan persahabatan kerana makan minum bersama adalah antara tiga amalan berjemaah yang sangat dianjurkan oleh Islam (dua lagi ialah sembahyang berjemaah dan bersafar secara berjemaah).
- (3) *Kalam* merujuk kepada amalan berinteraksi, berkomunikasi, bermesyuarat dan berdialog antara satu sama lain baik di kalangan sahabat dan kenalan, lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang berbeza pendapat dan pegangan. Dalam majlis komunikasi, percakapan dan dialog demikian harus diwujudkan rasa saling hormat-menghormati dan kemesraan yang tinggi berasaskan *adab al-ikhtilaf* atau beradab dalam memberi dan menerima pendapat yang berbeza-beza (*agree to disagree with respect*). Dan jika sesuatu keputusan harus dicapai bersama maka amalan mesyuarat (*musyawarah/consultation*) dan keputusan ramai (*ijmak/consensus*) perlu diamalkan.

Dalam amalan berinteraksi dan berdialog fikiran seseorang akan terpaut dan tertarik apabila hatinya terpaut. Untuk menarik dan memautkan hati manusia maka kita mesti memberi hati kita dahulu kepadanya, iaitu melalui penghormatan yang sewajarnya, bersopan santun dan rasa keinginan untuk membantu dan menyumbang perkara sebaik-baiknya. Inilah amalan orang yang soleh dalam Islam, seperti dalam madah-madah berikut:

Tangan yang di atas (yang memberi) lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang menerima).

Sesiapa yang memenuhi hajat orang lain ke atasnya, maka Allah akan memenuhi hajatnya di Akhirat nanti apabila ia sangat memerlukannya.

Sesiapa yang tidak menuntut haknya ke atas manusia maka Allah akan memenuhi haknya.

Sesiapa yang sanggup memaafkan kesalahan orang ke atasnya, maka Allah akan memaafkan kesalahannya.

Kesimpulan

Sememangnya setiap negara dan bangsa mesti berusaha untuk meningkatkan daya saing, daya kreatif dan kecemerlangan bangsa dan rakyatnya di persada antarabangsa supaya dapat mencapai kemajuan yang tinggi dan boleh bersaing dengan negara maju di dunia. Untuk mencapai matlamat ini seluruh sumber daya tenaga manusia harus digerakkan melalui pembudayaan ilmu, sains dan teknologi terkini yang disampaikan dalam bahasa rakyat sendiri bukannya bahasa asing. Inilah yang berlaku di negara-negara maju di Barat termasuk negara-negara Eropah dan juga di Jepun, Korea dan Taiwan.

Kemajuan dan pembangunan sesebuah negara secara adil dan sama rata bukan kerana kaum elitnya berilmu, bijaksana dan kaya raya, tetapi kebanyakannya rakyat jelatanya terpelajar dan berilmu dengan sains dan pemikiran yang luas, beretika, dan berbudaya kerja yang tinggi dan gigih. Yang menggerakkan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara dan tamadun secara menyeluruh dan adil ialah sumber daya tenaga rakyatnya terutama sekali dalam zaman kontemporari seperti di negara-negara Eropah, Jepun, Korea, Taiwan dan sedikit masa lagi China.

Seandainya golongan elitnya sama ada golongan pemerintah, bangsawan dan agama sahaja yang bijaksana, pandai dan kaya raya maka muncullah jurang perbezaan kelas yang luas, penindasan dan eksploitasi sosial yang parah akhirnya membawa kepada ketegangan, konflik dan perpecahan. Ini adalah tahap-tahap terakhir dalam teori naik turun tamadun manusia, seperti yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (N. J. Dawood, 1981:252) dan Caroll Quigley (1979: 146).

Tulisan ini telah menggarap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dan ilmu tinggi dalam menjana tradisi pemikiran dan amalan ilmu, sains dan teknologi dalam acuan sendiri di kalangan rakyat Malaysia yang akan menggerakkan penggunaan

sumber daya tenaga massa untuk membangunkan negara bangsa dan tamadun Melayu dan Malaysia yang adil dan saksama.

Sebaliknya, peranan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi hanya mampu melahirkan golongan yang dominan yang menguasai ilmu, sains, teknologi, sumber dan prasarana ekonomi, kekayaan dan kekuasaan negara yang akan menimbulkan jurang kelas dan ketegangan sosial yang sengit, konflik dan keruntuhan negara bangsa. Juga dibincangkan strategi dan operasi untuk membangunkan budaya ilmu, sains dan teknologi Melayu Malaysia dan solidariti rakyat jelatanya yang kukuh.

Gagasan yang menganjurkan supaya pendidikan tinggi, sains dan teknologi disampaikan dalam bahasa Inggeris didorong oleh sama ada fahaman pragmatik keterlaluan yang hanya mementingkan faedah segera bagi gologan elit dalam jangka masa pendek tanpa memikirkan keretakan, perpecahan dan kemunduran rakyat jelata yang boleh berlaku dalam jangka masa panjang, ataupun didorong oleh minda kerdil yang tidak ada keyakinan diri kepada ciri-ciri budaya kita sendiri dalam pembangunan dan pembinaan sebuah negara bangsa dan tamadun dalam acuan kita sendiri.

Sesungguhnya bahasa tempatan adalah penapis dan penangkis yang kebal untuk melawan badi negatif globalisasi yang boleh mengancam nilai-nilai tradisi yang murni, dan unsur yang kental untuk menyemai rasa kekitaan, kemesraan dan kasih sayang sesama penuturnya demi perpaduan dan keharmonian. Bahasa kebangsaan adalah elemen utama yang mengungkap dan menunjangi pembangunan dan kemajuan sesuatu bangsa dalam acuannya sendiri yang akan menjamin kestabilan dan ketekalannya.

Strategi Bagi Membangunkan Tamadun Malaysia: Perspektif Tamadun Melayu Islam

Pendahuluan: Latar Sejarah Pembinaan Negara Bangsa dan Tamadun Malaysia

Seperti yang dihuraikan dalam Bab 8, tamadun Malaysia yang dicitacitakan oleh negara bangsa Malaysia kini adalah kesinambungan daripada sejarah yang panjang dalam kemunculan dan pembentukan peradaban Melayu Malaysia. Ini kerana seluruh wilayah kepulauan Asia Tenggara ini sebenarnya telah diwarnai dan diberi jati dirinya oleh tamadun Melayu selama kira-kira 1,300 tahun, iaitu sejak tertubuhnya Empayar Melayu Buddha Srivijaya di Sumatera pada abad ke-7 Masihi, yang kemudiannya mengalami proses Islamisasi dan merebak secara menyeluruh ke merata Alam Melayu ini sejak abad ke-11 Masihi atau permulaan alaf kedua. Kini kita baru memasuki alaf ketiga.

Negara bangsa Malaysia kini, lahir dan berkembang dalam suasana budaya dan tamadun Melayu yang ditunjangi oleh sifat Melayu Islam selama hampir 1,000 tahun. Lanskap budaya ini diwarnai pula oleh golongan pendatang terutama pada abad ke-19 dan ke-20 dan keturunan mereka yang telah bermastautin di sini dan menjadikan negara dan wilayah ini sebagai tanah air mereka. Hakikat ini seharusnya diterima dan diakui oleh semua orang lebih-lebih lagi penduduk yang berbilang kaum, agama dan budaya di wilayah ini.

Fakta demografi daripada banci penduduk yang terkini di Malaysia (Department of Statistics, 2001, *Population Census of Malaysia 2001*) menunjukkan majoriti penduduk Malaysia (60%) ialah penganut agama Islam.

Di Indonesia juga daripada lebih 200 juta penduduk, 88% adalah penganut agama Islam. Di Brunei majoriti penduduknya juga terdiri daripada penganut agama Islam. Agama Islam menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar penyampaian, penyebaran dan persuratannya sejak dahulu sehingga sekarang. Oleh yang demikian seperti yang telah ditegaskan terdahulu seluruh wilayah kepulauan

Asia Tenggara ini mempunyai landskap budaya yang ditunjangi oleh budaya Melayu dengan agama Islam dan bahasa Melayu selama hampir 1000 tahun. Oleh yang demikian Wilayah ini sejak hampir 1000 tahun dikenali dengan namanya yang termasyhur iaitu Kepulauan Melayu dan Alam Melayu atau *the Malay Archipelago, the Malay World* yang merupakan wilayah inti budaya Melayu.

Namun, ini tidak bermakna kelompok-kelompok budaya dan agama yang berbeza-beza tidak boleh mengamalkan ciri-ciri budaya dan agama dalam kelompok mereka sendiri, seperti yang dibuktikan oleh keharmonian yang wujud antara masyarakat Melayu Islam, Cina, Buddha dan Hindu pada zaman kesultanan Melayu Melaka, Aceh, Johor Riau, di kawasan utara Semenanjung Malaysia, di Bali dan di Jawa sejak berkurun-kurun sebelum datangnya penjajah Barat.

Di mana Bumi Dipijak, Di situ Langit Dijunjung: Landskap Budaya Negara Bangsa Malaysia

Seperti yang dinyatakan dalam bab 8, pepatah Melayu dengan tegas menyatakan sebagai hukum alam Tuhan yang mesti berlaku, bahawa "Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung", iaitu manusia mesti menyesuaikan diri dengan pesekitaran alam dan juga budaya di mana dia berada untuk mendapat keselamatan dan kesejahteraan dalam penghidupannya. Oleh itu amatlah penting seluruh rakyat Malaysia menyedari dan menerima hakikat bahawa negara bangsa Malaysia kini dari segi politik, perundangan, perlembagaan, struktur kenegaraan dan pemerintahan adalah kesinambungan sejarah dan peradaban Melayu yang sudah wujud hampir 1,300 tahun yang lalu di wilayah ini, dengan pewarnaan budaya golongan pendatang yang telah menjadikan negara ini tanah air mereka, amatlah penting. Sesungguhnya negara bangsa dan peradaban yang tidak mempunyai paksi sejarah yang kukuh berada di atas landasan rapuh yang mudah rosak dan binasa.

Pembentukan perlembagaan Malaysia dengan Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan Raja-Raja sebagai Raja berperlombagaan, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru dan Wawasan 2020, semuanya diasaskan pada hakikat sejarah dan landskap budaya yang dinyatakan itu.

Menyedari hakikat bahawa budaya dan peradaban Melayu Islam merupakan asas dan paksi penyumbang utama kepada pembentukan tamadun Malaysia yang dicita-citakan dengan pewarnaan budaya golongan pemastautin, maka menjadi perkara penting untuk kita mengenal pasti apakah elemen yang mendasari budaya dan peradaban

Melayu Islam sebagai penyumbang utama kepada peradaban Malaysia, supaya difahami oleh kita semua demi persefahaman dan perakuan bersama dapat dipupuk dan dibangunkan.

Asas Pembentukan Tamadun Melayu

Pembentukan tamadun Melayu diasaskan di atas dua unsur iaitu sifat asasi masyarakatnya dan juga pandangan alam semestanya yang mendasari falsafah hidupnya.

Sifat Asasi Masyarakat Melayu

Tiga sifat Melayu asasi yang mampu melahirkan manusia, budaya bangsa dan peradaban Melayu, juga merupakan kekuatan asasinya seperti yang telah ditegaskan dalam bab-bab awal, iaitu (1) konsep Melayu sebagai entiti budaya (bukan entiti etnik, kaum, bangsa) yang dengan itu boleh merangkumi pelbagai kaum, etnik dan bangsa, asalkan beragama Islam, berbudaya Melayu dan berbahasa Melayu; (2) Kedinamikan budaya Melayu yang selama ribuan tahun sentiasa secara terbuka dan proaktif mampu menyerap dan mengadaptasikan unsur-unsur positif dari luar misalnya India (Hindu-Buddha, Islam), China, Arab, Parsi, Thai dan lain-lain; dan (3) Kekuatan agama Islam anutannya yang menjadikan orang Melayu sentiasa berhubungan dengan kekuatan Ilahi yang ulung dan agung iaitu Tuhan Pencipta, Pengatur dan Pentadbir seluruh alam dan makhluk secara mutlak dan hak.

Ketiga-tiga sifat asas masyarakat Melayu itu sebenarnya ialah kekuatan yang menjadikan orang Melayu benar-benar sebuah kabilah dunia yang kosmopolitan, global dan terbuka pada masa yang lampau. Masyarakat dan budaya Melayu mampu menjadi kabilah dunia dan membina sebuah tamadun dunia yang bersifat kosmopolitan dan global terutamanya dalam zaman Kesultanan Melaka, dan Aceh Darussalam seperti yang tercatat dalam tiga petikan yang disebutkan dalam bab-bab sebelum ini.

Orientalis dan pengkaji Islam W. C. Smith telah memasukkan Aceh di Alam Melayu sebagai satu daripada pusat tamadun Islam yang bertaraf dunia, iaitu:

In any case, the fact is that in the 16th Century the Muslim world was once again powerful, wealthy and touched with splendour. Whatever view he might take it, the Muslim in this period – in

Morocco, Istanbul, Isfahan, Agra, Aceh – was participant in history expansive and successful (W. C. Smith, 1957:38).

Pandangan Alam Semesta Melayu iaitu Falsafah Hidupnya

Tiga sifat asasi Melayu di atas ditunjangi oleh “worldview” atau pandangan alam semestanya iaitu falsafah hidupnya tentang kejadian alam ini; hubungannya dengan alam ini dan tugas serta peranannya terhadap segala makhluk di dalamnya, destini baginya di alam ini dan sesudahnya.

Pandangan alam semesta Melayu atau falsafah hidup seperti yang ditegaskan dalam bab-bab awal, boleh disimpulkan dalam enam bidang berikut, iaitu: (1) Alam ini diterima sebagai hasil ciptaan dan tadbiran Allah s.w.t. yang mencakupi alam arwah/primordial, alam dunia dan alam akhirat; alam akhirat ialah destini dan hasil muktamad; falsafah hidup ini bertentangan sama sekali dengan pandangan sekular barat (Latin *saeculum*= tempat (dunia) ini dan masa ini) yang menolak destini akhirat bagi manusia; (2) Islam ialah panduan dari Allah sebagai al-din; mengandungi segala peraturan bagi segala aktiviti kehidupan di dunia untuk individu dan juga masyarakat demi pencapaian kejayaan hakiki mereka; (3) Keyakinan penuhnya kepada Allah sebagai Tuhan semesta alam yang akan memberi pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya pembalasan yang buruk bagi amalan jahat di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat; (4) Hukum syariah mendasari segala wawasan, objektif, dan bagi segala bidang kerja iaitu sahih, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam tanpa kompromi, manipulasi, keingkaran dan penafian dari segi yang wajib, sunat, harus, haram dan makruh; (5) Nilai tertinggi dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhhlak mulia yang dengan itu paling banyak memanfaatkan dirinya dan manusia yang lain; (6) Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, akal dan rohani.

Tiga sifat asasi masyarakat Melayu bersama-sama dengan falsafah hidup atau “worldview” tersebut menjadi pendorong, penggerak, motivasi dan objektif kepada seluruh kegiatan hidupnya di dunia ini.

Kebangkitan Semula Islam dan Penerapannya di Malaysia

Gerakan kebangkitan semula Islam yang bertujuan mengatasi kelemahan dalaman masyarakat Islam yang didominasi oleh kuasa penjajah sekular Barat, bermula pada akhir abad ke-18 Masihi dan

menjadi rancak pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Gerakan ini sampai ke Alam Melayu pada akhir abad ke-19 sekembalinya pelajar-pelajar Melayu daripada pengajian mereka di Timur Tengah dan merebak pada abad ke-20 dan seterusnya memuncak pada tahun-tahun 70-an dan 80-an dengan dua fenomena utama iaitu gerakan dakwah sama ada oleh kumpulan swadaya (NGO) maupun badan kerajaan, dan juga program penerapan nilai Islam oleh kerajaan dalam pentadbiran, perbankan, pendidikan, perundangan, dan lain-lain.

Ada dua kesan utama daripada gerakan kebangkitan Islam di Malaysia, iaitu:

1. Kesan bersifat psikologikal-sosiologikal: munculnya keinginan, dorongan dan juga kegiatan yang kuat di kalangan orang Islam terutamanya golongan muda untuk kembali kepada amalan dan ajaran Islam yang sejati dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan secara individu dan komuniti mencontohi Nabi Muhammad s.a.w dan generasi pertama Islam. Kesedaran, dorongan dan kegiatan demikian membawa beberapa fenomena seperti bertambahnya majlis ilmu dan kehadiran dalam pengajian dan upacara ibadat di masjid, munculnya madrasah dan pusat pengajian Islam termasuklah tadika, sekolah agama, kolej Islam, fakulti Islam dan Universiti Islam, munculnya kumpulan-kumpulan dakwah, pertubuhan dan organisasi Islam di kalangan pelajar, orang awam dan badan kerajaan, kecenderungan kepada pakaian yang menutup aurat dan makanan yang halal, rancangan radio dan televisyen yang berunsur Islam, penerapan nilai dan unsur Islam dalam pentadbiran, perundangan, kegiatan perdagangan, perbankan, insurans dan kegiatan ekonomi lain yang berunsurkan Islam. Momentum kebangkitan Islam ini menjadi rancak bermula pada tahun-tahun 70-an dan 80-an sehingga kini.
2. Kesan bersifat politik: munculnya kesedaran untuk mengembalikan pemerintahan dan pentadbiran negara secara Islam menggantikan sistem pemerintahan sekular penjajah British dan warisannya. Kemuncak gerakan kesedaran politik Islam ini tidak syak lagi ialah peranan dan perjuangan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) yang pada mulanya merupakan sebahagian daripada UMNO, tetapi muncul sebagai parti politik tersendiri untuk bertanding dalam Pilihan Raya 1955 dan memenangi satu kerusi di atas *platform* reformasi Islam dan perjuangan politik Islam yang dianggap terabai dalam perjuangan UMNO. Namun, hanya dalam pilihan raya 1999 PAS sebagai parti politik yang

memperjuangkan Islam benar-benar menampakkan potensinya sebagai kuasa yang boleh menggugat kuasa pemerintahan dengan menawan dua buah Dewan Undangan Negeri (Kelantan dan Terengganu), hampir menawan Kedah, dan bersama dengan parti Keadilan memperoleh majoriti undi Melayu di Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Pahang dan Melaka, dan menjadi kumpulan pembangkang terbesar dalam Parlimen.

Trend kebangkitan Islam dan perjuangan politik Islam ini akan berterusan di kalangan orang Melayu Islam pada masa akan datang. Oleh itu menjadi amat penting bagi kita rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum memahami dan menangani fenomena ini untuk menegakkan persefahaman dan perpaduan bersama demi pembinaan sebuah peradaban Malaysia yang aman damai.

Realiti Amalan dan Penghayatan Islam

Hakikat yang jarang difahami oleh kebanyakan orang bukan Islam termasuklah rakyat Malaysia daripada pemeluk agama yang lain, bahwasanya Islam adalah cara hidup (*way of life*) yang mencakupi semua bidang kehidupan. Islam bukan setakat upacara ibadat pemujaan Tuhan di masjid dan tempat-tempat khusus pada masa-masa tertentu sahaja. Sebaliknya Islam mengatur segala aspek kehidupan manusia sebarang waktu secara individu dan kolektif yang boleh dikelompokkan ke dalam tujuh bidang aktiviti seperti berikut:

1. kepercayaan dan keimanan: percaya kepada Tuhan yang Esa, para Rasul utusan Allah, Kitab Allah, para Malaikat, pembalasan muktamad di akhirat, dan Allah sebagai penentu segala perolehan manusia, yang semuanya terletak dalam hati dan dijelmakan dalam ucapan dan perbuatan
2. upacara ibadat khusus: setiap hari lima kali solat, setiap minggu solat Jumaat, berpuasa dalam bulan Ramadan dan mengeluarkan zakat atas harta simpanan, dan sekali seumur hidup melakukan ibadat Haji di Makkah jika mampu
3. akhlak, ikhlas dan ihsan: tingkah laku, budi bahasa, sikap adil dan saksama, kemurahan hati dalam semua bentuk perhubungan dengan manusia dan makhluk lain, dengan itu memanfaatkan segala-galanya untuk keredaan Allah semata-mata
4. muamalat iaitu segala interaksi, transaksi dan komunikasi sosial yang berkaitan dengan pendidikan, ekonomi, politik, pemerintahan, pentadbiran, perundangan, penghakiman,

pertahanan, keselamatan, diplomasi, rekreasi dan hubungan antarabangsa dilakukan dengan mematuhi hukum syariah yang diwahyukan Tuhan iaitu hukum wajib (*obligatory*), sunat (*supererogatory*), makruh (*discouraged*), haram (*forbidden*) dan harus (*permissible*) yang kebanyakannya berbentuk prinsip-prinsip dan diaplikasikan berdasarkan penentuan Majlis Fatwa menurut kesesuaian situasinya

5. muasyarat iaitu segala elemen budaya sama ada yang abstrak seperti norma, nilai, adat, pemikiran, falsafah, kesenian, dan kesusasteraan, mahupun yang konkrit seperti segala peralatan dan prasarana kehidupan, dibentuk juga dengan mematuhi hukum syariah seperti yang termaktub dalam pepatah Melayu “Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan Kitab Allah”
6. Munakahat iaitu Nikah kahwin, perhubungan kekeluargaan, persaudaraan dan pewarisan ditentukan dan dikawal juga oleh hukum syariah iaitu bahagian hukum *munakahat*
7. Jenayah iaitu perbuatan yang merosakkan dan membahayakan masyarakat, individu dan harta benda, yang dikawal dan diadili oleh hukum hudud.

Jelaslah segala aspek dan domain kehidupan manusia dikawal dan dipandu oleh hukum Syariah yang diwahyukan Tuhan dan sejauh mana umat Islam mematuohnya, sebanyak itulah mereka dikatakan sebagai menghayati Islam. Seandainya mereka tidak mematuhi hukum yang diturunkan oleh Tuhan dalam aktiviti mereka itu sedangkan hukum itu ada, maka mereka dianggap sebagai orang kafir, fasik (berdosa besar) dan zalim, seperti dalam ayat berikut (maksudnya):

...Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang yang kafir. (5:47)

...Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang yang zalim. (5:48)

...Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang yang fasik. (5:50)

Oleh itu dalam gerakan kebangkitan Islam kini umat Islam sedang berusaha untuk menerapkan semua nilai Islam dan hukum Syariah dalam ketujuh-tujuh aspek kehidupan itu. Bagi orang Islam ini ialah suatu yang sah dan absah sebagai tanggungjawab agama dan tidak seharusnya dikritik, dipersoalkan dan ditentang oleh sesiapa pun lebih-lebih lagi orang bukan Islam. Penentangan demikian tentu sekali

dianggap sebagai penentangan agama yang boleh membawa kepada konflik agama.

Keperluan dan Strategi Dialog antara Peradaban dan Budaya: Sudut Pandangan Islam-Melayu

Perkara yang juga tidak kurang kritisalnya ialah hakikat bahawa apabila orang Islam berusaha untuk menegakkan hukum Syariah dalam pelbagai interaksi sosial dan budaya dalam sebuah masyarakat yang majmuk budaya dan majmuk agama seperti Malaysia, maka tentu terdapat amalan dan penerapan hukum Syariah yang menyentuh hak dan kebebasan orang bukan Islam misalnya dalam undang-undang, pendidikan, kontrak jual beli (riba), makan minum dan sebagainya. Sebenarnya suasana demikian sudah berlaku berkali-kali dalam sejarah Islam sama ada pada zaman generasi pertama Islam di Madinah, mahupun dalam zaman Dinasti Umayyah, Abassiyah, Uthmaniyyah, Mughal dan lain-lain.

Dalam keadaan demikian beberapa strategi mesti diambil oleh kedua-dua pihak iaitu orang Islam dan bukan Islam. Strategi yang boleh diambil oleh orang Islam dan bukan Islam boleh disimpulkan seperti berikut:

- (1) Hendaklah dipatuhi sepenuhnya prinsip kebebasan beragama iaitu tiada paksaan dalam agama dan juga persetujuan untuk berbeza dalam agama yang memang amat ditekankan oleh al-Quran, misalnya dalam ayat-ayat berikut (maksudnya):

Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sudah nyata petunjuk kebenaran daripada kesesatan. Oleh itu sesiapa yang tidak mempercayai Taghut (yang menyesatkan) dan percaya akan Allah, maka ia telah berpegang kepada tali yang teguh yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (2:256)

Saya (orang Islam) tidak beribadat seperti yang anda (orang bukan Islam) beribadat. Dan anda juga tidak beribadat seperti saya beribadat Bagi anda agama anda dan bagi saya agama saya. (109:3 - 6)

Wahai manusia, Kami (Tuhan) telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbagai bangsa (*shu`uban*) dan bersuku kaum (*qaba'il*) supaya kamu saling berkenalan beramah mesra (*lita`arafu*) (bukan saling berpecahan dan bermusuhan). Sesungguhnya yang termulia antara kamu (di

Strategi Bagi Membangunkan Tamadun Malaysia

sisi Tuhan) ialah yang paling bertakwa (patuh dan tunduk kepada Tuhan) (bukan kerana keturunan dan bangsanya). Dan Allah maha mengetahui dan mendalam ilmunya (tentang apa yang benar). (49:13)

...Dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (satu bangsa, budaya dan agama), tetapi Ia hendak menguji kamu dalam (menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya dan Ia akan memberitahu kamu apa yang benar dalam apa yang kamu berselisihan itu. (5:48)

Jelas dan nyata bahawa bagi orang Islam yang ingin menegakkan kembali penghayatan Islam dalam seluruh kegiatan hidupnya, tidak boleh sama sekali melanggar perintah Tuhan supaya jangan memaksa orang bukan Islam mematuhi hukum-hukum Syariah Islam itu. Hukum itu adalah untuk mereka dan orang bukan Islam bebas memilih undang-undang dan hukum negara atau agama mereka yang sedia ada supaya keamanan dalam negara dapat diwujudkan. Juga orang bukan Islam bebas untuk mengamalkan agama dan budaya mereka sendiri.

Hal demikian juga termaktub dalam Undang-Undang Madinah (*Dustur al-Madinah*) yang dibentuk oleh Nabi Muhammad s.a.w. pada tahun 622 Masihi yang ditandatangani oleh baginda dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam iaitu orang Yahudi dan Mushrik di Madinah pada masa itu, seperti dalam sedutan berikut:

Section 1. This is a prescript (kitab) of Muhammad the Prophet to operate among the Mu'mins (Believers) and the Muslims from among the Quraish and (the people) of Yathrib (Madinah) and those who may be under them and join them, and take part in wars in their company.

Section 2. Verily they constitute a political unit (ummah) as distinct from all the other people (of the world).

Section 25. And verily the Jews of the Banu 'Aufa shall be considered as a community (ummah) along with the believers; for the Jews being their religion and for the Muslims their religion.

(Muhammad Hamidullah, 1975, *The First Written Constitution in the World: An Important Document of the Time of the Holy Prophet*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf).

2. Orang Islam dan bukan Islam harus mengelakkan tiga gejala buruk yang memang ditegah oleh al-Quran (dan ajaran agama dan etika kemanusiaan sejahtera umumnya) dalam usaha menegakkan kembali amalan Islam di kalangan orang Islam, iaitu:
 - (i) *extremism* atau melampaui batas dan keseimbangan apabila mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan atau hukum secara ekstrem
 - (ii) *chauvinism* atau taksub apabila menganggap fikiran dan cara sendiri atau kumpulan sendiri adalah terbaik dan benar manakala fikiran orang atau kumpulan lain tidak benar dan mesti ditolak dan ditentang
 - (iii) *fanaticism* atau membuta tuli (menghampiri psikosis) dalam mengikuti dan melaksanakan sesuatu cara, pendapat dan pendekatan sendiri tanpa mempedulikan bahkan menolak sekeras-kerasnya pendapat dan cara orang lain.

Sikap dan perbuatan tersebut apabila disertai oleh sikap menekankan pendirian sendiri ke atas orang lain secara paksaan, kekerasan dan militan boleh membawa kepada konflik dan pertumpahan darah. Malangnya dalam sebarang agama, organisasi dan kumpulan, sentiasa ada segelintir manusia yang bersifat ekstremis, cauvinis dan fanatic. Dalam sejarah Islam dua daripada empat orang Khalifah al-Rashidin iaitu Sayidina Uthman r.a. dan Sayidina Ali r.a. telah dibunuh oleh kumpulan ekstremis yang mengaku beragama Islam. Dalam zaman ini manusia demikian walaupun kecil dari segi bilangannya boleh mengakibatkan kesan yang besar kerana adanya senjata dan peralatan canggih dengan bahana dan malapetaka yang besar. Seorang fanatic dan psikosis boleh melepaskan bom gergasi (mungkin juga nuklear) yang boleh memusnahkan seluruh penduduk sebuah bandar atau negara tanpa mengira kanak-kanak, wanita dan orang awam, sedangkan perbuatan demikian ditegah oleh semua ajaran agama dan etika kemanusiaan, lebih-lebih lagi Islam yang amat menyantung tinggi nyawa manusia dan hidupan, menganjurkan kehidupan sederhana, seimbang, penuh keadilan, kemurahan dan kebaikan.

Oleh itu musuh yang paling merbahaya pada zaman ini kepada semua kumpulan agama, budaya dan negara bangsa ialah kumpulan ekstremis, cauvinis, fanatic dan militan ini yang secara kelompok kini dinamakan teroris.

Kumpulan ini walaupun kini banyak dikaitkan dengan pengikut Islam, tetapi sebenarnya merentasi agama, budaya dan negara bangsa. Pembunuhan Indira Ghandi (1984) ialah puak pelampau Sikh yang

Strategi Bagi Membangunkan Tamadun Malaysia

menjadi pengawal peribadinya. Pembunuhan Rajiv Ghandi ialah puak pelampau Tamil Tigers Sri Lanka. Pembunuhan Yitzhak Rabin Perdana Menteri Israel ialah kumpulan pelampau ultra-orthodox Yahudi, pembersihan etnik penduduk Islam di Bosnia dilakukan pelampau Orthodox Kristian Yugoslavia. Pengeboman Federal Building di Oklahoma Amerika Syarikat ialah pelampau ultra-kanan kulit putih, pencetusan rusuhan berdarah Hindu-Muslim di Gujarat India oleh puak pelampau agama Hindu dan Islam, dan berbagai-bagai lagi.

Al-Quran dengan jelas mengutuk sikap dan perbuatan ekstremis, cauvinis, fanatic, militan dan teroris seperti yang diisyaratkan oleh ayat-ayat berikut (maksudnya):

... Sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang menjustifikasi pembunuhan itu (seperti hukuman balasan bunuh atas kelakuannya membunuh orang lain) atau kesalahan melakukan kerrosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia seluruhnya, dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup seluruh manusia... (5:32).

Demikianlah Kami jadikan kamu semua (Muslim) sebagai umat pertengahan/seimbang (*ummatan wasatan*) supaya kamu boleh menjadi saksi kepada seluruh manusia (2:143).

... Bertolong-tolonglah sesama kamu dalam membuat kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan... (5:2).

Wahai orang Mukmin, hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan dan menjadi saksi atas nama Allah (tentang kebenaran) walaupun terhadap kamu sendiri atau ibu bapa dan kerabatmu... (4:135).

Dan hamba-hamba Tuhan Maha Pemurah ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun dan apabila orang yang jahil (tiada pendidikan dan tanpa adab) mengata-ngata mereka (secara biadab), mereka mengucapkan salam (dan meninggalkan orang jahil itu) (25:63).

3. Orang Islam dan bukan Islam seharusnya sentiasa berdialog dan berinteraksi dengan pengamal agama dan budaya yang lain terutama sekali sesama warga negara dengan agama dan budaya yang majmuk. Islam sebenarnya sebagai sebuah peradaban sejak zaman generasi pertama lagi sentiasa mengamalkan sikap inklusif iaitu mengintegrasikan semua agama dan budaya yang ada dalam

negaranya sebagai satu komuniti atau ummah, bukan memencarkan dan memulaukan mereka itu, seperti yang dibuktikan oleh Fasal 2 dan 25 Undang-Undang Madinah yang dipetik di atas. Juga dalam pelaksanaan segala hukum Syariah dalam aspek muamalah (interaksi sosial), muasyarah (interaksi budaya) dan jenayah dalam masyarakat yang jamak budaya dan agama, sudah tentu akan menyentuh komuniti bukan Islam juga. Maka dalam hal demikian sesi-sesi dialog, penerangan dan perbincangan tentang pelaksanaan hukum Syariah perlu dilakukan seluas-luasnya. Dalam sesi-sesi berkenaan beberapa etika dialog atau adab berbeza pendapat (*adab al-ikhtilaf*) harus dipatuhi, iaitu:

- (i) menerima pluralisme agama dan menghormati perbezaan pendapat sebagai lumrah di kalangan manusia yang berbeza-beza latar belakang budaya, agama, suku bangsa dan puak-puaknya (seperti yang diakui sendiri oleh al-Quran 49:13 di atas)
- (ii) mengelakkan cemuhan budaya dan agama yang lain (*cultural and religious ridicule*) dan menyerahkan kepada Tuhan untuk menentukan kebenaran yang muktamad, seperti juga yang dianjurkan oleh al-Quran (maksudnya):

Anda tidak bertanggungjawab tentang kesalahan yang kami lakukan, dan kami tidak bertanggungjawab tentang kesalahan yang anda lakukan. Katakanlah bahawa Tuhan akan menghimpunkan kita semua (pada hari Kiamat), kemudian memutuskan perselisihan antara kita dengan kebenaran. Dan Dialah Tuhan yang Maha Pengadil yang Maha Mengetahui. (34:25-26)

- (iii) bersopan santun dan berbudi bahasa yang baik dalam berdialog seperti juga yang dianjurkan oleh al-Quran, iaitu (maksudnya):

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. (16:125)

Maka hendaklah anda berkata kepadanya (para pendengar) dengan kata-kata yang lemah lembut (*layyina*), semoga dengan demikian ia akan sedar dan insaf. (20:44)

- (iv) mengelakkan relativisme dan sinkretisme dalam agama walaupun menerima pluralisme dalam agama. Relativisme dalam agama ialah pendirian yang beranggapan bahawa kebenaran adalah relatif dan setiap agama mempunyai elemen kebenaran oleh itu semua agama adalah sama. Bagi orang Islam kebenaran atau hak adalah mutlak iaitu Tuhan Yang Maha Esa dan kebenaran terletak di dalam ilmu dan hukum yang diturunkan oleh Tuhan Yang Maha Esa iaitu al-Quran dan mesti dilaksanakan tanpa kompromi seperti yang termaktub di dalam ayat-ayat al-Quran, 5:44, 46, 47 di atas.

Oleh yang demikian dalam hal amalan dan pegangan agama khususnya yang berkaitan dengan akidah (*faith*), ibadah (*formal rituals*) dan hukum-hakam, kita mesti bersetuju untuk berbeza, iaitu “Bagi anda agama anda, dan bagi saya agama saya” (al-Quran, 109:6). Dalam anjuran kepada amalan dan penghayatan agama seperti itu juga implikasi daripadanya sikap atau pendirian menerima dan menghormati amalan agama lain yang berbeza-beza yang tercakup dalam prinsip kebebasan beragama dan pluralisme agama.

Akibat daripada ketiadaan relativisme dalam agama yang berkaitan dengan akidah, ibadah dan hukum-hakam, maka tidak ada juga sinkretisme dalam agama iaitu sikap, pendirian dan aktiviti mengasimilasi elemen-elemen agama yang lain khususnya dalam aspek-aspek akidah, ibadah dan hukum-hakam tersebut.

Oleh itu, untuk mengelakkan perselisihan dan konflik yang berpanjangan dan tidak akan sampai kepada titik pertemuan dan persetujuan, maka dialog tentang perbezaan akidah, ibadah dan hukum-hukum yang berkaitan dengan aspek-aspek itu mestilah diketepikan.

- (v) Menekankan titik persamaan yang sepunya dan universal dalam agama dan budaya terutama sekali dalam aspek moral, etika, kekeluargaan, kebajikan, pembangunan kemanusiaan, ekonomi, sains dan teknologi. Dalam Islam ciri-ciri yang universal boleh dikenal pasti dalam prinsip pegangan berikut (lihat Osman Bakar, 1997:8, Chandra Muzaffar dan Gan Teik Chee dalam Osman Bakar & Cheng Gek Nai (ed.), 1997: Chapter 8 & 9):
- (a) Nenek moyang yang sama iaitu Adam dan Hawa (*common human ancestry*)
 - (b) Kemanusiaan sejagat (*common humanity*)

- (c) Kebaikan fitrah kejadian manusia sejagat (*universal innate goodness of man*)
- (d) Anugerah sejagat daripada Tuhan kepada umat manusia (*universality of Divine favours to the human race*)
- (e) Hikmah dalam kepelbagaiannya bangsa dan budaya manusia (*the wisdom of ethnic and cultural pluralism*)
- (f) Kerjasama antara budaya untuk memenuhi kebaikan bersama bagi semua manusia
- (g) Keadilan sejagat bagi semua manusia
- (h) Tanggungjawab bersama dalam menjaga alam sekitar
- (i) Kesamaan gender dalam pengabdian kepada Tuhan dan ganjaran-Nya
- (j) Institusi kekeluargaan dan penghormatan tehadap orang tua yang kukuh
- (k) Nilai-nilai moral yang murni dan sejagat misalnya baik hati, berhemah tinggi, hormat-menghormati, keadilan, keberanian, kebenaran, kebersihan fizikal, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, rasional, dan semangat bermasyarakat.

Elemen nilai murni yang universal dalam Islam itu dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran seperti yang tertera dalam ayat-ayat berikut (maksudnya):

Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan Penjagamu, yang mencipta kamu bermula daripada satu orang (Adam), kemudian menjadikan daripadanya pasangannya (Hawa), dan menjadikan daripada kedua-duanya keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta-minta dengan nama-Nya. Dan hormatilah rahim (ibu yang melahirkan kamu), kerana sesungguhnya Allah sentiasa mengawasi kamu.

(Surah al-Nisa' (4):1)

Katakanlah (wahai orang yang beriman) kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami (al-Quran), dan kepada apa yang diturunkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Ishak, dan Nabi Ya'kob serta anak-anaknya, dan juga apa yang diberikan kepada Nabi Musa (Torah), dan Nabi Isa (Injil), dan kepada apa yang diberikan kepada Nabi-Nabi daripada Tuhan mereka, kami tidak membeza-bezakan antara seorang daripada mereka. Dan kami semua ialah orang Muslim.

(Surah al-Baqarah (2):136)

Strategi Bagi Membangunkan Tamadun Malaysia

Kami (Tuhan) tidak mengutuskan kamu (Muhammad) melainkan untuk seluruh manusia (*kaffatan li-nnas*), sebagai Pesuruh yang membawa berita gembira dan juga pemberi peringatan, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengertinya.

(Surah Saba' (34):28)

Sesiapa yang beramal soleh (berbuat kebajikan) daripada lelaki dan perempuan sedang dia beriman, maka Kami (Tuhan) akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik , dan Kami akan membalasnya dengan yang lebih baik daripada apa yang telah dikerjakannya.

(Surah al-Nahl (16):97)

Wahai orang Mukmin, hendaklah kamu menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan dan menjadi saksi atas nama Allah (tentang kebenaran) walaupun terhadap kamu sendiri atau ibu bapa dan kerabat kamu...

(Surah al-Nisa' (4):135)

...Bertolong-tolonglah sesama kamu dalam membuat kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan....

(Surah I-Ma'idah (5):2)

...Namun, seandainya kamu memaafkan dan tidak memarahkan mereka serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Tuhan juga akan bersikap demikian terhadap kamu), sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Penyayang.

(Surah al-Taghabun (64):14)

Dan apabila mereka (Muslim) mendengar perkataan yang sia-sia, mereka berpaling daripadanya sambil berkata "bagi kami amal kami, dan bagi anda semua pula amal anda, selamat tinggal kepada anda, kami tidak mendampingi orang yang jahil."

(Surah al-Qasas (28):55)

Wahai orang Mukmin, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Hendaklah kamu berlaku adil, kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa...

(Surah al-Ma'idah (5):8)

Dan hamba-hamba Tuhan Maha Pemurah ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun dan apabila orang yang jahil (tiada pendidikan dan tanpa adab) mengata-ngata mereka (secara biadab), mereka mengucap salam (dan meninggalkan orang jahil itu).

(Surah al-Furqan (25):63)

Kesimpulan

Daripada perbincangan dan petikan ayat-ayat al-Quran di atas, jelas bahawa Islam adalah agama dan cara hidup yang mengakui dan menerima pluralisme agama dan budaya dalam masyarakat dan menolak sama sekali pertelingkahan dan permusuhan antara agama. Sebaliknya menganjurkan hidup berbaik-baik dan bersatu padu dalam satu umat dan negara bangsa. Walaupun Islam adalah agama dakwah yang menyeru manusia kepadanya, namun kaedah penyampaianya dengan cara aman damai dan dengan penuh kebijaksanaan dan hujah-hujah yang terbaik, supaya kebenaran akan mengatasi kepalsuan dan penerimaannya adalah secara suka rela.

Suasana perhubungan yang baik antara pelbagai kaum dan agama yang wujud di Malaysia kini, memberi kemungkinan amat cerah untuk mengadakan dialog antara budaya dan peradaban dengan penuh rukun dan damai. Juga, suasana demikian memberi peluang keemasan kepada kaum Muslimin untuk "mengajak semua kepada jalan Tuhanmu dengan penuh kebijaksanaan dan nasihat penyampaian yang baik, dan berbahaslah dengan mereka itu dengan hujah yang terbaik dan ramah tamah." (al-Quran, 16:125). Penyampaian dan interaksi demikian oleh kaum Muslimin dengan kumpulan budaya dan kaum yang lain, akan meningkatkan keterbukaan di kalangan mereka dan keupayaan menerangkan Islam secara rasional, waras dan penuh hikmah.

Penerangan dan dialog demikian juga boleh mengurangkan sangkaan buruk dan prejudis kaum lain terhadap Islam yang selalu diputar belit oleh propaganda Barat sebagai agama yang ekstremis, keras dan militan. Semua kaum Musimin bertanggungjawab untuk menerangkan kepada seluruh manusia seperti yang telah dibuktikan oleh al-Quran dalam ayat-ayat yang dipetik di atas, Islam adalah agama dan cara hidup yang sederhana, pertengahan, seimbang dan adil, yang menganjurkan hidup yang tenteram, rukun dan damai dengan semua orang. Seperti yang pernah ditegaskan oleh Prof. Datuk Dr Osman Bakar (1997:12):

Consequently, the civilizational identity of Islam is characterized by balance, equilibrium and justice. Various expressions of ex-

Strategi Bagi Membangunkan Tamadun Malaysia

tremism in many parts of the contemporary Muslim world are clearly not in accord with the true civilizational identity of Islam. We believe these phenomena are mere episodes in Muslim history that are peripheral to Islamic life and civilization. Understandably they have occurred as hasty and uninformed responses to the evils and injustice of the contemporary world and out of sheer ignorance and frustration. Still, they are not to be condoned for Islam clearly teaches that ends do not justify means!

Suasana jamak budaya dan agama yang ada di Malaysia kini dengan menghimpunkan elemen-elemen peradaban besar dunia iaitu peradaban Islam, Hindu, Buddha, Kristian, Barat, dan Konfusius sesungguhnya boleh membentuk situasi *mixture of cultures* dalam teori naik turun peradaban (lihat C. Quigley, 1979:146), yang boleh mencetuskan dua tahap perkembangan seterusnya iaitu *gestation* (pengeraman), dan *expansion* (peluasan), jika dapat diurus dan ditangani secara positif dan sebaik-baiknya.



RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah, 1990. *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, 1992. *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S. M. Naquib, 1976. *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, S. M. Naquib 1978. *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, S. M. Naquib, 1989. *Islam and the Philosophy of Science*, Kuala Lumpur: International Institute of Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S. M. Naquib. *The Concept of Education in Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S. M. Naquib. *The Meaning and Experience of Happiness*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, S. M. Naquib, 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Mawardi, Imam, 2000 (terj.). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah fi al-Wilayah al-Diniyyah*, terjemahan Fadhl Bahari, *Prinsip-Prinsip Penyelenggaraan Negara Islam*, Jakarta: Darul Falah.
- Al-Ghazali, 1964. *Kimiya al-Sa'adah/Alchemy of Happiness*, tr. C. Field, Lahore: Ashraf.
- A. Aziz Deraman, 2000. *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Maysia: Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Ishak, Haji, 1992. *Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Pusat Islam.
- Ahmad, Manzooruddin, 1964. "Shura, Ijtihad and Ijma in the Early Islamic State", *University Studies*, Vol. 1. April, 1964, Karachi.
- Akbar S. Ahmad, 1988. *Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society*, New York: Routledge.
- Akbar S. Ahmad, 1992. *Postmodernism and Islam*, New York: Routledge.
- Akbar Ahmad & Hastings Donnan (eds.), 1994. *Islam, Globalization and Postmodernity*, London & New York: Routledge.

- Amin, Osman, 1966. "Some Aspects of Religious Reform in the Muslim Middle East", in Carl Leiden (ed.) *The Conflict of Traditionalism and Modernism in the Muslim World*, Austin: University of Texas.
- Ansar, A. Q., 1977. "Islamic Value in Changing World", *Islam and the Modern Age*, Vol. 8, No. 4, Nov., 1977.
- Anwar Ibrahim, 1996. *The Asian Renaissance*, Kuala Lumpur: Times Book International.
- Anwar Ibrahim, Datuk Seri, 1996. "Reconstruction of Civilization", *The New Straits Times*, July 15, 1996: 10.
- Arberry, A. J., 1964. *Aspects of Islamic Civilization*, London: Allen and Unwin.
- Aron, Raymond, 1968. *Progress and Disillusion: The Dialectic of Modern Society*, London: Pall Mall Press.
- Arsalan, Amir Shakib, n.d. *Our Decline and Its Causes*, Lahore: Ashraf.
- Asad, Muhammad, 1962. *The Principle of State and Government in Islam*, Berkeley: UC Berkeley Press.
- Asad, Muhammad, 1934/1975. *Islam at the Crossroads*, Lahore: Ashraf.
- Asahi Shinbun, 1984. *A Message to the 21st Century: Asahi International Symposium*, Tokyo: Asahi Evening News.
- Ali A. Mazrui, 1993. "Islam and the End of History", *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 10:4, 1993.
- Ali Shahrestani, S. M., 1994. "The Crisis of Contemporary Civilization and the Prospects for Salvation", *Islamic University Quarterly Academic Journal*, Vol. (1) No (2), April-June, 1994.
- Alwi Shihab, 1999. *Islam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka dalam Agama*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Andaya, B. W. & L Y. Andaya, 1982. *A History of Malaysia*: London: Macmillan.
- Arnold, T. W., 1968. *The Preaching of Islam*, Lahore: M. Ashraf Press.
- Azyumardi Azra, 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Nusantara Abad XVII dan XVIII*: Bandung: Penerbit Mizan.
- Azyumardi Azra, 1999. *Menuju Masyarakat Madani: Gagasan, Fakta, dan Tantangan*, Bandung: Rosda.
- Baloch, N. A., 1997. *Great Books of Islamic Civilization*, New Delhi: Kitab Bhavan.
- Biro Analisa Politik, 2000. *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999*, Petaling Jaya: Strategic Info Research Development (SIRD).
- Braudel, Fernand, *A History of Civilizations*, New York: Penguin Books.
- Bruinessan, Martin van, 1999. *Kitab Kuning: Pesantren dan Tarekat*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Briunessan, Martin van, 1994. *Nahdatul Ulama: Tradisi, Relasi-Relasi Kuasa, Pencarian Wacana Baru*, Yogyakarta: LKiS.

Rujukan

- Britoon, Karl, 1971. *Philosophy and The Meaning of Life*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Camiller, J.A., 1977. *Civilization in Crisis: Human Prospect in a Changing World*, Cambridge/London: Cambridge University Press.
- Chittick, W. C., 1989. *The Sufi Path of Knowledge*, Albany: State University of New York.
- Chittick, W. C., & Sachiko Murata, 1994. *The Vision of Islam*, Minnesota: Paragon House.
- Cleron, J. P., 1978. *Saudi Arabia 2000: a Strategy for Growth*, London: Croom Helm.
- Davutoglu, Ahmet, 1994. *Civilizational Transformation and the Muslim World*, Kuala Lumpur: Mahir Publication.
- Deliar Noer, 1973. *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*, Singapore/Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Drucker, Peter, 1993. *Post-Capitalist Society*, New York: Harper Business.
- Ensiklopedia Islam, 1999. Jakarta: P. T. Ichtiaar baru van Hoeve.
- Esposito, John, L., 1991. *Islam and Politics*, New York: Syracuse University Press.
- Feinberg, Gerald, 1968. *The Prometheus Project: Mankind's Search for Long-range Goals*, New York: Doubleday.
- Fauzia Barium, 1993, *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Firzly, G. S., 1973. *Ibn Khaldun: A Socio-Economic Study*, Michigan: University Microfilm.
- Fukuyama, F., 1993. *The End of History and the Last Man*, Avon Book, New York.
- Fatimi, S. Q., 1963. *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysia Publishing House.
- Gershuny, J. I., 1978. *After Industrial Society?*, London: Macmillan.
- Gorden, Alijah (ed), 2000. *The Propagation of Islam in the Indonesian-Malay Archipelago*, Hampshire/London: Macmillan.
- Greenberger, Martin (ed.), 1962. *Computers and the World of the Future*, Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Gregory, R. L. (ed.), 1987. *The Oxford Companion to the Mind*, Oxford, New York: Oxford University Press.
- Gruber, W. H. and Marquis D. G. (ed.) *Factors in the Transfer of Technology*, Cambridge, Mass.: MIT Press.
- Hall, D. G. E., 1994. *A History of South-East Asia*, London: Macmillan.
- Hamidullah, M., 1968. *Muslim Conduct of State*, Lahore: Ashraf.
- HAMKA, 1965. *Sejarah Umat Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- HAMKA, 1981. *Prinsip dan Kebijaksanaan Da'wah Islam*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.

- Hasan, Masudul, 1992. *History of Islam, Vol. I & II*, New Delhi: Adam Publication.
- Hashad, Mahmoud, 1970. *Select Bibliography on Arabic Islamic Civilization and its Contribution to Human Progress*, Kuwait: University of Kuwait.
- Hashim bin Musa, 1994. "Ethics and Civilization: Towards Conceptualisation of A Theoretical Basis for the Flowering of A Truly Humane Civilization", *Proceeding Fifth Congress of International Association for Semiotic Studies*, UC Berkeley, June 12-18, 1994.
- Hashim bin Musa, 1994. *Pengantar Falsafah Bahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim bin Musa, 1994. *Falsafah Bahasa Melayu: Beberapa Aspek Kajian*, Petaling Jaya: DJ Gemilang Sdn Bhd.
- Hashim bin Hj Musa, 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembentukan sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Huntington, S., 1995. "Democracy for the Long Haul: Keynote Address International Conference on Consolidating the Third Wave Democracy: Trend and Challenges", Taipei, August 27, 1995.
- Huntington, S., 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, New York: Simon & Schuster.
- Ibrahim bin Abu Bakar, 1994. *Islamic Modernism in Malaysia: The Life and Thought of Sayid Sheikh al-Hadi 1867-1934*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Ismail Noor & Muhammad Azaham, 2000. *The Malays: Par Excellence... Warts and All*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Ismail Raji al-Faruqi, 1982. *Islamization of Knowledge: General Principles and Workplan*, Brentwood: IIIT.
- Ismail Raji al-Faruqi, 1980. *Islam and Culture*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Ismail Raji al-Faruqi, 1982. *Tawhid: Its Implication for Thought and Life*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Ismail Raji al-Faruqi, 1983. *The Hijrah: The Necessity of Its Iqamat or Vergegenwartung*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Ismail Raji al-Faruqi, 1984. "Islam: The Civilising force", working paper in *Islamic Civilisation Seminar* Kuala Lumpur, Malaysia 18-22 May, 1984.
- Ismail Hussein, dkk, 1997. *Tamadun Melayu Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*, Bangi: Penerbit UKM.
- Iqbal, A. M. 1971. *Reconstruction of Religious Thought in Islam*, Lahore: Ashraf.

Rujukan

- Jabatan Statistik Malaysia, 2001. *Population Census of Malaysia 2000*, Kuala Lumpur: Jabatan Statistik Malaysia.
- Kennedy, Paul, 1989. *The Rise and Fall of the Great Powers*, New York: Vintage Books.
- Kennedy, Paul, 1993. *Preparing for the Twenty-first Century*, New York: Vintage Books.
- Kettani, M.A., 1988. "Science and Technology in Islam" in Ziauddin Sardar (ed.), 1988, *The Touch of Midas: Science, Values and Environment in Islam and The West*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Khaldun, Ibn, 1967. *The Muqaddimah: An Introduction to History*, tr. Franz Rosenthal, edited and abridged by N. J. Dawood, Princeton: Bollingen Series.
- Khurshid Ahmad, 1984. "Islam's Contribution to International Political Thought", working paper in *Islamic Civilisation Seminar* Kuala Lumpur Malaysia 18-22 May, 1984.
- Lapidus, Ira, M., 1995. *A History of Islamic Society*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Malik Bennabi, 1994. *The Problems of Ideas in the Muslim World* (translated from French by Mohamed T. El-Mesawi), Kuala Lumpur: ABIM.
- Malik Bennabi, 1991. *Islam in History and Society*, (reprinted), Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Manzoor, S. Parvez, 1988. "Environment and Values: The Islamic Perspective", in Ziauddin Sardar (ed.), 1988, *The Touch of Midas: Science, Values and Environment in Islam and the West*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Mohd. Affandi Hassan, 1992. *A Tawhidic Approach in Management and Public Administration: Concepts, Principles and An Alternative Model*, Kuala Lumpur: INTAN.
- Mohd. Kamal Hassan, 1982. *Muslim Intellectual Responses to "New Order" Modernization in Indonesia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Kamal Hassan, 1988. *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd. Kamal Hassan, 1996. *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society: Some Critical Observations*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Mohd Taib Osman (ed.), 1997. *Islamic Civilization in the Malay World*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusuf Kandhalvi, Maulana, 1985. *Hayatus Sahabat*, New Delhi: Idara Isharat -e- Diniyat.

- Muhammad Zakariyya Kandhalvi, Maulana, 1988. *Faza'il -e- A'maal*, Lahore: Kutub Khana Faizi.
- Muhamad Abu Bakar, 1999. "Manhaj Melayu 1900-1999", *Pemikir*, Januari – Mac 1999, Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur.
- Muhamad Abu Bakar, 1998. "Ummah dan Utopianisme", *Pemikir*, Julai – September, 1995, Utusan Melayu Press, Kuala Lumpur.
- Muhammad Yusuf Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murata, S. & W. Chittick, 1994. *Vision of Islam*, Minnesota: Paragon House.
- Nadwi, Abul Hassan Ali, 1943/1980. *Religion and Civilization*, Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- Nadwi, Abul Hassan Ali, 1967. *Islam and the Modern World*, Lahore: Ashraf.
- Nadwi, Abul Hassan Ali, 1969. *Western Civilization, Islam and Muslims*, Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- Nagata, Judith, 1984. *The Reflowering of Malaysian Islam*, Vancouver: University Of British Columbia Press.
- Nasr, S.H., 1968. *Science and Civilization in Islam*, Cambridge, Mass.: Harvard University Press.
- Nasr, S. H., 1975. *Islam and the Plight of Modern Man*, London/New York: Longman.
- Nasr, S. H., 1993. *A Young Muslim's Guide to the Modern World*, Chicago: Kazi Publications.
- Nasr, S. H., 1993. *Islam and the Challenge of the 21st Century*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar, 1997. *Islam and Civilizational Dialogue*, Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Panitia Seminar Sedjarah Masuknya Islam ke Indonesia, 1963. *Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia*, Medan: Panitia Seminar.
- Pecci A., & D. Ikeda, 1987. *Before It is Too Late*, Tokyo: Kodansha International.
- Prince of Wales, H. R. H, The, 1993. *Islam and the West*, Oxford: Oxford Centre for Islamic Studies.
- Quigley, C., 1979. *Evolution of Civilizations*, Indianapolis: Liberty Press.
- Roff, W. R., 1967. *The Origins of Malay Nationalism*, Singapore: University of Malaya Press.
- Roberts, J. M., 1992. *The Penguin History of the World*, Penguin Books, London.
- Sardar, Ziauddin, 1979. *The Future of Muslim Civilization*, London: Croom Helm.
- Sardar, Ziauddin, 1988. *The Touch of Midas: Science, Values and Environment in Islam and the West*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

Rujukan

- Schweitzer, Albert, 1923/1955. *Civilization and Ethics*, London: Adam & Charles Black.
- Shahril Talib & Muhammad Raduan Mohd Ariff, 1997. "Economic Life: from Ruling the Waves to toling the Land", in Mohd Taib Osman (ed), 1997, *Islamic Civilization in the Malay World*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stern, Alfred, 1971. *The Search for Meaning: Philosophical Vistas*, Memphis: Memphis State University Press.
- Taufiq Muhammad al-Syaqawi, 1992. *Fiqhu al-Syura wa al-Istisyarah, Qahirah: Dar al-Wafa'*, terjemahan Djamaluddin Z. S., 1997, *Syura Bukan Demokrasi*, Jakarta: Gema Insani Press.
- Taylor, G. R. 1972. *Rethink*, Bucks: Pelican Book.
- Toffler, A., 1980. *The Third Wave*, New York: Bantan Book.
- Toffler, A., 1990. *Power Shift*, New York: Bantan Book.
- Toffler, A., 1995. *Creating A New Civilization: The Politics of the Third Wave*, Atlanta: Turner Publishing Inc.
- Toynbee, A., & D. Ikeda, 1976. *Man Himself Must Choose*, Tokyo: Kodan-sha International.
- Uthman El-Muhammady, M., 1976. *Peradaban dalam Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Uthman El-Muhammady, M., 1977. *Memahami Islam, Ilmu, Insan dan Kebudayaan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, 1998. *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Watt, W. M., 1972. *The Influence of Islam on Medieval Europe*, Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Za'ba (Zainal 'Abidin bin Ahmad), 1982. *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.